

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 9	Isnin	8 Julai 2013
---------------	--------------	---------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 27)
USUL-USUL:	
Menarik Balik Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62	(Halaman 1)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 27)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong)</i>	(Halaman 28)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Isnin, 8 Julai 2013
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

USUL

**MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG
DI BAWAH P.M. 62**

10.04 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon untuk menarik balik (DR1/2013) Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2013, (DR3/2013) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 dan (DR2/2013) Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013 yang dijadualkan di nombor dua, tiga dan empat dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan bilakah mekanisme "*Fuel Cost Pass-Through*" akan dilaksanakan oleh TNB dalam usaha mencerminkan keadaan sebenar kos bahan api.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan dari Yang Berhormat Simpang Renggam dan juga untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa soalan Yang Berhormat Simpang Renggam ialah bilakah mekanisme *Fuel Cost Pass-Through*, dengan izin, akan dilaksanakan oleh TNB dalam usaha mencerminkan keadaan sebenar

kos bahan api. Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Tenaga sedang dalam proses melaksanakan penetapan kadar tarif elektrik berdasarkan *incentive based regulation* (IBR), dengan izin, atau kawal selia berdasarkan insentif. IBR merupakan salah satu daripada pendekatan yang diguna pakai untuk menggalakkan utiliti untuk beroperasi dengan lebih cekap menerusi pemberian insentif dan kenaan penalti sekiranya gagal mencapai *target* prestasi yang ditetapkan dan seterusnya diharap akan menurunkan kos operasi syarikat.

Mekanisme pelepasan kos bahan api, *Fuel Cost Pass-Through*, dengan izin, merupakan salah satu komponen di bawah IBR dan ianya dijangka mula dilaksanakan pada tahun 2014. Melalui penggunaan mekanisme ini, sebarang perubahan harga barang api akan disalurkan terus kepada pengguna. Sekiranya berlaku penurunan harga bahan api, pihak utiliti akan memulangkan sebarang penjimatan kos bahan api kepada pengguna melalui penurunan harga tarif. Dalam melaksanakan prinsip mekanisme ini, kerajaan juga akan mengambil kira keadaan ekonomi semasa negara dan prestasi kewangan utiliti supaya pada akhirnya tidak akan membebankan golongan rakyat. Terima kasih.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya, kita lihat negara-negara di rantau Asia ini juga banyak menggunakan mekanisme-mekanisme *Fuel Cost Pass-Through*. Adakah kita juga punya sama dengan mereka dan saya tak tahu dan juga kita lihat bil elektrik kita setiap kali ada jelas menyatakan subsidi yang dibayar oleh kerajaan. Saya juga difahamkan kos minyak IPP ini kalau meningkat lebih daripada satu nilai, ia akan ditanggung oleh TNB. Adakah ia benar dan apakah nilai itu. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan dari Yang Berhormat Simpang Renggam, bila disebut mengenai dengan *Fuel Cost Pass-Through* kepada pengguna, kerajaan telah mengambil kira beberapa faktor yang ada kaitan dengan kehidupan dan ekonomi masyarakat.

■1010

Jadi dalam kes ini, yang pertamanya kerajaan telah memberi pengecualian kepada pengguna domestik yang penggunaan elektriknya tidak melebihi 200 kilowatt sebulan dengan harga yang telah ditetapkan iaitu 21.8 sen bagi satu *kilowatt per hour* sejak tahun 1997 sehinggalah sekarang ini tidak pernah berubah. Satu lagi yang diluluskan oleh kerajaan ialah penggunaan bil elektrik yang bilnya tidak sampai RM20, yang itu diberi secara percuma. Jadi dalam hal ini kerajaan mengambil kira kedua-dua kumpulan sasaran ini dan satu lagi yang disebut oleh Yang Berhormat Simpang Renggam iaitu yang berkaitan dengan kos minyak IPP yang meningkat lebih daripada satu nilai. Sememangnya kos bahan api adalah merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan daripada segi kenaikannya sebab di Semenanjung, kita menggunakan arang batu, gas dan juga sedikit daripada *power hydro*.

Jadi sebarang kos bahan api akan ditanggung oleh pihak TNB secara *pass through cost*. Harga bahan api pada masa ini untuk gas adalah ditetapkan oleh kerajaan manakala harga bahan api untuk arang batu dan diesel adalah pada harga pasaran semasa.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [Bangun]

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [Bangun]

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, elektrik adalah satu keperluan asas kehidupan rakyat. Kita lihat hari ini di antara punca beban rakyat ialah apabila meningkatnya kos elektrik punca daripada bacaan meter dua bulan sekali. Jadi kenapa perkara ini dilaksanakan sehingga menyebabkan pengguna-pengguna terpaksa menanggung kos berganda. Begitu juga saya ingin tahu berapa kos subsidi yang telah diberi oleh kerajaan kepada IPP setiap tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi yang pertamanya menjawab soalan mengenai dengan bil dua bulan sekali. Saya tak pasti Yang Berhormat Rantau Panjang mengenai dengan bil yang telah ditetapkan bacaannya pada dua bulan sekali. Akan tetapi seperti yang saya nyatakan tadi bahawa bagi masyarakat di kampung ataupun di luar bandar yang bacaan bilnya yang tidak melebihi daripada 200 kilowatt, itu telah ditetapkan dengan harga 21.08 sen. Jadi, dia tidak ada kenaikan daripada tahun 1997. Kalau ada kenaikan, itu yang melebihi daripada 200 *kilowatt per hour* ini, harga yang ditetapkan oleh kerajaan adalah pada 33 sen. Jadi yang 200 kilowatt ke bawah ini 21.08 sen dan seperti yang saya nyatakan tadi bagi yang bil di bawah RM20 memang tak kena bayar.

Untuk jawapan kepada soalan mengenai dengan kerajaan membayar kepada IPP, sebenarnya tidak ada pembayaran subsidi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Rantau Panjang. Terima kasih.

2. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada peruntukan hampir RM27 juta untuk tempat pelupusan sampah Sungai Wangi, Manjung, Perak hanya untuk membina satu menara sampah atau masih ada kerja-kerja lain yang belum dibuat dan apakah langkah-langkah lain diambil untuk mengatasi masalah baki sampah di tempat pelupusan tersebut.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Beruas, tapak pelupusan sedia ada di Sungai Wangi, Manjung, Perak adalah tapak bertaraf *dump site* dengan izin milik Majlis Perbandaran Manjung (MPM) yang telah

beroperasi sejak 1985 dan selaras dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh daripada 2011 dan 2015 untuk menyediakan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memperuntukkan sebanyak RM26.1 juta untuk membantu Majlis Perbandaran Manjung mengubah atau *transform* dengan izin kepada tapak pelupusan tahap tiga iaitu tapak pelupusan sanitari dengan peredaran semula larut resapan bagi menangani masalah alam sekitar dan kesihatan awam akibat pencemaran udara, bau dan terutamanya air larut resap ataupun licin.

Selain itu, tapak pelupusan sanitari ini juga akan menyumbang kepada komitmen kerajaan untuk mengurangkan 40% daripada *green house gasses* (GSG), dengan izin menjelang tahun 2020 dan bukanlah untuk membina menara sampah seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat. Projek naik taraf tapak pelupusan Sungai Wangi akan dapat mengatasi isu pencemaran alam sekitar. Ini kerana tahap *effluent* reka bentuknya mematuhi standard pelepasan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar di samping kaedah *waste tipping* yang lebih sistematik mengikut prosedur standard operasi ataupun SOP yang ditetapkan. Tapak ini juga akan dilengkapi dengan perkara-perkara berikut;

- (i) Pembinaan jalan keluar masuk ke tapak dan dalam kawasan operasi tapak pelupusan,
- (ii) Pembinaan kolam takungan sedimentasi sementara,
- (iii) Pembinaan sistem perparitan bagi menghalang air permukaan masuk ke dalam sel dan;
- (iv) Menutup selamat kawasan sisa pepejal sedia ada dengan membentuk semula profil sampah dan membina cerun yang stabil.

Kerja-kerja penanaman rumput secara *close turfing* dengan izin telah dibuat bagi mengelakkan hakisan pada cerun yang dibina. Apabila kerja menaik taraf tapak ini siap sepenuhnya, ia berupaya untuk menampung sisa pepejal dari kawasan Manjung untuk tempoh lima tahun lagi. Langkah menaik taraf tapak ini adalah langkah interim sementara menunggu tapak pelupusan sanitari di Teluk Mengkudu dibina dan apabila tapak pelupusan sanitari di Teluk Mengkudu siap, tapak pelupusan di Sungai Wangi akan ditutup selamat dan semua sisa pepejal akan dilupuskan di Teluk Mengkudu. Proses menutup selamat sebahagian tapak pelupusan Sungai Wangi dijangka siap sepenuhnya pada penghujung bulan Julai 2013. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, projek ini tidak menyelesaikan masalah bau dari kawasan sampah ini yang sudah penuh melimpah. Soalan saya ialah kenapakah kerajaan tidak melaksanakan pelan asal yang telah saya bangkitkan 2004 dan diberi jawapan kawasan pelupusan sampah Sungai Wangi ini akan ditutup dan dipindah ke Teluk Mengkudu yang akan makan belanja lebih kurang RM5 juta pada masa itu. Jadi, dengan belanja RM26.1 juta ini, masalah tidak selesai kerana bau busuk senantiasa mengerumuni kawasan pekan Setiawan dan saya nak tahu bilakah kerajaan dan bagaimanakah

kerajaan hendak menyelesaikan masalah? Ini kerana saya diberitahu pada masa sekarang ini tidak ada peruntukan untuk projek Teluk Mengkudu ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya Yang Berhormat dari Beruas. Tuan Yang di-Pertua, soalan tentang sampah yang mengeluarkan bau itu adalah satu fakta iaitu tidak boleh lari daripada fakta yang mana semua sampah mengeluarkan bau. Tidak ada sampah yang tidak mengeluarkan bau, itu adalah fakta.

Jadi, persoalannya sekarang ialah Yang Berhormat Beruas meminta supaya kita terus membuat tapak pelupusan sampah yang baru. Sebenarnya itu tidak berkemungkinan boleh dibuat, Tuan Yang di-Pertua kerana sampah daripada Majlis Perbandaran Manjung itu sentiasa ada.

Jadi, apa yang kita buat ialah tapak pelupusan sampah di Sungai Wangi itu ditutup selamat setengah daripadanya untuk mengurangkan bau tadi kemudian setengah lagi diurus dengan cara yang lebih sistematik dan dibina sel-sel yang baru supaya dibuat secara sanitari dan selepas itu nanti Teluk Mengkudu dibina sementara kita membuat pengubahsuaian di kawasan pelupusan sampah Sungai Wangi. Kalau kita tutup Sungai Wangi secara mendadak, di mana kita nak buang sampah dari Manjung ini dan ini akan menjadi masalah Yang Berhormat dari Beruas. Oleh sebab itu, tujuan kerajaan ialah untuk menutup selamat sebahagian daripada kawasan ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, sudah sembilan tahun, sejak tahun 2004,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Beruas, ini peraturan Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ya, saya nak dapat penjelasan. Bukan minta ditutup tiba-tiba, sejak tahun 2004 saya sudah bangkitkan isu ini. Sudah sembilan tahun.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Ya. Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, RM26 juta kita belanja untuk Manjung. Itu satu perbelanjaan yang cukup besar dan kita telah mengatakan bahawa Teluk Mengkudu akan dibina dan kajian sekarang dalam tahap kajian terperinci alam sekitar atau *in detail environmental impact assessment*, Tuan Yang di-Pertua dan *Insya-Allah* Manjung di bawah kawasan Beruas walaupun kawasan Pembangkang akan kita bina satu tapak pelupusan yang terbaik untuk orang-orang Manjung [*Tepuk*] bagi memastikan rakyat di Malaysia tidak kira dari kawasan Barisan ataupun Pakatan dapat dijaga dengan baik oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [*Bangun*]

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Kuala Kangsar, sila.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini tak boleh macam ini. Yang Berhormat Beruas, tak boleh macam ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tadi dia cakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Peraturan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kita dah sediakan. *Insyallah*.

■1020

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa banyak kaedah-kaedah dan juga sistem-sistem pelupusan sampah dan juga sisa-sisa bahan-bahan pepejal. Jadi, Yang Berhormat Kuala Kangsar ingin bertanya, apakah teknologi-teknologi baru dan juga sistem-sistem yang terbaik untuk mengurangkan dan mengawal masalah pencemaran bau yang boleh menjejaskan kesihatan awam dan juga alam sekitar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Terima kasih. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Ahli Yang Berhormat. Kita mempunyai beberapa kaedah yang lain selain daripada hanya pelupusan sampah secara *sanitary*. Kita sedang menimbangkan beberapa perkara, beberapa teknologi baru. Sudah tentu *incinerator*, *mass burn incinerator* Tuan Yang di-Pertua, *stoker*, dengan izin, adalah salah satu daripada cara untuk kita melupuskan sampah.

Kemudian kita ada lagi *circularized fluidized bed* ataupun *mass burn incinerator* secara haba, pengolahan haba, dengan izin dan banyak lagi *rotary kiln*, *plasma gasification*, dengan izin, dan beberapa lagi teknologi-teknologi yang lain. Akan tetapi sudah tentu teknologi-teknologi ini akan memakan belanja yang besar Tuan Yang di-Pertua. Kita akan mengikut kaedah persekitaran di kawasan-kawasan tertentu.

Sudah tentu kalau yang paling senang ialah *incinerator* yang akan kita bina seperti yang akan kita bina di Taman Beringin yang sedang kita cadangkan dalam mana proses *engagement public* sedang dilakukan oleh Jabatan Pengurusan Sistem Pepejal Negara yang akan kita bina dalam masa terdekat untuk Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Beruas, bajet untuk projek pelupusan sampah yang akan dibina di Teluk Mengkudu itu sudah di tentukan. Sekarang ini seperti mana yang saya katakan tadi, dalam proses negosiasi alam sekitar dan selepas ini projek ini akan dijalankan, *insya-Allah* pada tahun 2014. Dalam masa dua tahun kawasan Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat menjadi Ahli Parlimen, akan mendapat hadiah besar daripada Kerajaan Barisan Nasional, pelupusan sampah. Terima kasih.

3. Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan sedar pada tahun 2011 Kerajaan Pusat telah mengarahkan kajian fisibiliti (*feasibility study*) dilaksanakan tentang pembinaan sebuah lapangan terbang baru di Lahad Datu dengan perbelanjaan RM10 juta. Kerajaan Negeri Sabah telah menyediakan tapak untuk tujuan pembinaan lapangan terbang berkenaan di kawasan Silabukan, seluas lebih kurang 800 ekar. Apakah hasil dan keputusan kajian berkenaan dan mengapakah hasil kajian itu tidak didedahkan kepada umum.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamuallaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Silam serta makluman untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, satu kajian *feasibility study* telah dilaksanakan untuk mengkaji cadangan pembinaan sebuah lapangan terbang baru di Lahad Datu dan telah disiapkan pada 30 Jun 2012 dengan kos hanya RM3.03 juta.

Kajian *feasibility study* ini adalah inisiatif kerajaan yang dibuat untuk mempertingkatkan sosioekonomi penduduk Lahad Datu dan wilayah berhampiran. Pihak perunding telah membentangkan laporan akhir kajian tersebut pada Kementerian Pengangkutan pada 22 Oktober 2012. Inti pati daripada kajian ini adalah terdapat keperluan untuk mewujudkan sebuah lapangan terbang yang baru di Lahad Datu bagi menggantikan lapangan terbang sedia ada.

Walau bagaimanapun dengan perkembangan baru ini, peristiwa pencerobohan penganas di Lahad Datu pada bulan Mac 2013, pihak kerajaan sedang membuat pertimbangan yang melibatkan aspek-aspek keselamatan dan ketenteraan untuk pembinaan Lapangan Terbang Lahad Datu ini.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu atau Yang Berhormat bersetuju kah dengan saya bahawa apabila kerajaan membuat penilaian untuk melaksanakan projek-projek mega ataupun projek-projek yang bernilai tinggi, adalah tidak sesuai kerajaan menggunakan justifikasi semata-mata untung ruginya projek itu. Sebab apa yang merugikan sekarang ataupun projek yang tidak menguntungkan pada masa ini mungkin dalam masa selepas projek itu dilaksanakan ia akan membawa impak yang tinggi pada sosial dan ekonomi. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan pendapat saya ini?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Pihak kerajaan bersetuju dengan pandangan tersebut, maka sebab itu penerbangan ke Lahad Datu sebenarnya di bawah program *rural air service* iaitu penerbangan yang diberi subsidi oleh pihak kerajaan. Tujuan *rural air service* ini adalah untuk membangunkan ekonomi luar bandar dan merapatkan jurang sosioekonomi di antara bandar dan luar bandar dan mengurangkan kadar kemiskinan antara bandar dan luar bandar dan mewujudkan alternatif kepada penerbangan *charter* yang mahal. Seterusnya, memastikan kelancaran aktiviti harian penduduk luar bandar.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang diberi oleh kementerian tidak memuaskan hati kerana perkara ini sudah lebih kurang 10 tahun kita dengar jawapan seperti ini. Jadi, sekarang penumpang-

penumpang yang ingin ke Lahad Datu mereka ini menggunakan MasWings. Sedangkan MasWings berapa banyak penumpang. Pada ketika ada pencerobohan di Lahad Datu banyak penumpang-penumpang atau pegawai-pegawai tentera, polis, terpaksa pergi ke Tawau dahulu.

Jadi, kita minta janganlah kerajaan mempertimbangkan mengenai untung rugi seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Silam tadi. Jadi, saya ingin bertanya sebab saya tidak mahu berulang kali lagi mungkin Pilihan Raya Umum ke-14 ada lagi soalan begini berlaku. Jadi, kita mahu tahu bila lapangan terbang ini boleh dipanjangkan dan *Boeing* boleh mendarat di Lahad Datu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kajian ini adalah inisiatif kerajaan dan ianya memang telah diputuskan dalam kajian memang ada keperluan untuk mewujudkan lapangan terbang yang baru. Seperti yang saya sebutkan tadi, pihak Kementerian Pengangkutan dalam proses perbincangan dengan Kementerian Pertahanan pada ketika ini bagi menentukan keseluruhan skop-skop yang menggabungkan keperluan sivil dan ketenteraan untuk pembinaan lapangan terbang yang baru ini.

Setelah skop projek Lapangan Terbang Lahad Datu ini dipersetujui oleh pihak kedua-dua kementerian, ianya akan dikemukakan untuk peruntukan.

4. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta Menteri Pertahanan menyatakan tentang tahap keselamatan dan kesihatan di kem-kem PLKN:-

- (a) jumlah kes kehilangan barangan peserta-peserta dalam kem, jumlah kes pecah masuk kem oleh orang luar dan berapa banyak kes gaduh antara peserta telah dilaporkan; dan
- (b) jumlah peserta yang dijangkiti oleh virus dan apakah puncanya.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Program Latihan Khidmat Negara atau PLKN adalah dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan prasarana yang disediakan oleh pengusaha-pengusaha kem. Bagaimanapun tanggungjawab melibatkan keselamatan dan kesihatan pelatih merupakan tanggungjawab Jabatan Latihan Khidmat Negara dengan staf-staf dan jurulatih PLKN yang ditempatkan di semua kem PLKN.

Jumlah kes melibatkan tahap keselamatan dan kesihatan di kem-kem PLKN yang dilaporkan pada tahun 2012 hingga 30 Jun 2013 adalah seperti berikut.

Pertama, kes kehilangan barangan peserta dalam kem sebanyak 10 kes. Kes pecah masuk kem oleh orang luar adalah sebanyak tiga kes atau kes perselisihan faham antara peserta adalah sebanyak 137 kes. Bagi kes peserta yang dijangkiti virus adalah sebanyak 92 orang ataupun 0.08% berbanding jumlah pelatih sebanyak 117, 679 orang. Pecahan virus adalah dari

virus denggi sebanyak 10 kes, demam campak sebanyak 42 kes, leptospirosis sebanyak sembilan kes dan *influenza like illness* atau ILI sebanyak 31 kes.

■1030

Kes jangkitan demam campak dan ILI merupakan bawaan dari luar dan terjadi selepas pelatih balik dari bercuti. Jangkitan ini mudah merebak kerana pelatih berada di kawasan persekitaran yang mana mereka selalu berkumpul untuk melakukan aktiviti secara bersama. Manakala, kes jangkitan denggi dan leptospirosis pula berpunca daripada keadaan persekitaran dan keadaan cuaca. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kem PLKN ini sepatutnya satu kawasan yang paling dikawal. Persekitarannya yang sepatutnya bersih dan selamat. Akan tetapi, sungguhpun Dewan yang mulia ini telah meluluskan berbilion ringgit untuk melaksanakan program ini, tetapi kesannya masih kita sering kali dengar beberapa kejadian di kem-kem PLKN ini. Ini akan mengurangkan keyakinan dari peserta dan ahli keluarganya.

Soalan tambahan saya ialah untuk tahun ini, adakah kementerian telah mengenal pasti bilangan kem yang kurang memuaskan? Saya tidak menyalahkan pegawai-pegawai dari kementerian, memang mereka menjalankan tugas yang baik. Saya hendak tahulah tentang operator atau kontraktornya yang tidak mematuhi tentang keperluan dan syarat-syarat daripada kementerian.

Satu lagi saya ingin tanya kementerian iaitu adakah satu sistem kaji untuk pemandu-pemandu bas yang menghantar peserta ke kem PLKN? Adakah satu sistem penggajian untuk mereka? Adakah ini berlainan di antara syarikat-syarikat bas yang mengupahkan pemandu itu? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka di atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa pihak Jabatan Khidmat Negara memang sentiasa memantau kem-kem yang melaksanakan khidmat bagi melatih pelatih-pelatih PLKN. Beberapa langkah-langkah diambil untuk memastikan kem-kem ini sentiasa dalam keadaan yang baik dan beberapa tindakan-tindakan juga diambil kepada syarikat-syarikat ataupun mereka-mereka yang telah memberikan perkhidmatan ini dan mengambil tindakan misalnya untuk membatalkan kemudahan ini ataupun *outsource agreement* ini kepada mereka seperti mana yang telah dilakukan kepada beberapa syarikat-syarikat misalnya di Sarawak.

Kita telah juga membatalkan di Kelantan misalnya telah pun membatalkan surat setuju terima pada Mac 2009 dan menamatkan kontrak dan beberapa lagi kem-kem yang kita dapati yang tidak memenuhi kehendak dan keperluan yang kita kehendaki untuk memastikan kem-kem ini adalah dalam keadaan yang baik dan selamat.

Jadi, selain daripada itu, kita juga memastikan bahawa kem-kem ini adalah sentiasa mendapat mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah kesihatan dan

keselamatan misalnya dalam soal menjaga keselamatan. Kita memastikan bahawa terdapat penugasan pengawal keselamatan oleh pengusaha kem dengan memastikan ianya terdapat sekurang-kurang enam orang dan penugasan seorang anggota polis secara sepenuh masa di kem PLKN, pelaksanaan sub modal pencegahan jenayah dengan kerjasama PDRM, dengan menerangkan mengenai hukuman dan kesalahan tertentu, rondaan oleh unit PDRM dua kali sehari sama ada semasa ada pelatih, pemeriksaan berjadual oleh Kementerian Kesihatan dan JLKN terhadap kemudahan prasarana dan sajian kem PLKN, menaik taraf kemudahan prasarana kem PLKN dan pengusaha kem.

Selain daripada itu juga beberapa langkah-langkah kesihatan yang diambil iaitu seperti menempatkan *team* paramedik dengan diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Perubatan untuk memastikan terdapat kemudahan rawatan di setiap kem dan beberapa langkah-langkah yang lain.

Berkaitan dengan isu pemandu kenderaan PLKN khususnya bas-bas PLKN. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya apabila kita memberikan *outsource*, kita juga ingin memastikan bahawa setiap pembekal akan memastikan bahawa pemandu mereka adalah pemandu yang mempunyai kompetensi yang tinggi untuk memastikan mereka dapat memberikan perkhidmatan yang selamat dan baik kepada PLKN. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apakah modul-modul yang sedang dalam perancangan kementerian untuk menambah baik pengisian yang ada dalam PLKN dan adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah badan alumni kepada bekas-bekas pelatih PLKN agar kementerian sentiasa berhubung dengan bekas-bekas pelatih yang telah menerima banyak manfaat dari program tersebut. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya modul yang telah disediakan untuk PLKN ini adalah bertujuan untuk menepati beberapa objektif tertentu:-

- (i) meningkatkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda;
- (ii) memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional;
- (iii) membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni; dan
- (iv) menyemarakkan semangat sukarelaan dan melahirkan generasi muda yang cergas dan berkeyakinan.

Berdasarkan kepada objektif ini, modul-modul yang digunakan untuk memberikan latihan adalah berdasarkan kepada matlamat tersebut. Yang penting sekali ia adalah untuk memastikan bahawa apabila mereka keluar daripada PLKN, mereka menjadi seorang warganegara yang dapat memenuhi matlamat-matlamat tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan sememangnya PLKN ataupun JLKN telah pun menubuhkan alumni bagi pelatih-pelatih PLKN ini. Selain daripada itu, kita juga telah mewujudkan brigid sukarela Khidmat Negara yang telah melibatkan ramai pelatih-pelatih yang

terlibat iaitu lebih daripada 100,000 orang. Ini menunjukkan bahawa memang ianya telah pun dapat mencapai matlamat seperti yang diharapkan. Terima kasih.

5. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah usaha yang akan diambil oleh kerajaan selain langkah-langkah yang telah diambil oleh FAM dalam melahirkan pemain bola sepak yang berkualiti seterusnya dapat membantu memartabatkan mutu bola sepak negara.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Machang bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Kota Bharu nombor 68 yang juga pada hari ini, Yang Berhormat Ketereh bertarikh 17 Julai dan Yang Berhormat Pasir Mas bertarikh 18 Julai kerana berkaitan dengan isu pembangunan sukan bola sepak.

Pelaksanaan program pembangunan bola sepak negara yang bermula sejak tahun 2010 merupakan usaha kementerian bagi mengembalikan kegemilangan sukan bola sepak negara dengan sasaran untuk kita layak bersaing di Kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019. Program ini melibatkan pembukaan pusat latihan untuk atlet-atlet muda di seluruh yang dikendalikan oleh jurulatih-jurulatih yang berkeelayakan.

■1040

Atlet-atlet ini diberikan latihan dan pendedahan sepanjang tahun termasuk penyertaan dan pertandingan antarabangsa. Program pembangunan akar umbi ini dipantau sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pembangunan Bola Sepak Negara yang ditubuhkan dan dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dan dianggotai oleh agensi pelaksanaan seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Sukan Negara dan Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Pada masa yang sama Kementerian Belia dan Sukan sedang menyelaras cadangan berkaitan pembidaan untuk Asia menjadi tuan rumah bersama kejohanan bola sepak Piala Dunia tahun 2034. Kementerian juga telah mencadangkan mewujudkan satu kejohanan berbentuk liga bola sepak bagi negara ASEAN untuk menyediakan pertandingan yang lebih kompetitif di kalangan negara-negara ASEAN. Kedua-dua cadangan ini sedang di peringkat perbincangan Menteri-menteri Sukan ASEAN dan Persekutuan Bola Sepak ASEAN sebelum dibawa ke Konfederasi Bola Sepak Asia dan Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), dengan izin.

Keputusan sama ada cadangan ini perlu diteruskan adalah bergantung kepada hasil kajian menyeluruh kebolehlaksanaan atau *feasibility study* yang akan dijalankan oleh Ahli-ahli gabungan AFF. Diketuai oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia bagi mendapatkan input-input pelbagai faktor seperti program pembangunan bola sepak, kemudahan infrastruktur, implikasi kewangan dan lain-lain, sebagaimana yang ditetapkan oleh FIFA sebagai syarat bidaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan baru-baru ini telah mengadakan beberapa perjumpaan bersama Jawatankuasa Integriti yang ditubuhkan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia sebagai iltizam politik ataupun dengan izin, *political will* kerajaan dalam membantu membanteras gejala rasuah dalam bola sepak melalui pendekatan *education, engagement* dan *enforcement* dengan izin.

Kerjasama dengan jawatankuasa berkenaan yang turut dianggotai oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia akan dipertingkatkan bagi membasmi gejala ini. Kementerian sememangnya berasa kesal dengan insiden yang telah berlaku ketika perlawanan bola sepak separuh akhir kedua Piala FA di antara Pahang menentang Johor yang diadakan di Stadium Darul Makmur, Kuantan pada 28 Mei 2013 Selasa dahulu.

Perlawanan tersebut juga terpaksa dibatalkan kerana berdasarkan peraturan pertandingan Liga Malaysia iaitu "*perlawanan tidak boleh dijalankan sekiranya terdapat penyokong yang berada di kawasan persekitaran padang*".

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Belum habis lagi Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan aspek keselamatan merupakan tanggungjawab persatuan bola sepak yang mengelolakan pertandingan-pertandingan berkenaan. Peraturan yang berkaitan dengan aspek pengelolaan kemudahan pegawai keselamatan dan sebagainya perlu diberikan penekanan yang paling serius bagi mengelakkan peristiwa yang tidak diinginkan berlaku. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Machang. Sila.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Banyak perancangan yang telah dibuat oleh kerajaan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kita berharap akan dapat membuahkan hasil yang positif.

Soalan tambahan saya, tanggungjawab ini seharusnya dipikul bersama oleh persatuan bola sepak di peringkat negeri-negeri. Tidakkah kerajaan berhasrat untuk menyalurkan bantuan secara langsung kepada persatuan bola sepak negeri-negeri bagi tujuan pembangunan? Kita sedia maklum bahawasanya bantuan yang telah diberikan oleh FAM kepada persatuan bola sepak negeri adalah rendah dan tidak mencukupi. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan bersedia dan akan memastikan pembangunan mutu bola sepak negara mencapai satu tahap yang akan memuaskan semua pihak. Cadangan Yang Berhormat akan dikaji, kalau ia terlibat dengan dasar maka KBS akan mengkaji secara mendalam dan mengambil langkah-langkah positif supaya kita mencapai matlamat. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih, soalan serentak dengan Yang Berhormat Kota Bharu, sila Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberikan jawapan yang begitu lengkap di atas soalan yang dikemukakan tadi.

Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai pembangunan bola sepak di negara kita ini. Sebagaimana Yang Berhormat sendiri menjelaskan tadi, kesimpulannya mutu ataupun kualiti bola sepak negara kita ini tidak dinafikan telah menurun berbanding dengan suatu zaman dahulu iaitu kegemilangan Malaysia menjadi satu gergasi bola sepak di rantau ini dan pernah layak ke sukan Olimpik sebanyak dua kali.

Soalan saya ialah apabila kita melihat usaha-usaha yang dilakukan Persatuan Bola Sepak Malaysia dan juga Kementerian Belia dan Sukan, kelihatan beberapa agensi kerajaan yang lain tidak memberikan sangat tumpuan kepada pembangunan bola sepak ini. Contohnya Kementerian Pendidikan yang mana kalau kita lihat satu masa dahulu sekolah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan terus Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ya. Sekolah menjadi tempat yang begitu penting untuk pembangunan bola sepak. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, banyak sekolah yang bukan sahaja tidak ada kegiatan bola sepak tetapi padang sekolah pun telah digunakan untuk pembangunan dan tidak ada tempat untuk kegiatan bola sepak. Ini amat merugikan dan ia menjadi satu faktor yang saya kira mengurangkan mutu bola sepak di negara kita. Minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apa yang disarankan oleh ahli Yang Berhormat adalah satu fakta yang benar. Satu ketika dahulu negara kita ataupun Pasukan Bola Sepak Kebangsaan setaraf dengan Korea Selatan ataupun lebih baik daripada Korea Selatan. Akan tetapi hari ni kita lihat kedudukan kita jauh berbeza jika dibandingkan dengan Korea Selatan dan negara-negara lain.

Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Belia dan Sukan telah dan sedang mengambil usaha-usaha dan langkah positif yang boleh melahirkan pasukan bola sepak yang boleh dinaiktarafkan ke pasukan yang bertaraf antarabangsa dalam masa yang terdekat. Segala usaha telah diambil untuk memastikan daripada peringkat persekolahan murid-murid ini menyertai dalam bidang sukan dan sebagainya. Satu Jawatankuasa Program Pembangunan Bola Sepak Negara telah pun ditubuhkan dan di mana pusat latihan *MyKid Soccer* sedia ada di 14 buah negeri, jawatankuasa telah bersetuju untuk menambah satu lagi pusat di setiap negeri termasuk Putrajaya dan Labuan yang akan menjadikan ia 16 pusat.

Jumlah keseluruhan pusat latihan adalah 30 pusat latihan dan penganjuran dua edisi kejohanan *MyKid Soccer* bawah 10 tahun dan 12 tahun dan *Champion of Champions* dengan izin, bawah 12 tahun pada tahun 2011 dan 2012. Kementerian Belia dan Sukan sedang mengambil isu ini sebagai satu isu yang serius, yang mana Yang Berhormat Menteri sendiri telah melibatkan diri

untuk memastikan kita mengatasi masalah ini dalam masa yang terdekat sebelum kita berjaya menjadi tuan rumah untuk bola sepak antarabangsa pada tahun 2034. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat Yang Berhormat Ketereh hendak bangun tadi. Sila

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa disebut sahaja bola sepak, Malaysia memang *out* dan tidak ada daya saing. Jadi soalan tambahan saya, apa langkah yang diambil oleh kementerian untuk campur tangan dalam urusan FAM yang seolah-olah *untouchable*, tidak boleh disentuh tetapi mutu kualiti bola sepak negara hilang. Lawan Vietnam, lawan negara miskin pun kita kalah. Kita pakai duit berjuta-juta untuk mempertingkatkan kualiti konon, apa kualiti? Tidak ada langsung kualiti. Sebut sahaja Malaysia, tetap *down*, 169 nombor kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Soalannya, apakah langkah-langkah campur tangan oleh kementerian? Campur tangan drastik, beranikah kementerian campur tangan atau tidak untuk kepentingan mutu bola sepak negara? Terima kasih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini belum Yang Berhormat Arau campur tangan. Kalau Yang Berhormat Arau campur tangan lagi panjang masa kita.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Dari segi pendirian kementerian, Kementerian Belia dan Sukan memang sedia dan berani mengambil sebarang langkah-langkah positif untuk memastikan mutu bola sepak negara bertambah atau meningkat daripada kedudukan sekarang. Akan tetapi walau bagaimanapun, sebagai kementerian bertanggungjawab kita perlu bekerjasama dengan semua agensi-agensi yang sedia ada termasuk FAM supaya kita sama-sama merealisasikan misi kita untuk melahirkan sebuah pasukan bola sepak bertaraf antarabangsa. Terima kasih.

■1050

6. **Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan kadar celik komputer di kalangan masyarakat luar bandar; dan
- (b) bagaimanakah jurang perbezaan ini antara masyarakat bandar dan luar bandar.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada soalan Yang Berhormat Hulu Langat. Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Kota Tinggi bertarikh 9 dan 15 Julai, Yang Berhormat Kubang Kerian, Kuala Krai, Sik, Kuala Krau yang bertarikh 10, 11, 16 dan 18 Julai kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan program peluasan liputan internet dan mengurangkan jurang digital bagi kawasan luar bandar.

Suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Komunikasi dan Multimedia bukanlah satu-satunya agensi yang bertanggungjawab dalam meningkatkan kadar celik IT di luar bandar. Ini kerana terdapat dua kementerian lain iaitu Kementerian Pelajaran melalui pembelajaran di sekolah-sekolah dan juga Kementerian Luar Bandar iaitu melalui Program Medan Infodesa.

Secara takrifan mudah, celik IT ataupun celik komputer boleh ditakrifkan sebagai pengenalan kepada program asas iaitu *word, excel, powerpoint, internet explorer*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun pihak kerajaan melalui pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia menyokong dengan melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan kadar celik komputer dengan penyediaan infrastruktur masyarakat di luar bandar.

Usaha-usaha ini dijalankan dengan pemberi perkhidmatan yang dilantik melalui Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat yang bermatlamat untuk merapatkan jurang digital di antara masyarakat bandar dan luar bandar. Di antara program-program yang telah dilaksanakan di bawah Program Pelan Jalur Lebar Kebangsaan adalah pertamanya, Pusat Internet 1Malaysia, Kampung WiFi, Peluasan Liputan Selular TIME 3 dan juga Netbook 1Malaysia.

Program-program sebegini dilaksanakan di kawasan-kawasan sasaran yang terletak di pedalaman dan juga di luar bandar yang mana dibiayai sepenuhnya oleh dana PPS. Melalui program-program ini terutamanya pengagihan Netbook 1Malaysia membolehkan masyarakat di luar bandar memiliki *netbook* sendiri. Di mana kumpulan sasaran utama adalah para pelajar dan kumpulan berpendapatan rendah di mana sehingga kini sebanyak 1.68 juta buah komputer telah diperuntukkan ke seluruh negara.

Manakala untuk jawapan kepada soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua. Pada masa kini komputer bukan sahaja merujuk kepada komputer peribadi tetapi juga ia merujuk kepada komputer riba dan juga *tablet*, dengan izin. Sumber yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa pemilikan komputer peribadi di kawasan bandar ialah 25% daripada semua isi rumah di bandar berbanding dengan hanya 10.8% daripada semua isi rumah di luar bandar. Manakala untuk pemilikan komputer riba, di kawasan bandar ialah 52.3% daripada semua isi rumah di bandar dan 30.6% daripada semua isi rumah luar bandar. Manakala untuk pemilikan *tablet*, di bandar ialah 19.4% dan hanya 4.5% di luar bandar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang memberikan maklumat yang lengkap bagi saya. Walau bagaimanapun kemudahan komputer diberikan kepada penduduk luar bandar tetapi apa yang menjadi masalahnya ialah dari segi *maintenance* dan dari segi latihan yang tadi disebutkan ada tiga kementerian yang terlibat. Jadi, saya hendak meminta penjelasan mengenai siapakah yang bertanggungjawab dari segi *maintenance* ataupun baik pulih dan juga latihan kepada masyarakat luar bandar.

Selain daripada itu, saya juga difahamkan WiFi yang dipasang oleh kerajaan mempunyai liputan yang agak kecil. Jadi, apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi memberi peluang kepada masyarakat luar bandar untuk mendapatkan kemudahan internet bagi mendapat maklumat segera daripada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Pertamanya, dari segi *maintenance* ataupun penyelenggaraan. Setiap pemberi perkhidmatan yang dilantik di bawah program PPS yang saya maklumkan tadi, tertakluk kepada terma dan syarat di bawah penganugerahan kontrak mereka. Sekiranya sesebuah komputer ataupun *netbook* yang diagihkan, ia mendapat satu *warranty* selama setahun. Di bawah program kementerian ini melalui SKMM, sekiranya terdapat sesuatu kerosakan dan sebagainya, biasanya pihak sekolah akan menghubungi pihak pembekal yang dilantik untuk menangani isu masalah penyelenggaraan. Menurut daripada rekod kita, setakat ini memang tidak ada sebarang pembekal yang dikenakan sebarang tindakan kerana kita mendapat kerjasama yang rapat di antara pihak sekolah dan juga pihak penerima *netbook* tersebut.

Soalan yang kedua iaitu berkaitan dengan WiFi. Sebenarnya pihak kementerian telah melaksanakan lebih kurang dalam 4,000 Kampung WiFi ataupun kampung tanpa wayar di seluruh negara. Pengenal kampung tanpa wayar ini adalah bagi membolehkan masyarakat di luar bandar, ada juga di bandar, untuk mendapatkan akses. Pihak kerajaan sedang merangka program secara besar-besaran selain daripada kampung tanpa wayar iaitu di mana kita akan melaksanakan Pusat jalur lebar komuniti di mana perluasannya adalah lebih jika dibandingkan dengan kampung tanpa wayar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan Yang Berhormat Hulu Langat ini mengenai *signal* WiFi yang sangat lemah.

Dato' Jailani bin Johari: Sebenarnya pihak kementerian bersama pihak suruhanjaya telah mengambil tindakan dengan memanggil pihak pemberi perkhidmatan yang dilantik untuk menangani masalah tersebut. Difahamkan setakat ini, isu-isu yang telah ditimbulkan telah diambil tindakan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila. Yang Berhormat Kota Tinggi, soalan serentak, sila.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya, sebelum ini ada peluasan jalur lebar melalui *community broadcast centre*, dengan izin, ataupun penyiaran di kampung. Jadi, apakah kementerian akan memperluaskan lagi sistem CBC ini dibandingkan dengan WiFi, terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Sebenarnya pihak kementerian telah melaksanakan lebih kurang 335 pusat jalur lebar yang sekarang ini telah dilaksanakan dan disiapkan di seluruh negara. Sebenarnya perancangan kementerian yang saya maklumkan tadi, kita telah mengambil kira terdapat banyak permintaan daripada setiap kawasan yang terlibat, *insya-Allah* kita akan menambahbaikkan lagi serta menambahkan lagi bilangan pusat jalur lebar bagi kemudahan penduduk di luar bandar.

7. Tuan Haji Mohd. Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam] minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah kerajaan supaya individu yang diisytihar muflis dan disenarai hitam oleh institusi kewangan diberi peluang kedua keluar dari kemelut kebangkrapan melalui pelepasan automatik selepas tempoh tertentu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wa'ala wabarakatuh.* Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam. Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan di sini secara umumnya untuk seseorang itu hendak keluar daripada status kebangkrapan terdapat tiga cara yang diperuntukkan di bawah Akta 360.

Pertama iaitu pelepasan melalui perintah mahkamah di bawah seksyen 33, subseksyen 3. Kedua ialah perlepasan melalui sijil perlepasan oleh Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A dan ketiga ialah pembatalan melalui perintah mahkamah di bawah seksyen 105.

Mengenai peluang kedua untuk *bankruptcy* supaya keluar kemelut kebangkrapan, Jabatan Insolvensi Malaysia telah mencadangkan pelepasan secara automatik kepada bankrap selepas kes ditadbir bagi suatu tempoh masa tertentu ke dalam Rang Undang-undang Kebankrapan yang baru. Jadi, perbandingan dan kajian telah dibuat berdasarkan pelaksanaan pelepasan secara automatik di negara-negara yang bersesuaian dengan keadaan semasa negara dan dapat diguna pakai supaya ia dapat mengimbangi kepentingan bankrap dan pemiutang. Itu di dalam pelaksanaan dan perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara dan kita menyasarkan supaya ini dapat dimuktamadkan pada penghujung tahun ini. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakh [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, masalah kebangkrutan ataupun muflis di kalangan rakyat di negara kita ini telah mendapat perhatian yang serius daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Malah ia menjadi sebahagian ucapan ketika Persidangan UMNO pada 1 Disember 2012. Ini adalah disebabkan menurut Perdana Menteri, pertama undang-undang kebangkrutan sedia ada terlalu ketat.

■1100

Keduanya keperluan mencari jalan penyelesaian bagi melepaskan mana-mana individu yang dalam kebangkrutan khususnya golongan muda dan kebangkrutan kerana pinjaman sosial seperti pinjaman pelajaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, soalan.

Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakh [Sabak Bernam]: Soalan dia. Apakah langkah kerajaan untuk melindungi nasib mereka ini dan seterusnya untuk mengelakkan perkara ini daripada terus berulang di masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih di atas soalan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, memang ini adalah satu usaha yang dihasilkan daripada inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Di bawah Akta Kebankrutan ini sebenarnya Yang Berhormat yang telah menanyakan soalan tadi, sebenarnya memang ada perlindungannya untuk membantu mereka yang telah menjadi yang dikatakan bankrap disebabkan oleh menjadi penjamin sosial di mana mereka membantu dalam pinjaman-pinjaman peribadi seperti biasiswa dan juga pinjaman lain yang tidak berunsurkan keuntungan.

Jadi memang ada perlindungannya di bawah Akta Kebankrutan 1967 di bawah seksyen 53. Jadi tindakan kebangkrutan tidak boleh diambil oleh pemiutang '*petition*' di atas seorang penjamin sosial melainkan dia telah membuktikan kepada mahkamah bahawa dia telah mengambil segala usaha untuk mendapatkan kembali hutangnya daripada peminjam utama. Jadi itu adalah bidang kuasa di bawah Jabatan Insolvensi. Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu kemuflian ini memang isu besar dibangkitkan lama dengan ada respons daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun lalu. Akan tetapi, sehingga kini belum ada tindakan sebab undang-undang yang ada dan kebetulan saya juga arif tentang itu. Itu tidak memungkinkan mudah bagi si peminjam melepaskan daripada hutang walaupun dia setakat penjamin ataupun berhutang kecil. Ratusan ribu terlibat Yang Berhormat adalah di kalangan bumiputera dan hutang itu dianggap kecil.

Akan tetapi, tidak mungkin untuk pihak bank melepaskan atau melupuskan dan kita tidak mencadangkan untuk melupuskan tetapi memberi ruang. Ada kuasa terbatas oleh beberapa

agensi termasuk Menteri Kewangan dan saya usulkan oleh yang demikian sebagai cadangan supaya langkah diambil segera bagi yang hutang kecil kerana sistem ini memihak kepada bank dan tauke. Bagi yang meminjam ini dibebankan dan tidak ada ruang sama sekali, ribuan yang sekarang bekerja sebagai buruh kasar di Australia hanya untuk melepaskan daripada tanggungjawab ini.

Oleh yang demikian saya pohon penjelasan, apakah tindakan segera tidak boleh diambil selain daripada melihat semula undang-undang yang saya kira sukar kerana pihak bank tidak mungkin bersetuju dengan mudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh di atas soalan itu tadi. Di sini juga ingin saya jelaskan bahawa yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan sama ada orang itu menjadi bankrap atau tidak bukan Jabatan Insolvensi. Ini bukan soalan tetapi secara umum untuk makluman tambahan, yang mengambil tindakan bankrap itu adalah si pemiutang termasuk bank itu sendiri.

Jadi mengenai perkara di mana tindakan yang secepat yang boleh diambil sebenarnya pertama memang telah dalam proses. Proses di mana seperti yang saya nyatakan tadi sasarannya pada hujung tahun ini *insya-Allah* kita dapat membantu untuk mengeluarkan mereka yang dalam masalah misalnya memberi peluang kedua kepada mereka.

Selain daripada itu juga, apa yang kita hendak sasarkan di sini terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh di atas soalan tersebut kerana ia memberi peluang kepada kita untuk mempromosi apa yang boleh dilakukan oleh Jabatan Insolvensi ini supaya mereka yang terbabit ini boleh datang kepada Jabatan Insolvensi supaya boleh berbincang cara mana boleh membantu mereka untuk meringankan.

Sebenarnya masalah yang dihadapi sekarang ini ialah ramai yang tidak datang untuk mengetahui sendiri cara mana boleh membantu mereka keluar daripada status ini. Jadi itulah yang boleh kita lakukan. Terima kasih.

8. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan pengedaran wang haram yang mengalir dalam negara yang mana pengurup wang haram memainkan peranan melakukan transit dalam negara dan langkah-langkah yang diambil untuk membendungnya.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat rangka kerja pengawalseliaan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (APPW) bertujuan untuk memastikan perkembangan industri perniagaan perkhidmatan wang iaitu pengurup wang dan pengirim wang yang lebih moden dan

tersusun serta untuk memperkukuhkan keutuhan industri daripada digunakan sebagai saluran pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram yang lain.

Selaras dengan ini, langkah pelesenan semula telah diambil dan diselesaikan pada Disember 2012 di mana bilangan peserta industri yang dilesenkan semula telah berkurang daripada 839 pada Disember 2011 kepada hanya 514. Langkah ini adalah bagi memastikan hanya entiti yang dikawal dan diurus oleh pemegang lesen yang berintegriti serta yang berupaya dan komited untuk memenuhi keperluan pengawalseliaan layak menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang.

Peraturan-peraturan dan garis panduan juga telah dikeluarkan terutamanya untuk meningkatkan tahap pematuhan serta memperkukuhkan urus tadbir, sistem kawalan dan pengurusan risiko peserta industri. Ini adalah bagi memastikan pelaksanaan perniagaan perkhidmatan wang yang lebih profesional serta melindungi integriti industri daripada risiko jenayah kewangan kegiatan yang menyalahi undang-undang. Di bawah rangka kerja pengawalseliaan baru ini, fleksibiliti yang sewajarnya juga diberi kepada peserta industri yang layak untuk menawarkan perkhidmatan pengiriman wang yang lebih mudah dan berkualiti kepada individu-individu serta perniagaan.

Pertama, pengurup wang yang layak dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan pengiriman wang di bawah lesen perniagaan perkhidmatan wang atau menjadi agen untuk memberi perkhidmatan pengiriman wang bagi tujuan untuk meningkatkan saluran kiriman wang secara formal.

Kedua, pengirim wang juga dibenarkan untuk membuka premis sementara di kawasan-kawasan tertentu seperti di kilang dan kawasan ladang bagi memberi perkhidmatan terutamanya untuk pekerja-pekerja asing yang berada di kawasan terpencil dan di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Menurut laporan *Global Financial Integrity* berpusat di Washington Amerika Syarikat. Malaysia menduduki tangga kedua dalam mengedar wang haram pada tahun 2010 iaitu China di tempat pertama melibat sebanyak RM1.28 trilion. Malaysia tempat kedua ialah melibatkan RM196.3 bilion. Keseluruhan dalam tahun 2001 hingga tahun 2010, sebanyak RM869 bilion wang haram telah diedarkan di Malaysia.

Soalan saya ialah apakah jenis kegunaan wang haram ini dan dari mana puncanya? Mengapakah sistem mengesan edaran wang haram di negara kita terlalu lemah sehingga penyangak antarabangsa berjaya melepaskan halangan? Sejauh manakah kerajaan telah mengesan pengurup haram ini? Apakah pengurup wang berlesen terlibat atau bagaimana? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kita telah pun meluluskan Akta AMLATFA (*Anti Money Laundering and Anti Terrorism Financing Act*) dengan izin Akta Pencegahan Pengubahan

Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan. Di dalamnya ada 288 kesalahan dalam 42 akta. Mengenai pengurup wang dan pengirim wang ini ialah satu daripada 288 kesalahan itu.

■1110

Bererti Malaysia telah melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk melaksanakan dan mengawal apa yang dituduh oleh Yang Berhormat tadi. Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011, APPW ini adalah salah satu kaedah ini, dan angka yang disebut oleh Yang Berhormat tadi adalah daripada GFI tadi terlebih anggar dan kita telah menjawab dalam soalan yang lain tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan saya ingin memaklumkan hasil daripada usaha Kementerian Kewangan terutama Bank Negara, 97 lesen perniagaan perkhidmatan wang telah dibatalkan oleh Bank Negara atas pelbagai kesalahan. Seramai 54 pemegang lesen melanggar peruntukan undang-undang dan kita kompaun, 5 buah syarikat telah didakwa dan 8 masih di bawah siasatan. Bererti perkara ini kita bukan biarkan tetapi kita ambil tindakan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri. Pengurup wang ini ialah sebahagian daripada NBFi atau dengan izin *non-banking financial institution*. Jadi kita hendak tahu berapa banyakkah NBFi ini relatif kepada institusi perbankan dan berapa nilaiah transaksi yang kita boleh anggarkan transaksi haram daripada kemasukan dan wang yang ke luar negara? Yang keduanya, kita telah meluluskan wang pindaan pengurup wang pada tahun lepas. Jadi kita hendak tahu setakat manakah keberkesanan pemantauan telah dijalankan oleh kerajaan bagi memastikan supaya pengurup wang ini semua transaksi yang dibuat bukan setakat direkod bahkan dalam pengetahuan kerajaan. Kerana kita tidak mahu apa juga aktiviti-aktiviti wang haram ini yang ada mengancam kepada keselamatan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Jasin. Misalnya daripada tempoh Jun 2012 hingga Mei 2013, kita telah merekodkan transaksi kiriman wang keluar berjumlah 35,714 transaksi bernilai RM329 juta. Akibat daripada peraturan yang kita laksanakan ini maka kita boleh mengurangkan aliran wang keluar tanpa rekod. Dari segi jumlah pengurup mata wang, pengurup wang kita ada 478 *licence*, pengirim wang 23 *licence* dan kita ada satu lagi kategori yang dipanggil sebagai *currency wholeseller*, dengan izin atau pemborong mata wang ada 5 *licence* yang menjadikan 514 *licence*. Kita mengetatkan syarat-syaratnya, misalnya penghantaran wang individu kepada individu tidak lebih daripada RM50,000 sehari. Perniagaan kepada perniagaan tidak boleh lebih kepada RM200,000 sehari. Begitu juga perniagaan dan kepada individu juga tidak boleh lebih kepada RM200,000 sehari. Semuanya ini adalah untuk mengawal apa yang disebut sebagai pengubahan wang haram.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Oleh sebab Dato' Henry Sum Agong, Lawas tiada dalam Dewan, saya jemput Yang Berhormat Tuan Hj. Khalid bin Abd. Samad Shah Alam.

10. Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta Menteri Pendidikan menyatakan status projek Hab Pendidikan di Pagoh yang telah dilancarkan pada 2012 iaitu konsepnya, siapa kontraktor yang dilantik dan berapakah kos pembinaannya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kena jawab pantun.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tidak mengapa saya terus kepada jawapan kerana jimatkan masa. Lebih banyak soalan boleh ditanya nanti. Tuan Yang di-Pertua, hab pendidikan di Pagoh akan menjadi pusat pembangunan bercampur merangkumi kediaman komersil dan pembangunan institusi yang akan mendatangkan manfaat dari segi ekonomi dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Shah Alam bagi peringkat permulaan pembinaan hab pendidikan Pagoh untuk menjadikan, hab pendidikan dijangka akan mengambil masa selama tiga tahun yang melibatkan Universiti Tun Hussien Onn, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pusat Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia, Politeknik Pagoh, kolej matrikulasi, sekolah menengah dan sekolah rendah. Hab Pendidikan Pagoh ini dilaksanakan oleh Sime Darby Properties Bhd (SDPB). Melalui *special purpose vehicle* (SPV) iaitu Sime Darby Properties Selatan Sdn. Bhd., projek ini akan dilaksanakan melalui kaedah inisiatif pembinaan swasta dan kos projek masih belum dimuktamadkan. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih. Saya difahamkan bahawa jumlah keluasan tanah yang terlibat dalam pembangunan ini adalah sebanyak 400 ekar dan sebelumnya ianya merupakan ladang kelapa sawit syarikat swasta. Saya ingin tahu pembiayaan secara swasta itu, adakah ianya melibatkan sekali pengambilan tanah? Dan berapakah jumlah keseluruhan perbelanjaan dalam soal pengambilan tanah ini sahaja? Berhubung dengan itu juga bagaimanakah perbelanjaan *private funded* inisiatif ini akan mendapat pulangan kepada syarikat yang telah melaksanakannya iaitu syarikat SPV, iaitu yang disebut tadi iaitu Sime Darby Properties yang sudah pasti akan mengeluarkan belanja yang tinggi maka bagaimanakah perbelanjaan itu akan dapat pulangan daripada perbelanjaan itu?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Sebenarnya keluasannya 506 ekar dan kaedahnya seperti mana yang telah kita maklumkan tadi, dia menggunakan kaedah swasta PFI, *special purpose vehicle* ini akan diberi hab untuk mereka bentuk kemudahan hab mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh kerajaan. Membina dan juga menyiapkan kemudahan serta penyelenggaraan bangunan tersebut dengan pembiayaan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat SPV.

Apabila kemudahan tersebut siap dan boleh digunakan IPTA dan politeknik akan menduduki bangunan tersebut dan mula membuat bayaran sewaan serta membayar caj penyelenggaraan berdasarkan petunjuk prestasi pertama KPI. Di akhir tempoh konsesi semua kemudahan dan aset yang dibina oleh syarikat SPV akan dipindah milik kepada IPTA dan

politeknik tanpa sebarang kos. Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia sedang dalam peringkat perolehan tapak dan perancangan projek akan dilaksanakan setelah perolehan tapak ini selesai. Kos sebenar projek hanya akan kita dapat tahu selepas segala urusan ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua, Parit Sulong ini dia sempadan sahaja dengan Parlimen Pagoh. Jadinya saya hendak mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyatakan bagaimanakah pembinaan hab pendidikan tinggi di Pagoh ini dapat membantu untuk memajukan kawasan Parlimen Pagoh dan sekitarnya termasuk Parlimen Parit Sulong dan bolehkah juga berikan anggaran peluang pekerjaan yang akan wujud apabila projek ini selesai dan juga siap? Terima kasih banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Sila.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Hab Pendidikan Pagoh ini bukan sahaja akan membawa manfaat kepada kawasan Parlimen Pagoh malah ia juga bawa manfaat kepada kawasan sekitarnya dari segi ekonomi dan juga peluang pekerjaannya. Apabila kita nyatakan ada empat buah pengajian tinggi contohnya Universiti Teknologi Malaysia, International Islamic University, Politeknik Pagoh, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia bukannya sahaja itu pembangunan secara *holistic* kawasan-kawasan perumahan, kawasan-kawasan rumah kedai, pembangunan ekonomi, industri.

Peningkatan peluang pekerjaan ini akan memberi manfaat kepada semua penduduk-penduduk kawasan tersebut. Maka buat masa ini kita tidak dapat pergi secara terperinci jumlah mereka yang akan mendapat kemewahan atau kemudahan lebih baik tetapi kami sedar dan kami benar-benar tahu bahawa masa depan Hab Pendidikan Pagoh bukan sahaja akan memberi manfaat kepada mereka di Pagoh tetapi kawasan sekitar di Pagoh termasuk kawasan Parit Sulong. Terima kasih Tuan Yang Berhormat.

11. Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah projek Hospital Daerah Pendang akan diteruskan memandangkan projek ini telah lebih 15 tahun tergendala. Bolehkah kementerian memberikan sebab-sebab kelewatannya.

■1120

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pendang. Memang hal projek Hospital Pendang ini Kementerian Kesihatan sedar bahawa ini adalah keperluan yang mendesak. Kita akan bina segera dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh melalui kaedah PFI. Tanah pun sudah sedia. Dokumen tender hampir siap. Hospital ini akan mengandungi 108 katil iaitu wad laki-laki 28 katil, wad perempuan 28 katil, wad bersalin 28 katil, wad kanak-kanak (*pediatric*) 20 katil dan wad kecemasan 4 katil dan ia juga ada dua buah dewan bedah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih. Soalan tambahannya, mudah. Pengambilan tanah itu telah dibuat sejak tahun 1980. Saya jadi ADO di Pendang. Jadi, saya

hendak mendapatkan penentuan khusus, bilakah projek ini boleh dilaksanakan di Pendang? Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, silakan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya sebut tadi bahawa dokumen tender sudah hampir siap. Cuma menunggu soal keputusan *investigation* dan juga kajian tapak. Dijangkakan kita dapat masuk dalam masa setahun lagi. Apabila sudah masuk tapak lebih kurang jangkaannya 30 bulan akan siap.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bintulu, ini pasal Pendang. Hendakkah? Silakan Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekarang hendak memberikan soalan tambahan, bukan hospital tetapi klinik. Saya mahu tanya ini Klinik Laban ini sudah tiga penggal. Berkali-kali Mesyuarat kita kata akan dilaksanakan. Akhir sekali saya dengar, akan tender. Saya mahu tanya soalan ini Tuan Yang di-Pertua, macam mana hendak tender? Tanah pun tidak selesai. Macam mana hendak tender. Saya tanya ini, apakah masalah jadi kelewatan untuk melaksanakan Klinik Laban ini. Saya harap jawab jangan dipertimbangkan, jangan dikaji.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh jawapan bertulis ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan spesifik. Luar daripada soalan asal. Saya perlukan notis dalam hal ini dan akan menjawab secara lisan.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkait dengan isu ini kerana kita menyedari bahawa tahap kesihatan rakyat dalam negara kita semakin hari sangat memerlukan hospital. Bukan sahaja isu Pendang sebenarnya. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian, berapakah sebenarnya masih lagi ada dalam daerah-daerah di seluruh negara kita hospital-hospital yang masih gagal untuk diselesaikan pembinaannya, yang belum siap sehingga ia mengganggu dan juga memberi ancaman kepada kesihatan rakyat dalam negara kita? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kita ada 141 buah hospital semuanya. Ada daerah yang belum lagi ada seperti daerah-daerah tertentu yang belum lagi ada. Dalam hal ini, saya perlu mendapatkan *detail* tentang hendak jawab secara spesifik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

12. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta Menteri Pendidikan menyatakan hasil "Program 1Pelajar 1Laptop" dan perbezaannya dengan program Chromebook yang baru diumumkan, serta berapakah kos program Chromebook, bilakah pelaksanaannya, jumlah pelajar yang terlibat dan siapakah pembekalnya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Walaupun soalnya satu tetapi lima atau enam fakta yang diminta. Akan saya cuba jawab seberapa baik yang boleh. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia) belum memulakan program 1Pelajar 1Device dan mengikut perancangan KPM, program ini akan dilaksanakan pada tahun depan iaitu tahun 2014. Manakala Chromebook merupakan peralatan komputer seumpama *notebook* tetapi menggunakan *cloud computing*, dengan izin, teknologi awan untuk beroperasi iaitu dengan menggunakan *Google Chrome OS*.

Untuk makluman, semua data pengguna disimpan di Cloud dan Chromebook hanya merupakan *device* untuk mengakses akaun pengguna. Pengguna boleh menggunakan mana-mana Chromebook kerana maklumat dan data pengguna tidak disimpan dalam Chromebook tetapi di ruang penyimpanan di *Cloud*. Kos bagi setiap unit Chromebook ialah RM1,200 dengan tiga tahun tempoh jaminan, *charging card*, latihan guru dan akses percuma ke VLE. Jumlah makmal yang terlibat adalah sebanyak 2,839 makmal dengan jumlah Chromebook adalah sebanyak 116,399 unit melalui pembekal YTL Sdn. Bhd. Projek Chromebook ini sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bermula bulan Jun 2013. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah asas yang telah mendorong keputusan kerajaan untuk membekalkan Chromebook kepada semua pelajar dan sebab kita mengetahui walaupun niat mungkin baik tetapi adakah ia boleh dilaksanakan dengan efektif? Ini kerana dasar PPSMI sebagai contoh, telah gagal akibat guru-guru yang tidak mahir ataupun kekurangan kemahiran dalam mengajar dalam bahasa Inggeris. Jadi, apakah jaminan kerajaan bahawa semua guru akan dilatih untuk menggunakan, mengendalikan dan mengajar dengan Chromebook dalam *virtual learning environment* yang telah Yang Berhormat Timbalan Menteri perelaskan tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian akan terus menggunakan cara-cara pengajaran dan bantuan kepada guru-guru yang berkenaan. Saya pasti proses PPSMI ini tidak akan menjejaskan pengajaran dan pembelajaran bagaimana untuk menggunakan Chromebook ini. Walaupun dimulakan pada bulan Jun 2013, kita rasa pelancaran sepenuhnya akan tamat pada akhir tahun ini, mungkin dalam bulan 10 atau bulan 11. Kita pasti akan berjaya kerana sistem pengajarannya bukan begitu payah tetapi kita telah pun mendapatkan perkhidmatan pakar-pakar untuk memberi maklumat dan pengajaran dan *coaching*, dengan izin, kepada guru-guru yang terlibat kerana ia menggunakan satu sistem yang baru. Kita percaya dengan kerjasama yang kita telah terima sebelum ini daripada warga pendidik, kita dapat melaksanakan program ini dengan jayanya. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya sedang menggunakan Chromebook, bawa ke sini. Saya ada dua soalan. Pertama, Yes 4G yang dibekalkan itu, mungkin berkesan di Kuala Lumpur. Akan tetapi saya khawatir keberkesannya di luar Kuala Lumpur. Kedua, saya sekarang di dalam Dewan memang susah menggunakan Yes 4G. Saya cuba sambungkan dengan WiFi Parlimen tetapi tidak berjaya. Apakah sebabnya? Sekian.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Atas mengapa ia tidak dapat disambungkan di Parlimen, saya akan minta Bahagian Pentadbiran Parlimen untuk menguruskan keperluan tersebut. Di luar Kuala Lumpur saya akan semak dan akan maklumkan kepada Yang Berhormat mengapa ia berlaku. Akan tetapi akses dalam Parlimen saya akan minta penjelasan daripada Bahagian Pentadbiran Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Sudah boleh dah. Mengikut Menteri yang *in-charge* Parlimen, 'Gabenor' Parlimen... [Merujuk kepada Yang Berhormat Arau] – Okey. Boleh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak apa. Selepas ini jumpa Yang Berhormat Menteri.

13. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan bekalan tenaga buruh di sektor pertanian mencukupi dan apakah jaminan kementerian agar bekalan tenaga buruh tidak membawa masalah kepada pengeluaran hasil pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Masalah kekurangan tenaga buruh dalam sektor pertanian ini, memang serius. Dengan sebab itu, kerajaan mengambil langkah untuk membenarkan pengambilan pekerja asing bagi membuat kerja-kerja di ladang-ladang dan juga di sektor pertanian. Kementerian Pertanian bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Sumber Manusia dan pejabat imigresen membenarkan pengambilan untuk maksud ini.

Walau bagaimanapun, kementerian memandang bahawa kita tidak boleh bergantung kepada pekerja asing buat selama-lamanya. Dengan sebab itu, tindakan jangka panjang ialah untuk bukan sahaja menggalakkan pekerja-pekerja tempatan yang pada sekarang ini tidak begitu berminat untuk bekerja di ladang-ladang dan di sektor pertanian yang lain. Akan tetapi juga mengambil langkah untuk menggunakan mesin dan juga *automation* dalam sektor pertanian.

■1130

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai begitu banyak sekali pusat-pusat latihan untuk melatih mereka menjadi pekerja-pekerja yang mahir dan menggunakan jentera dan juga alat-alat yang sesuai digunakan dalam aktiviti pertanian. Oleh kerana masa sudah cukup,

selalu nampak Dewan bagi saya *last. This is second time. Last not enough*. Tolonglah letak atas sikit *if you want me to answer completely*. Datuk Setiausaha Parlimen, tolong ambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Selesai pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2012) 2013

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.32 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 9 Julai 2013.”

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas”. **[4 Julai 2013]**

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di atas satu usul yang telah saya serahkan kepada Setiausaha di bawah kaedah 43 iaitu mengenai meminta supaya keputusan Tuan Yang di-Pertua mengenai isu subjudis di dalam kes Kugan ditimbang semula. Saya telah serahkan usul ini pada 2 Julai iaitu telah mencukupi tempoh notis selama dua hari. Oleh itu, saya meminta supaya Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan bila usul ini boleh dibahaskan. Saya juga ingin menyatakan bahawa usul seperti ini sepatutnya diberikan keutamaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, kita ada menerima usul tetapi kita perlu mendahulukan urusan-urusan kerajaan terlebih dahulu. Usul Yang Berhormat memang dicatatkan pada nombor 24 pada hari ini.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Usul ke-24 itu adalah usul lain. Usul ini adalah di bawah Peraturan Mesyuarat 43 iaitu untuk menimbang semula *ruling* Speaker. Yang ke-24 itu adalah usul yang lain. Itu adalah usul biasa, notis 14 hari. Ini adalah usul *substantive*, notis dua hari. Saya percaya bahawa memandangkan bahawa ia meminta supaya *ruling* Speaker ditimbang semula, ia sepatutnya diberi keutamaan. Jadi yang saya minta adalah supaya satu keputusan dibuat. Mungkin selepas rundingan dengan Speaker supaya ia diberi keutamaan selepas *question time*. Mungkin esok ataupun...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Nanti saya buat semakan ya.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hari ini giliran Yang Berhormat Menteri untuk menjawab perbahasan kita. Kita ada 24 kementerian dan masa yang diberikan hanyalah empat hari. Saya harap giliran pertama, Kementerian Pendidikan dapat menghabiskan sebelum pukul satu. Sila, Yang Berhormat Menteri.

11.35 pg.

Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih ke atas titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi perhatian khusus kepada agenda pendidikan negara. Selaku peneraju kepada transformasi ini, saya ingin memastikan agar agenda transformasi ini berjaya mencapai matlamatnya seperti mana yang diharapkan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada 30 orang Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian, yang memang berminat dalam bidang pendidikan untuk melihat transformasi pendidikan negara.

Kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dilancarkan pada tahun ini dan tamat pada tahun 2025 yang akan memastikan kedudukan persekolahan kita melonjak daripada keadaan sekarang ini ke tingkat satu per tiga teratas di dunia.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Pelan ini telah mengambil masa dua tahun untuk dilaksanakan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh minta penjelasan?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ya, bangun sudah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sila, sila.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya dengar tentang transformasi pendidikan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri iaitu tentang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang sekarang telah dijadikan kepada Sistem Modulan Tingkatan Enam sejak tahun 2012. Dari jawapan yang saya terima, sambutan dalam sistem modulan ini kurang memuaskan. Antara yang ditawarkan ialah 202,053 orang, hanya 62,046 orang yang melapor. Bagaimana dengan pandangan dari Yang Berhormat Menteri ini? Adakah transformasi ini tidak dapat sambutan yang menggalakkan. Adakah ia akan dikaji semula? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Saya belum sampai situ lagi. Baru hendak masuk gear sudah tanya soalan. Sebenarnya saya hendak jawab yang terdahulu

kerana ada persoalan-persoalan yang diungkit daripada Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Jelebu yang sekarang sudah tidak jerebu, Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Ayer Hitam dan Yang Berhormat Rantau Panjang yang bercakap tentang transformasi pendidikan negara. Biar saya jawab yang sudah tanya dahulu. Tidak adil yang dahulu itu ditinggalkan.

Saya katakan tadi bahawa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) ini mengambil masa hampir dua tahun untuk dilaksanakan yang dipengerusikan pula oleh mereka yang hebat-hebat. Tan Sri Zulkifli Abdul Razak dari USM dahulu, Tan Sri Tony Fernandez, Tan Sri Wan Zahid, Tan Sri Jeffrey Cheah dari Sunway, Tan Sri Zarinah Anwar dari Securities Commission dan ramai lagi yang telah membuat kerja-kerja mereka secara terperinci dengan perjumpaan Town Hall atau dewan terbuka yang melibatkan 17,000 orang, 750 orang guru besar, 22,000 orang murid, juga mengambil kira blog 3,000 artikel dan blog universiti awam dan sebagainya yang mengatakan inilah satu usaha oleh kerajaan untuk memastikan dalam proses transformasi ini.

Semuanya diambil kira tanpa meninggalkan pandangan-pandangan daripada UNESCO, pandangan-pandangan daripada Bank Dunia dan mengambil kira perkiraan, pengukuran *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan juga PISA daripada OECD iaitu *Program for International Student Assessment* (PISA) yang mana dalam mengambil kira semua ini, kita *insya-Allah* akan pastikan agar pelan pembangunan pendidikan negara ini akan mencapai kehendak seperti mana yang saya katakan tadi satu per tiga teratas di dalam dunia.

■1140

Dengan itu, inisiatif-inisiatif telah diambil guru-guru yang dikatakan setiap kali apabila kita hendak menilai sekolah-sekolah di mana dikatakan kita lemah dalam bahasa Inggeris. 60,000 guru-guru bahasa Inggeris telah diberi ujian di bawah *Cambridge Placement Test* yang sebenarnya untuk melihat taraf pengajaran mereka. Bukan itu sahaja, kita wujudkan sekolah berprestasi tinggi di mana sekolah-sekolah ini dinilai semula untuk memastikan mereka mempunyai prestasi yang tinggi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ha, ganggu lagi. Okey, sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana begitu bersungguh-sungguh merangka Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 hingga 2025. Ini satu anjakan dan juga perancangan yang begitu teliti. Dalam usaha untuk kita mencapai satu tahap pendidikan yang bertaraf dunia. Apa disebut Yang Berhormat Menteri tadi ialah kita hendak capai tahap ketiga di peringkat dunia kalau saya tidak silap. Saya hendak tahu apa ukuran yang kementerian lakukan untuk menentukan standard ini. Satu.

Kedua ialah kita tahu bahawa dalam keadaan zaman sudah berubah permintaan dan kehendak rakyat juga sudah makin berbeza sekarang. Kita berhadapan dengan apa yang diistilahkan sebagai zaman k-ekonomi iaitu keperluan kreativiti, inovasi dan keupayaan berfikir ini

perlu ditanam dalam diri pelajar itu sendiri. Saya menyebut perkara ini dalam ucapan saya waktu saya membentangkan usul ini. Apakah yang ditekankan oleh kementerian dalam Pelan Pembangunan Pendidikan ini? Maksud saya ialah bermula di tahap mana sama ada Darjah Satukah, menengahkah atau bagaimana bagi membolehkan persediaan begitu baik dilakukan oleh kementerian bagi melahirkan warga dan masyarakat yang benar-benar berkeupayaan menghadapi cabaran yang semakin kuat ini. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Ini yang kata tidak payah masuk *gear* ini. *Gear* satu, *gear* dua sudah. Dalam dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah berhubung dengan apa yang dikatakan *high order thinking* ataupun pendeknya HOTS (*High Order Thinking Skill*) yang kita terapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Malah bukan sahaja di sekolah-sekolah tapi juga di peringkat pengajian tinggi agar pelajar bukan sahaja dapat meluahkan apa yang diajar oleh guru-guru ataupun pensyarah semasa di kelas tetapi juga boleh berfikir dan memberi pandangan mereka masing-masing agar proses pemikiran itu terus berjalan. Ini kerana tidak mencukupi mereka itu hanya dapat pencapaian akademik yang tinggi tapi bila mereka ditemu duga mereka tidak boleh menjawab soalan-soalan dengan baik kerana mereka hanya dapat mengeluarkan apa yang mereka belajar di sekolah-sekolah lagi.

Tadi dikatakan tentang ukurannya. Memang ukuran dunia kita menggunakan TIMSS (*Trend in International Math and Science Study*) yang tahun depan akan ada pemeriksaannya dan juga PISA pada tahun 2015. TIMSS tahun depan, PISA tahun 2015. Oleh itu, kita boleh melihat di mana kedudukan kita sama ada kita dapat mencapai kedudukan kita yang saya katakan tadi pada tahun 2025 nanti, kedudukan kita nanti satu pertiga terbaik di dunia. Bukan ketiga, satu pertiga dalam Band 1 - 3 yang terbaik di dunia.

Sebab itu dikatakan program-program LINUS iaitu Literasi dan Numerasi boleh membaca dan menulis, boleh mengira dengan baik. Kita lihat keputusan tahun lalu kita lihat peningkatan yang ketara. Kalau dahulunya 13%, tahun 2000 kanak-kanak yang memang tidak boleh membaca dengan baik. Tahun lalu sudah berkurangan kepada 0.16%. Tidak sampai 1% pun. Untuk numerasi pula kalau tahun 2000 ianya 24%. Pada tahun lalu telah berkurangan menjadi 0.08%. Ini merupakan satu peningkatan-peningkatan yang baik yang telah diusahakan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Negara.

Tidak kurang juga kita lihat di mana kita ada program-program yang mendapat kritikan yang besar sekarang ini. Ini pun Ahli Yang Berhormat ada ungkitkan tentang PBS ataupun Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang sememangnya kita mengaku bahawa ada masalah di peringkat permulaannya kerana isu teknologi, isu sistem, isu latihan yang dikatakan sebagaimana komputer tadi. Timbalan Menteri mengatakan bahawa isu komputer yang masih perlu didedahkan, dilatihkan dan isu pemahaman yang perlu dilakukan dari semasa ke semasa.

Sebenarnya apabila kita mengadakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) ini, kita harap kita boleh mengukur bukan hanya pencapaian akademik pelajar semata-mata tapi juga boleh mengukur intelek mereka, boleh mengukur kerohanian dan emosi mereka, boleh mengukur

kedudukan kefahaman sosial dan psiko motor mereka. Itulah langkah-langkah yang dikatakan sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah untuk memastikan agar sistem pendidikan kita ini akan bertambah baik.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: [Bangun]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ramai yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey, hendak bangun tanya soalan. Ingat hendak keluar tadi.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Kluang tanya soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi yang mana Yang Berhormat?

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Temerloh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Temerloh.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyebut hendak *refer* balik kepada PBS tadi, Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Walaupun disebut tadi telah ada beberapa langkah daripada pihak kementerian dan menyedari masalah yang berlaku tapi apa yang saya lihat masih sangat ketara. Dua pihak iaitu yang pertama guru dan yang kedua pelajar. Guru, dia tidak puas hati sekurang-kurangnya atas beberapa *point*, yang pertama berkenaan dengan penggunaan internet, e-sistem terutama mereka yang mengajar di sekolah-sekolah luar bandar.

Saya kira hendak mengatasi masalah internet di sekolah-sekolah luar bandar ini akan berpanjangan empat, lima, enam tahun. Jadi sampai bila kita hendak mengorbankan kedudukan ini sehinggakan guru terpaksa beli *broadband* sendiri untuk mencari *coverage* dan seumpamanya. Kemudian, mereka juga bimbang kerana terpaksa mengisi *evidence* saban hari ini, tidak dapat hendak mengejar topik-topik dalam sukatan pelajaran dalam masa yang ditetapkan.

Kemudian, yang kedua ialah pelajar. Pelajar jadi malas mengulang kaji sebab mereka telah tidak ada peperiksaan dan tidak ada kerja rumah untuk mereka. Saya rasa ini membebankan guru dan juga mengancam masa depan pelajar. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Boleh saya sambung kepada Yang Berhormat Temerloh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya dengan pelan PPPN ini. Adakah kerajaan sedar bahawa kerumitan yang dialami oleh pelajar-pelajar kita mengenai kefasihan dalam bahasa Inggeris adalah disebabkan tidak ada diwajibkan untuk

kelulusan di Tingkatan Lima dan sebagainya? Adakah kerajaan akan menggunakan satu peperiksaan supaya diwajibkan kelulusan untuk mendapat sijil Tingkatan Lima? Adakah Yang Berhormat akan menjawab soalan mengenai matrikulasi sekarang atau saya boleh tanya soalan mengenai sedemikian *on matriculation*?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, PBS.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: PBS Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nanti lupa banyak sangat isu ini. Kena jawab satu-satu.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Mengenai PBS juga, PBS juga.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: PBS boleh.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin mengemukakan sesuatu cadangan kepada PBS ini. Selain daripada masalah teknikal, masalah beban yang penting saya rasa adalah masalah objektiviti di dalam penilaian kerana setiap guru, setiap sekolah ada cara dia membuat penilaian. Bagaimana kita hendak mengekalkan unsur subjektiviti ini apabila guru membuat penilaian? Bagaimana kita hendak membandingkan penuntut di dalam satu tahap daripada satu sekolah dengan satu sekolah? Kalau dahulu kita ada keputusan akademik tetapi sekarang ini penilaian PBS itu kita kata *subject is questionable subjectivity* kerana penilaian ini memang subjektif. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri, PBS juga. Saya yang tanya soalan asal itu. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri timbangkan adakah penilaian semula akan dijalankan kerana ramai guru sudah bincang dengan saya dan bantah. Mereka minta kalau boleh menilai semula kerana asalnya sistem ini dari Eropah dan di negara-negara Eropah kelas itu ada 15 orang murid sahaja ataupun sepuluh orang murid sahaja. Di sini mungkin sekolah jenis kebangsaan, mungkin ada 50 orang murid dalam satu kelas.

■1150

So, ia memang tidak begitu sesuai untuk negara ini dan saya hendak bawa hasrat ramai guru yang mereka minta kalau boleh dengar mereka dan buat penilaian semula. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri, Parit Sulong. Sama juga perkara yang sama mengenai PBS ini.

Beberapa Ahli: Sama juga, semua sama.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih. Saya setuju juga apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Kluang tadi sebab saya rasa ada timbul persoalan mengenai kapasiti guru dalam melakukan pentafsiran ini. Kadang-kadang ia agak berbeza dari satu-satu sekolah kepada satu-satu sekolah. Akan tetapi saya hendak tanyalah pada pihak kementerian, bagaimana kementerian hendak membetulkan persepsi ini dan hendak mengukuhkan balik bahawa sistem PBS ini adalah sistem yang sebenarnya untuk penambahbaikan kepada sistem pembelajaran sekarang di Malaysia ini. Saya harap dapatlah ia diperluaskan dan dimaklumkan kepada semua sekolah bagi membetulkan persepsi ini. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey, terima kasih. Sebenarnya diwujudkan PBS ini kerana peringkat permulaan kita juga di Parlimen mengatakan sistem kita ini terlalu *academic oriented*, dengan izin, terlalu menggunakan pengukurannya hanya akademik. Jadi, pelajar-pelajar kita apabila keluar negara tidak boleh, tidak ada *critical thinking*, pemikiran kritikalnya kurang, pelajar kita ini kokurikulumnya rendah, sahsiahnya rendah, tidak sampai peringkat yang kita inginkan.

Apabila ramai kita dan juga ibu bapa, masyarakat, yang mana dalam sistem pendidikan ini memang ada 28 juta konsultan pendidikan kerana kita mempunyai - memang betul begitu, ada anak saudara, ada adik-beradik di sekolah. Jadi, ramai sistemnya. Jadi dengan itu, kerajaan membuat satu keputusan, telah kita bincang. Saya katakan tadi, sebab itu saya mula tadi dengan mengatakan tentang mereka yang mengambil bahagian di dalam kita melaksanakan PPM ini, bukannya calang-calang orang juga. Merekalah memberi input kepada kita. Bukan hanya dalam negara kita tetapi luar negara.

Oleh sebab itu kita melaksanakan PBS tetapi memang ada masalah-masalah di peringkat permulaan, masalah capaian *internet* tadi, betul. Saya setuju bukan tidak setuju. Kita telah mula membuat penambahbaikan dengan 1BestariNet dan sebagainya dan juga pastikan agar capaian *internet*. Bukan hanya capaian tetapi juga kapasiti kelajuan itu ditingkatkan. Di samping itu saya katakan permulaan tadi bahawa ramai juga guru yang merasakan bahawa yang perlu diberi latihan apa sebenarnya objektif...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nanti sekejap, tidak jawab saya nanti. Oleh itu mereka tidak faham. Begitu juga kefahaman kepada ibu bapa juga telah dilaksanakan dan *alhamdulillah* apabila kita memberi kefahaman kepada ibu bapa, ramai yang mengatakan ini yang kita hendak sebenarnya, jawab betul. Dia kata ini sebenarnya kerajaan patut buat lama dah sekarang ini, cuma kita tidak faham dia kata baru-baru ini. Jadi, itulah saya memahami dan kita memang tahu. Tentang objektiviti, subjektiviti ini memang tidak habis sebenarnya walaupun kertas peperiksaan pun, dalam guna sistem pemeriksaan akademik pun memang ada subjektiviti. Ada di mana guru memang tidak akan dapat memberi markah yang sama walaupun di kawasan yang sama. Dua guru akan memberi markah yang berbeza-beza tetapi kita tidak boleh.

Akan tetapi kita boleh mengurangkan masalah subjektiviti tadi dengan cara kita memberitahu mereka apakah yang dikehendaki. Kita mengurangkan jurang-jurang tersebut dan dengan ini kita harap ia akan dapat meningkatkan prestasi dan juga sistem penilaian sekolah yang melalui program PPM atau Program Pembangunan Sekolah tadi.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan berkaitan dengan PBS ini juga. Sejauh mana sebenarnya latihan ataupun kemahiran yang telah diberi, persediaan guru-guru sebelum sistem ini dilaksanakan. Ini kerana maklumat yang kita terima di bawah, guru-guru tidak mendapat, sebahagian besar mereka belum mendapat kemahiran sebelum pelaksanaan ini dibuat. Maka, apabila dasar ini dilancarkan, diarahkan, barulah latihan-latihan dibuat. dan sebahagian mereka tidak dapat menguasai sistem

ini. Saya ingin penjelasan, sejak ia dilancarkan sampai sekarang, dilaksanakan, apakah hasil kajian yang telah dibuat. Sejauh mana keberkesanannya terhadap pelajar dan sistem pembelajaran itu sendiri, minta penjelasan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Menteri, berkaitan sama.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Apa dia..., PBS lagi?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Masih dalam hujah yang sama.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Menteri, nampaknya kita melihat di sini bahawa guru mesti diberi fokus dan tumpuan kepada P&P supaya ia tidak lari dan menanggung beban kepada kerja-kerja yang lain. Saya juga kalau tidak silap mendengar beberapa kenyataan daripada pihak kementerian. Apakah usaha kementerian untuk mengurangkan bebanan guru ini, tidak payah lagi dibuat kerja-kerja perkeranian, isi borang, ambil lagi soal pungut yuran pelajar dan sebagainya.

Akan tetapi dia hanya menumpu kepada P&P sahaja kerana kebimbangan kita kalau guru dibebani dengan tanggungjawab lain di luar daripada skop bidang kerja dia, maka setidak-tidaknya ia menjejaskan kepada markah dan sebagainya, akan wujud ketidakadilan dan sebagainya. Apa usaha kementerian untuk mengurangkan bebanan guru ini supaya fokus kepada soal P&P sahaja. Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Batu Gajah bangun Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, tentang PBS juga, boleh?

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Timbalan Menteri, saya biasa terima banyak rungutan daripada guru-guru berkaitan dengan sistem PBS ini. Adakah pihak kementerian telah membuat satu kajian terperinci menghubungi guru-guru dan mendapatkan maklum balas daripada guru-guru berkaitan dengan program yang sedang dilaksanakan ini. Ini kerana saya cukup risau, untuk menjayakan sesuatu program pendidikan yang sangat penting itu adalah guru. Kalau guru-guru itu mereka menghadapi masalah dari segi motivasi ataupun emosi, maka ia boleh mengganggu keseluruhan pelaksanaan projek tersebut. Jadi, ada tak pihak kementerian telah membuat satu kajian terperinci berkaitan dengan hal ini? Itu sahaja.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, Tebrau di sini.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Cukup dahulu kerana saya hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Perkara yang sama.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sama? *Last one*. Saya tidak jawab pasal benda yang ditanya itu sudah belum terjawab lagi.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan manfaat yang boleh datang melalui sistem PBS tetapi saya rasa sekarang ini saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Lenggong, masalahnya ialah beban kerja. Jadi, saya sudah banyak kali cadangkan bahawa pihak kementerian hantar pegawai-pegawai bukan guru, kerani yang berkebolehan yang boleh menguruskan kerja-kerja *paper work* itu. Jadi, saya percaya kalau ini di atasi, semua aduan tentang PBS akan tidak ada lagi. Sekian.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, itulah hendak jawab tadi sudah tanya pula. Sebenarnya memang kita faham. Sebenarnya dalam apa juga program-program baru, perancangan-perancangan baru ia tidaklah kita buat tanpa kita membuat perancangan dan kajian.

Sebelum PBS ini dilancarkan di sekolah-sekolah, 500 buah sekolah sudah melaksanakan program ini sebagai kajian peringkat permulaan. Selepas dirasakan mereka sesuai untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah, selepas itu dilancarkan ke sekolah-sekolah. Mungkin dikatakan tidak mencukupi latihan, itu kita akur, bukan semuanya dan itu kita tingkatkan latihan-latihan.

Oleh sebab itu saya katakan tadi apabila kita bawa, kita berjumpa dengan ibu bapa dan beritahu kepada mereka apa sebenarnya PBS, mereka kata seperti yang saya katakan tadi, inilah sepatutnya sudah buat banyak tahun yang lalu. Oleh kerana kita dapati betul Yang Berhormat, ada beban-beban peningkatan kepada guru-guru. Oleh sebab itulah kita telah mula di Kedah dan Sabah dengan peningkatan program PTPO ini, Gred 17 pembantu guru yang telah kita tambah 300, 634 di Kedah, 893 di Sabah dan akan diteruskan kepada negeri-negeri yang lain agar seperti kata Yang Berhormat tadi dan bolehlah beritahu di kampung bahawa kementerian akan menambah pembantu-pembantu guru ini agar beban kepada guru ini akan berkurangan.

Di samping itu juga bukan hanya dengan memberi tambah pembantu, kita juga sedang mengkaji bagaimana beban. Saya pun dengan kakitangan beritahu mereka mungkin ada laporan yang tidak perlu dibuat oleh guru-guru. Kadang-kadang laporan itu terlalu *detail*, dengan izin, terlalu terperinci yang membebaskan guru-guru. Oleh itu kita sedang mengkaji bagaimana guru itu tidak dibebankan dengan terlalu banyak perincian di dalam mereka membuat penilaian-penilaian mereka.

Baik saya bergerak kepada kualiti pendidikan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Merbok yang bertanya pula tentang apa sebenarnya yang sedang berlaku di universiti.

■ 1200

Tadi kita bercakap tentang sekolah-sekolah kerana apabila wujudnya dua kementerian bergabung, Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi, memang ianya merupakan satu perkara yang baik kerana sudah tidak ada perbezaan di antara sekolah rendah

dan juga pusat pengajian tinggi. Jadi mereka boleh duduk sekali. Baru-baru ini satu program telah dilaksanakan di sebuah universiti di mana universiti turun ke sekolah-sekolah memperkasakan program-program bahasa Inggeris. Bukan itu sahaja, ia dilaksanakan untuk program-program yang lain juga. Kita lihat di universiti-universiti sendiri banyak perubahan telah berlaku. Katakanlah sekarang ini, kita lihat universiti-universiti, Universiti Malaya sendiri yang telah mendapat tempat 156 dan *QS World University Rankings* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kita lihat bagaimana penerbitan-penerbitan telah bertambah kerana apabila kita melihat untuk memastikan, untuk mengangkat prestasi universiti-universiti kita, mereka membuat penerbitan. Kita lihat sekarang ini penerbitan telah bertambah menjadi lebih 13,000. Tahun lalu angkanya ialah sehingga kini angkanya ialah 13,168. Bukan hanya penerbitan tetapi juga *citation* di mana penerbitan itu diambil, diguna pakai oleh mereka di dalam negara dan juga di luar negara. Dari segi *citation*nya 13,840. Ini mengatakan bahawa pengiktirafan telah dapat dilihat dengan lebih jelas lagi apabila kita mengadakan Pelan Strategik Pembangunan Tinggi (PSPTN) dan dengan ini kita lihat bahawa, kita juga telah mengadakan AKEPT iaitu Akademi Pengajian Tinggi di mana ia akan melatih pemimpin-pemimpin ataupun pensyarah-pensyarah untuk memastikan mereka lebih diberi latihan bukan hanya di dalam negara tetapi di luar negara. Mereka mengetahui apa yang sebenarnya berlaku dalam konteks universiti di luar negara agar kita boleh meningkat taraf prestasi kita keseluruhannya.

Begitu juga dengan EMGS, Pendaftaran Pelajar-pelajar Luar Negara yang juga kita kalau dahulunya kita lihat ramai pelajar-pelajar yang dikatakan mendatangkan masalah. Pelajar-pelajar luar negara yang mendatangkan masalah.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sila

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memujilah langkah kerajaan ke arah program untuk memartabatkan universiti di Malaysia. Memang satu langkah yang bijak setelah kita pisahkan antara KPT dan Kementerian Pelajaran pada tahun 2003. Jadi saya risau jugalah apabila disatukan, ia menjadi besar, maka fokusnya akan tidak begitu baik. Jadi saya menggesalah supaya fokus diberikan kepada universiti terutama dalam penyelidikan kerana penyelidikan ini adalah pemangkin kepada negara maju.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, sedikit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] : Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang kualiti pendidikan negara. Saya bimbang di mana kementerian mempunyai sikap angkat bakul masuk sendiri. Ini kerana mengikut penilaian terbaru *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) yang telah pun

penilaiannya dibuat di peringkat antarabangsa di mana kedudukan tanah air kita khususnya di peringkat sekolah menengah telah pun jatuh daripada tangga 32 di mata pelajaran Sains dan 26 di mata pelajaran Matematik berbanding dengan Singapore dan Korea yang menduduki tempat yang tertinggi di penilaian TIMSS ini. Apakah, di mana kerajaan sedar kelemahan pembelajaran Sains dan Matematik ini dan adakah kementerian sudah mempunyai rancangan untuk meningkatkan kualiti pendidikan khususnya mata pelajaran Sains dan Matematik yang begitu penting dalam pembangunan negara.

Soal aspek yang kedua adalah, boleh tidak saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kerajaan pada masa yang sama telah pun meluluskan lebih kurang 102 buah *international schools* yang dibenarkan untuk didirikan di tanah air kita? Ini kerana untuk menampung keperluan. Saya rasa ramai anak-anak menteri pun semua masuk *international school*, bukan masuk sekolah kebangsaan. Adakah kerajaan mempunyai pandangan dan wawasan yang cukup pragmatik untuk menghidupkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris sebagai *lingua franca, english medium school that used to, we have used to have*. Adakah kerajaan mempunyai supaya sistem arus perdana pendidikan negara kita dapat bersaing di persada antarabangsa? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri. Kita dimaklumkan tentang penggabungan dua kementerian. Saya mahu penjelasan Yang Berhormat Menteri apakah nanti tidak berlaku pertindihan tugas, *red tape* yang lebih ketara apabila dua menteri, dua KSU, dua sektor iaitu sekolah dan IPT?

Keduanya apakah fungsi IPT akan terus diberikan peranan yang sewajarnya memandangkan isu dan saiz sektor persekolahan lebih besar dan pelbagai? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh: Okey terima kasih Yang Berhormat..

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh celah sedikit.

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh: Saya jawab dulu. Takut tertinggal, banyak sangat. Saya beri peluang, relaxlah.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Okey, *thank you*.

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh: Okey, dengan izin *relax*. Tentang fokus tadi, dua Yang Berhormat telah bertanya soalan tersebut. Sebenarnya ianya baik untuk kerajaan kerana apabila ianya *stimulus* dengan izin tidak ada sekatan, selari daripada pra sekolah kepada sehingga IPT, kita lihat ada pertindihan. Kalau dahulunya kita ada Kolej Komuniti. Kalau dahulunya kita ada sekolah vokasional dan kita ada politeknik yang ada pertindihan fungsi mereka. Oleh kerana mereka diletakkan dalam dua kementerian, ia tidak dapat diselaraskan dengan baik. Begitu juga dengan IPG, Institut Perguruan dan juga universiti-universiti. Dengan adanya percaturan ini, tidak ada lagi masalah sama ada mereka masuk IPG ataupun mereka ke universiti, ianya dapat diselaraskan dengan baik.

Begitu juga katakanlah kita mengeluarkan perbelanjaan kerajaan. Kalau dahulunya ada dua bahagian sumber manusia, sekarang ada satu sahaja sumber manusia. *Corporate comm.*, dari segi komunikasinya ada satu bahagian. Jadi ini mengurangkan sebenarnya beban rakyat dalam kita melaksanakan program-program pendidikan. Sebenarnya tidak ada masalah dari segi pengurusan kerana Ketua Pengarah Pendidikan untuk sekolah-sekolah masih kekal dengan struktur-struktur. Begitu juga di peringkat universiti, IPT masih kekal struktur-struktur untuk pastikan. Jadi kita lebih fokus sekarang ini, kita mempunyai seorang Datuk Seri Zaini Ujang daripada UTM yang menjadi KSU II yang melihat tentang pendidikan tinggi. Saya melihat apa yang dilaksanakan oleh kerajaan ini gabungan ini, lebih baik untuk kita semua bukannya membebankan kita semua.

Ini dikatakan tadi tentang angkat bakul masuk sendiri. Tidak ada bakul pun, masuk pun tidak masuk. Sebab itu saya katakan apabila membuat penilaian, penilaian kita bukan hanya kita nilai sendiri. Saya sudah angkat mula-mula tadi, tidak dengar itu masalahnya. Saya kata kita sudah bawa semua, kita dengar pandangan-pandangan daripada UNESCO, daripada Bank Dunia, OACD mereka beritahulah. Betullah yang tadi Yang Berhormat kata tadi. Akan tetapi kita tahulah kedudukan kita.

Oleh sebab itu kita tidak syok sendiri, sebab itu kita ada pelan pembangunan pendidikan untuk memastikan agar sekolah-sekolah kita ini berprestasi tinggi. Oleh sebab itulah kita menjalankan program-program yang kita laksanakan tadi. Kita tidak mahu menafikan apa yang ada pada masa kini tapi kita mengatakan tentang 2025 nanti *insya-Allah* kita akan menjadi negara yang 1/3 terbaik, itulah janji kita kepada rakyat sebenarnya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh saya...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat boleh saya mencelah, sedikit sahaja. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar sebenarnya tadi saya petik daripada Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) antara lebih kurang 60 buah negara, di mana kedudukan Malaysia, kedudukan kita adalah merosot yang paling teruk. Dulu kita pernah menduduki tangga ke-12 dan 16 dari segi Sains dan Matematik di sekolah menengah.

■1210

Kini kedudukan kita jatuh kepada 26 dan 32. Ini adalah penilaian antarabangsa bukannya yang dibuat oleh pihak diri kita. Adakah kerajaan sedar, dan apakah langkah-langkah proaktif yang akan diambil untuk mengelakkan tahap pembelajaran Sains dan Matematik terus merosot, apabila kita menuju ke wawasan negara maju? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekali tidak?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ya, silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedarkah kementerian bahawa kita makin hari saya lihat makin ramai pelajar-pelajar mendapat 9A, 12A tetapi apa yang kita perolehi pembelajaran kita makin merosot? Jadi apa pendekatan yang akan diambil oleh kementerian khususnya untuk memperkasakan sekolah kerajaan yang sedia ada sesuai dengan Perlembagaan Negara kita.

Sebab kalau tidak, ini akan menjuruskan negara kita ke kancah pembelajaran yang begitu kritikal sebab tidak ada unsur-unsur memperkasakan, *to empower* kita punya sistem pendidikan itu sendiri. Contohnya, kita sudah ada sekolah kerajaan yang sedia ada tetapi kita galakkan sekolah jenis kebangsaan yang lain, jadi ini memecahbelahkan sistem pendidikan yang sedia ada. Jadi apa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa sistem yang sedia ada ini dapat diperkasakan dan boleh mewujudkan satu bangsa Malaysia yang menerima sistem pembelajaran kita untuk pembangun masa depan negara.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang Berhormat Kinabatangan...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Isu sama. Boleh dapat penjelasan?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nanti kejap, sudah ulang dua kali tadi. Dia hendak beritahu seolah-olah dia sahaja yang tahu. Kita tahu sebenarnya sebab itu saya sudah katakan tadi, tapi tidak hendak dengar. Kadang-kadang pembangkang ini tidak hendak dengar. Saya tadi sudah berapa kali saya katakan tadi kita ada rujukan kita kepada badan-badan antarabangsa. Kita semua ada angka bukan tidak ada.

Bila saya kata, kita ada rujukan kita, sebab itu kita hendak memperbaiki, sebab itulah kita merasakan kita perlu memperbaiki, menambah baik sistem tadi. Kalau tidak, tidak adalah kita hendak buat pelan pembangunan, pelan perancangan pendidikan, pembangunan pendidikan untuk menambahbaikkan sistem yang ada pada masa kini. Jadi tidak perlulah ulang dua, tiga kali, kita tahu. Sebab itulah kita menggunakan mereka dan *ranking* inilah yang Yang Berhormat katakan tadi. Okey....

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri. Soalan kita, soalan kita bukan sama ada...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Bagi saya jawab dahulu soalan tadi.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya tanya soalan lain, Yang Berhormat Menteri jawab lain.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nanti saya jawab tidak habis nanti.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Soalan kita bukan perancangan. Apakah langkah-langkah spesifik yang akan diambil jangan kata hanya ada perancangan sahaja. Kita tahu ada rancangan, ada *blueprint* tetapi apa yang ada dalam *blueprint*, langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ada inisiatif-inisiatifnya, 25 inisiatif. Ada semua dalam *blueprint*, lengkap semua. Kalau hendak lihat memang *blueprint* itu lengkap. Ada dalam internet pun ada...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Kalau Yang Berhormat memang ada inisiatif-inisiatif lengkap, yang jelas yang saya...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Akan tetapi indah khabar dari rupa sahaja, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Kita ada tiga gelombang. Gelombang satu, gelombang dua dan gelombang tiga. Gelombang ketiganya pada tahun 2025 untuk memastikan yang kita mencapai inisiatif-inisiatif yang jelas yang kita katakan apa yang hendak dilaksanakan. Tadi saya katakan dalam bahasa Inggeris, dalam bahasa *critical thinking* ada *hot*, saya katakan tadi. Dalam Matematik dan Sains ada program-programnya untuk meningkatkan prestasi-prestasi pelajar-pelajar kita dalam bidang tersebut. Jelas, dalam buku itu memang jelas. *So*, ada inisiatifnya, ada *milestone*, ada masa-masa jelas di mana inisiatif-inisiatif yang hendak dijalankan dalam gelombang pertama, inisiatif yang hendak diadakan dalam gelombang kedua, inisiatif yang hendak diadakan dalam gelombang ketiga. Bukannya kita buat ikut suka.

Saya katakan tadi kita sudah buat *town hall meeting*, semua pembangkang sudah pergi, ibu bapa semua pergi untuk memastikan kita semua mendapat memorandum, kita mendapat referendum daripada rakyat dan inilah pandangan-pandangan yang telah kita terima apabila kita melaksanakan pelan pembangunan pendidikan tersebut. Bukan kita buat ikut syok seorang sahaja, kita tidak ada duduk lima orang dan pakar-pakar tadi yang kita telah mengambil kira pandangan-pandangan mereka yang juga sudah mendapat nasihat daripada pakar-pakar antarabangsa untuk kita melaksanakan program tersebut...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Banyak lagi soalan yang... Saya hendak cakap tadi hanya saya sudah pergi mula kepada pelan perancangan pendidikan strategik yang telah diungkit tadi beberapa Yang Berhormat daripada...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Ini berkaitan dengan *education blueprint*, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Bagaimana dengan *English stream school*?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nanti, itu tidak sampai lagi. Kalau hendak itu saya sekarang bercakap tentang perancangan bagi PSP. Saya pergi, saya pergi nanti sekejap. Kalau hendak saya tidak sampai lagi banyak perkara lagi.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Saya tahu banyak perkara lagi isu-isu sekolah-sekolah yang ditanya oleh beberapa Yang Berhormat tadi. Nanti sekejap. Tunggu masa. Kita pergi satu demi satu supaya tidak dikatakan bercampur-aduk ataupun '*bolok-wok*' kata orang Terengganu, bahasa Terengganu kata, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kita pergi pula kepada isu yang juga ditanya daripada Yang Berhormat daripada Kulai, Yang Berhormat daripada Penampang, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Rasah dan juga Yang Berhormat Batu Gajah tentang isu-isu perpaduan sekolah. Yang Berhormat Kinabatangan tadi pun bertanya perkara yang sama.

Kita kena menerima hakikat Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa perpaduan hanya boleh wujud jika hanya ada satu sistem, satu sekolah satu aliran sahaja. Jika banyak sistem aliran ia akan menjadi isu tetapi kita menghormati, kita menghormati. Kita menghormati legasi kewujudan sekolah-sekolah vernakular bukan kita tidak menghormati. Kalau banyak sangat sistem dia tidak jadi tetapi kita menghormati. Kerana inilah pakatan kita dahulu dan kerana itulah wujudnya sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil tetapi sekolah-sekolah ini menggunakan kurikulum kebangsaan tetapi mereka boleh belajar bahasa ibunda mereka di sekolah-sekolah.

Itu kita menghormati saya katakan tadi, hendak ulang ini, legasi pendidikan negara kita. Namun kita harap walaupun mereka berbeza sekolah di sekolah jenis kebangsaan di peringkat rendah, kita harap apabila mereka pergi sekolah menengah dia akan jadi satu aliran, iaitu sekolah menengah kebangsaan. Inilah sebenarnya semangat Penyata Razak dan semangat Penyata Rahman Talib dahulu agar di peringkat sekolah menengahnya ianya satu aliran.

Sebab itulah ia merupakan langkah-langkah kerajaan untuk melonjakkan, memantapkan sekolah menengah kebangsaan dan untuk memastikan sekolah menengah kebangsaan akan menjadi sekolah pilihan utama. Dengan ini kita harapkan akan wujudnya perpaduan di kalangan kaum kerana kalau pergi sekolah yang berbeza daripada kecil lagi tetapi kita memberi mereka ruang di peringkat sekolah rendah untuk pergi sekolah masing-masing. Akan tetapi di peringkat sekolah menengah kita harap mereka akan pergi satu sekolah, sekolah menengah kebangsaan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ramai yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Beri, beri tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita sedia maklum pada tahun 1985 mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Badawi telah mengesyorkan satu cadangan iaitu RIMUP iaitu Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan

iaitu dengan tujuan menggabungkan sekolah-sekolah mengadakan aktiviti bersama antara sekolah-sekolah pelbagai aliran dan ianya agak rancak sejak beberapa tahun ini.

Akan tetapi satu masalah yang dihadapi oleh Kementerian ialah jarang untuk mendapatkan peruntukan yang mencukupi untuk kita bergerak ke hadapan dengan memperbanyakkan lagi program RIMUP. Apakah cadangan Kementerian untuk kita merencanakan dengan mendapatkan peruntukan kerana itu objektif yang baik dan memang dapat mencapai sekurang-kurangnya objektif yang kita hendak sejak kecil lagi mereka dapat bersama-sama bersukan dan juga aktiviti kokurikulum untuk dianjurkan bersama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih. Saya ingin dapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri sekali lagi adakah Yang Berhormat Menteri percaya bahawa negara kita kurang bersatu. Kita tidak ada perpaduan di antara masyarakat berpunca daripada sekolah kita berasingan bahasa, berasingan arus.

Kalau itu puncanya maksudnya kerajaan harus berusaha untuk hapuskan arus-arus yang lain. Kalau itu bukan puncanya kita harus cari cara untuk mendapatkan perpaduan. Jadi saya agak keliru dengan perkara ini kerana pada suatu ketika Yang Berhormat Menteri sebut puncanya adalah perpaduan ini kerana pelbagai aliran. Pada masa yang sama Yang Berhormat Menteri kata kita kena menghormati legasi ini dan mengukuhkan perbezaan ini. So, saya ingin dapatkan satu penetapan apa maksud Yang Berhormat Menteri?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat sedikit sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sedikit sahaja lagi.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Saya hendak sebut tentang legasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta komen dari Yang Berhormat Menteri tentang komen-komen legasi dan perpaduan.

■1220

Dalam *education blueprint* yang baru, saya rujuk kepada satu mesyuarat rasmi di bulan Februari tahun ini yang dipengerusikan oleh bekas Menteri, Tan Sri Bernard Dompok di Kolej Methodist Kuala Lumpur. Pada mesyuarat itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Ya, pihak Kristian, dan saya pun hadir. Langsung tidak puas hati tentang apa sebab lebih kurang 400 *missionary schools* di negara kita, tidak sebut satu perkataan atau satu *paragraph* tentang *education blueprint* yang baru ini. Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sedikit sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya kewujudan kepelbagaian aliran sekolah bukannya batu penghalang kepada integrasi nasional sebaliknya ia adalah merupakan

aset penting Malaysia di persada antarabangsa. Yang Berhormat Menteri, tahu atau tidak yang sekolah jenis kebangsaan Cina ini bukan untuk yang berketurunan Tionghoa sahaja. Lebih kurang 85,000 pelajar adalah bukan dari orang Cina. Ini adalah untuk semua kaum, semua anak Malaysia. Ini adalah aset yang penting dan saya harap kerajaan dapat memberikan layanan yang adil dan saksama kepada semua aliran sekolah kerana ini adalah warisan bangsa negara yang patut dijaga dan dibela. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Air Hitam tadi yang membangkitkan tentang program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Betul Yang Berhormat bahawa memang kita melihat program ini adalah satu program yang berkesan. Dalam penilaian kita baru-baru ini, kita ingin memastikan supaya peruntukan lebih diberi kepada program ini agar pelajar-pelajar dari pelbagai kaum dapat bersatu padu dalam satu program kokurikulum, aktiviti-aktiviti kurikulum juga aktiviti-aktiviti sekolah yang memastikan mereka dapat hidup. Mereka dapat memahami di antara satu sama lain.

Saya ada seorang pegawai di kementerian yang dahulunya pergi ke sekolah yang mana ada kaum Cina, kaum India dan kawan-kawan kaum Cina datang ke rumahnya. Dia pun pergi ke rumah kawan-kawannya. Kawan-kawan kaum India semua pergi kerana mereka bermula daripada sekolah. Dengan adanya kefahaman tersebut, saya pun dahulu abang-abang saya, sekolah ini memang kita - di kampung saya sendiri pun memang kawan-kawan saya dari zaman persekolahan yang membuat lebihnya integrasi di antara kita semua.

Jadi, masih kita lihat bahawa kita hendak pastikan agar kita hanya ada satu sekolah menengah kebangsaan dan dilonjakkan atau dimantapkan seperti yang saya kata tadi agar ini menjadi sekolah pilihan. Akan tetapi kita menerima dan menghormati legasi kewujudan sekolah-sekolah lain. Itu yang perlu saya katakan dan saya katakan sekali lagi pada kali ini.

Untuk mata pelajaran Sejarah, Yang Berhormat Penampang ada bertanya tentang kurikulum sekolah yang mana ramai pelajar-pelajar kita tidak faham sejarah. Oleh sebab itulah pada tahun ini pelajar-pelajar diwajibkan untuk...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tentang sejarah.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Tidak jawab lagi hendak bertanya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Oleh sebab soalan sejarah ini saya hendak bertanya sedikit.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ya lah nantilah dahulu. Tidak jawab lagi. Nantilah dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bagi peluang selepas ini ya.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nanti dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Selepas ini bagi peluang boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Duduk. Nanti dahulu. Biar saya jawab dahulu. Saya beri peluang kepada semua tadi.

Untuk mata pelajaran Sejarah ini kerana ramai yang tidak tahu. Rukun Negara pun tidak tahu. Bendera macam mana pun tidak tahu. Tidak tahu Perlembagaan Negara. Jadi, oleh sebab itulah kita mewajibkan mata pelajaran Sejarah pada tahun ini dalam peperiksaan SPM. Kita harap dengan kefahaman ini mereka lebih faham. Kita panggil semua pakar-pakar sejarah daripada pelbagai kaum untuk merumuskan inti pati pendidikan tersebut. *Insyallah* pada tahun ini ia akan menjadi satu mata pelajaran wajib dan agar semua pelajar memahami sejarah negara kita...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh ya?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sila Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak merujuk spesifik kepada sejarah ini. Saya ingin bertanyakan kepada pihak Menteri, apakah polisi kerajaan berkaitan dengan tokoh-tokoh yang memang berjasa dari segi menuntut kemerdekaan dalam negara kita ini tanpa mengira sama ada mereka ini daripada ideologi politik mana pun, kiri, Islam dan sebagainya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Kita ada peraturan mesyuarat yang cuma perkara-perkara yang dibangkitkan akan didahulukan dan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya rasa ini relevan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya ingat Yang Berhormat baru dalam..., pada peringkat ini Yang Berhormat, saya minta tolong untuk tidak dibahaskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Cuma saya hendak bertanya, dalam buku teks tentang sejarah saya dapati mereka-mereka yang berjasa ini sepatutnya diberikan ruang untuk diketahui oleh murid-murid sekolah. Ini kerana dari segi sejarah tidak boleh berbohong. Mereka ada jasa mereka. Oleh sebab itulah sebagai contoh, Mat Indera yang telah dinobatkan oleh Kerajaan Negeri Johor... [*Dewan riuh*] Sabar dahulu! Kerajaan Negeri Johor telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...menyatakan bahawa beliau adalah salah seorang tokoh sejarah yang dibanggakan oleh rakyat negeri Johor. Oleh sebab itulah saya ingin bertanya kalau betul mereka-mereka ini ada menyumbangkan kenapa kita tidak harus dedahkan kepada murid-murid sekolah kerana mereka ini juga ada jasanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan hanya menyatakan orang yang terlibat dalam kemerdekaan ini hanya orang UMNO sahaja. Ini tidak betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dari segi sejarah kita telah berbohong tentang sejarah. Ini saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil pengetahuan tentang perkara ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Chin Peng, Chin Peng.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mengambil iktibar tentang isu ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri beri jawapan tentang perkara yang dibangkitkan, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Bila bercakap tentang sejarah tadi sebenarnya...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sekejap, sekejap. Yang Berhormat soalan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama. Boleh minta penjelasan sedikit.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bangun sahaja. Tidak payah macam ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya, ya. Okey, okey.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Kurikulum sejarah ini bukan kementerian senang-senang hendak beritahu nama. Sebenarnya ia diungkit oleh pakar-pakar sejarah yang bukan hanya daripada orang-orang Melayu tetapi dari bangsa Tionghoa, mereka yang terdahulu. Sebenarnya satu komiti yang *high profile*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, telah diadakan. Jadi, kalau dirasakan perlu, merekalah yang akan mengatakan apa keperluan-keperluan itu.

Saya hendak pergi kepada isu yang seterusnya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Iaitu isu berhubung dengan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan. Sedikit sahaja.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nanti *you* banyaklah. Duduk dahulu. Banyak lagi isu ini. Isu Pendidikan Islam yang diungkit oleh Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan juga Yang Berhormat Temerloh tentang masa untuk pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Sebenarnya untuk Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3, kementerian telah memperuntukkan sebanyak 240 minit seminggu. Bagi Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebanyak 160 minit seminggu dan untuk sekolah rendah sebanyak 180 minit seminggu.

Kita dapati bahawa ini adalah mencukupi kerana banyak lagi aktiviti-aktiviti yang berteraskan Islam ini boleh dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti seperti Maal Hijrah, program J-QAF, program Maulud Nabi, bantuan bestari solat dan sebagainya di sekolah-sekolah. Juga berhubung dengan program teknik dan vokasional...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan Yang Berhormat. Mata pelajaran Agama Islam.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya tertarik apa yang disebut oleh Yang Berhormat, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, adakah kementerian bercadang untuk mewajibkan wajib lulus mata pelajaran Agama Islam bagi pelajar-pelajar Islam sebagaimana wajibnya mata pelajaran Sejarah? Ini kerana ianya cukup penting dan ini menjadi asas kehidupan terutamanya yang bukan Islam. Fenomena hari ini kalau kita tengok dalam negara kita cukup membimbangkan. Hanya 25% sahaja keseluruhan orang beragama Islam yang penuh patuh terhadap perintah solat terutamanya sembahyang lima waktu, cukup lima kali sehari. Bagaimana kementerian menangani isu yang sangat penting ini? Kenapa perkara ini tidak dipertimbangkan dalam Sistem Pendidikan Negara?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Dalam merencana untuk memastikan kurikulum dan juga mata pelajaran, masa di sekolah-sekolah, sebenarnya banyak faktor perlu diambil kira. Jadi, pandangan Yang Berhormat itu akan diambil kira dan dilihat di pihak kementerian.

■1230

Saya ingin membawa kepada beberapa usul atau pandangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat daripada Pengerang, Yang Berhormat Kuala Kangsar dan juga Yang Berhormat daripada Limbang berhubung dengan pendidikan vokasional dan juga teknik. Memang untuk di Pengerang, oleh sebab adanya Program RAPID di sana, kita telah memastikan agar Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Pengelih, betul-betul ini. Tanjung Pengelih akan dijadikan kolej vokasional pada tahun 2015 untuk memastikan mereka boleh memberi pendedahan kepada program-program *oil and gas*, dengan izin, di Parlimen tersebut.

Kita lihat kita telah mempertingkatkan program-program pendidikan vokasional, di mana kita telah mewujudkan sekarang ini 15 kolej vokasional. Kalau dahulunya kita dapati hanya ada sekolah vokasional. Akan tetapi ramai yang tidak sedar bahawa 15 buah sekolah vokasional telah diangkat tarafnya, ditingkatkan tarafnya menjadi kolej vokasional, yang mana sekolah-sekolah ini akan menawarkan mata pelajaran untuk mereka yang mendapat diploma daripada kolej-kolej tersebut. Mereka lepasan Tingkatan 3, masuk Tingkatan 4, boleh masuk kolej vokasional dan mereka boleh mendapat penarafan ataupun diploma daripada kolej vokasional tersebut. Kementerian juga telah memastikan ada pendidikan asas vokasional di sekolah-sekolah menengah, mula daripada Tingkatan 1. Kalau dahulunya ia bermula daripada Tingkatan 4 tetapi sekarang telah mula daripada Tingkatan 1.

Program-program pendidikan vokasional dan teknik ini sedang diperkasakan di sekolah-sekolah kebangsaan. Jadi, sekarang kita mempunyai 83 kolej komuniti dan 32 politeknik untuk memastikan agar sekolah-sekolah ini akan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar dalam bidang vokasional dan juga teknik. Sekolah menengah harian juga sekarang ini, yang mana 65 buah sekolah menengah harian telah mula memberi 21 kursus dalam bidang vokasional.

Ramai juga yang bertanya tadi tentang profesional perguruan, yang ini ada persoalan dan pertanyaan, usul daripada Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat daripada Rantau

Panjang. Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Jerantut dan juga Yang Berhormat Kanowit yang membuat pertanyaan-pertanyaan tentang profesional perguruan ini. Oleh sebab itu sekarang ini kementerian sedang membuat dan memastikan agar mereka diberi latihan yang mencukupi. Bukan hanya mencukupi tetapi juga latihan-latihan yang berkualiti untuk memastikan pengurusan-pengurusan di peringkat sekolah dan di peringkat daerah dipertingkatkan agar dapat melahirkan bukan hanya guru-guru tetapi juga pemimpin-pemimpin di peringkat daerah dan di peringkat negeri yang berkualiti agar sistem pendidikan guru itu dapat ditingkatkan.

Saya katakan tadi bahawa di sekolah-sekolah juga ada kita menambahkan pembantu-pembantu sekolah ataupun guru pembantu untuk memastikan beban guru itu akan dapat dikurangkan dari masa ke semasa...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Batu Gajah bangun Yang Berhormat, dan Yang Berhormat Jasin.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya hendak dapatkan sedikit penjelasan berkaitan dengan satu masalah yang kerap kali dibangkitkan. Saya tidak tahu sama ada ia telah dibawa kepada perhatian Kabinet ataupun tidak. Ini adalah berkaitan dengan guru-guru interim di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil.

Di dapati sekarang terdapat lebih kurang 200 orang guru yang masih menunggu untuk diberi latihan. Bagi guru-guru yang tidak layak mungkin mereka terpaksa menghadiri kursus enam bulan dan untuk guru-guru yang layak boleh terus diserapkan untuk menjalani latihan perguruan. Akan tetapi saya tidak tahu kenapa masalah ini masih tidak dilaksanakan. Guru-guru ini masih menunggu, setiap hari mereka menunggu keputusan daripada pihak kementerian supaya mereka diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perguruan ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Soalan...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Itu saya notis kerana merupakan soalan yang spesifik untuk saya jawab.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Jasin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak ucap tahniah kepada pihak kementerian yang sentiasa berusaha bagi mempertingkatkan lagi pencapaian, pendidikan dan juga perguruan.

Apa pun saya hendak mencadangkan supaya kita selalu membuat satu penyusunan semula supaya sistem dan penstrukturan pendidikan negara sentiasa kita berikan pemantauan. Kita hendak tengok kalau boleh bukan sahaja daripada prasekolah bahkan sampai kepada institusi pengajian tinggi. Penstrukturan ini penting terutama kepada pelajar-pelajar bumiputera, bukan sahaja daripada segi aspek pembelajaran bahkan daripada segi biasiswa. Kita mesti bermain di

padang yang rata, Yang Berhormat. Kita kekurangan infrastruktur, kita kekurangan kemampuan untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain.

Apa yang saya ingin sebut di sini, saya ada mencadangkan supaya sistem meritokrasi yang telah dicadangkan oleh kerajaan pada ketika ini dimansuhkan. Apa sebab? Ia tidak adil kepada pelajar-pelajar bumiputera. Apa yang saya sebut tadi, "*Kita bermain di padang yang tidak rata*". Ini kerana kita dapat lihat setakat ini 80% biasiswa tadi dikongkong oleh satu kaum dan kita dapat lihat 35% sahaja pelajar-pelajar bumiputera hanya dapat peluang ke institusi pengajian tinggi. Saya hendak sebut di sini yang kedua Yang Berhormat Menteri, boleh ya?

Saya sebut di sini, biasiswa ini kerana kita mengamalkan sistem meritokrasi, kita ada tengok satu cara sekarang. Mungkin institusi pengajian swasta, kita tengok institusi tersebut mendapat sokongan daripada semua rakyat kerana dia tengok dekat sana kelulusan cukup cemerlang dan dia dapat biasiswa. Adakah kerajaan membuat pemantauan kerana kita takut mereka ada, kita tidak hendak ada penyelewengan. Mungkin ada permainan di sana...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Isu barukah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat..

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kerana kalau tidak, kita ada 80% satu kaum hanya menguasai biasiswa ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sungai Petani celah sedikit Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan profesion perguruan Yang Berhormat Menteri sebut tadi. Saya lihat contohnya di Sungai Petani, sebuah maktab perguruan yang telah pun mengeluarkan pelajarannya, sudah *graduate* dua tahun tetapi mereka ini masih lagi tidak dapat diserapkan ke dalam perkhidmatan.

Soalan saya ialah adakah apabila kerajaan membuat perancangan, sama ada dikira jumlah perjawatan dengan jumlah guru-guru yang akan dikeluarkan mengikut bukan sahaja *qualification* tetapi bidang-bidang tertentu. Kedua, apabila kita keluarkan graduan ini, sudah tentulah bajet yang kita luluskan tiap-tiap tahun di Parlimen ini telah mengambil kira dengan perjawatan yang ada. Soalan saya, sampai dua tahun mereka ini tidak diberi tawaran untuk bekerja. Apakah masalah perjawatan ataupun masalah bajet yang tidak boleh disampaikan ke pihak sekolah? Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri, boleh celah sedikit? Saya hendak bincang dengan Yang Berhormat Menteri ini isu tentang pembantu guru. Saya faham dan saya tidak begitu selesa dengan cadangan pembantu guru kerana kita tidak menyelesaikan masalah pokoknya bahawa PBS ini ada masalah dan kalau tidak selesaikan masalah pokoknya, kita pergi tambah pembantu guru, didapati hanya bebaskan guru dan bebaskan kewangan. Saya juga hendak bangkitkan isu tentang *politicization of education*. Dalam pendidikan saya diberitahu JPN Johor ini melarang Ahli Parlimen atau ahli wakil rakyat Pakatan Rakyat masuk sekolah walaupun program itu hanya sewa tempat sekolah tetapi Ahli Parlimen atau wakil rakyat tidak dibenarkan masuk sekolah langsung.

Selain itu, JPN Johor juga telah menubuhkan satu pasukan untuk mengawasi aktiviti-aktiviti peribadi, aktiviti-aktiviti sosial media guru ataupun pengetua ini secara peribadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Saya rasa ini regresiflah, ini tak perlu. Saya minta Yang Berhormat Menteri, kalau boleh *we take away politics from this*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Habiskan jam 1 Yang Berhormat..

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri minta maaf, Kapar ini.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang Berhormat Kapar pula, okey.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tak suka bercakap Yang Berhormat, Terima kasih.

■1240

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih. Saya ada penjelasan hendak minta. Masyarakat kini melihat kerjaya guru tidak sepopular seperti zaman dahulu. Jarang kita mendengar anak-anak muda bercita-cita untuk menjadi seorang guru berbanding dengan doktor, akauntan dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkaskan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apakah langkah-langkah kerajaan untuk meletakkan profesion guru sebagai setaraf dengan profesion-profesion lain? Oleh sebab kita tidak nampak sesiapa yang dapat *score straight A* hendak jadi guru. Apakah langkah-langkahnya? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pandangan kepada profesion guru telah bertambah baik. Jadi sebab itulah kementerian telah membuat sasaran hanya mereka yang 30% terbaik di dalam prestasi mereka boleh menjadi guru. Di Semenanjung ini, jika mereka tidak mendapat 7A jangan mintalah hendak jadi cikgu kerana itulah syarat minimum untuk menjadi guru.

Sejak balik, macam biasa kita balik kampung, dua minggu berturut-turut anak yang mendapat *straight A's*, semua A, A+, pun dua, tiga, empat, lima, hendak jadi cikgu terutama guru matematik tidak dapat kerana tidak ada kekosongan. Oleh kerana telah dipenuhi mengatakan bahawa sekarang ini telah berbeza. Kalau dahulunya mungkin kerajaan di peringkat permulaan dahulu ingin memastikan agar kita memenuhi, kita buat sekolah, ada sekolah kosong kena tambah guru, tambah guru kena ada IPG.

Itu dahulu, sekarang telah berbeza sebenarnya. Kita lihat yang memohon menjadi guru kebanyakan mereka, sekurang-kurangnya 7A, tidak kurang yang dapat 8A, 9A yang memohon jadi

guru. Jadi profesion perguruan ini ialah satu profesion yang begitu mulia sebenarnya yang mendidik masa depan negara kita. Ianya saya lihat kebelakangan ini telah menjadi satu diminati dan dapat menarik pelajar-pelajar yang terbaik untuk menjadi guru.

Tadi Yang Berhormat mengatakan tentang meritokrasi dalam sistem. Sebenarnya ada juga kita tidak menggunakan meritokrasi sepenuhnya dalam apa juga program-program kita. Katakanlah dalam pengambilan guru pun sama yang saya katakan tadi, kalau hendak cari guru daripada Semenanjung, mungkin minimumnya 7A. Akan tetapi hendak cari guru daripada Sabah dan Sarawak, kita ada sedikit kelonggaran, mungkin 5A pun boleh menjadi guru kerana kita memberi ruang-ruang kepada mereka dari Sabah dan Sarawak untuk menjadi guru. Kalau semuanya 7A dan payah kita hendak cari di Sabah dan Sarawak, sebab itu kelonggaran diberi kepada mereka agar mereka juga...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: [Bangun]

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Jadi sistem yang digunakan di kementerian bukan sepenuhnya meritokrasi, kita juga melihat keperluan-keperluan asas, keperluan-keperluan tempatan untuk memastikan kita boleh memberi ruang kepada mereka. Tentang pembantu guru. Nanti sekejap, tidak habis jawab lagi.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya mahu tanya.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Duduk dulu, tidak habis jawab lagi. Duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Tidak bagi jalan lagi, nanti, *relax* dulu. Untuk pembantu guru, inilah saya katakan tadi sebab kita hanya menyuarakan pandangan kita sebagai seorang Ahli Dewan. Oleh sebab apabila kementerian membuat sesuatu keputusan, ia bukan hanya mendapat pandangan kawan-kawan, kita mendapat pandangan guru, kita mendapat pandangan masyarakat. Jadi sebab itulah kita mengadakan dalam sistem PBS itu, kita ada wujudkan pembantu guru.

Mungkin kita mengatakan di sini tidak perlu, *then* sudah ada orang Ahli Parlimen, kalau guru dengar marah. Dia kata Ahli Parlimen yang mengatakan guru tidak perlu pembantu. Ini dikatakan dalam Parlimen. Jadi kita buat keputusan, jangan kita seronok-seronok sahaja sebab di kementerian, kita buat keputusan kita mengkaji. Mungkin perlu guru kepada pembantu tetapi tidak mengatakan bahawa bebanan guru itu tidak boleh dikurangkan.

Saya minta kementerian, kakitangan untuk membuat penilaian semula tentang PBS ini. Mungkin ada input-input yang tidak perlu, perlu kita pastikan guru juga mendaftar, menulis, membuat laporan. Ataupun kita kurangkan laporan, dengan mengurangkan laporan mungkin guru-guru tidak perlu lagi membuat laporan yang panjang berjela, membuat laporan cukup-cukup untuk menilai prestasi pelajar-pelajar. Ini boleh saya katakan tadi mengurangkan laporan-laporan yang

perlu dibuat oleh guru di samping kita meningkatkan lagi kelajuan *internet*, capaian *internet* dan kawasan-kawasan yang masih.

Sebenarnya memang betul kita faham, kita masih mempunyai banyak masalah di Sabah dan Sarawak kerana satunya isu-isu infrastruktur, isu-isu *internet* tadi yang memerlukan masa untuk kita melaksanakan sepenuhnya. Isu rumah guru memang pada tahun ini diperbincangkan di peringkat kementerian. Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak, kita akan meningkatkan dan memastikan mereka mendapat peruntukan yang lebih untuk memastikan infrastruktur mereka ini dibela dengan sebaik-baiknya. Saya hendak pergi kepada isu pertukaran guru yang juga menjadi satu isu yang...

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Mencilah sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuaran bangun.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey, sila.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Boleh saya balik sedikit kepada infrastruktur untuk Sabah itu. Saya ada sebut dalam perbincangan berkenaan dengan bagaimana hal-hal infrastruktur di Sabah dapat dipertingkatkan iaitu berkenaan dengan soal bagaimana kelulusan projek-projek dibuat, kuasa di Persekutuan dan kuasa negeri.

Oleh kerana masa tidak panjang, saya kluatir kalau Yang Berhormat Menteri tidak dapat sampai ke situ. Yang saya bangkitkan dalam perbincangan ialah adakah pihak kementerian akan memberi balik kuasa Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dalam soal pelantikan perkara-perkara yang senang seperti pembaikan, pelantikan, pembersihan, pelantikan pengawal keselamatan, pelantikan kontraktor kantin sekolah sebab sekarang ini semua dibuat di Putrajaya. Ada pengusaha dilantik daripada Kuala Lumpur, daripada Semenanjung yang tidak tahu pun keadaan sebenarnya di Sabah. Mohon penjelasan, terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Yang Berhormat Menteri, saya dapati bahawa terdapat ramai guru kontrak yang ada di semua kawasan termasuk di kawasan saya. Apabila saya bertemu dengan mereka, mereka berasa seolah-olah mereka tidak ada masa hadapan.

Jadi apakah perancangan kerajaan untuk menentukan bahawa guru-guru kontrak ini boleh diberi harapan semoga mereka dapat diserap ke dalam sistem untuk menjadi guru tetap. Apakah mungkin pihak kementerian boleh menetapkan satu tarikh katakan tiga tahun ataupun empat tahun supaya mereka dapat diserap dalam sistem supaya masa depan mereka terjamin...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sekejap, sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja. Minta..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat, Bayan Baru Yang Berhormat?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Masa tidak mengizinkan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sedikit sahaja. Untuk kita semua sanjung mulia guru-guru kita dan kita mahu yang terbaik untuk guru-guru kita. Akan tetapi walau bagaimanapun kalau selepas mereka menjadi guru tetap, kita tahu bahawa ada yang *perform*, ada yang *under perform*. Untuk yang *under perform*, macam mana? Oleh kerana kita tahu bahawa kita mahu yang terbaik untuk anak cucu kita. Jadi untuk guru-guru yang *under perform*, ada apa-apa tindakan kementerian untuk meningkatkan *performance*? Ataupun mereka mungkin akan ada apa-apa tindakan daripada Menteri?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih kepada kawan saya dari Tuaran tadi. Sebenarnya saya juga terkejut apabila di peringkat permulaan di kementerian dan di Dewan ini ramai daripada kawan-kawan kita yang mengatakan bahawa semua keputusan di Sabah dan Sarawak ini dibuat di peringkat pusat. Jadi apabila kita menilai, kita dapati memang pada satu masa dahulu telah diserahkan kepada peringkat negeri tetapi tidak berjalan dengan baik.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya telah juga bercakap juga dengan pihak-pihak, pegawai-pegawai di kementerian untuk melihat satu sistem yang lebih baik. Saya setuju dengan pandangan tersebut bahawa kalau kita boleh *delegate*, menurun kuasa kita kepada peringkat daerah-daerah itu lebih baik. *Insyallah* pandangan daripada Yang Berhormat itu akan diambil kira...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, boleh tambah sedikit?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya pun sebetulnya mengalu-alukan langkah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebab terlalu kritikal kalau kita lihat. Apa-apa pun kita minta semua dari Putrajaya. Jadi kalau boleh pastikan dalam tahun ini juga langkah drastik itu dapat diambil dan perkasakan PPD di Sabah, di daerah-daerah, tidak perlu lagi melangkah jauh ke Putrajaya, ke Kota Kinabalu, bahkan PPD di kawasan pun mempunyai kuasa mutlak mereka untuk melaksanakan pembangunan sekolah-sekolah yang daif di Sabah yang selama ini menghalang, menjadi kekangan untuk perkembangan pendidikan itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya inilah yang menjadi dalam pelan perancangan pembangunan tadi.

■1250

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Saya pendek sahaja untuk...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Tambah lagi? Nak sokong lagi? Saya dah sokong dah tadi, okeylah. Saya tahu.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Sikit sahaja. Saya cuma mahu bagi contoh sikit sahaja Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Contoh?

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Ya. Baru-baru ini saya melawat SK Penimbawan di Tuaran dan SK Serusup baru-baru ini dan saya amat terkejut bahawa sekolah itu bekalan air pun tidak ada. Saya telah menerima permohonan daripada sekolah, permohonan hanya dapat RM20,000 dan saya telah menggunakan peruntukan Parlimen saya untuk menyelesaikan masalah itu. Sepatutnya bekalan air yang begitu murah, RM20,000 ke RM50,000 sepatutnya boleh diselesaikan oleh PPD atau pengarah pelajaran tetapi kuasa Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah hanya setengah juta dalam setahun. Kenapa kuasa dia begitu rendah sekali? Bagaimana dia boleh menyelesaikan masalah? Kemudian di SK Serusup...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Menteri dah sokong dah isu ini Yang Berhormat.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Mahu bagi contoh sahaja untuk rekod.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey, saya sokonglah.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:begitu canggih untuk menyelesaikan masalah dua sesi. Bangunan cantik tetapi oleh kerana tidak ada bekalan kerusi, dia masih lagi dua sesi. Itu saya mahu bagi contoh sahaja.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang Berhormat, memang saya dah katakan tadi bahawa kita punya banyak isu infrastruktur di Sabah dan Sarawak dan kita peka tentang perkara tersebut. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pun kita sudah ada inisiatif untuk menurunkuasakan, memperkasakan PPD dan juga pengarah-pengarah negeri sebenarnya Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh saya masuk dalam Twitterlah keputusan kementerian ya?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Memang itu dah, kalau tidak di Twitter pun memang ada dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, dah ada dah. Nak *tweet* pun boleh, *tweet*lah. Memang ada dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ruang Yang Berhormat Menteri.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Pemerksaan sebenarnya dan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Kinabatangan ada Twitter ya?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Untuk guru kontrak ini,....

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Orang lain menyamar.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sememangnya bukan semua guru kontrak boleh dijadikan guru tetap kerana memang kadang-kadang mereka itu tidak mencapai tahap yang dikehendaki. Ini kerana kita nak pastikan agar mereka itu punya kualiti yang dikehendaki, bukan semuanya akan dapat diserapkan ke dalam program-program ataupun jadi sebagai guru tetap.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Untuk guru yang dikatakan tidak dapat menjalankan tugas dengan sebaiknya atau yang *under perform*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ini sememangnya di kementerian ada *exit policy* ataupun menukar *option* mereka. Kadang-kadang kala mereka tidak baik mengajar Sejarah tetapi mereka merupakan guru baik Matematik. Jadi, ini perubahan, *option* ini harus diberi kepada mereka dan *multi option*, dengan izin juga, Tuan Yang di-Pertua, agar guru-guru ini boleh dan dapat mengajar dengan baik dan boleh memberi khidmat yang terbaik mengikut kemampuan mereka masing-masing. Akan tetapi kalau dah buat semua dan tak dapat juga mereka laksanakan dengan baik agar sampai anak cuculah. Saya ada cucu dah, orang lain tak ada lagi. Kita nak pastikan agar guru-guru yang dikatakan *under perform* ini perlu dikeluarkan daripada sistem dan tak ramai. Sebenarnya itulah yang harus kita lakukan daripada semasa ke semasa. Saya nak sentuh satu lagi isu...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri, soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Sekejap, sekejap. Berhubung dengan pertukaran penempatan guru, ini juga satu perkara yang diungkitkan dan menjadi satu isu yang hangatlah di Dewan ini apabila Timbalan Menteri menjawab dahulu. Sebenarnya masa kini, kita lihat jumlah keseluruhan permohonan pertukaran ialah 16,825 permohonan. Banyak yang hendak bertukar tetapi yang boleh kita luluskan dan ada kekosongan hanya 2,658 permohonan sahaja. Sebab itulah timbul keresahan di kalangan guru di mana mereka tidak mampu ditempatkan mengikut permohonan-permohonan mereka kerana lebih, ramai sangat.

Daripada 16,825 orang guru yang memohon, hanya 2,658 orang guru sahaja yang dapat kita memberi ruang untuk mereka. Ini berlaku antara sebab-sebab banyak perkara berlaku di kementerian ini kerana penambahan had umur perkhidmatan guru sebanyak dua tahun. Kalau dahulunya 58 tahun, jadi naik kepada 60 tahun, ini menyebabkan tidak ada kekosongan. Yang dahulu sepatutnya kosong, tidak ada kekosongan. Akan tetapi pada akhir tahun ini, mereka yang dahulunya 58 tahun, dua tahun yang lalu, sekarang dah menjangkau umur 60 tahun. *Insyallah* kita boleh beri mereka ruang untuk pertukaran sebanyak 4,000 ke 5,000 orang setahun itu akan dapat dilaksanakan.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Menteri, minta sikit sahaja. Ini cuma peringatan daripada suara guru sahaja. Yang Berhormat Menteri, pertama sekali saya ingin menyampaikan rungutan guru ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh kita dapat buat perubahan ataupun tidak di mana sistem bai'ah kepada guru-guru yang cemerlang, sekolah cemerlang. Di mana pengetua akan dapat RM7,500, PK dapat RM1,500, guru-guru dapat RM900 dan juga pentadbiran RM500. Perbezaan ini terlalu jauh di mana pengetua dapat RM7,500. Timbul rungutan guru-guru di mana perkara ini terlalu jauh perbezaan antara RM7,500 dengan RM900. Jadi, guru-guru merasakan mereka ini dibuli dan ditekan oleh pengetua-pengetua. Jadi, kalau boleh dapat kita dekatkan sedikit jurang itu untuk mereka ini merasakan bahawa mereka ini tidak dibuli dan faktor kewangan menjadi perkara yang penting, guru-guru

kerana berkhidmat untuk mendidik anak-anak tetapi faktor kewangan memainkan peranan sampai mereka hilang semangat dan rasa mereka ini ditekan. Ini kita harap dapatlah Menteri menjawab dan kalau boleh ada sedikit perubahan.

Yang keduanya, tentang pentafsiran berasaskan sekolah. Pentafsiran berasaskan sekolah ini di mana guru-guru terpaksa *key-in* selain mengajar. Dia minat mengajar tetapi terpaksa *key-in* dan kadang-kadang internet lambat, mereka sampai tengah malam. Jadi, harapkan dapatlah ada perubahan sikit untuk daripada segi kelajuan internet dan sebagainya ataupun mereka menuduh kita ini daripada segi projek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan isu penempatan guru tadi, ini isu besar. Dalam usaha yang saya lihat kementerian nak lakukan, nak letakkan tahap pendidikan kita pada tahap yang begitu baik hingga bertaraf antarabangsa. Isu utama ialah soal kebajikan guru ini perlu diberikan perhatian. Isteri berada di Johor, suami di Sarawak dan ini boleh mengganggu emosi. Apakah kerajaan mempunyai mekanisme khusus? Saya bukan tidak berpuas hati tapi rasanya mesti kementerian menangani isu ini dengan begitu bersungguh-sungguh atau apakah keperluan diwujudkan satu jawatankuasa misalnya untuk melihat perkara ini. Supaya isu guru ini, yang duduk berjauhan ini dapat diselesaikan kerana ia melibatkan emosi dan mengganggu kepada usaha untuk mengajar dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin menyentuh berkenaan organisasi Kementerian Pendidikan.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ya, saya sedang jawab tentang pertukaran guru ini. Memang Yang Berhormat, saya bersependapatlah dengan Yang Berhormat kerana saya bila saya datang ke kementerian, saya lihat ada perkara yang perlu diselesaikan. Memang bila balik kawasan, kawan-kawan, Yang Berhormat-Yang Berhormat pun selalu beri surat kepada saya. Ada banyak yang tak berjaya daripada yang berjaya kerana tadilah, betullah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Contoh Yang Berhormat, ada yang guru-guru enam tahun berpisah dengan isteri. Bayangkan bagaimana sengsarnya jiwa dia.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Betul, betul Yang Berhormat. Saya faham.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia kahwin lain di Sarawak tetapi sayang isteri dia di Semenanjung.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang Berhormat, saya bersimpati sebab itu saya katakan tadi bila saya ke kementerian, saya lihat ini adalah satu perkara penting yang perlu diselesaikan dengan baik. Saya bincang dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dia juga bersetuju bahawa ini satu isu yang perlu dan kita minta input daripada Yang Berhormat. Kita akan adakan satu jawatankuasa khusus sebenarnya untuk memastikan bagaimanakah caranya agar

guru-guru ini dapat diberi tempat, dapat diberi keadaan yang mana mereka boleh mengikut. Memang berjauhan daripada suami ini bukan satu pilihan yang baiklah kepada mereka dan kita bersungguh-sungguhlah tentang isu ini, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Maknanya, kementerian bersetujulah tubuhkan satu jawatankuasa khas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan supaya kementerian melihat kepada organisasi guru. Oleh kerana kita dapati di daerah-daerah, PPD nya lebih *junior* daripada pengetua-pengetua. Jadi, dalam hal ini bagaimana pengarah PPD boleh mengawal pengetua-pengetua sedangkan pengetua ada yang JUSA pun, JUSA C.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Tak beri laluan pun dah bangun. Macam mana ni?

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ini perlu dilihat dan diperbetulkan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, ini dah lebih dah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ramai yang bangun, ramai yang macam itu Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: besar, itu tak kesah. Isu guru tadi.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang Berhormat duduklah dulu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nak habis dah, nak habis dah. Ini dah kata-kata penutup.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, saya nak minta komitmen kementerian tadi. Apakah kementerian bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menangani isu...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Dah bersetuju dah, dah setuju dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Menteri dah setuju dah.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Dah setuju dah, dah setuju dah. Kita dah bincang di peringkat kementerian untuk menubuhkan jawatankuasa khas tersebut. Okey Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Soalan belum dijawab lagi.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Celah, celah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dah habis dah Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ada banyak soalan yang tak dijawab ini, Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang melihatkan pentingnya isu-isu pendidikan di dalam Pelan Pendidikan Negara...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tak jawab soalan yang dibangkitkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bolehkah Yang Berhormat, perkara-perkara yang tidak terjawab ini dijawab secara bertulis kepada mereka-mereka yang telah mengemukakan.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang mana yang perlu boleh jumpa saya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Itu janji nak tulis-tulis tapi tak jawab.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ini apa standard macam ini?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini boleh jawab, sebelah petang boleh jawab.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: ...yang mengatakan betapa pentingnya pendidikan untuk membangunkan negara kita dan...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri jangan lari macam kereta apilah, jawab soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, tadi waktu Menteri jawab, dia keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, diamlah Yang Berhormat. Diam, diam.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Dia lari daripada tanggungjawab.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ya, soalan tak jawab. *First time* Menteri, jawablah semua, baru ada standard.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Soalan ini pun dah dijawab oleh Timbalan Perdana Menteri itu hari.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ini tak ada standardlah tak jawab, Menteri *first time* jadi jawablah.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat. Sebab itu jangan curi masa banyak sangat tadi. Terima kasih kepada semua yang telah...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Sekarang menjawab untuk dua kementerian, kena tahu tanggungjawab berat. Patut semua jawablah Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, celah sikit Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, apa ini?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak memperingatkan bahawa jawapan yang kita dapat daripada Menteri dah bertahun tapi jawapan tak pernah dia bagi secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tak payahlah macam ini. Saya ingin imbas kembali, 28 Ahli Parlimen mencelah Menteri dan 50 pencelahan. Banyak perkara baru dikemukakan telah dijawab oleh Menteri menyebabkan banyak perkara yang sepatutnya dijawab terlebih awal tidak terjawab dalam tempoh masa satu setengah jam.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kemukakan perkara-perkara baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jadi Yang Berhormat, walaupun saya tegur beberapa orang tetapi saya berhenti menegur kerana tidak ada yang mendengar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya kemukakan persoalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi Yang Berhormat, jangan salahkan Menteri. Kita perbaiki keadaan ini untuk kementerian-kementerian yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tak saya ingin mencadangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Giliran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjawab, sila Yang Berhormat Menteri. Berapa lama agaknya Yang Berhormat Menteri, satu jam?

2.33 ptg.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya bagi pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun MITI mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli

Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan hal-hal berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ada tiga isu utama yang dibangkitkan.

Yang pertama, berkaitan dengan perusahaan kecil dan sederhana PKS, atau *small medium enterprises*. Yang kedua, berkaitan dengan harga kereta, dan akhir sekali, berkaitan dengan TPP atau Perjanjian Perkongsian *Trans-Pasific*. Jadi saya akan mengambil masa kira-kira sejam untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan tiga perkara yang disentuh tadi.

Yang pertama, saya mula dengan PKS atau perusahaan kecil sederhana. Pertanyaan diajukan oleh Yang Berhormat Tanjong Piai menyarankan supaya kerajaan menyediakan pelan induk yang menyeluruh untuk membangunkan PKS, agar PKS Malaysia dapat bersaing bukan sahaja di pasaran tempatan tapi juga di peringkat antarabangsa. Itulah cadangan daripada Yang Berhormat Tanjong Piai. Saya ingin memaklumkan bahawa sebenarnya kerajaan sudah pun memperkenalkan pelan induk dilancarkan pada tahun lepas, pelaksanaan bermula tahun ini untuk tempoh lima tahun. Terdapat beberapa program, matlamatnya ialah:

- (i) memperbanyakkan penubuhan entiti perniagaan;
- (ii) meningkatkan PKS yang inovatif dan mempunyai pertumbuhan yang tinggi;
- (iii) meningkatkan produktiviti; dan
- (iv) menukar entiti PKS yang tidak formal. Di Malaysia, lebih 600,000 PKS yang didaftarkan tetapi banyak lagi PKS tidak formal, tidak didaftarkan. Maka kerajaan di bawah pelan induk ini berhasrat untuk mendaftarkan dan memastikan bahawa PKS ini memasuki sektor formal dan dengan itu lebih senang untuk kita membuat pemantauan.

Jadi, itu jawapan kepada soalan umum yang dibuat oleh Yang Berhormat Tanjong Piai dan dengan langkah-langkah yang telah diambil ini maka kerajaan berhasrat untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK iaitu kira-kira 32% pada tahun 2010 kepada kira-kira 41% menjelang tahun 2020 dan juga menyumbang kira-kira 60% kepada guna tenaga negara. Jadi PKS ini untuk makluman Yang Berhormat, memainkan peranan amat penting dalam pembangunan negara dan kerajaan bertekad melalui satu majlis yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dinamakan majlis kebangsaan berkaitan dengan pembangunan PKS telah pun ditubuhkan. Ini mencerminkan betapa pentingnya PKS dan majlis ini menghimpunkan hampir kesemua kementerian di negara kita ini supaya program-program yang melibatkan PKS dapat diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua ialah isu harga kereta...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Isu PKS.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun. Sila.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang PKS, saya difahamkan untuk penerima *Malaysian Brand*, saya

difahami kementerian sudah bagi sebagai geran RM400,000 kepada *recipient* ini untuk menggalakkan mereka untuk mempromosikan bukan hanya *Malaysian Brand* tetapi juga jenama mereka. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, selain daripada *recipient* kepada *Malaysian Brand*, apakah cara kementerian untuk membantu secara R&D yang kita difahami, sektor pembuatan sekarang dapat banyak saingan dengan negara Asia terutama negara China. Bagaimana kita menggalakkan dengan R&D supaya kita dapat juga mengeluarkan mesin-mesin yang pada setakat ini kita masih belum ada kemampuan. Bagaimana kita untuk menggalakkan R&D untuk bersaing dengan negara China terutamanya?

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini umum, berkaitan dengan kegiatan-kegiatan R&D bagi membina kekuatan PKS kita supaya dapat bersaing dengan negara-negara pengeluar lain termasuk negara China.

Yang pertama, ingin saya tegaskan bahawa memang dalam beberapa sektor PKS, Malaysia sukar untuk membina kekuatan daya saing. Oleh hal demikian, banyak mesin yang digunakan dalam industri negara kita masih diimport dari negara seperti Taiwan, China, Korea dan Jepun. Ini keadaan semasa dan ini tidak semestinya tak baik kerana apabila sesuatu mesin itu mempunyai daya pengeluaran yang lebih baik umpamanya ataupun *cost effective*, dengan izin, maka sudah pasti ada lebih wajar bagi industri kita untuk menggunakan mesin tersebut. Kalau tidak, daya pengeluarannya akan terjejas.

Dalam pada itu kerajaan juga ada dasar untuk menggalakkan R&D untuk membina kekuatan syarikat-syarikat tempatan umpamanya di beberapa negeri dan negara kita ini sudah ada beberapa SME yang mampu untuk membina mesin-mesin umpamanya untuk sektor *electrical and electronic*. Banyak syarikat kecil dan sederhana di sekitar Pulau Pinang, Lembah Klang dan Johor yang telah pun mampu untuk mengeluarkan mesin-mesin, saya bersetuju Yang Berhormat bahawa kapasitinya adalah rendah. Kerajaan telah menubuhkan satu tabung bernama *Domestic Strategic Investment Fund*, diumumkan tahun lepas. Jumlahnya RM500 juta dan tujuannya ialah untuk menggalakkan khususnya syarikat Malaysia termasuk IKS bagi membina kekuatan dalam bidang R&D termasuklah untuk membeli kepakaran dari luar negara.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Saya nak minta sedikit penjelasan. Yang Berhormat Menteri, salah satu cara untuk membuat R&D ialah *fabrication* iaitu *manufacture* di dalam negara kita ini. Dia boleh belikan mesin itu kemudian *disassemble* dan selepas buat R&D, dia *assemble* semula. Adakah ini boleh minta bantuan daripada kementerian?

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Seperti yang saya sebutkan tadi, ada satu tabung bernama Pelaburan Domestik Strategik untuk membolehkan syarikat-syarikat IKS memohon daripada MIDA bagi membawa teknologi baru, termasuk yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan bolehlah membuat permohonan kepada pihak MIDA. Sekarang ini kira-kira RM100 juta telah pun dikeluarkan oleh tabung berkenaan. Itu isu yang pertama.

■1440

Isu yang kedua ialah berkaitan dengan harga kereta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pandan. Saya hendak mula dengan mukadimahnya, menyebut tentang evolusi cadangan inilah. Mula-mula Yang Berhormat Pandan dan PKR, telah mengusulkan supaya bulan Julai tahun lepas supaya dihapuskan 100% duti eksais. Isunya duti eksais. Ini kerana beza Barisan Nasional, dengan PKR ini dalam hal ini pendekatan PKR ialah menurunkan duti eksais. Kerajaan Barisan Nasional berpendapat, pada masa ini belum sesuai masanya. Maka itulah sebabnya dilaksanakan dasar yang berbeza, tetapi hasilnya tidak banyak perbezaan. Jadi ada tiga peringkat cadangan PKR ini.

Pertama ialah untuk menghapuskan secara total, *total abolition* duti eksais ini. Selepas itu tiga, empat bulan kemudian, diusulkan pula dibuat pindaan bahawa yang hendak dicadangkan ialah secara beransur-ansur iaitu 20% dan untuk lima tahun. Maknanya 100% itu..., dan akhir sekali...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Akhir sekali di Parlimen, Yang Berhormat Pandan telah mencadangkan supaya...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada tiga perkara, baru sebut dua. Sekejap.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Supaya diturunkan 5%. Jadi saya hendak cerita evolusinya. Jadi ini pada kami menunjukkan bahawa Yang Berhormat Pandan mengakui bahawa jika suatu itu dilaksanakan secara mendadak, hakikat bahawa Yang Berhormat Pandan dalam Parlimen telah mencadangkan supaya diturunkan 5%. Sebelum itu 20% dan pada bulan Julai tahun lalu 100%. Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Pandan peka bahawa penurunan secara mendadak duti ini akan menjejaskan industri kereta dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pandan, sila.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya perlu sebut bahawa kenyataan Yang Berhormat Menteri itu memutarbelitkan segala kenyataan yang telah dibuat oleh PKR dan juga Pakatan mengenai isu menurunkan harga kereta.

Pertamanya, saya rasa sekarang ini pun Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa isu menurunkan harga kereta adalah tuntutan rakyat yang perlu dipenuhi oleh Barisan Nasional. Ini kerana ia bukan sahaja soal harga kereta murah tetapi ia bersabit dengan soal keberhutangan dan juga hutang isi rumah yang terlalu menekan. Soalnya ialah daripada awal lagi PKR dan juga Pakatan telah menegaskan harga kereta naik kerana cukai yang dikenakan kepada setiap kereta iaitu cukai eksais.

Cukai ini hanya dikenakan oleh kerajaan bermula tahun 2005 ke atas setelah kita menandatangani Perjanjian AFTA. Jadi kalau kerajaan memperkenalkan cukai, maka untuk

menurunkan harga perlulah kerajaan menarik balik cukai. Persoalan yang telah pun dinyatakan daripada awal Yang Berhormat Menteri perlu jawab, dari awal lagi kita menyatakan bahawa kita mampu menghapuskan secara beransur-ansur.

Daripada hari pertama lagi kita menyatakan ia perlu dihapuskan secara beransur, bezanya ialah Pakatan mencadangkan penurunan 20% setahun dengan peruntukan tambahan RM2 bilion setahun supaya imbalan tunai itu kekal, berbeza dengan yang dicadangkan dan dibawa oleh Yang Berhormat Menteri sekarang iaitu untuk memujuk pemasangan-pemasang kereta menurunkan harga kereta mengikut cita rasa dan model yang mana hendak mereka turunkan. Mohon penjelasan Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya baru mula, baru. Saya kata bahawa itulah evolusinya. Mengikut kenyataan yang saya petik 24 Julai 2012, Yang Berhormat Pandan pada masa itu belum "Pandan" lagi, mengusulkan supaya dihapuskan 100% eksais duti. Selepas itu seperti saya sebutkan tadi, beransur-ansur.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Memang 100%, tetapi beransur-ansur selama lima tahun.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Akan tetapi pada mulanya bukan...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Pada mulanya tidak disebut beransur-ansur. Saya cerita, ini latar belakang tidak berapa relevanlah, latar belakang. Saya hendak sebut bahawa Yang Berhormat Pandan mengakui bahawa sesuatu jika dibuat secara mendadak sama ada kesan hasil atau harga keretanya akan banyak menimbulkan masalah kepada industri ini. Itu sebagai mukadimah.

Saya hendak rujuk kepada empat dakwaan Yang Berhormat tadi. Jadi saya hendak sebut, saya bukan putar belitkan. Saya cuma memetik kenyataan Yang Berhormat Pandan pada 24 Julai, pada mulanya disebut tentang penghapusan total. Selepas itu 20% dalam Parlimen...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penghapusan total 20% setiap tahun, itu benda yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pandan tidak boleh macam ini, kena ikut peraturan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi apabila kenyataan Yang Berhormat Menteri itu tidak benar, perlulah kita perbetulkan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, kalau saya panggil baru boleh berucap atau mencelah.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada empat perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pandan berkaitan perkara ini. Pertama ialah kaedah pujuk. Kedua, Yang Berhormat sebut tentang kalau turun satu model, model lain akan naik, maka maknanya tidak ada kesanlah. Ketiga, Yang Berhormat kata kalau turun harga ini akan potong gaji ataupun *overtime*. Keempat, Yang Berhormat kata kalau turun harga akan dengan izin, *cut*

corners, akan turunkan kualiti dan lain-lain. Jadi itulah empat perkara yang disebut oleh Yang Berhormat dalam Parlimen.

Pertama, kaedah pujuk. Apa yang kerajaan lakukan ialah mengadakan konsultasi secara keputusan. Ini amalan kerajaan selalu mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat kereta. Ini amalan bukan sahaja terhad kepada sektor kereta, lain juga. Jadi seperti Yang Berhormat sedia maklum, ada beberapa *variable* yang menentukan harga kereta.

Pertama ialah kos pengeluaran, *ex-factory price*. Ada buruhnya, materialnya, bahan-bahan import dan luar negara itu *ex-factory price*. Itu satu perkara yang menentukan harga kereta. Kedua ialah duti eksais. Ketiga ialah cukai jualan, dan yang keempat ialah margin ataupun kadar keuntungan yang dikenakan oleh syarikat.

Jadi harga itu bukan sekadar ditentukan oleh duti eksais, ia ditentukan juga oleh *ex-factory*, kos pengeluaran itu. Jadi kalau kita berniaga, kalau Yang Berhormat Pandan berniaga umpamanya, takkanlah Yang Berhormat Pandan hendak mengenakan subsidi dengan mengenakan harga kurang daripada kos pengeluaran. Jadi ada had untuk kita keluarkan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Itu sebagai penjelasan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya minta penjelasan. Saya setuju dengan apa Yang Berhormat Menteri sebut. Saya pun pernah bertugas sebagai pengurus besar kilang. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, selain daripada kereta yang cukainya antara 85% hingga 120% ini, selain daripada arak dan juga rokok, ada lagikah barang yang cukai yang dikenakan setinggi ini. Apabila cukai satu kali ganda daripada kos kilang sudah tentulah harga kereta itu melambung. Untuk Yang Berhormat Menteri memberi gambaran seolah-olah harga kereta itu tinggi bukan kerana cukai, adalah tidak tepat.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya belum habis lagi Yang Berhormat. Saya belum habis lagi, itu baru mukadimahnyanya. Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah... *[Disampuk]* Apa yang hendak disebutkan di sini ialah betul, yang fakta itu fakta. Kita tidak boleh lari. Fakta itu fakta tidak boleh tipu Parlimen, Yang Berhormat semua cerdik-cerdik pandai belaka. Fakta itu fakta, apa yang benar itu benar, yang tidak benar itu tidak benar, itu tertera 65% hingga 1.0% itu semua mengetahuinya. Tidak ada sesiapa yang boleh menyembunyikannya lebih-lebih lagi hendak membohongi Parlimen.

Jadi apa yang disebutkan adalah benar, bukan perkara yang tidak benar. Jadi saya hendak sebutkan di sini bahawa yang kita lakukan ialah untuk mengadakan konsultasi ini kerana yang berlaku dalam beberapa syarikat kereta ialah mereka telah berjaya untuk meningkatkan daya pengeluaran. Umpamanya contoh, syarikat Perodua. Sebelum ini kurang cekap, daya pengeluarannya agak rendah. Dibuat perbandingan kos pengeluaran Malaysia dengan beberapa buah negara lain yang mana DMC ini *Daihatsu Motor Corporation*, sebuah subsidiari syarikat *Toyota*, beroperasi. Mereka memaklumkan kepada kerajaan bahawa daya pengeluaran di Malaysia ini lebih rendah. Maka telah dilaksanakan satu konsep bernama Dojo. Dojo ini disiplinnya,

ketepatan masanya, *down timenya* dan ini telah meningkatkan kecekapan, ini telah meningkatkan daya pengeluaran. Pengumuman yang dibuat oleh syarikat untuk mengurangkan harga kereta itu adalah ada kaitan dengan langkah-langkah penjimatan yang telah dilakukan. Jadi saya hendak sebutkan di sini...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Satu komponen kos kereta ini ialah *ex-factory price*. Jadi maknanya apabila dalam kes Perodua umpamanya, *ex-factory pricenya* turun, ini membolehkan syarikat Perodua mengumumkan pengurangan harga. Dalam hal ini saya hendak maklumkan bahawa kita tidak memaksa syarikat-syarikat...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Ini adalah berdasarkan kepada kuasa pasaran dan juga oleh kerana saingan semakin meningkat. Umpamanya bermulanya pada 1 Januari 2010, import duti daripada ASEAN telah pun menjadi kosong. MFN ataupun duti di negara-negara lain 30%.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Boleh mencelah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Kalau beli kereta daripada Amerika, *Europe* ataupun lain-lain import dutinya 30%. Jadi kalau daripada Thailand, harganya ataupun dutinya adalah kosong. Maka itulah juga menimbulkan saingan. Jadi, apa yang berlaku dalam industri kereta hari ini, hasil daripada banyak perbincangan yang kita adakan ialah daya saingan semakin meningkat. Ini telah memberi motivasi kepada syarikat-syarikat kereta untuk...

■1450

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya mencelah.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Mengumumkan beberapa pengurangan harga.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya mewakili secara tidak rasmi pekerja-pekerja automotif di Malaysia, membayangkan bahawa kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi adalah tidak adil kepada mereka apabila diberi gambaran, bersetujukah atau tidak Yang Berhormat Menteri, gambaran dan penjelasan Yang Berhormat Menteri bagi tadi seolah-olah mengatakan bahawa harga kereta Malaysia mahal kerana pekerja kita tidak cekap, sehingga kosnya tinggi, sedangkan yang menambah harga kereta sampai sekali ganda itu adalah cukai kerajaan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pandan pada awal tadi, ada empat *variable* menentukan harga kereta. Pertama, *ex-factory price*, yang kedua ialah duti eksais, yang ketiga ialah cukai jualan, yang keempat ialah margin keuntungan. Jadi, tidak boleh kita hendak kata...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Kereta itu ditentukan oleh satu sahaja. Benar.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Benar bahawa duti itu ada, dan saya kata ada empat komponen. Saya tidak menafikannya. Saya tidak menafikan empat komponen.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jangan Yang Berhormat Pandan cuba belok ya? Jadi, itu berkaitan dengan pujuk. Kita bukan...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada tiga yang bangun.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Memandang perkataan pujuk. Biar selesai dahulu, biar selesai. Saya selesai dahulu.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat, hendak selesai dahulu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya selesai dahulu.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk dahulu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi, dalam hal ini. apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah untuk mengadakan konsultasi secara berterusan. Yang Berhormat sedia maklum bahawa bukan kerajaan yang membuat pengumuman. Pengumuman ini dibuat oleh syarikat-syarikat kereta. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat ini telah kita lakukan. Maka, janji Barisan Nasional ialah untuk tempoh lima tahun...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bangun]*

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Antara 20 hingga 30%. Akan tetapi ini tidak *preclude* dengan izin, kita tidak menyatakan bahawa kerajaan tidak akan mengkaji duti-duti. Kita tidak kata ini sampai bila-bila. Sampai kiamat. Tidak ada ya. Akan tetapi umpamanya, sekiranya kerajaan rasionalisasikan struktur cukai, mungkin cadangan Yang Berhormat boleh dipertimbangkan. Ya, mungkin sekiranya ini ada kaitan dengan *tax reform*. Satu perkara yang begitu komprehensif termasuklah GST dan lain-lain...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi, saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Bahawa pada masa ini, itulah pendekatan kita. Akan tetapi untuk masa hadapan, kita tidak menyatakan bahawa perkara ini tidak berlaku. Apabila diadakan satu penyusunan semula cukai dalam negara kita termasuklah GST dan lain-lain, mungkin ini dapat kita kaji. Itu jawapan kepada soalan Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, ada lima yang bangun. Yang mana satu Yang Berhormat Menteri?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, minta bagi laluan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya lagi.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang mana..., Yang Berhormat Batu?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu, sila. Yang lain duduk ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya dengar dengan tekun...

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulai, duduk elok-eloklah. Duduk atas kerusi elok-elok.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, bila saya kata duduk elok-elok, duduklah elok-elok.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Beritahu bahawa...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Boleh berdiri untuk tunggu giliran, untuk jawab...?

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak boleh. Dia seorang sahaja boleh berdiri. Tengok peraturan mesyuarat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya setuju ada empat *variable* dalam penentuan harga. Akan tetapi bila kita bincang di sini, kita harus realistik, dan kita hanya sepatutnya letakkan tanggungjawab yang terbesar untuk *variable* yang kerajaan boleh kontrol. Kita tidak boleh kontrol pasaran dunia. Kita tidak mungkin untuk tukar produktiviti dalam *overnight* tetapi *variable* yang boleh kita kontrol adalah *tax*. *Regime tax is the first priority of the* kerajaan.

Ini kerana kita bincang dengan apa pun, perjanjian *Free Trade Agreement*, perjanjian apa, kita tidak bincang tentang produktiviti, kita tidak bincang tentang *output* dan lain-lain lagi. Kita bincang bagaimana kerajaan untuk merasionalisasikan cukai supaya pengguna ini dapat manfaat daripada dasar kerajaan. Apa yang kita harus dengar bukan secara *absolute* berapa *percent* kereta itu akan turun, tetapi kita ingin dapat komitmen dan agenda kerajaan sama ada kerajaan berniat untuk kurangkan atau hapuskan *excise duty* ini?...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: [Bangun]

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Yang di-Pertua, pasal tadi...

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Minta laluan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Bersekali dengan Yang Berhormat Batu.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, saya sama dengan Yang Berhormat Batu.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya jawab dahulu ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Beberapa soalan sekalilah.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi, saya sudah jawab dalam Dewan ini soalan berkaitan perkara ini.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Berkenaan dengan Sabah belum Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Kementerian sudah menjawab, yang menyatakan pada masa ini, hari ini, sekarang, jam 2.55 petang, 8 Julai 2013, pada masa ini kita tidak bercadang untuk mengurangkan duti eksais kerana kita belum lagi berjumpa...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Walaupun cadangan 20% penggantinya yang boleh. Oleh kerana kita perlu memastikan fiskal kerajaan ini mantap, maka kerajaan belum lagi berjumpa satu alternatif pada hari ini, pada masa ini. Akan tetapi, yang saya sebutkan tadi pada masa hadapan, ia bukan bermakna bahawa kita tutup pintu sama sekali. Jika ada kaedah ataupun ada penggantinya melalui transformasi cukai ini...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi, saya tidak kata bahawa kita tidak akan pertimbangkan.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi saya teruskanlah.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri. Hendak bagi celahan atau tidak ini? Ada enam yang bangun.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Minta untuk Kuala Langat.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Bagi Yang Berhormat Kulailah, Yang Berhormat Kulai, boleh?

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya? Yang Berhormat Kulai?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar ada soalan ini. Soalan bertulis. Ada berbeza sekarang.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *[Bangun]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri. Bagi PAS dahulu laluan, Kuala Langat.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang lain duduk, duduk. Dia bagi Yang Berhormat Kulai.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Kuala Langat.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya kerana saya rasa Yang Berhormat Menteri pernah pada bulan Mei buat satu kenyataan kata bahawa sudah banyak, 10 model popular di negara ini telah turun, harganya telah turun secara purata 7.3% sejak Oktober tahun yang lepas. Jadi, saya di sini hendak tanya Yang Berhormat Menteri, mana 10 model popular itu yang mana harganya telah turun sebanyak 7.3%?

Ini kerana saya kalau ikut siasatan saya, ataupun *survey* yang kita telah buat, memang tiada harga kereta yang sedang turun. Tidak usah cakap 7.3%, lima persepuluh (0.5%) pun tidak ada. Apa yang ada adalah diskaun ataupun diskaun yang ada bagi, tetapi hanya semasa itu promosi. Jadi, itu bukan satu penurunan harga secara selama-lamanya. Itu hanya adalah satu harga secara promosi sahaja...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Jadi, di sini saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mana 10 jenis kereta yang harganya telah turun sebanyak 7.3%? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Kulai, yang pertamanya...

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Menteri hendak jawab dahulu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Ia adalah kenyataan yang dibuat berkaitan dengan penurunan harga kereta, ini dibuat oleh syarikat-syarikat. Kerajaan cuma menyampuk. Apabila dia buat, maka kita buat penjelasanlah. Bukan kerajaan, syarikat yang buat.

Keduanya, media juga melaporkan perkara ini. Kadang-kadang dia laporkan muka surat depan apa semua, muka surat kedua. Bukan tanya kerajaan, dia buat analisis. Dia berhak untuk buat analisis. Jadi, mungkin ada sedikit kekeliruan. Saya hendak maklumkan bahawa...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *[Bangun]*

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Turun harga kereta ini ada tiga kaedah. Pertama, turun secara kekal tanpa melibatkan...

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, duduk dahulu. Duduk dahulu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Tanpa melibatkan apa-apa lain. Keduanya, turun secara kekal juga tetapi berikutan daripada apa yang dia tukar. Dahulu, dia beli *imported component* daripada luar, sekarang dia guna *local components* ya. Itu yang kedua.

Ketiga, Yang Berhormat Kulai sebut tadi iaitu promosi hari raya kah? Jadi, oleh kerana mungkin dengan izin, *media treatment* itu tidak jelas. Saya akui bahawa ada masyarakat yang beranggapan bahawa yang dinyatakan itu adalah satu *permanent reaction*. Ia ada tiga kaedah. Pertama, memang dia turunkan secara kekal. Kedua, turun oleh kerana dia ubah. Dahulu pakai banyak komponen import, sekarang tempatan. Kalau dia pakai komponen tempatan, ada kaedah-kaedah untuk membolehkan duti eksais dikurangkan. Ketiganya ialah promosi. Jadi, Yang Berhormat sebut tadi promosi. Jadi, Yang Berhormat sebut tadi promosi. Saya hendak maklumkan yang...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Mencelah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Penjelasan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Turun secara kekal ini ia tidak melibatkan komponen.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar dahulu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Umpamanya Saga 1.3. Sebenarnya kereta 1.3 ini...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan dahulu Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Sudah turun ke RM5,000 iaitu 12%. Ini *permanent reduction*. Viva 4% sebagai contoh, Nissan Sentra 13%. Itu turun kekal.

Keduanya, turun oleh kerana syarikat-syarikat tertentu telah mengubah. Kalau dahulu, komponen diimport banyak tetapi sekarang ini digantikan dengan komponen tempatan. Maka, contohnya kereta Mazda turun RM15,000 – 10%, Honda Jazz – 5%, Volkswagen Polo – 9%. Itu pun penurunan kekal. Jadi, yang ketiga kata Yang Berhormat kata tadi ialah promosi. Jadi, saya

harap jelas sekarang ini ya. Apa yang saya sebutkan ini, model-model tadi, ada dengan saya ini, ini merupakan penurunan kekal harga kereta...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, yang mana satu ini, Yang Berhormat Kapar atau Kuala Langat?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Mana yang belum lagi? Okey, Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ha, Kuala Langat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat. Yang lain sila duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar mewakili Parlimen yang paling besar. Zon tiga.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Kuala Langat, Kuala Langat.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

■ 1500

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan kepada Kuala Langat.

Daripada hujah yang telah Yang Berhormat Menteri berikan, dan mengatakan bahawa tidak memungkinkan waktu ini untuk menurunkan harga kereta. Daripada implikasi yang hendak kita lihat daripada cadangan dan juga hasrat yang dibuat oleh Yang Berhormat Pandan, penyelesaian penurunan harga kereta ini tidak akan membebankan pekerja, tidak menyalahkan pekerja atas gaji yang kita terima pada hari ini, yang menampakkan bahawa alasan yang diberikan untuk menurunkan harga kereta yang akan dilonggokkan atas masalah penurunan harga kereta ini.

Saya melihat daripada kekhusyukan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pandan, tidakkah kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu dana berjumlahnya dalam RM2 bilion untuk mengimbangi, untuk *check and balance* bagi memastikan penurunan cukai ini dapat diberikan, dengan suntikan dana ini, supaya ia tidak membebankan kumpulan-kumpulan yang lain dalam membentuk penurunan harga kereta ini, terutama sekali tidak meletakkan beban kesan kepada pekerja? Yang Berhormat Menteri kata tadi, seolah-olah macam keperluan itu tidak perlu disegerakan. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Kapar bangun.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak tambah sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Cukup, banyak lagi yang lebih penting lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey Yang Berhormat Menteri tidak benarkan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya hendak habis semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tadi kita timbanglah Yang Berhormat Kuala Langat tadi.

Itu baru pertama Yang Berhormat Pandan. Kedua, Yang Berhormat Pandan sebut di sini dalam Parlimen ini, Yang Berhormat Pandan kata turun harga, betul dan akui tetapi Yang Berhormat Padan kata, harga kereta lain naik, ini tidak betullah ya. Saya bukan bercakap bagi pihak syarikat kereta tetapi daripada apa yang saya tahu. Saya bukan pemilik syarikat kereta tetapi daripada apa yang saya tahu. Akan tetapi ini Yang Berhormat Pandan punya dakwaan... Tadi kata saya putar belit...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Boleh saya jelaskan ya, sebab Yang Berhormat Menteri salah faham tu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Dia kata dalam Parlimen, dia kata "...turut turun betul tetapi nanti modal lain akan naik".

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Ini saya sebut, saya *quote* dia punyalah ya. Jadi saya hendak beri jaminan di sini bahawa sebenarnya yang saya tahu, mungkin Yang Berhormat Pandan tahu, maknanya kalau tadi pada Proton Saga turun 12%, Viva 4% kalau mengikut kenyataan Yang Berhormat Pandan ini, turun Yang Berhormat Pandan mengakui tetapi mungkin modal lain naik. Jadi setakat yang saya ketahuilah kecuali Yang Berhormat tahu lain.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya tidak tahu ada Yang Berhormat Pandan dakwa dalam model ataupun syarikat yang sama, turun harganya naik model yang lain. Maknanya Yang Berhormat menyatakan bahawa...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri kena beri peluang kepada saya untuk terangkan semula...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Itulah yang putar belit.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya terangkan dahulu Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sama ada salah faham ataupun buat-buat salah faham. Saya menerangkan, apabila kerajaan mengambil pendirian tidak mahu campur tangan dan

menyerahkan kepada syarikat-syarikat untuk menurunkan harga, seperti mana yang Menteri sebutkan sekarang. Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, kerajaan hanya menyampuk, kerajaan langsung tidak ada peranan ini dan beri kepada syarikat.

Apabila syarikat yang buat keputusan, syarikat perlu mengekalkan margin keuntungan tertentu, seperti Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi. Oleh kerana syarikat-syarikat faham bahawa kerajaan tertekan untuk menurunkan harga kereta, maka bolehlah diturunkan dua, tiga model, tetapi untuk mengekalkan marginnya, kerana itulah tugas syarikat kepada pemegang saham mengekalkan margin. Dia tidak boleh potong margin dia dan untuk kita berharap supaya syarikat memotong margin, untuk menunaikan janji yang kerajaan buat, itu tidak adil kepada syarikat dan juga pekerja-pekerja.

Oleh sebab itu saya kata, jangan Yang Berhormat Menteri tengok sekarang. Yang Berhormat Menteri perlu tengok setahun dari sekarang, dua tahun dari sekarang, dan tiga tahun dari sekarang akhirnya harga kereta akan tetap mahal, kecuali kalau duti itu diturunkan. Cuma saya hendak mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kenapa susah sangat untuk memperuntukkan RM300 juta, RM400 juta untuk memotong cukai eksais, sedangkan kita tengok kali ini ada RM12 bilion belanjawan tambahan. Untuk SPR sahaja, telah dibelanjakan RM465 juta. Kenapa sukar untuk memperuntukkan RM300 juta untuk turunkan harga kereta? Ini kerana kesan berganda ini banyak kepada masyarakat, terutamanya mengurangkan hutang-hutang yang ditanggung oleh keluarga...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri soalan yang sama.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap Yang Berhormat Menteri. Ini saya hendak ingatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat, semasa Yang Berhormat Menteri menjawab ini, kita boleh mencelah untuk mendapat penjelasan bukan kita untuk memberikan ucapan-ucapan atau pandangan-pandangan yang baru. Jadi saya harap dapat kerjasama daripada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada lebih kurang setengah jam lagi ya Yang Berhormat Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak minta penjelasan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma baca, minta maaf tidak ada dalam Parlimen pada masa itu. Yang Berhormat Pandan sebut, "...*nanti model lain akan naik*", itu sahaja. Jadi saya beri penjelasan setakat saya ketahui.

Jadi beginilah Yang Berhormat Pandan, kalau Yang Berhormat Pandan ada fakta, ada model yang turun atau yang naik umpamanya Proton Saga turun. Dalam *family* proton kalau ada yang naik, atau Viva pun turun, kalau ada beritahu saya. Saya hendak tahu juga kerana saya cuma baca apa yang disebut dalam *Hansard*, "...*Nanti model lain akan naik*". Itu sahaja saya beri

penerangan, tidak lebih daripada itu. Jangan pergi jauh-jauh, pasal SPRMlah, RM12 juta, tidak ada kaitan. Selesai yang kedua.

Ketiga, Yang Berhormat Pandan sebut dan kata harga kereta turun, dia kata, "...akan potong gaji overtime." Marahlah Yang Berhormat Kuala Langat. Jadi ini pun saya tidak tahu ya, MITI tidak ada menerima laporan bahawa setelah Protonkah, Produakah, Nissankah, Mazda, Honda, Volkswagen turunkan harga, kita tidak ada laporan...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Sedikit celahan.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Penjelasan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Kalau ada, tadi saya kata kalau Yang Berhormat Pandan ada maklumat menyatakan bahawa turun satu model naik yang lain, beri kepada saya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ini saya hendak jawab.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Kedua, kalau Yang Berhormat Pandan kata ada syarikat potong gaji, maka setelah diturunkan harga, maka saya hendak tahu jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pandan bangun.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri dana, dana.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Ini bukan satu perkara...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Peruntukan, peruntukan ini...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri, saya akan kumpulkan maklumat-maklumat itu *insya-Allah* saya sampaikan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih banyak. Bagus, saya hendak tahu juga.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Cuma Yang Berhormat Menteri kena jawab.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Bagi saya maklumat, syarikat mana potong gaji, itu sahaja.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Nanti. Apakah tugas Menteri hanya semata-mata menunggu orang kompelin... [Dewan riuh]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Bagi saya maklumat syarikat yang menaikkan harga model kereta lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pandan, dan Yang Berhormat lain duduk.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Menteri mesti tahu, bila buat dasar, macam mana kesan kepada pekerja. Bukan semata buat dasar dan tunggu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang keempat...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Saya perlukan penjelasan dekat sini.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pandan sebut bahawa kurangkan harga, kualiti kereta, *cut corners*. Ini satu perkara yang serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Menteri tidak beri laluan Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini Menteri, saya ada dua jawapan yang berbeza di sini. Pagi satu jawapan, petang satu jawapan. Hari ini pula *four variables*. Pagi pada 26 Jun...*[Disampuk]* Ini dasar automotif, polisi lah yang 20% hingga 30%.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar tolong tengok peraturan, kalau Yang Berhormat Kapar minta, Yang Berhormat Menteri benarkan, jadi saya benarkan. Saya jemput Yang Berhormat Kapar untuk...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua, memang minta kebenaran ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekarang ini Yang Berhormat Menteri tidak benarkan. Sila.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Cukup. Isunya..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekarang ini Yang Berhormat Menteri tidak benarkan celahan. Sila duduk.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang akhir sekali Yang Berhormat Pandan sebut bahawa turun harga, dia kata dengan izin, "*cut corners*" "*drop in quality*" itu perkataan yang digunakan.

Saya pun hendak tahu juga syarikat mana, kalau benar maka ini boleh dirujuk kepada *Consumer Tribunal* ataupun Persatuan Pengguna, ini satu dakwaan yang cukup berat bagi syarikat ya. Saya mintalah Yang Berhormat Pandan bagi bukti dan minta syarikat. Saya akan bantu untuk mendapatkan jawapan daripada Yang Berhormat Pandan ya, kalau betul ada syarikat-syarikat yang *cut corners* *[Dewan riuh]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Okey yang terakhir, lepas ini saya tidak tanya Menteri sudah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, yang mana satu ini Yang Berhormat Menteri?

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya faham kalau Yang Berhormat Menteri minta semua data-data itu boleh. Akan tetapi baik kita bertukar tempat, saya jadi Menteri, Yang Berhormat Jeli mari duduk di sini *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang buat tuduhan, yang putar belit ini Yang Berhormat Pandan. Saya minta kerana saya tidak tahu, itu yang saya minta, saya hendak tahu. Saya tidak ada laporan. Tidak ada satu laporan pun yang MITI terima di mana syarikat-syarikat kurangkan harga, turunkan gaji kakitangan. Tidak ada laporan saya terima, kurangkan harga, naik harga model lain. Tidak ada laporan yang kita terima bila turunkan harga, *cut corners*. Jadi saya tidak ada

laporan. Oleh kerana Yang Berhormat ada laporan, saya hendak bantu Yang Berhormat untuk menyiasat perkara ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya pun hendak bantu ini Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, Menteri, *last question*.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Minta laluan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri tidak benarkan ini [*Dewan Riu*]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya ingat sudah jelas dah semua [*Dewan riu*]

Ramai Ahli Yang Berhormat hendak dengar pasal TPP ini. Okey, yang pertama mengenai PKS, kedua mengenai harga kereta, ketiga mengenai *Trans-Pacific Partnership* ataupun Perjanjian Perkongsian Perdagangan Trans-Pacific.

■1510

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh, Lembah Pantai, Klang, Kuala Langat, Gombak dan Kelana Jaya. Antara lain ialah Ahli Yang Berhormat enam hingga tujuh orang yang membangkitkan tentang TPP, saya menghargai pandangan-pandangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat, dan saya hendak memaklumkan di sini bahawa ada pandangan-pandangan Yang Berhormat itu selari dengan pandangan kerajaan, tidak ada beza dalam beberapa hal, tidak ada beza pandangan Yang Berhormat dengan pandangan kerajaan pada hari ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [*Bangun*]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Pertama saya hendak maklumkan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya nak cerita sikit, tunggu-tunggu sekejap. Gombak selepas ini, yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak, baru bermula ini Yang Berhormat Gombak, baru bermula tajuk ini. Sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri, ada perkara yang kerajaan dengan Pakatan Rakyat seiring. Saya meminta Yang Berhormat cerakinkan dan jelaskan...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tunggulah, baru bermula.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Yang mana seiring dan yang mana tidak seiring. Baru boleh kita bahaskan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: *Insyah-Allah*, jangan takut. Jadi yang pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh kerana Yang Berhormat Permatang Pauh menyatakan bahawa parti beliau, parti Yang Berhormat Permatang Pauh tidak mempertikaikan TPPA, malah menyokong penyertaan Malaysia dalam rundingan-rundingan

perdagangan bebas. Maknanya parti Pakatan Rakyat ataupun dalam..., mungkin saya tidak tahu, mewakili Pakatan Rakyat ataupun PKR mengikut Yang Berhormat Permatang Pauh menyokong Malaysia terlibat dalam FTA. Ini saya ambil daripada *Hansard*...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Cuma Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan beberapa kebimbangan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Penjelasan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Pertamanya berkaitan dengan... Saya selesaikan dahulu. Pertamanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri baru bermula, Yang Berhormat Klang duduk dahulu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang pertamanya ...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: [*Menyampuk*]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Berkaitan dengan kerahsiaan. Jadi saya ingin tegaskan sekali lagi seperti yang saya tegaskan di dalam Dewan, dalam mana-mana rundingan, oleh sebab perkara ini masih lagi berjalan, sama ada kita dengan *lawyer-client*, *doctor-patient*, suami-isteri kah, mahkamah kah, kita harus ada kerahsiaan.

Jadi di dalam perundingan ini, pertama kita mempunyai undang-undang negara. Kedua, ada beberapa perkara yang kita rasakan di mana tidak wajar kita dedahkan buat masa ini, kerana ini boleh kompromi kedudukan kita. Dalam pada itu, yang kita tidak dedahkan ialah *full text*, yang kita tidak dedahkan ialah *detail* teks itu tetapi isu-isu dan kepentingan kerajaan, kita dedahkan kepada pihak-pihak yang kita adakan konsultasi. Kita sudah berjumpa dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat Barisan Nasional, kita berjumpa dengan beberapa Ahli Dewan Rakyat daripada sebelah sana, kita berjumpa dengan beberapa NGO termasuklah CAP, dan lain-lain yang tidak bersetuju dengan pendirian Malaysia...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Mohon laluan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya ada tiga Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat berkenaan, mungkin berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap, sekejap dua minit.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Bahawa *detail* teks itu tidak boleh kita berikan tetapi pendirian kita, kita sudah kongsi. Malah saya sudah menulis kepada beberapa pihak, ada satu dua lagi yang belum dijawab tetapi sudah surat telah ditulis secara terbuka tentang pendirian kerajaan dan kita jelaskan.

Pertama yang mereka minta jaminan-jaminan, kita memberitahu mengenai pendirian kerajaan. Jadi rahsia itu ialah teks secara terperinci tetapi pendirian kerajaan, ini bukan satu rahsia dan Yang Berhormat yang sedang berdiri ini pun, semuanya terlibat di dalam beberapa konsultasi yang diadakan oleh MITI. Silakan Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghargai apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkaitan dengan konsultasi kerana kami Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat ada berjumpa dengan Ketua Setiausaha, termasuk dengan pegawai-pegawai MITI dan kementerian lain. Malangnya di dalam mesyuarat tersebut, kami dijanjikan kerasionalan sebelum mana-mana perjanjian perdagangan dimeterai, haruslah ada laporan kos faedah, *cost benefit analysis* yang diperakui oleh kementerian, yang wujud dalam bentuk laporan UNDP, tahun 2010.

Kami dijanjikan laporan tersebut sekitar dua minggu yang lepas Yang Berhormat Menteri. Dijanjikan dengan syarat bahawa semua *negotiating position* dengan izin, akan dibuang sebelum diberikan atas isu-isu kerahsiaan. Malangnya sehingga ke hari ini, laporan kos faedah bukan sampai lagi dengan perjanjian ataupun isu-isu yang dianggap sulit, itu tidak diberikan kepada anggota Parlimen. Pada saya itu tidak boleh diterima pakai.

Keduanya bercakap tentang kandungan dalam perjanjian TTPA ini. Kalau di Amerika Syarikat, dalam Kongres mereka ada jawatankuasa khas yang mendapat akses kepada kandungan-kandungan tersebut selaku wakil rakyat, supaya mereka boleh memperincikan, meneliti dan membantu kerajaan dalam mendapatkan perjanjian terbaik buat negara. Saya fikir di sinilah Yang Berhormat Menteri, bukan sahaja harus memastikan kami dapat laporan kos faedah tersebut tetapi keduanya harus memberikan ruang di Parlimen menerusi satu jawatankuasa khas, supaya Ahli-ahli Parlimen terpilih daripada Barisan Nasional dan juga Pakatan Rakyat dapat memperincikan kandungan. Saya fikir tidak salah kerana kami juga mahukan yang terbaik. Kalau Yang Berhormat sebut bahawa kedua-duanya bersetuju, selari tujuan untuk mendapatkan yang terbaik buat Malaysia akan memperakui kandungan tersebut. Jadi mohon. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sekali Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Siput dengan Yang Berhormat Klang.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sekali Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Jadi kita semua Ahli Parlimen hendakkan yang terbaik untuk negara. Kami kerajaan nak memberikan kepentingan kepada negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk dahulu, duduk. Yang Berhormat Sungai Siput, duduk.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Pembangkang pun mahukan begitu juga. Jadi kita semua mempunyai amanah untuk membuat sesuatu yang terbaik, yang tidak menjejaskan kepentingan negara. Terima kasih banyak. Jadi mengenai janji itu betul. Saya pun tahu mengenai janji tersebut. Sebenarnya ini mengambil sedikit proses. Kita hendak berbincang dengan penasihat undang-undang dan barulah kita dapat *clearance* dan mungkin...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [*Bangun*]

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...*On the way*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Saya hendak bagi habis sahaja.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Sudah selesai.

Seorang Ahli: Penjelasan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Dua tahun Yang Berhormat Klang menunggu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi berhubung dengan persoalan Yang Berhormat Lembah Pantai dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, akan kita tunaikan hari ini ataupun esok, *on the way*.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Selesai Yang Berhormat Lembah Pantai dahulu, banyak masa lagi.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Kuala Langat. Kuala Langat.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Lembah Pantai ada membangkitkan tiga, empat perkara. Apa yang pertama, yang terbaik, kita semua mahukan yang terbaik. *Insya-Allah* janji ditepati cuma lewat sedikit kerana kita perlu...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Nak minta fasal..., tarikh Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Merujuk pihak peguam, setelah mendapat *clearance* peguam dan semuanya selesai...

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Yang Berhormat Menteri, saya...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Boleh bagi tarikh?

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Hari ini ataupun esok akan dapat ya.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Yang Berhormat Menteri, saya minta satu jawapan sahaja Yang Berhormat Menteri.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri penjelasan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Janji esok ya, terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: *Insyah-Allah.*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saksi ya. Hari ini ataupun esok.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ini, ini duduk dahulu.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Ketiga akses.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri hendak jawab isu Yang Berhormat Lembah Pantai ini Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Bersekali.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Ketiga mengenai akses. Akses ini Ahli Yang Berhormat daripada kerajaan dan pembangkang sudah pun diberi pendedahan tentang *stand* kerajaan dalam banyak isu, hampir semua isu. Bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi juga NGO-NGO, banyak yang pihak kami telah berunding dalam tempoh dua tahun setengah ini. Maka akses ini sudah pun diperolehi dan jika ada lagi yang diperlukan maka kita akan memikirkan kaedah...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Macam mana. Akan tetapi setakat ini, setakat yang saya tahu, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah berjumpa dengan pegawai dan juga saya sendiri dan maklumat juga telah pun diberikan dan ada lagi beberapa perkara yang diperlukan termasuklah ada pihak yang menulis – saya ada menjawab kepada pihak secara bertulis. Cuma saya tidak menjawabnya semua, banyak sangat surat yang ditulis dan kita akan cuba sedaya upaya untuk menyampaikan maklumat yang diperlukan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tiga Yang Berhormat bangun. Yang Berhormat Gombak, Sungai Siput dan Kuala Langat.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Akhir sekali Yang Berhormat Lembah Pantai. Hendak jawab semua tetapi satu lagi. Akhir sekali ialah mengenai *select committee* yang kita rahsiakan bahawa input yang kita terima daripada Parlimen, daripada konsultasi dalam dua tahun setengah ini memadai dan kita berpendapat, adalah tidak perlu tetapi kalau ada lagi isu-isu yang hendak

dibincangkan, kita akan mencari kaedah bagaimana kita boleh membincangkannya termasuklah untuk Ahli Parlimen mendapat tahu apa pendirian kerajaan terhadap hal tersebut...

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit Yang Berhormat Menteri, tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang mana ini?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit sahaja, Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk ya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri telah menegaskan bahawa konsultasi dan input telah diperoleh daripada pelbagai pihak. Namun di dalam perbahasan saya, saya ada menegaskan dalam *service sectors*, ada satu klausa yang menekankan soal *domestic regulations discipline*. Klausa ini sebenarnya memberikan dampak yang cukup besar kepada pelaksanaan dasar-dasar kerajaan negeri. Maka persoalan saya, mengapa dalam proses rundingan dan konsultasi ini tidak ada dilibatkan wakil kerajaan negeri? Ini kerana sekiranya perjanjian ini ditandatangani tanpa melibatkan peranan kerajaan negeri, saya bimbang ia akan memberikan kesan yang cukup negatif.

Sebagai contoh Yang Berhormat, dan saya yakin Yang Berhormat Menteri juga sedia maklum dalam hampir kesemua Perjanjian Perdagangan Bebas di peringkat antarabangsa, salah satu elemen yang paling penting ialah *non-conforming measures* ataupun NCM ini di mana kerajaan yang mewakili negara perlu menyenaraikan perkara-perkara yang dipersetujui bersama dan juga perkara-perkara yang tidak dipersetujui.

■1520

Namun dalam konteks ini, sebelum kerajaan menyenaraikan perkara-perkara yang di persetujui oleh Kerajaan Pusat, sewajarnya Kerajaan Persekutuan juga melibatkan perkara-perkara yang dipersetujui oleh kerajaan negeri dan perkara-perkara yang tidak dipersetujui oleh kerajaan negeri. Sekiranya tidak ada rundingan, bagaimana mungkin kerajaan boleh mendapat maklum balas tentang perkara-perkara yang dipersetujui oleh kerajaan negeri dan yang tidak dipersetujui.

Ini kerana dasar-dasar itu juga melibatkan *affirmative action* terhadap golongan bumiputera. Golongan IKS yang sebahagiannya bumiputera, soal tanah, soal isu pelesenan yang dikeluarkan oleh PBT...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Semua ini adalah bidang kuasa kerajaan negeri yang tidak pernah dilibatkan dalam rundingan dan konsultasi TPPA. Jadi, saya minta penjelasan mengapa perkara ini tidak berlaku atas prinsip ketelusan dan keterbukaan dalam mengendalikan perjanjian ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Satu-satu, secara umumnya, isu-isu yang dibangkitkan kita tegaskan dengan perunding-perunding dalam negara lain adalah berkaitan dengan Kerajaan Pusat. Tidak melibatkan negeri, seumumnya. Apabila melibatkan yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak tadi, *regulatory practice* tadi, ianya ke arah meningkatkan kecekapan. Pada pandangan kerajaan, tidak menyentuh kuasa negeri ialah untuk meningkatkan, kalau dulu melibatkan 50 prosedur umpamanya. Apabila kita bincang hendak kurangkan prosedur supaya lebih telus, lebih cekap umpamanya, maka kita rasa ini harus diterima oleh semua.

Jadi, yang pertama secara umumnya, kita nyatakan kepada rakan-rakan kita bahawa kita ada tiga tahap kerajaan, *three levels of government*, dengan izin. Pertama, Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur, kedua kerajaan negeri dan ketiga, pihak berkuasa tempatan. Secara umumnya dalam kebanyakan rundingan yang kita lakukan, kita nyatakan bahawa kita tidak boleh menyekat. Kerajaan Pusat tidak boleh menyekat kerajaan negeri untuk bersetuju dengan hal-hal spesifik termasuklah juga pihak berkuasa tempatan...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kalau...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Akan tetapi dalam hal-hal berkaitan dengan *regulation*, ini perkara yang kita lakukan. Umpamanya, dalam aspek kita panggil permit pembinaan, kita mendapat satu ranking yang amat rendah di dalam satu ranking dibuat oleh Bank Dunia, 105 lebih kurang. Sekarang ini naik sampai 94. Ini berkaitan dengan usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan untuk memudahkan para usahawan dalam bidang pembinaan bagi *register* projek mereka. Jadi, ini adalah merentasi atau beri faedah kepada semua, tidak menyentuh kepentingan mana-mana negeri, sebaliknya ia meningkatkan kecekapan dan memang dialu-alukan oleh semua pihak di negara kita Malaysia.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya berkongsi sedikit. Kalau perbincangannya soal prinsip keterbukaan, ketelusan, prestasi, saya kira kita tidak ada masalah. Kita boleh bersetuju dalam konteks meningkatkan prestasi dan juga sistem penyampaian di peringkat persekutuan atau peringkat negeri. Akan tetapi, jikalau saya boleh berkongsi dengan Yang Berhormat Menteri, *clause domestic regulation discipline* ini asas yang digunakan ialah *non-trade discriminatory*. Kalau ini diguna pakai dalam TPPA, sudah tentulah ianya boleh menjejaskan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan negeri yang menjurus ke arah

affirmative action ataupun program-program khusus untuk meningkatkan kemampuan golongan bumiputera dan juga minoriti.

Akan tetapi, kalau asasnya ialah *non-trade discriminatory* maka saya bimbang kalau kerajaan negeri tidak dibawa ke meja rundingan dan Kerajaan Persekutuan mengambil alih peranan ini tanpa membuat sebarang rujukan, ianya tidak membantu dalam menyiapkan satu perjanjian yang dapat memberikan perlindungan kepada kedaulatan negara sama ada di peringkat persekutuan ataupun di peringkat kerajaan negeri. Jadi persoalan saya, mengapa sukar sangat MITI ataupun Kerajaan Persekutuan melibatkan kerajaan-kerajaan negeri. Apakah kerana kerajaan-kerajaan negeri yang mewah dan maju ini di bawah Pakatan Rakyat menyebabkan MITI enggan membenarkan wakil kerajaan negeri Pakatan Rakyat terlibat khususnya negeri Pulau Pinang dan Selangor dalam rundingan TPPA ini? [Tepuk]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih. Pandangan dan maklum balas *input* daripada Yang Berhormat Gombak. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita dalam rundingan ini menyatakan kepada negara lain bahawa kita tidak boleh memaksa kerajaan-kerajaan negeri untuk menerima pakai apa yang untuk muktamad oleh Kerajaan Pusat. Maka itu antara lain kenapa tidak banyak konsultasi dengan kerajaan-kerajaan negeri berkaitan dengan dasar bumiputera. Kita ada beberapa klausa yang disebutkan dengan izin *carve out*, yang mana dalam perundingan kita menyatakan dasar-dasar kita. Ini termasuklah dasar bumiputera yang menjadi kebimbangan banyak pihak termasuklah juga kerajaan, kita tidak mahu menjejaskan kepentingan bumiputera. Jadi ini diambil perhatian oleh kerajaan. Saya...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Klang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Klang, sila.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak balik kepada isu pokok, isu pertama yang dibangkit oleh Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh telah menyokong *Trans-Pacific Partnership*. Sebenarnya, saya telah pun membaca kenyataannya itu. dan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh ialah bahawa Pakatan Rakyat menyokong TPP *but it must be fair*. Soalan di depan kita, adakah TPP adil untuk rakyat Malaysia dan untuk negara Malaysia? Jawapan saya ialah ia tidak adil untuk Malaysia.

Isu kedua yang saya hendak bangkit ialah isu kerahsiaan. Walaupun saya faham pandangan Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa kita mesti rahsia oleh sebab ada perundingan dan sebagainya. Akan tetapi pihak Amerika Syarikat selepas setiap rundingan, mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil perniagaan mereka untuk memberitahu mereka apakah sebenarnya yang telah berlaku dalam setiap rundingan. So, kalau kita takut dengan Amerika dan tidak mahu memberitahu Parlimen sendiri apa yang berlaku maka *this is not fair to*

the Parliament. Walhal Parlimen diwajibkan untuk membuat dasar, untuk membuat undang-undang tetapi undang-undang itu boleh ditukar kepada satu tribunal di peringkat antarabangsa seperti ISDS.

Saya memang sokong pandangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Gombak yang menyatakan bahawa kerajaan negeri mesti dilibatkan sebab kalau Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang membuat satu dasar dan katakan dasar itu dicabar dan dibawa ke negara lain untuk dihakimi, di ISDS misalnya. Maka *this is not fair to* Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Kelantan. *So*, oleh sebab itu *the State of* Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor mesti dilibatkan dalam perancangan ini. Saya juga hendak bangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Klang ini bukan ucapan, mohon penjelasan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya tidak membuat ucapan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang ini, saya tengok masa dua minit ucapan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *Last*, Tuan Yang di-Pertua. Isu yang akhir sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita ada 24 kementerian ini.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: ...lalah berkait dengan kos *medicine*.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: [*Bangun*]

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri telah menyatakan, membuat kenyataan akhbar selepas mesyuarat Parlimen minggu lalu, menyatakan bahawa kalau kos ubat naik, kita tidak akan *sign agreement* TPP ini. Saya hendak minta, manakah *cost benefit analysis* yang menyatakan bahawa kos ubat tidak akan naik, walhal semua kajian yang dibuat oleh UNDP, dibuat oleh *United Nations*, dan juga pakar-pakar lain menyatakan bahawa selepas perjanjian dengan Amerika Syarikat, dan juga isu yang mereka letakkan *under Intellectual Property Right* dan sebagainya, harga kos akan naik. Di Jordan telah naik sampai 30%, 20% hingga 30% telah naik. *Therefore*, adakah ini adil untuk rakyat Malaysia? Tidak. *So, what is the basis of this agreement?* Minta penjelasan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Klang...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Sebenarnya soalan yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat tadi akan dijawab tetapi oleh sebab Yang Berhormat sudah bangkit, saya jawab sekaranglah tidak payah tunggu selepas ini. Pertama, Yang Berhormat Klang tadi, saya hendak sebutkan bahawa perbincangan ini masih *on going*, dengan izin, masih berjalan. Belum muktamad. Input-input yang diberikan oleh Yang Berhormat pada hari ini dan sebelum ini dan juga NGO, kita ambil perhatian. Kita mengambil berat tentang input daripada rakan-rakan kita Barisan Nasional, juga seluruh rakyat Malaysia. Jadi, saya hendak bagi penjelasan di sini bahawa semua input yang

diberikan ini memang sebenarnya membantu kita dalam proses perundingan, itu pertama saya hendak tekankan.

Akan tetapi ia belum muktamad. Kedua, berkaitan dengan perundingan, Malaysia juga ada proses konsultasi sebelum dan selepas. Kita ada 21 kumpulan kerja dan setiap kumpulan kerja ini akan mengadakan konsultasi dengan *stakeholders* berkenaan, dengan izin. Bukan makna kita tutup mulut tidak buat apa. Kita jumpa NGO, *AIDS Council*, peniaga-peniaga macam Yang Berhormat sebut dalam ubat-ubat tadi, kita juga ada konsultasi dengan syarikat-syarikat bukan sahaja *patented medicine* tetapi *generic medicine as well*. Jadi, ini proses yang berutusan dan bukan Amerika sahaja buat begitu, kita pun buat juga. Jangan kata kita tidak buat langsung konsultasi. Adalah tidak benar Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri...

■1530

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Berkaitan dengan tadi, berkaitan dengan ISDS yang disebut oleh Yang Berhormat, ini adalah berkaitan dengan *dispute settlement, Investor-State Dispute Settlement* (ISDS). Itu pun saya terang dalam Parlimen, tidak mahu ulang sudah. Sudah cakap banyak kali.

Jadi, yang pertamanya Malaysia sudah tandatangan IGA sejak tahun 1959. Sudah 74...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: [Bangun]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Antara yang pertama adalah dengan Amerika Syarikat dan sudah ada dua kes di mana dua syarikat kita mendakwa negara asing dan dua syarikat asing mendakwa negara kita. Jadi saya hendak maklumkan TPP ini tidak jauh berbeza dengan amalan sekarang. Jadi kalau kita hendak melabur harus ada ketentuan, *certainty*, harus ada *security*, kita rasa selamat melabur.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Bangun]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Itu sebabnya ada undang-undang. Yang Berhormat peguam pasti tahu. Harus ada undang-undang kalau hendak melabur..

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Menyampuk]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Kalau Khazanah, SP Setia hendak melabur di London, tidak ada undang-undang umpamanya maka kalau ada *dispute* macam mana hendak buat?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [Bangun]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi saya hendak sebut di sini bahawa pada hari ini Malaysia sudah pun tandatangan 74 IGA dengan banyak negara. Ini bukan sahaja untuk syarikat-syarikat asing membolehkan mereka, kalau ada yang tidak puas hati...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Akan tetapi membolehkan syarikat-syarikat Malaysia juga.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi itu sebenarnya keadaan ISDS ini bukan *one sided*, dengan izin. Akan tetapi juga memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang tidak puas hati.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri. Ini yang 13 juta.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Sebenarnya kita sudah berbuat demikian.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, 13 juta, mewakili 13 juta...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Minta beri penjelasan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Beri yang lama sedikit. Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Gombak. Okey.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Kuala Langat bising sangat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Bukan, bukan. Hendak ini, 13 juta Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Kuala Langat. Okey, nombor tiga.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Menteri, 13 juta Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap, sekejap.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: ...Saya soal dalam Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri hendak bagi yang mana satu?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kuala Langat. Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Kuala Langat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawab tiga sekali. Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Empat? Okey. Sila Yang Berhormat Sungai Siput dulu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kuala Langat dulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Oh, Yang Berhormat Kuala Langat dulu?

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Klang, Gombak, Kuala Langat, Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [*Bangun*]

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Okey, Yang Berhormat Kuala Langat duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Klang.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Klang, cakap.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada isu ISDS. Walaupun saya menerima pandangan bahawa peniaga-peniaga kita hendakkan perlindungan dari negara lain tetapi saya fikir itu adalah *thinking process*, dalam satu proses yang salah.

Pertama kita mesti memperkukuhkan undang-undang kita sendiri. *So*, kalau kita ada sistem *infrastructure legal* yang begitu bagus, maka itu boleh digunakan untuk mempertahankan dan juga melindungi mana-mana peniaga-peniaga yang dipercayai bahawa pelaburan mereka telah gagal atau pelaburan mereka ada masalah. Ataupun mereka telah menerima, mengalami kerugian oleh sebab dasar kerajaan.

So, isu yang kita mesti memperkukuhkan ialah *the legal infrastructure of Malaysia*. Itu yang penting. Bukan untuk memberi peluang kepada firma gergasi untuk membawa, heret kerajaan seperti Malaysia ke tribunal antarabangsa di mana Malaysia tidak ada apa-apa *influence*. Itu satu.

Isu yang kedua ialah pada tahun 2008, peranan kerajaan adalah penting, peranan kerajaan adalah mustahak dan juga kerajaan *dominated the world*. Akan tetapi sekarang yang *dominate the world* bukan kerajaan, yang mendominasi dunia adalah peniaga, adalah *big corporations*, adalah firma-firma besar antarabangsa seperti Phillip Morris dan sebagainya. Kalau Phillip Morris boleh membawa satu negara yang berdaulat ke mahkamah antarabangsa satu tribunal, maka ini menunjukkan bahawa sesuatu kerajaan tidak ada peranan, *security* untuk, keselamatan untuk mempertahankan nasib rakyat mereka sendiri. Oleh sebab demi keuntungan Phillip Morris dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Klang, ringkaskan Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Akan tetapi kita mesti belajar daripada Australia Yang Berhormat Menteri. Di Australia, mereka telah membuat satu keputusan supaya mereka tidak akan menandatangani mana-mana pihak yang hendak kerajaan mereka untuk menyokong ISDS. Mengapa Australia boleh buat? Mungkin New Zealand pula akan mengikut. Akan tetapi Malaysia tidak mahu buat.

Akhir sekali, 95% daripada firma Malaysia adalah *smaller and medium industries*. Adakah *smaller and medium industries* ini ada banyak wang, *millions of ringgit* untuk membayar pakar runding termasuk *lawyers* antarabangsa untuk pergi ke ISDS? Tidak boleh, tidak mungkin. Oleh sebab itu, ISDS tidak boleh *support*, tidak boleh disokong oleh kerajaan Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat. Sila. Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [*Menyampuk*]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih. Saya..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Satu-satulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu-satu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Klang. Hendak *strengthened* hendak mantapkan *legal infrastructure* itu satu perkara yang penting, yang kita semua sokong. Akan tetapi ini bukan bermakna kita tidak boleh buat. Ini *concurrent* ataupun *parallel*. Sambil kita mantapkan *legal infrastructure*, kita harus juga ada satu *regime* peringkat antarabangsa untuk memberi dengan izin, *comfort* untuk membolehkan syarikat-syarikat mempunyai keselesaan bagi melabur.

Kita harus ingat bahawa pelaburan ini sudah merentasi sempadan. Kalau ada masalah, maka apa *recoursenya* ini yang saya hendak tanya Yang Berhormat daripada Klang. Ada masalah macam mana kalau tidak ada satu perjanjian umpamanya, kalaulah syarikat Khazanah melabur di Malaysia, Sime Darby atau CIMB, Maybank, Petronas melabur di Turkmenistan, kalau ada masalah, tidak ada langsung. Maka macam mana hendak selesai masalah?

Jadi, kita sekarang ini dunia sudah semakin kecil, syarikat-syarikat melabur luar negara, syarikat asing daripada sini, maka harus ada sistem. Itu sahaja yang hendak dibuat. Jadi untuk makluman Yang Berhormat juga di bawah ISDS ini ada banyak *exception* mengenai *security*, *secret*, *confidential matters*, *balance of payments*, macam-macam. Jadi yang pentingnya adalah sekarang ini dengan izin, *work in progress*.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [*Bangun*]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi pandangan Yang Berhormat itu kita ambil kira dan sudah pasti kita Barisan Nasional juga mempertahankan kepentingan negara dan lebih lagilah.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [*Bangun*]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi Yang Berhormat, saya ucap terima kasih atas pertanyaan tersebut mengenai...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Eh, nanti dulu Yang Berhormat Menteri, Gombak.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...*Big cooperation and small* ini iaitu lazimnya kita. Benda ini tidak mungkinlah kadang-kadang Ahli Yang Berhormat mempunyai imaginasi, fantasi. Saya

tidak menyatakan tidak mungkin berlaku, tetapi kadang-kadang kita dengan izin, *exaggerate*, kita 'nasi tambah'lah sebagai contohnya. Jadi saya hendak tekankan di sini bahawa banyak daripada kebimbangan Yang Berhormat itu adalah tidak berasas. Ya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya bukan hendak bawa fantasi ataupun imaginasi dalam Dewan ini. Cuma saya hendak bawa fakta. Lanjutan daripada perbincangan sahabat saya Yang Berhormat Klang tadi, apabila Kerajaan Persekutuan enggan melibatkan kerajaan negeri dalam rundingan, kemungkinannya ialah kerajaan negeri akan diheret ke muka pengadilan antarabangsa sekiranya kerajaan negeri dilihat mengingkari *legitimate expectation by the international players*. Maknanya syarikat-syarikat gergasi ini apabila melihat ada beberapa konteks ataupun elemen itu yang tidak memenuhi kehendak mereka, maka kerajaan negeri akan diheret sekiranya ISDS ini dipersetujui. Maka apakah adil bagi kerajaan negeri apabila tidak dilibatkan tetapi boleh diheret ke muka pengadilan.

Maka persoalan saya yang pertama ialah, bila MITI dan Kerajaan Persekutuan ingin mengundang Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang ke meja rundingan? Kedua, soal ISDS ini Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah nyatakan bahawa mengapa kita bimbang, kita telah tandatangani 74 perjanjian tetapi itu FTA. Kita sedia maklum TPPA ini adalah salah satu cabang daripada FTA. Akan tetapi ia bukan hanya melibatkan konteks pelaburan dan perdagangan sahaja daripada 29 *chapters*, hanya lima melibatkan perdagangan dan pelaburan, 24 lagi melibatkan instrumen-instrumen baru dalam ekonomi dunia pada hari ini. Soal kedaulatan negara, soal *labor* dan soal *pattern* dan ini semua harus dibincangkan secara telus dan terbuka.

Persoalan saya ialah Yang Berhormat Menteri telah menyatakan dalam jawapan yang dalam sesi soal jawab pada minggu lepas bahawa ianya memberi manfaat baik kepada negara, tetapi kita harus terima kenyataan bahawa Malaysia lebih banyak menerima pelaburan berbanding membuat pelaburan asing. Maka kedaulatan negara ini penting kerana kebarangkalian untuk kita diheret ke *international arbitration* ini lebih tinggi berbanding dengan penggunaan ISDS.

Akhirnya Yang Berhormat Menteri saya hendak memohon penjelasan, kaedah untuk menyelesaikan ISDS ini ada tiga perkara makna dalam soal *dispute settlement* ini kita ada tiga kaedah. Pertama kalau kedua-dua pihak bersetuju, kita boleh selesai.

Kedua, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Klang tadi ialah soal kaedah *state* ataupun *domestic court* yang kalau sistem perundangan kita kuat, kukuh, hakim tidak boleh dibili maka masyarakat antarabangsa akan yakin dengan sistem perundangan dan kehakiman kita. Ketiga barulah melalui kaedah *international arbitration*.

■1540

Persoalan saya ialah, apakah pendirian Kerajaan Persekutuan mahu atau tidak mahu ISDS ini dimasukkan dalam perjanjian TPPA? Sekiranya kita bersetuju untuk meneruskan

perjanjian ini, Australia telah menolak, India telah menolak, Kanada, sebuah syarikat maju dunia hari ini telah meneliti semula perjanjian ISDS setelah menerima 27 saman daripada syarikat antarabangsa. Kalau Kanada pun sedang meneliti kemungkinan untuk menolak komponen ISDS, mengapa Malaysia tergesa-gesa hendak menandatangani TPPA dan memuatkan ISDS ini? Maka saya mahu jawapan yang mudah dan ringkas daripada Yang Berhormat Menteri, hendak atau tidak ISDS

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih banyak atas soalan-soalan. Pertama, apabila kerajaan ataupun syarikat luar yang *sue*, dengan izin, mendakwa sesuatu pihak... Dalam konteks ini ialah Kerajaan Persekutuan, tidak Selangor kah, Kelantan kah, Pulau Pinang. Dalam hubungan antarabangsa sedia maklum, tidak melibatkan negerilah. Kalau makna *state* itu bermakna Kerajaan Persekutuan, ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Itu pendirian kita. *This is work in progress.*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi, itu pendirian kita. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Jadi, apabila hendak melibatkan kerajaan negeri, kenapa kita tidak melibatkan kerajaan negeri kerana tidak banyak, kerajaan negeri tidak banyak terlibat. Ini kerana dalam rundingan kita, kita kata, sistem Malaysia ini ada Kerajaan Pusat, ada kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan. Kita nyatakan dalam perundingan itu bahawa kita tidak ada kawalan terhadap kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Itu sebabnya kita tidak terlibat tetapi kita akan lihat semula perkara ini kalau kita kaji semula pada masa ini...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Kita tidak ada, tidak nampak mana-mana pun yang melibatkan negeri kerana kita sudah khabar dan jika perlu ...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Kita sanggup untuk memberikan penerangan kepada negeri-negeri, penjelasan tentang perkara ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, pasal kerajaan negeri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Berkaitan dengan ISDS tadi, ini juga adalah satu perkara yang masih dalam rundingan. Saya hendak betulkan fakta sedikitlah. Ini untuk makluman Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata, yang masuk itu banyak yang keluar akhir-akhir ini. Sebenarnya, faktanya oleh kerana Petronas dan lain-lain yang pelaburan Malaysia di luar negara melebihi pelaburan asing dalam negara kita dalam tiga tahun kebelakangan ini. Itu faktanya, ya.

Maknanya, lebih banyak syarikat Malaysia yang melabur di luar negara daripada kita terima FDI luar negara itu dalam tempoh tiga tahun. Mungkin perkara ini akan *take off*, akan berkurangan kerana kita menjangkakan FDI akan meningkat. Itu keadaannya.

Maknanya daripada segi kepentingan Malaysia memang besar dalam perkara ini kerana membolehkan syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negara dan kita harus faham bahawa syarikat-syarikat ini juga sesetengahnya ada GLC yang mana kita ada kepentingan. Jadi kalau teraniaya syarikat-syarikat tersebut luar negara, maka ada *revenue for legal recourse...*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Itu sebabnya pendirian kita ialah untuk kita..., tidak semestinya Australia tidak bersetuju, kita tidak bersetuju. Kita tidak akan hendak ikut semua negara lain. Tidak semestinya Kanada tidak setuju kerana sebenarnya kita merupakan salah sebuah pelabur besar seperti disebut oleh Perdana Menteri semasa di London baru-baru ini, selepas US dalam bidang *property* setahun dua tahun ini, Malaysia merupakan pelabur yang kedua terbesar selepas Amerika Syarikat. Yang Berhormat Kuala Langat selepas itu Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bising pun bising lah, apa yang penting, faktanya ialah mewakili 13 juta rakyat pekerja. Saya melihat, ini perbincangan *it is still going on*, dengan izin, dalam perbincangan. Tidak mengapa. Bincang, bincanglah. Akan tetapi saya hendak jaminan daripada Menteri, 13 juta pekerja ini harus dipelihara hak mereka. Hendak buat apa-apa perjanjian TPPA apa dalam itu pun, yang penting pekerja 13 juta ini tidak teraniaya.

Keduanya saya menyarankan kepada Menteri supaya undang-undang tempatan yang melibatkan hak-hak pekerja dalam negara ini, tidak boleh dicabuli. Itu jaminan saya minta kepada Menteri supaya memelihara hak rakyat Malaysia ini. Terima kasih. Jaminan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Siput.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Kita memelihara hak rakyat, ini sudah pasti satu tanggungjawab besar kerajaan. Akan tetapi dalam apa-apa jua ada baik, ada buruknya. Sistem Komunis bagus juga kerana agihan sama rata tetapi tidak bagusnya *it kills initiatives*. Jadi kalau Yang Berhormat Kuala Langat hendak jaminan menyatakan sistem demokrasi semuanya adalah bagus belaka, tidak ada *down side*, baik belaka, maka itu sebagai mukadimahlah.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Undang-undang yang ada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat, tidak boleh macam ini.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jadi saya hendak maklumkan bahawa apa-apa pun yang kita buat berpandukan undang-undang tempatan. Undang-undang tempatan itu penting maka kita berterima kasihlah atas pandangan Yang Berhormat. *Insyaa-Allah*, kita akan jaga pekerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Siput.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Sungai Siput.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya kata pukul 4.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pukul 4.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Hendak habis dah.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu jam setengah pukul 4 Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, okey. Yang terakhirlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tiga soalan, Menteri. Satu, katakan semasa perundingan kita, katakan kita perlu merahsiakan tetapi apalah salahnya selepas kita bagi *full disclosure* kepada negara, kepada Parlimen. *So*, kita boleh bentang di sini, kita boleh bincang. Kita katakan masa perundingan tidak boleh beritahu, selepas perundingan, bolehkah itu diberitahu? Kedua, soalan yang berkaitan ialah jika itu begitu baik untuk Malaysia, untuk kebaikan untuk Malaysia, apakah ketakutan untuk membentangkannya di Parlimen *so* kita semua boleh tahu, kita semua orang rasional, kita boleh baca ia, tengok ini ada kebaikannya, *so* kita boleh undi di sini.

Soalan ketiga, di Amerika Syarikat, sana pun Kongres kena *vote* selepas habis semua perbincangan sebelum dia *sign the agreement* itu, itu dibawa ke Kongres. Akan tetapi di Malaysia, tidak perlulah. Di Malaysia, MITI dengan Kabinet boleh buat keputusan tanpa bentang di Parlimen, tanpa bincang di sini. *So*, kenapa? Adakah orang *Congressman* di Amerika jauh lebih pandai daripada wakil rakyat sini yang bodoh-bodoh sedikit, yang tidak faham? *So* kerajaan kena buat keputusan pada pihak kita. Tiga soalan. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Sungai Sipu kata...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Tanpa bincang di sini, tidak betul. Bukan sahaja melalui soalan tetapi yang kedua ialah perbincangan sebegini. Saya sebutkan tadi, input-input Yang Berhormat tadi umpama Yang Berhormat Kuala Langat..., sudah cabut lari dah. Dia hendak pastikan bahawa kepentingan pekerja terpelihara. Itu antara perkara yang mana kita tidak ada beza. Kita pun hendak mempertahankan kepentingan pekerja. Kita juga hendak pastikan bahawa harga *generic drugs* itu tidak naik. Kita hendak pastikan kedaulatan negara terpelihara. Maka, tidak

ada beza. Itu antara perkara-perkara yang tidak ada perbezaan antara sebelah sana dan sebelah sini.

Jadi, kalau Yang Berhormat Sungai Siput kata tanpa bincang, tidak benar. Itu membohongi Parlimen. Kita ada soalan Parlimen, ada perbahasan, ada perjumpaan, Yang Berhormat jumpa banyak kali, Yang Berhormat antara yang paling aktif. Terima kasihlah menjadi yang paling aktif...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Sepang bangun.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Turun naik tangga, yang paling aktif.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: [*Bangun*]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Tidak benar tidak bincang. Isunya betul beberapa buah negara Amerika itu amalan, itu amalan kita di sini. Tidak semuanya perlu ke Parlimen. Ada yang perlu ada yang tidak perlu. Jadi dalam hal ini, kita rasa perbincangan ...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [*Bangun*]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Perundingan termasuk perjumpaan kami Ahli-ahli Yang Berhormat sudah memadai dan banyak. Sebenarnya seperti yang saya katakan tadi, banyak *input* daripada Yang Berhormat yang kami guna kerana Yang Berhormat sesetengahnya mempunyai idea yang bernas. Maka kami guna dalam kita merunding. Jadi, itulah jaminan yang saya hendak berikan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Mengenai *disclosure* kepada *stakeholders*, setiap kali sebelum dan selepas memang kita dedahkan kepada *stakeholders*, dewan-dewan perniagaan umpamanya sebagai contohlah, *market access*. Umpamanya dalam bidang tekstil sebagai contoh yang mana duti-duti... Ini antara perkara-perkara yang penting untuk Malaysia kerana duti terhadap tekstil ini sekitar 30% di beberapa buah negara. Maka kita telah merundingkan bagi menurunkan kadar tarif itu pada kadar yang lebih rendah. Perkara ini bukan sahaja kita berbincang dengan syarikat-syarikat tekstil, oleh kerana Yang Berhormat Sungai Siput tidak berada dalam industri tekstil, maka tidak berunding dengan Yang Berhormatlah. Akan tetapi syarikat tekstil melalui persatuan, dirunding sebelum dan selepas.

Pendirian kita kerana kita pegawai kerajaan, kita tidak tahu tentang tekstil ini. Maka kita memang mendapat input daripada industri tekstil, apa yang mereka mahu dan pendirian kita adalah berdasarkan input daripada sektor swasta. Jadi, memang kita bincang sebelum dan selepas. Jadi, saya mengambil perhatian Yang Berhormat mahu supaya kerajaan negeri dan lain-lain pihak, kita akan fikirkan kaedah bagaimana boleh kita... Saya mengakui perkara ini

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada tiga yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya mengakui perkara ini penting untuk rakyat Malaysia...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, berilah peluang.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, minta.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Dan banyak kita mendapat input dan *insya-Allah* kita ...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: akan mengambil kira dalam perundingan kita yang akan datang.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Satu perkara, satu perkara.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Kita hendak pastikan kedaulatan negara tidak terjejas adalah tidak benar kita benar kita ikut telunjuk negara-negara tertentu besar ataupun kecil adalah tidak benar kita ikut telunjuk syarikat-syarikat tertentu besar ataupun kecil. Kita ada pendirian dan *insya-Allah*....

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri, satu perkara, penjelasan. Satu, satu.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Kita akan mempertahankan negara kita sebaik mungkin. Terima kasih.

■1550

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri sudah habis. Sila Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

3.50 ptg.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ambil kesempatan ini bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Labis dan Yang Berhormat Kangar. Yang Berhormat Lembah Pantai tidak ada?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Yang Berhormat telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini sepanjang perbahasan Titah Diraja peringkat dasar pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas ini.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Padang 'Serai', sikit sahaja. Saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baru mula, Yang Berhormat Batu ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini kerana kita hendak bahas dengan Yang Berhormat Padang 'Serai' tentang pelancongan ini potong stim... *[Ketawa]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Mana ada pelancongan dekat Batu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Padang Rengas, Padang Rengas!

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Adakah isu yang lebih besar kalau kita hendak bahas dengan Menteri yang kanan ini? Terima kasih. Hendak keluar ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sebut kawasan Parlimen saya pun silap. Mana ada Padang Serai. Padang Rengaslah!

Ahli Yang Berhormat Lenggong telah mencadangkan agar lebih banyak lagi produk pelancongan di seluruh negara khususnya daerah Lenggong. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini telah menyediakan peruntukan sebanyak RM901.6 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk melaksanakan sebanyak 438 projek pelancongan di seluruh negara. Pembangunan projek-projek pelancongan merangkumi aspek penyediaan, peningkatan kemudahan pelancongan, pembangunan ekopelancongan, naik taraf penyelenggaraan, peningkatan kemudahan inap desa atau *homestay*, kajian-kajian pelancongan, Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi dan Tahun Melawat Malaysia 2014.

Bagi negeri Perak sahaja, kementerian telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM30.1 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang termasuk peruntukan sebanyak RM87,200 bagi projek-projek penyelenggaraan di daerah Lenggong selain daripada membangunkan projek-projek pelancongan dan memastikan kemudahan dan infrastruktur pelancongan adalah mencukupi bagi menjaga keselesaan dan keselamatan para pelancong yang mengunjungi sesuatu kawasan pelancongan. Kementerian juga memberi perhatian kepada aspek mempromosikan daya tarikan yang terdapat di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai mencadangkan supaya pihak kerajaan juga mesti memberi tumpuan kepada potensi membangunkan pelancongan dengan memberikan satu lagi peluang kepada pembangunan kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak pernah mengabaikan kawasan luar bandar dalam perancangan program pembangunan dan aktiviti kemanusiaan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Menteri benarkan?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Lenggong dekat dengan Ipoh Barat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Ipoh Barat selepas ini, ada jawapan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan. Berkaitan dengan kedatangan pelancong ke negeri Perak.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pelacur?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Pelancong *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya hendak tanya kebelakangan ini nampaknya kedatangan pelancong ke negeri Perak naik tetapi tidak sebanyak berbanding dengan negeri-negeri lain di negara ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong, duduk Yang Berhormat Lenggong.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Apakah sebabnya, dan apakah yang sedang dibuat untuk meningkatkan lagi kedatangan pelancong ke negeri Perak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Satu soalan tambahan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya rasa maklumat Yang Berhormat Ipoh Barat tidak betul sebab Yang Berhormat Ipoh Barat pun sebut dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Akan tetapi kalau Yang Berhormat tengok, kalau kita banding dengan negeri lain, sama sahaja. Statistik menunjukkan tidak ada kurang dan tidak ada lebih. Saya melihat dari statistik yang telah diberikan. Sebenarnya pada keseluruhan dalam tempoh tiga bulan tahun 2013 ini, kita punya kehadiran para pelancong ke negara Malaysia kita telah bertambah jika dibandingkan dengan 2012. Walaupun jerebu ada, tetapi Yang Berhormat semua tahu orang datang bercuti, dia bukan hendak datang ke Malaysia esok hendak bercuti, hari ini dia *book*. Dia sudah *book* lebih awal lagi. Jadi bila dia *book* lebih awal, sudah tentu dia mesti hadir juga walaupun ada jerebu.

Namun seperti mana saya sebut sebentar tadi, kehadiran pelancong *first quota 2013* telah pun melebihi *first quota 2012*...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dua orang Yang Berhormat bangun. Yang Berhormat Beruaskah atau Yang Berhormat Lenggong?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong, sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat sasaran kerajaan tahun 2020 sebanyak 36:168. Maknanya pada tahun 2020, kerajaan menyasarkan untuk menerima 36 juta pelancong hadir dengan penjana pendapatan negara sebanyak RM168 bilion. Melihat kepada situasi semasa, kalau kita lihat misalnya isu di Mesir dan beberapa negara lain, maknanya pelancong akan kurang ke sana dan tentu akan beralih ke negara lain dan kita harap Malaysia antara tempat yang menjadi tumpuan. Apakah angka ini berubah ataupun bagaimana keadaannya sekarang. Itu satu.

Kedua berkaitan dengan produk pelancong tempatan tadi. Sebelum ini kementerian ada menubuhkan Majlis Pelancong Komuniti kawasan parlimen dengan tujuan untuk mempergiatkan dan mengaktifkan lagi sektor pelancongan di peringkat domestik. Apakah hasrat kerajaan untuk

meneruskan majlis ini atau memperkukuhkannya supaya kita dapat membantu kementerian bagi menjana pendapatan khususnya kepada masyarakat tempatan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok daripada segi perkembangan kehadiran para pelancong tahun demi tahun, kita akan melihat itu bahawa sekurang-kurangnya kenaikan sebanyak 10% iaitu jumlah para pelancong yang datang ke negara kita seperti mana Yang Berhormat sebut, tahun 2020 memang kita menyasarkan RM36 juta. Ini kalau kita ikut kalau tidak ada apa-apa halangan. Kita yakin dan percaya iaitu daripada apa yang kita lihat daripada segi kenaikan pada tiap-tiap tahun, maka kita mempunyai keyakinan besar iaitu bahawa pada tahun 2020, RM36 juta itu boleh dicapai oleh kita termasuk dengan resit to resit yang RM168 bilion.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kemudian Yang Berhormat sebut berkenaan dengan komuniti punya pelancongan. Saya rasa apa yang kita lakukan ini sebenarnya ialah untuk memastikan seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut iaitu macam *Visit Malaysia Year* atau VMY 14 tahun depan. Ia merupakan *national mission*. *National mission* maknanya setiap kita ini adalah diharapkan untuk memainkan peranan untuk menarik pelancongan ke kawasan-kawasan yang mana kita wakili. Saya percaya setiap kawasan yang kita wakili ini mempunyai *tourism product*. Saya rasa kalau Yang Berhormat masing-masing mengetengahkan *tourism product* di kawasan masing-masing, *insya-Allah* kita akan pastikan kalau ia benar-benar dapat menarik perhatian pelancong bukan sahaja luar negara tetapi domestik pun, kita akan bantu.

Jadi kalau jawapan kepada soalan Yang Berhormat tadi sama ada kita hendak mengukuh atau meneruskan, saya boleh beri jaminan di sini iaitu bahawa sememangnya kita hendak memperkukuh dan memastikan supaya pelancong komuniti kawasan Parlimen ini diteruskan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dua orang bangun.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Beruas, Beruas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kota Melaka?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Kota Melaka. Dia Perak, *you* Perak. Melaka dululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Melaka, sila.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang produk pelancongan. Saya percaya ini termasuk dengan kewujudan tapak pelancongan. Dalam usaha Kerajaan Negeri Melaka dalam membangunkan sektor pelancongan ini, memang bukan semua yang berjaya. Akan tetapi salah satu yang paling berjaya ialah kewujudan Jonker Walk, Yang Berhormat Menteri.

■1600

Sepuluh tahun yang lepas sebelum Jonker Walk dapat dimajukan, kita jarang dapat pelancong bermalam di Melaka kerana Melaka tidak ada tapak pelancongan untuk waktu malam. Selepas Kerajaan Negeri Melaka memajukan Jonker Walk kita dapat dengar angka-angka oleh kerajaan negeri dalam sektor pelancongan. Ini yang menggalakkan pelancong bermalam di Melaka dan dengan itu kita dapat pendapatan yang lebih bukan hanya ramai pelabur iaitu yang *invest into budget hotel, homestay*, kraf tangan dan lain-lain perniagaan yang melibatkan dengan pelancongan secara langsung atau tidak langsung. Sebab itu keuntungan untuk negeri Melaka ini bukan hanya satu pihak sahaja dan ini sering kali dikatakan oleh Yang Amat Berhormat bekas Ketua Menteri Melaka. Beliau mengatakan pelancongan ini membawa banyak keuntungan kepada semua pihak dan semua sektor di negeri Melaka.

Sebab itu saya amat tidak setuju dengan Yang Berhormat Jasin yang mengatakan Jonker Walk ini hanya membawa keuntungan kepada satu pihak sahaja. Sungguhpun dia katakan, pihak mana? Saya hendak memuji Yang Berhormat Menteri, satu kenyataan yang paling serius tentang jika kita buka laluan Jonker Walk bukan hanya Melaka ini tiada Jonker Walk tetapi Jonker Drive. Ini memang amat tepat kerana Jonker Walk ini jika kita buka laluan, bukan hanya peniaga dan penjaja tidak dapat berniaga di kawasan itu maka dia juga akan membawa banyak peluang untuk *snatch theft* atau untuk jenayah berlaku.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sebab itu satu pusat pelancongan yang sudah berjaya atau satu tapak pelancongan yang amat berjaya oleh Kerajaan Negeri Melaka, saya tidak nampak apakah alasan atau sebab jika kita hendak buka laluan itu. Penduduk Melaka memang sudah biasa dengan Jonker Walk. Sebab itu saya minta pandangan sekali lagi dari Yang Berhormat Menteri bagaimana kita hendak kukuhkan dan menambahkan pelancongan atau kita bangunkan pelancongan di Melaka tahun depan 2014 *Visit Malaysia Year*. Apakah usaha Kerajaan Negeri Melaka bersama kementerian ini untuk membangunkan sektor pelancongan di negeri Melaka? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak perlulah menyebut sekali lagi apa pandangan saya mengenai Jonker Walk ini. Saya minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua iaitu sebahagian daripada pandangan Yang Berhormat Kota Melaka itu menjadi sebahagian daripada jawapan sayalah, boleh? *[Tepuk]*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh, ini kerajaan memperuntukkan lebih RM900 juta lebih untuk pelancongan tetapi hanya RM30 juta lebih untuk negeri Perak. Yang Berhormat Menteri dari Perak, sudikah Yang Berhormat Menteri memastikan sekurang-kurangnya

Kerajaan Negeri Perak mendapat 10% daripada peruntukan itu. Dari segi kepadatan penduduk pun kita ada 2.5 juta dari segi keluasan dan juga dari segi tempat-tempat pelancongan yang begitu cantik di negeri Perak? Adakah kerajaan sudi tambahkan mungkin tiga kali ganda? Kalau boleh dapat 10% sahaja. Itu nombor satu.

Nombor dua tadi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong. Saya hendak nyatakan bahawa...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggonglah. Lenggong-melenggong.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Lenggong, Lenggong. Perak Man di Lenggong sekarang berada di Muzium Negara dan apabila saya melawat bangunan yang dikatakan di mana Perak Man itu dijumpai memang sampai sana memang orang yang bekerja di sana pun *not excited about my visit*. Dia kata *nothing much to see. You get some* berapa batu berubah sahaja. Apa yang nampak itu bangunan sahaja.

So, saya hendak tanya pihak kerajaan. Sudikah Kerajaan Persekutuan menolong mempromosikan Perak Man ini sungguhpun Kerajaan Negeri Perak sudah memohon untuk diberi balik Perak Man ini? Kalau sudi beri balik mestilah juga dengan fasiliti mengenai sejarah dengan satu pakej yang baik supaya orang melawat kawasan bangunan itu di mana Perak Man berada. Jangan sahaja satu bangunan dengan batu berubah sahaja, orang tidak nampak apa-apa *exciting about the visit unlike if you go any other historical site* ada cerita-cerita yang akan diberikan apabila pelawat-pelawat melawat destinasi yang bersejarah ini. Sudikah Kerajaan Malaysia menolong negeri Perak dari segi ini?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya sambung sedikit?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak sebut saya bukan Exco *Tourism* Kerajaan Negeri Perak. Saya Menteri Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Jadi saya tidak boleh berlaku tidak adil kepada negeri-negeri lain. Saya rasa iaitu bahawa apa juga wang yang telah diperuntukkan mestilah diberikan mengikut merit. Walaupun saya datang dari negeri Perak tapi saya tidak bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat iaitu...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya mohon 10% sahaja itu adil. Bukan banyak.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita ada 13 negeri. Jadi 10% kita telah melebihi daripada 10% kita ada *13 states*. Jadi itu yang pertama.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Keduanya saya hendak sebut saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Boleh duduk dahulu tidak? Sebab mengganggu pemandangan saya [Ketawa]

Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu kalau kita lihat tentang *ecological excavation* di mana-mana sekali pun. Apabila *ecological excavation* itu dilakukan di satu

tempat dan didapati bahawa ada artifak-artifak yang lama di tempat itu maka selalunya negeri akan mempamerkan artifak itu di tempat di mana *excavation* telah dilakukan. Sebagai contoh, Yang Berhormat sudah pergi ke Sian, sudah pergi? Saya pun sudah pergi sana. Saya tengok yang tentera-tentera Maharaja China itu. Apabila *excavation* dilakukan dan mereka mendapati banyak artifak ini, maka dia tidak dipamerkan di Beijing. Ia dipamerkan di Sian sendiri kerana itu akan boleh diadakan jalan cerita kerana artifak itu dijumpai di tempat itu.

Jadi saya setuju kalau Perak Man itu dikembalikan ke Lenggong dan saya boleh beri jaminan kepada Yang Berhormat. Ini kerana *on merit* kerana Perak Man itu dijumpai di Lenggong, maka Kerajaan Pusat akan membelanjakan wang untuk membina satu muzium yang kita panggil Muzium Perak Man yang akan diadakan di Lenggong. Jadi saya jawab soalan Yang Berhormat. Ini saya punya *shadow*...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Masih *shadow* lagi? Sudahlah.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Padang Rengas menjadi Menteri Pelancongan dan Kebudayaan. Memang Menteri yang bergaya dan ada budaya [*Tepuk*] Selepas menjadi Menteri Pelancongan dan Kebudayaan ini nampaknya Yang Berhormat Menteri sudah jadi lemah-lembut sekarang ini. Cukup lemah-lembut. Yang Berhormat Menteri sendiri pun cakap memang kalau tidak kenal dia, tidak tahu pun dia lemah-lembut.

Saya hendak tanya tadi, Yang Berhormat Menteri kata sasaran kita 36 juta dan tahun depan adalah satu tahun yang amat penting bagi pelancongan Malaysia sebab Tahun Melawat Malaysia, *Visit Malaysia Year 2014* dan dalam tahun melawat Malaysia ini memang *Tourism Malaysia* memainkan satu peranan yang amat penting.

■ 1610

Walaupun Yang Berhormat Menteri dalam dua bulan ini semenjak menjadi Menteri Pelancongan telah saya rasa tugas dan tanggungjawab yang dimainkan oleh Yang Berhormat Menteri memang diketahui memang aktif dalam dua bulan ini memang banyak kerja dan membuat kenyataan-kenyataan yang cukup tepat. Cuma satu sahaja keputusan Yang Berhormat Menteri dalam dua bulan ini yang agak terkilan terhadap pilihan Yang Berhormat Menteri terhadap Pengerusi *Tourism Malaysia* yang baru iaitu mantan Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen

Mantan Menteri Pelancongan ini dahulu kita mengatakan beliau ini menteri melancong dan banyak berbelanja, pergi banyak tempat seluruh dunia, melancong sahaja dan banyak kontroversi dalam Kementerian Pelancongan semasa beliau menjadi Menteri Pelancongan dan sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasakan bahawa beliau ini bukan *viable candidate*, tidak melantik beliau sebagai calon Parlimen Raub. Memang Raub pun sudah kalah, sekarang jadi Parlimen DAP sudah. Cuma saya tidak faham mengapa Yang Berhormat Menteri melantik seorang yang sudah tidak layak menjadi menteri, tidak layak jadi calon Barisan Nasional di Parlimen Raub

untuk menjadi Pengerusi *Tourism Malaysia*? Adakah tidak ada orang lain yang lebih sesuai menjadi Pengerusi *Tourism Malaysia*? Apa pandangan Yang Berhormat? [Tepuk]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya setuju, sekarang memang saya lemah lembut tetapi tidak 'lembut', *I'm not a 'lembut man' okay.*

Keduanya saya ingat, saya pun hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat juga kerana dalam sesi yang lepas selalu duduk bantai Yang Berhormat Raub, jadi apabila Yang Berhormat Raub sudah tidak bertanding maka jawatan itu kosong. Kesempatan saya menjadi menteri, tidak banyaklah.

Cuma Yang Berhormat, saya rasa pelantikan macam ini, pertama sekali apa yang ditulis dalam *blog* atau tuduhan-tuduhan yang dibuat, kita mesti memastikan iaitu supaya kalau kita hendak mengambil tindakan sesuatu, dia mesti ada bukti yang menunjukkan segala tuduhan yang dibuat terhadap beliau itu adalah benar. Kalau tuduhan itu betul akan berakhir kepada siasatan dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan didakwa di mahkamah.

Jadi kita kena bekerja *on the basis that* kalau dia tidak didakwa maka dia adalah bersih kerana kita tidak boleh lari daripada tohmahan, tuduhan yang dilakukan oleh berbagai-bagai pihak terhadap beliau. Jadi sebab itu kepada saya, pertama sekali pelantikan itu dibuat berdasarkan beliau tidak didakwa di mana-mana mahkamah atau didapati bersalah atas apa-apa kesalahan. Keduanya kita kena ingat iaitu Yang Berhormat kalau ingat Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen ini dahulu dia timbalan menteri pengalaman dia. Dia pernah menjadi Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan pada ketika itu di bawah di mana menterinya kalau tidak silap saya Tan Sri Abdul Kadir Sheikh Fadzir. Itu pengalaman beliau sebagai timbalan menteri.

Kemudian selama empat tahun lebih dia mempunyai pengalaman sebagai menteri pula dan itu pengalaman dia berkenaan dengan pelancongan dan kebudayaan. Jadi dia ada pengalaman, *she has the experienced*, dengan izin. Keduanya Yang Berhormat, minta maaf, ketiga - pelancongan negara China pada setiap tahun 400 juta pelancong-pelancong daripada negara China melancong ke luar negara dan daripada 400 juta itu, kita hanya menerima 1.5 juta sahaja itu kurang daripada 0.1%. Jadi kita punya sasaran ialah untuk membawa pelancong-pelancong daripada negara China ini datang ke negara kita untuk menambahkan jumlah pelancong ke negara kita dan juga *tourist received*. Ini kerana pertama tadi 400 juta mari setiap tahun 400 juta pergi melancong luar negara dan kita cuma terima 1.5 juta. *Why China?* Pertama *Chinese tourist*, dengan izin sekarang ini mereka merupakan *quality tourist*, mereka mempunyai wang, mereka boleh belanja.

Kalau di satu masa dahulu mungkin di Hong Kong mereka memandang kepada *mainland Chinese*, sebagai orang yang tidak perlu dipedulikan tetapi sekarang mereka berebut-rebut untuk menjemput *mainland Chinese* untuk datang ke Hong Kong dan beli barangan di sana kerana mereka adalah *quality tourist*, mereka ada duit. Jadi sebab itu kita hendak *concentrate* China. Jadi ketiganya ialah kerana *accessibility* daripada China pergi ke Kota Kinabalu sebagai contoh hanya memakan masa dalam dua setengah jam atau tiga jam dari Hong Kong. Jadi pelancongan yang

memakan masa tiga jam ini memang menarik perhatian pelancong, tidak begitu jauh. Kalau pergi ke Kuala Lumpur pun *another two hours*, lagi dua jam. Jadi *Chinese tourism* adalah merupakan kumpulan yang mahu kita cuba menarik perhatian mereka untuk melancong.

Seorang Ahli: *[Melambaikan tangan]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Mengapa? *[Ketawa]* Untuk melancong ke negara kita. Jadi keempatnya pelancong-pelancong daripada *mainland China* dia cukup suka datang ke Malaysia. Ini kerana jika dibandingkan dengan dia pergi ke negara-negara lain, dia kata di Malaysia, rakyat Malaysia bercakap bahasa Mandarin, jadi senang dan bukan cakap bahasa Mandarin sahaja, rakyat Malaysia faham dialek Kantonis, Hokkien, Hainan. Jadi mereka suka datang ke sini, makanannya sama. Jadi oleh kerana itu, saya fikirkan adalah lebih baik untuk melantik bekas menteri Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen untuk menjadi Pengerusi Tourism Board kerana adalah mudah kerana...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sabar dahulu, Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen dia bercakap bahasa Mandarin.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kita pun boleh bercakap bahasa Mandarin.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Hendak lantik *youkah?* Tidak, kenapa? Saya sebut tadi pengalaman beliau okey. Pengalaman beliau sebagai Timbalan Menteri, Menteri. Dia ada pengalaman dan kita hendak menarik perhatian oleh kerana itu dan dia pun dikenali di sana. Dia pergi sana "*yam seng*" semua okey, dia makan semua *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Itu budaya dia, tidak ada masalah. Apa hinanya kalau dia boleh minum apa salahnya? Dia "*toasted*" atau apakah okey, itu bukan satu perkara yang menghinakan kerana kita hendak menarik perhatian pelancong-pelancong daripada China. Jadi dia boleh berbahasa Mandarin, boleh bercakap dan dia mengenali, dia kenal semua orang kata apa ketua-ketua dia punya "MATTA" atau apa semua dia kenal.

Jadi jangan kita benci kepada seseorang sehinggakan kita hendak menafikan dia satu peluang untuk dia meneruskan khidmat bakti dia kepada negara tetapi selama dua tahun ini kalau kita lihat dia punya prestasi tidak baik, kita tukarlah.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: *[Bangun]*

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi Yang Berhormat tidak bersetuju lagi Yang Berhormat Rasah? Nanti saya hendak bagi Yang Berhormat Temerloh dahulu.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tidak pastilah apa yang saya hendak sebut ini mungkin dalam ucapan Yang Berhormat Menteri selepas daripada ini. Akan tetapi saya hendak

beralih sedikit kepada isu yang juga berkait dengan soal pelancongan ini di mana bukan sahaja pelancongan mendatangkan pertumbuhan ekonomi pada negara dan itu memang kita akui. Akan tetapi dalam masa yang sama tanpa kawalan dan juga pemantauan yang serius daripada pihak kementerian, ia boleh menumbuhkan pula pertumbuhan sosial yang negatif dan juga termasuk jenayah yang berlaku dalam negara kita.

Sebagai contoh saya sebut sebagai satu elemen untuk menambah pelancong dalam negara kita sering disebut tentang pertumbuhan pusat-pusat hiburan sehingga saya melihat dalam negeri Pahang sebagai contoh di bandar Kuantan kalau dilihat pada sekitar Masjid Negeri di bandar Kuantan ataupun satu, dua lagi surau kecil bersekitarnya tetapi terdapat lebih 20 buah pusat kelab malam dan juga pusat-pusat hiburan sekiranya dan beroperasi sampai jam 1 pagi, jam 2 pagi. Jadi persoalan ini ialah apakah pelancongan yang kita hendak bina dalam negara kita nanti akan menggadai budaya dan juga sosial dalam negara kita? Jadi saya hendak tahu daripada pihak kementerian sebenarnya berapa peratus perbandingan untuk menarik pelancong masuk ke negara kita dengan membanyakkan pusat hiburan dan elemen-elemen lain yang boleh menarik pelancong?

■1620

Sebab saya kira kalau soal pusat hiburan, di negara mereka sudah banyak pun hiburan yang tidak perlu mereka datang ke negara kita untuk mencari hiburan itu termasuk juga kalau disebut tentang minuman keras sebagai contoh. Saya tertarik Adun daripada Seri Andalas baru-baru ini Dr. Xavier Jayakumar yang telah mencadangkan supaya satu undang-undang baru diperkenalkan, dilaksanakan bagi melarang minum arak di tempat terbuka. Kalau di Kuala Lumpur ini saya tengok di Jalan Bukit Bintang dan seumpamanya sangat ketara.

Jadi itu satu, kemudian yang kedua pelancong yang tidak pulang-pulang. Dia datang melancong kemudian dia tidak pulang, dia tidak balik. Bagaimana pantauan dilakukan dan akhirnya memberi kesan jenayah yang berpanjangan kepada negara kita ataupun kesan sosial yang negatif kepada negara kita. Jadi mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okay Yang Berhormat Temerloh. Kalau kita tengok kepada promosi-promosi yang dilakukan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, tidak ada promosi yang kita katakan untuk datang ke Malaysia untuk melawat pusat-pusat hiburan. Tengah hari tadi saya merasmikan promosi Kementerian Pelancongan melalui *Arts Festival*. Itu bukan hiburan. Dua minggu lepas saya merasmikan promosi *shopping* di Malaysia. Itu tidak ada kena mengena dengan pusat hiburan. Jadi saya boleh beri jaminan di sini iaitu bahawa kita tidak pernah mempromosikan Malaysia sebagai tempat untuk marilah ke negara kita untuk mengunjungi pusat hiburan. Yang Berhormat sebut betul lah itu, kalau pusat hiburan negara beliau lebih baik dari di sini.

Jadi soalan pertama, kita tidak pernah mempromosikan Malaysia sebagai tempat melancong ke negara kita, marilah *enjoy* pusat-pusat hiburan yang kita ada, tidak pernah ya.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Macam ini Yang Berhormat, kalau ada pun sekali, di sebelah masjid, surau Yang Berhormat kena kerajaan tempatan, dia yang menentukan tempat itu boleh atau tidak boleh. Ia tidak ada kena mengena Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Kita tidak bertanggungjawab di atas mengeluarkan lesen bagi menentukan kawasan itu boleh dijadikan sebagai pusat hiburan atau tidak.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Menteri, Kuala Kangsar. Kuala Kangsar minta.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pelancong tidak pulang. Pelancong tidak pulang bukan itu, bukan salah kita. Mereka datang melancong dan kita menerima dan saya hendak beritahu promosi kita untuk pelancongan ialah sebenarnya ialah kepada mereka yang ada kuasa, ada pendapatanlah kerana apabila mari sini pergi duduk di hotel, *resort* mesti ada duit. Kita hendak kualiti punya pelancong. Kita tidak pernah hendak memanggil pelancong-pelancong yang datang negara kita yang kita tahu bahawa dia bukan datang sebagai pelancong tapi dia datang kerana dia hendak ambil kesempatan melawat negara kita selepas itu duduk di sini. Tapi kalau dia tidak balik, itu bukan salah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Tapi penguatkuasaan harus dilakukan oleh Imigresen...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak puas hati dengan Ng Yen Yen [*Ketawa*]

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih. Balik kepada isu berkenaan dengan Pengerusi Tourism Malaysia. Tadi Yang Berhormat Menteri memberikan justifikasi pelantikan beliau kerana pengalaman beliau dan juga bahasa beliau. Kalau kata bahasa Mandarin, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri Dr. Ng Yen Yen dia tidak cakap bahasa Mandarin dengan baik. *She was not a Chinese educator*, dengan izin. Kalau bahasa Mandarin yang baik, Yang Berhormat Seputeh dia punya bahasa Mandarin baik. Dia dari Chong Hwa Seremban. Dia lagi layak.

Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri sebab Yang Berhormat Menteri kata lantikan Dato' Seri Dr. Ng Yen Yen untuk fokus kepada pasaran di China. Ini minggu pertama dia jadi Pengerusi *Tourism Malaysia*, minggu pertama 8 Julai, dilantik 1 Julai kan. *Just one week*. Di mana dia sekarang. Dia bukan di China, dekat Mumbai, dekat India. Dia pernah kata oh, pasaran India ini penting. Kalau pasaran India penting, adakah kita hendak lantik seorang pemimpin MIC, Dato' Seri Samy Vellu untuk jadi pula pengerusi kedua untuk pasaran India.

Jadi saya rasa justifikasi Yang Berhormat Menteri tidak berapa tepat. Saya haraplah, memang saya bukan hendak mencabar kuasa Yang Berhormat Menteri untuk melantik sesiapa. Memang hendak melantik sesiapa itu kuasa Menteri, di peringkat negeri pun sama. Akan tetapi saya hanya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya pastikan beliau ini tidak berperangai macam semasa menjadi Menteri. Melancong ke mana-mana, melancong ke seluruh dunia, *travel first class*, pakai berjuta-juta ringgit *taxpayers money* untuk beliau melancong.

Saya hendak pohon Menteri supaya pantau beliau. Pastikan dia punya kerja ialah untuk menguruskan *Tourism Malaysia* dan bukannya untuk bercuti. Terima kasih.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi, saya kata Dato' Seri Dr. Ng Yen Yen selain daripada boleh berbahasa Mandarin, dia pun boleh dialek. Mungkin dia pun...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Seputeh hakam pun boleh, hakam.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita tidak tanya Seputeh sebab saya bukan cakap hanya boleh berbahasa Mandarin, saya cakap juga dia ada dialek. Orang-orang China suka datang ke negara kita kerana kita ada dialek semua. Hokkien semua ada. Jadi dia boleh dan saya tidak fikir kalau Mandarin kita tidak bagus, tidak berapa bagus sangat, kita tidak boleh hendak menarik perhatian orang untuk datang ke negara kita. Itu bukan. Di China pun saya percaya banyak juga mereka yang datang daripada *provinces*. Saya pernah pergi ke Beijing dan beritahu kepada seorang Setiausaha Komuniti Komunis Beijing, saya kata kepada dia fahamkah apa dia cakap? Yang datang dengan saya itu adalah orang China daripada Canton, Guangzhou. Menteri dia kata, bukan sahaja dia cakap dialek Kantonis dia tidak faham, dia cakap Mandarin pun dia tidak faham. Ini betul ini, sebab China itu besar. Bila Mandarin itu pun dia banyak slang.

Jadi saya tidak terfikirilah untuk kurang fasih bahasa Mandarin itu akan mencacatkan keupayaan beliau menjadi seorang pengerusi dan Yang Berhormat saya lantik dia dua tahun. Baru seminggu pergi ke Mumbai, apa salahnya ya. Dia ada lagi seratus tiga minggu lagi. Lepas ini saya pesan dekat dia, Dato' Seri Dr. Ng Yen Yen lepas ini *you concentrate* ke China. Sebab Yang Berhormat Rasah dulu dan sekarang Seremban tidak puas hati kerana *you* pergi India dulu. Lagi seratus minggu lagi *concentrate* China, jangan pergi India. India biar saya pergi. Tidak apa [Ketawa]

Tuan Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: [Bangun]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Menteri kami hanya bimbang nanti selepas PRU Ke-14 kena jadi pula MTB punya *Chairman* [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: BP duduk, eh BP pula, PJU duduk. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kalau dia berjalan, dia menggunakan wang yang telah diperuntukkan untuk kementerian itu yang mesti dibelanjakan. Ini kerana di dalam kerajaan ini kalau wang diperuntukkan bukan kerja kita untuk hendak *save* duit. Kalau dia telah diperuntukkan, Yang Berhormat pun bahas tiap-tiap tahun kan, bajet. Dia telah diperuntukkan, kena belanja lah. Jadi kalau dia pergi ke luar negara sekali pun, itu adalah daripada peruntukan yang sedia ada. Jadi tidak orang kata apa bukan mengambil wang daripada mana tempat-tempat yang lain. Wang yang sepatutnya dibelanjakan untuk sekolah, diambil untuk dia pergi melancong, tidak. Ini wang yang telah diperuntukkan pada setiap tahun untuk kementerian ini. Jadi tidak ada salah. PJU hendak tanya.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Kuala Kangsar.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tadi saya sudah kata saya bimbang, bimbang bahawa Menteri nanti, Menteri yang bukan berpengalaman yang sebelum ini tidak dapat menarik pelancong China sekarang dikatakan sudah berpengalaman untuk menarik pelancong China sebagai pengerusi bagi *Malaysia Tourism Board* (MTB). Saya takut kalau kriteria macam itu digunakan, selepas PRU nanti kita kena lantik Menteri jadi *Chairman* kepada MTB [Ketawa]

■1630

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya kata 1.5 juta itu, bila saya sebut, dibandingkan dengan 400 juta, bermakna jumlahnya kurang bukan bermakna tidak berjaya menarik. Sebenarnya *1.5 million* yang datang itu pun satu jumlah yang besar sudah. Akan tetapi kita hendak lebih lagi. Jadi, Yang Berhormat jangan silap. Saya bukan kata dia tidak berjaya, dia berjaya cuma kita hendak lebih lagi iaitu kalau sekarang kita dapat *1.5 million* kita hendak lebih lagi. Jadi, untuk hendak lebih lagi ini mereka kena kerja kuatlah sebab itu kita lantik dia.

Walau bagaimanapun, sebagai Menteri saya hendak beritahu dia telah berjaya meningkatkan jumlah pelancong yang datang ke negara kita dibandingkan pada tahun-tahun sebelum itu yang mana dia tidak menjadi Menteri dan bukan itu sahaja daripada *tourism* punya *received* pun dia dapat meningkatkan. Jadi, *statistics cannot lie* dan dia dapat menunjukkan bahawa segala tuduhan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan Yang Berhormat Seremban itu adalah memang tidak boleh dipakailah...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [Bangun]

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: [Bangun].

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [Bangun].

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun].

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: [Bangun].

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Ya, Jalan Alor, Yang Berhormat Bukit Bintang [Ketawa]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pelancong dari negara China yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri 400 juta, hanya 1.5 juta datang ke Malaysia. Apakah sebab dan punca utama mengapa pelancong-pelancong dari negara China tidak datang ke negara Malaysia secara ramai-ramai seperti negara Singapura, Thailand?

Saya difahamkan bahawa di negara China pelancong Malaysia, *Malaysia Tourism Promotion Board* mengiklankan di negara China dalam bahasa Inggeris. Inilah satu kesilapan yang saya rasa tidak boleh dimaafkanlah. Saya rasa sepatutnya bahasa Mandarin patutlah dipakai untuk diiklankan di negara China dan bukan dalam bahasa Inggeris. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri penjelasan dalam topik ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya setuju, yang itu saya setuju. Satu kesilapan yang agak besar kalau kita mengiklankan di negara China dalam bahasa Inggeris. Saya setuju 100%. Selepas ini kita pergi Jalan Alor, Yang Berhormat janji dengan saya makan. *[Ketawa]*

Soal kedua, yang keduanya sebenarnya selain daripada itu, kurangnya kehadiran pelancong-pelancong China ke negara kita adalah ialah kerana *flight* kurang penerbangan. Jika dibandingkan dengan Thailand saya kira, kalau Beijing ke Bangkok dan Beijing ke Singapura...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini *tourism* Islam. Hendak tanya *tourism* Islam kah atau apa ini, *Tourism Islam*? Tidak, tidak duduklah. Nanti, nanti! Saya hendak *register* dahulu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, inilah Yang Berhormat Menteri yang cukup mesra. Dia pun tukar sedikit, watak pun lembut sedikit sebab bila dia jaga kebudayaan itu nampak macam ketua tarian Panggung Negara punya *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih, jangan penglipur lara sudah.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: *[Bangun]*

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, bandingkan *flights* Beijing ke Singapura, Beijing ke Bangkok, Beijing ke Kuala Lumpur, memang Beijing ke Kuala Lumpur kalau kita banding *traffic* dia cukup berkurangan. Jadi, inilah sebabnya kenapa kalau kita tengok, banding pelancong yang pergi ke Singapura dan ke Thailand lebih dari kita.

Namun kita hendak ambil kesempatan oleh kerana Singapura sebuah negara yang kecil, kita bekerjasama dengan SIA. Saya telah minta supaya *Tourism Malaysia* bekerjasama dengan SIA supaya kita boleh mengambil mereka yang pergi ke Singapura itu, *it's just a crossway* sahaja ke Johor Bahru. Oleh sebab itu kita ada buat banyak produk pelancongan di kawasan-kawasan selatan supaya mereka yang berkunjung ke Singapura akan juga dapat berkunjung ke Selatan Semenanjung. Saya setuju, kita tidak mahu *day trippers* sebenarnya. Kita mahu orang yang duduk dan bermalam supaya kita dapat *tourism receive* yang lebih.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: *[Bangun]*

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi, Kota Tinggi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada produk pelancongan. Pada tahun 2007 Kementerian

Pelancongan telah memberi peruntukan kepada Pasar Payang untuk dibaik pulih dan diubahsuai, yang mana semua kerja telah siap untuk dokumen tender. Akan tetapi bagaimanapun, pada tahun 2008 Menteri Besar yang baru iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said telah membatalkan projek tersebut. Pada tahun 2012 telah mengumumkan sebuah hotel lima bintang dan pangsapuri akan dibina di tapak bersejarah sebuah ikon Terengganu yang juga merupakan pasar yang ketiga paling popular di Asia untuk dirobohkan dan dibina hotel dan pangsapuri.

Jadi, di sini saya ingin bertanya apakah sikap atau pandangan Kementerian Pelancongan kerana sudah memang diiktiraf dengan memberi peruntukan pada tahun 2007 lagi dan juga 22 NGO Terengganu telah menyerahkan satu memorandum pada Dato' Sri Mohd. Najib sendiri pada 23 Februari termasuk Dewan Perniagaan Melayu, Cina, India, persatuan pasar dan sebagainya untuk membantah perobohan ikon dan juga aset terutama Malaysia yang merupakan pasar ketiga paling popular di Asia. Saya mohon pandangan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat, sebenarnya kalau Yang Berhormat hendak dapat jawapan yang tepat mesti diajukan soalan ini kepada Menteri Besar Terengganu kerana Pasar Payang ini dia terletak di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan bukan Jabatan Warisan Negara. Jadi, oleh sebab itu ia tidak diwartakan di bawah Warisan Kebangsaan 2005. Daripada segi kementerian kita tidak berkemampuan untuk menghalang kerajaan negeri daripada melakukan apa sahaja terhadap pasar ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: [Bangun]

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [Bangun]

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: [Bangun]

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat, saya memandangkan kepada jasa baik Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang baik tentang Jonkers Walk. Saya rasa memang ada pengaruh kalau satu pandangan yang bernas diberi kepada Menteri Besar Terengganu yang nampak gayanya tidak memandangkan hasrat ramai rakyat kerana dia masih menafikan sebahagian besar daripada NGO-NGO dan rakyat Terengganu menentang projek tersebut yang merupakan warisan hidup dan bukan warisan mati seperti satu bangunan tetapi budaya hidup jual beli orang Malaysia dan orang Melayu Malaysia. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya, pertamanya hendak minta supaya pihak Kementerian Pelancongan dapat mengenal pasti pintu-pintu masuk ke dalam negara kita yang sepatutnya menjadi *first impression* pelancong. Saya bagi contoh Sepang ialah pintu masuk lapangan terbang itu dan saya dapati kalau lihat di Sepang itu banyak, Pekan Sepang yang lama itu sendiri masih lagi ketinggalan. Mungkin saya hendak mencadangkan supaya pihak Yang Berhormat Menteri dapat mengambil inisiatif untuk memajukan kawasan-kawasan di sekitar pintu masuk.

Begitu juga walaupun isu ini ada melibatkan soal pembinaan RAPID Pengerang, saya minta kalau boleh pihak Kementerian Pelancongan juga mengambil kira. Saya ingin supaya kalau

boleh Menteri Pelancongan sendiri pergi melawat ke kawasan Pengerang itu sebab sebenarnya ia ada satu kawasan yang cantik. Kawasan tepi pantai yang cantik dan sepatutnya kawasan-kawasan seperti ini kita majukan sebagai kawasan pelancongan. Apabila kita buat satu program RAPID itu, kawasan pelancongan itu akan terjejas. Sepatutnya kita menaiktarafkan kawasan itu dan kita jaga dia, dalam konteks itu saya kata kita patut kekalkan sebagai satu kawasan warisan. Supaya kalau kita cakap fasal orang Melayu, di situ majoriti orang Melayu. Jadi sepatutnya kawasan-kawasan itu kita patutnya...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Mohon mencelah, dari Kota Tinggi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejaplah. Hendak mencelah, mencelah saya kah? Saya bukan Menteri sabarlah.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Betul, hendak cakap ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi, saya minta supaya Menteri Pelancongan ini mengambil kira tentang soal itu dan saya juga mengucapkan tahniahlah kepada Barisan Nasional ini dan saya harap Yang Berhormat Menteri nanti jangan takut, kalau Yang Berhormat Menteri kalah pun akan dapat dilantik. Seperti mana Rais Yatim sekarang dilantik, bekas Menteri Pelancongan dilantik, jangan takut, bertaraf Menteri, Samy Vellu pun dilantik bertaraf Menteri. Jadi, kalau kalah pun jangan takut akan dilantik selepas ini [*Ketawa*] Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Soalan, soalan!

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, saya dari Kota Tinggi hendak...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi, saya ambil maklumlah. Saya akan cuba menulis surat kalau tidak terlambatlah. Saya akan menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Besar Terengganu untuk memelihara Pasar Payang ini ya. Terima kasih.

Yang Berhormat Sepang, saya belum melawat ke..

■1640

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Pengerang.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pengerang ini di..

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Daerah Kota Tinggi ini. Yang Berhormat Kota Tinggi hendak bercakap sedikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada Sungai Kapas. Banyak sungai di situ.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Di mana?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Di Pengerang.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pengerang di mana?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kawasan di Johor.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat dari Sepang bukan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, tidak. Ini isu nasional.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Oh, okey [*Ketawa*] Saya ingat Pengerang ini di Sepang.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ini Yang Berhormat Kota Tinggi hendak bercakap sedikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini masalah Geografi tidak lulus kah? [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bukan tidak lulus. Ini sebab...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak pernah lagi orang bercakap Ahli Parlimen Sepang bangun bercakap tentang Pengerang. Patut Yang Berhormat Pengeranglah bercakap. Jadi, sebab saya hendak jawab iaitu saya ingat dalam kawasan Yang Berhormat. Saya belum melawat negeri Selangor lagi. Jadi kalau ada apa-apa perkara Yang Berhormat fikirkan iaitu saya perlu melihat katalah macam tadi di Sepang...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau ada tempat-tempat yang saya perlu melawat, Yang Berhormat beritahu. Nanti apabila saya melawat negeri Selangor sebagai Menteri, saya akan pergi ke tempat-tempat Yang Berhormat kerah ya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Tinggi.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: [*Bangun*]

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nanti, nanti.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bayan Baru.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak. Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, bila menyentuh mengenai aspek pelancongan ini saya sekali lagi hendak mengulangi satu penghargaan saya dan juga mungkin pujian saya kepada Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri Pelancongan yang daripada awal lagi telah memberi satu kenyataan bahawa dalam aspek pelancongan ini ia merupakan satu *national interest* ataupun *common interest*. Dia tidak kira negeri mana dan sebagainya. Malahan kalau di Malaysia ini satu negeri tidak maju pelancongannya orang akan kata sebahagian daripada Malaysia tidak maju. Ini yang berlaku sebelum ini Yang Berhormat.

Sebelum ini saya berpengalaman sebagai Exco Pelancongan Kelantan. Kami tidak mendapat kerjasama apatah lagi bantuan daripada Kementerian Pelancongan dalam mempromosikan pelancongan atau pun kita menjayakan Tahun Melawat Negeri Kelantan 2008-2012. Malahan ada pula entiti-entiti yang diwujudkan di Kelantan itu yang seolah-olah ingin bersaing malahan mencabar autoriti pelancongan di negeri Kelantan seumpamanya *Tourist Information Center* (TIC) dan sebagainya.

Jadi, oleh sebab itulah saya mengharapkan mulai daripada era ini, tahun ini atau penggal ini, Kementerian Pelancongan turut memberikan perhatian mempromosikan pelancongan di seluruh negara termasuk negeri-negeri yang mungkin tidak di bawah Barisan Nasional. Ini kerana di negeri-negeri ini mungkin potensi untuk pelancongan itu adalah amat-amat menggalakkan. Hanya dengan bantuan dan juga kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan, daripada Kementerian Pelancongan terutamanya saya yakin dan percaya bahawa pelancongan di negeri ini akan melonjakkan pelancongan di negara kita seluruhnya. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Bharu. Memang betul sebagaimana Yang Berhormat sebut iaitu saya secara berseloroh saya berkata, apabila *reporter* menanyakan saya, "*Macam mana dengan pelancongan di Selangor, Pulau Pinang dan juga Kelantan?*". Jadi saya kata, "*Paling terakhir saya siasat, ketiga-tiga negeri ini masih dalam Malaysia*". [Tepuk] Jadi, oleh sebab itu pelancongan di negeri ini adalah cukup penting kepada kita.

Tambahan pula kita tahu macam di Kelantan merupakan *the cradle of Malay culture*, Yang Berhormat ya. Ini kerana kalau tengok daripada senarai jenis-jenis kebudayaan seperti tarian, dikir barat atau apa, sebahagian besar daripada yang disenaraikan itu semua datangnye daripada negeri Kelantan.

Oleh kerana sekarang ini pun Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Jadi kalau diketepikan Kelantan, maka saya rasa sebahagian besar daripada kebudayaan Melayu itu akan diketepikan dan ianya akan merugikan kita kalau kita tidak menggalakkan pelancongan untuk melihat sendiri tentang perkembangan kebudayaan Melayu di Kelantan.

Di Pulau Pinang pula kalau kita tengok UNESCO telah pun mengiktiraf – betul ya Yang Berhormat Ketua Menteri? Ia telah mengiktiraf Georgetown sebagai *listed* UNESCO punya apa Yang Berhormat? Sila tolong saya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *World Heritage*.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, *World Heritage* atau warisan dunia. Saya hendak ucapkan tahniah. Saya difahamkan bahawa Georgetown dalam *Jazz Festival* baru-baru ini telah mencapai kejayaan. Cuma terkilan sedikit kerana tidak hantar jemputan kepada saya. [Ketawa] Lain kali jangan buat begitu.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Selangor juga merupakan sebuah negeri yang juga kaya dengan pelancongan, tempat-tempat, produk pelancongan dan macam-macam. Jadi, kepada saya apa yang saya pentingkan ialah sasaran saya pada tiap-tiap tahun iaitu pada tahun ini kalau tidak silap saya, kita cuba hendak mendapatkan 26 juta kalau tidak silap saya jumlah kehadiran pelancong ke negara kita dengan *revisit* yang juga dalam RM65 bilion. Ini sasaran saya.

Jadi kalau saya ketepikan Selangor, ketepikan Pulau Pinang, ketepikan Kelantan bermakna apa yang kita sasarkan untuk tahun ini tidak akan tercapai. Ini kerana ketiga-tiga negeri ini merupakan negeri yang mempunyai tarikan pelancongan yang begitu kuat. Oleh sebab itu jangan bimbang Yang Berhormat. Apa yang telah saya sebutkan itu saya akan laksanakan dan saya sudah pasti akan memberi segala apa bentuk bantuan *Federal* kepada ketiga-tiga negeri ini. Saya boleh memberi jaminan. Yang Berhormat Ketua Menteri pun ada di depan ini iaitu Yang Berhormat Bagan. Saya tidak akan menganaktirikan Pulau Pinang. Jangan bimbang. Begitu juga Selangor dan Kelantan.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: [*Bangun*]

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri, Kuala Kangsar.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelancongan, rakan saya yang cukup hebat. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, sejauh mana pihak Kementerian Pelancongan melihat sektor pelancongan yang berkaitan dengan soal ibadah, soal keagamaan.

Ini kerana saya melihat bahawa ia mempunyai satu kelainan tarikan untuk melihat. Umpamanya contoh, memanglah pergi ke Mekah, Umrah itu semua merupakan satu ibadah pergi Haji. Akan tetapi akhirnya ia memberikan pulangan dalam sektor pelancongan bagi negara Arab Saudi. Jadi itu saya hendak tunjuk contoh bahawa ada tempat-tempat di negara kita ini yang ada unsur-unsur sebegitu umpamanya seperti di negeri Kelantan.

Ada satu kelainan di negeri Kelantan itu umpamanya yang menjadi perhatian orang pada setiap pagi Jumaat kuliah bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kelantan, Tok Guru Nik Aziz. Beliau sangat menarik perhatian sejak daripada beliau menjadi Menteri Besar pun menjadi tarikan dan perhatian daripada bukan sahaja masyarakat dalam negara Malaysia tetapi masyarakat luar. Satu, untuk mengikuti kuliah tetapi ia menjadi sektor pelancongan dan juga pembangunan usahawan kepada masyarakat tempatan.

Begitu juga saya melihat dalam konteks berbuka puasa di Padang Perbandaran Kuantan, depan masjid, kalau ada orang Kuantan. Inisiatif orang ramai berbuka puasa atas padang bawa makanan sendiri secara berkeluarga dan juga secara rakan-rakan. Tahun sudah saya pergi bila saya buka dalam *internet*, saya lihat ada satu imej. Jadi saya kata apa keistimewaannya? Jadi

saya pun pergi. Menarik hati saya itu untuk berbuka puasa di padang secara beramai-ramai. Akhirnya Jabatan Agama di Kuantan itu sendiri mengadakan tazkirah Ramadhan di padang itu dengan menyediakan tempat dan sebagainya.

Jadi, saya katakan bahawa unsur-unsur beginilah kalau umpamanya di Dataran Merdeka kalau dibuat majlis berbuka puasa secara beramai-ramai, bawa makanan sendiri. Kementerian sediakanlah seminggu sekali sediakan nasi beriani Pulau Pinang atau apa-apa. Sediakan seminggu sekali umpamanya dan yang lain-lain itu semua orang bawa sendiri. Sediakan satu tempat tazkirah dan tempat untuk orang bersembahyang, beribadah, sembahyang Maghrib dan sebagainya. Jadi ini akan menjadi satu tarikan baru sebagai satu minat dalam bidang pelancongan. Jadi, minta penjelasan.

■ 1650

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Kuala Krai ada apa?

Yang Berhormat Pokok Sena, saya hendak maklumkan iaitu bahawa Malaysia sebenarnya telah dipilih sebagai destinasi *tourism* Islam yang pertama di seluruh dunia. Ini *survey* dilakukan oleh *Crescent Tourism Singapura*. Maknanya *Muslim tourism* di dunia ini Malaysia nombor satu. Saya percaya apa yang Yang Berhormat sebut itu boleh jadi produk *tourism* kita. Cuma kalau boleh minta kuliah itu dalam bahasa Inggeris. Maknanya orang boleh, apa yang Yang Berhormat Kuala Krai gelak pula? *[Disampuk]* Saya serius ini *[Ketawa]* *[Disampuk]* Ya, dan sebenarnya mungkin Yang Berhormat tidak tahu. Memang pada tiap-tiap tahun apabila musim Ramadhan, bulan puasa, memang orang Yaman, orang Arab mereka memang datang ke Malaysia *[Disampuk]* Tengok, ada bela hantu raya orang boleh... *[Menerima sekeping nota maklumat]* Dia boleh tahu mari. Ha, ini dia! *[Sambil memegang nota yang diterima]* Buka puasa..

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Menteri Kebudayaan ini termasuk dengan tok bomoh sekali *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kena, kena, kena. Inilah kebudayaan itu *[Ketawa]* Bomoh, dukun semua itu. Buka puasa sudah dibuat di Dataran Merdeka pada tahun 2012 oleh pihak Jabatan Kesenian Negara. Kita akan buatlah. *Insya-Allah* Yang Berhormat, *insya-Allah*. *[Disampuk]* Ya, boleh. Nanti saya tanya dengan pegawai saya. Jadi *Islamic tourism* ini, memang Malaysia negara destinasi nombor satu. Ini *survey* dibuat oleh *Singapore* punya *crescent tourism* kalau tak silap saya dan betul. Maknanya, kita mempromosikan *Islamic tourism*. Ini kita lakukan dan saya membukakan saya punya pejabatlah di atas segala apa cadangan, apa-apa produk yang ada. hendak buka puasa macam di Kuantankah ataupun di tepi Sungai Kraikah, di Kuala Kraikah apa, kalau ramai boleh bagi tahu. Mungkin makan ikan kerai sekali. *Insya-Allah*, *Muslim tourism* adalah satu daripada produk kita. Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya ada bangkitkan di dalam ucapan yang lalu berkaitan dengan diplomasi budaya yang sewajarnya dimanfaatkan oleh kementerian sempena

dengan Tahun Melawat Malaysia 2014. Jadi bukan sekadar produk pelancongan tetapi juga pemerksaan dan penyebaran budaya kerana kekuatan negara ini adalah keragaman budaya. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin bangkitkan juga tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan tahun 1971. Apakah kementerian tidak bercadang untuk menambah baik dasar ini sebab saya fikir satu elemen penting dalam Kementerian Kebudayaan ini adalah pemerksaan dan kefahaman budaya dan keragaman budaya itu sendiri. Misalnya, kalau katakan Menteri sahaja berbudaya tetapi yang lain belum berbudaya lagi, masalah juga. Misalnya kalau kita tengok sewaktu kempen pilihan raya yang lalu, kita lihat kalau seseorang atau pun mana-mana agensi kerajaan itu atau mana-mana media memahami budaya Melayu misalnya, saya yakin tidak akan ada serangan-serangan fitnah, mengaibkan dan memalukan kalau kefahaman budaya Melayu itu dihayati.

Akan tetapi oleh sebab budaya Melayu itu tidak difahami dan keragaman budaya itu tidak dihayati sepenuhnya, maka berlakulah kempen-kempen yang jahat dan curang ini. Jadi saya minta satu pencerahan dari kementerian supaya ada ketegasan di dalam hal ini. Malah kalau perlu rangka satu undang-undang yang memastikan mana-mana yang melanggar kebudayaan ini boleh kita kenakan tindakan juga saya fikir wajar. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, *culture diplomacy* ini adalah sememangnya satu perkara yang sebenarnya diamalkan oleh banyak negara kerana menerusi budaya, kita akan dapat mengetengahkan Malaysia dan daripada situ kita boleh dapat mempengaruhi pandangan-pandangan orang-orang luar terhadap diri kita. Jadi, sememangnya *culture diplomacy* adalah satu daripada perkara yang dititikberatkan oleh kementerian. Saya akan memberitahu kepada pegawai-pegawai saya tentang kalau Yang Berhormat sebut Dasar Kebudayaan tahun 1971, sudah lama itu ya? Selama 40 tahun lebih dah. Jadi saya ingat, kita bolehlah lihat semula. Mungkin kita boleh memulakan satu proses untuk *review* Dasar Kebudayaan 1971. Yang Berhormat Kuala Kangsar. Minta maaf ya Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pasal, dia di situ tak nampak.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. tadi saya rasa Yang Berhormat Menteri terlupa satu perkara selain daripada merasmikan program-program yang telah disebutkan. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah merasmikan karnival *Visit Malaysia Year 2014* di Kuala Kangsar dua hari sudah dan saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga membuat rondaan di luar daripada program di atas bot dalam Sungai Perak untuk melihat potensi Sungai Perak di waktu malam.

Tambahan daripada itu, saya tak sempat untuk menyatakan perkara ini di mana terdapatnya banyak produk dan juga artifak-artifak pelancongan khususnya di Kuala Kangsar dan di tempat-tempat lain yang telah tertakrif sebagai bersejarah tetapi tidak termasuk di dalam Akta Warisan ataupun *listed* ataupun di bawah *Antiquities Act*. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri

dapat meletakkan produk-produk dan artifak-artifak yang bersejarah di bawah Akta Warisan supaya ia dapat dikekalkan, dapat dijaga dengan baik untuk menarik pelancong. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat kerana telah mengumumkan lawatan saya ke negeri Perak. *Insyallah* itu, tiap-tiap negeri ini kita melawat bukan sekali tetapi dua, tiga kalilah sebab negeri ini besar. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu saya ambil perhatian berkenaan dengan warisan kita. Cuma saya hendak menambahkan tentang Yang Berhormat Ipoh Barat, semalam saya pergi Ipoh Barat, beruntung tahu *you* tak dak. *[Ketawa]* 'Sebastia', 'Sebastia'... *[Disampuk]* Apa pasal tak panggil pula?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kacang putih, kacang putih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bukan, bukan kacang putih. Ia Persatuan Kesenian 'Sebastia', Jalan Paraya. Saya ingat Yang Berhormat pun tahu kan? Kawasan sendiri kan, ada, tahu, betul? *[Disampuk]* Ha, okey tak apa. Dia pun lawan *you* bukan jika dicalonkan.

Yang Berhormat, saya hendak sebut di sini, Perak ini bilangan penginap hotel Yang Berhormat sebut tadi iaitu Yang Berhormat kata di Perak menurun berbanding negeri lain. Bukan menurun tetapi tak memuaskan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Bilangan penginap hotel bagi negeri Perak adalah seramai 2,427,716 orang pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 0.56% berbanding tahun 2011 iaitu pada tahun itu cuma jumlahnya 2,414,271 orang. Jadi trendnya, ia meningkat. Daripada jumlah ini, 411,292 orang adalah merupakan penginap asing berbanding dengan 2,016,436 orang adalah pelancong domestik pada tahun 2012. Jadi 411,000 adalah penginap asing. Jadi itu sedikit statistik saya hendak bagi kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berdiri sejam ini...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, ya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sikit lagi, sikit lagi pasal hotel ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dua lagilah, dua, okey.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, kasi peluang dari Bakri di belakang sekali.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hotel, hotel ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sekejap, sekejap. Bagi...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bayan Baru.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini orang baru kawasan mana?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya, baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kawasan mana?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bayan Baru, Bayan Baru. Orang barulah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Menteri, apakah kelebihan program karnival-karnival seperti *Citrawarna Malaysia*, apa-apa citra rasa Malaysia, *hot air balloon* dan sebagainya berbanding dengan infrastruktur *tourism*. Sebab saya bandingkan, kalau kita tengok negeri-negeri

seperti Singapura, mereka kurang membuat program-program karnival. Mereka buat lebih *invest* dalam infrastruktur seperti *theme park* yang baru, pelbagai, *theme park*, *cable car* yang baru dan sebagainya. Jadi saya hendak minta pandangan kerana saya rasa kita banyak *spend*, kita banyak belanja dalam program karnival yang dua, tiga hari sahaja. Kalau pelancong dia masuk, dia tak pergi program itu, dia bukan ditarik oleh program tersebut dan kalau mereka tak pergi, jadi saya rasa kalau ROI itu tak berapa berbaloi. Itu soalan nombor satu.

Kedua adalah, saya sering terima kompelin tentang *basic*lah, tentang tandas kita di tempat-tempat pelancongan. Saya tahu ini mungkin bukan di bawah Yang Berhormat Menteri tetapi saya rasa Kabinet kena bincangkan. Saya tahu dahulu bahawa KPKT ada peruntukan untuk naik taraf semua tandas. Saya rasa kalau boleh Yang Berhormat Menteri minta juga peruntukan untuk menaikkan taraf tandas-tandas kita di kawasan pelancongan. Ini kerana kalau kita mempunyai *impression* yang baik, mereka akan bawa kawan-kawan mereka juga.

■1700

Ketiga adalah tentang soal Pulau Jerjak. Saya rasa Pulau Jerjak mempunyai potensi yang cukup besar dari segi pelancongan. Akan tetapi malangnya ia diuruskan oleh UDA iaitu *Urban Development Authority*, yang kurang bermaya. UDA ada *joint venture* dengan PDC. UDA dapat 51%, PDC 49%. Kalau Ketua Menteri ada di sini, Ketua Menteri cuba hendak berbincang dengan UDA, hendak buat program bersama atau naik taraf dan sebagainya, koperasi yang lebih baik tetapi tidak berjaya. Mereka tidak memberi kerjasama yang mencukupi. Ketua Menteri pun pernah *offer* hendak beli syer untuk kerajaan negeri memajukan Pulau Jerjak di Bayan Baru, tetapi masih tidak berjaya. Saya minta bantuan daripada Yang Berhormat Menteri, boleh? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya karnival ini penting. Ibaratkan begini, kalau kita ada sebuah syarikat, kemudian kita hendak buat *public listing*. Kalau Yang Berhormat tengok, apabila hendak buat *public listing* itu mesti ada karnival, maknanya *press conferencel*ah. Ia akan mengadakan orang kata apa, dipanggil seorang Menteri atau orang-orang besar untuk melancarkan dia punya *listing* kerana hendak maklum kepada orang-orang luar, *public* untuk melabur. Jadi begitu juga dengan karnival. Karnival ini tujuannya ialah untuk kita hendak memberitahu kepada orang-orang luar asing tentang karnival itu.

Yang Berhormat kena ingat, bila kita buat karnival, kita panggil jurnalis-jurnalis daripada *mega fame* kita. Kita jemput 100, 200 orang, mereka yang datang ke negara kita untuk karnival itu, kemudian kita hantar dia ke beberapa buah negeri untuk dia menulis dalam, dia ada *travel/ journalist*, dengan cara itu mereka akan tulis. Kalau dia datang dari negara China, dia akan tulis dalam bahasa Mandarin di negara dia. Kalau dari Tamil Nadu, dia buat dalam bahasa Tamil. Jadi kita perlu mengadakan karnival-karnival seperti ini kerana ia melancarkan program kita. Macam Citrawarna, orang sudah tahu tiap-tiap tahun ada. Pada tiap-tiap tahun akan datang, *mega fame* punya jurnalis ini datang dan tulis tentang betapa kaya kita dengan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, saya celah sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Biar saya jawablah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Berjuta-juta kita *spend*, saya rasa ROI itu ...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *You must remember, our tourist visit is 65 billion.* Kalau kita belanja pun untuk seluruh Malaysia kita adakan karnival, macam kata tadi *Georgetown Festival, Jazz Festival*, orang kenal. Walaupun dua tiga hari tetapi *you* kena ingat, orang datang ini, kalau orang yang berminat dengan *jazz*, dia akan datang, dia akan duduk di hotel, kapal terbang membawa mereka, mereka akan makan di kedai-kedai, jadi ada *spin offnya*. Jadi kalau pada tiap-tiap tahun, kita punya *tourism visit is 65 billion*, baru ini *60 billion last year*, kalau kita cuma belanja RM6 milion untuk mengadakan festival di seluruh negara kita, *it is investment*. Duit yang kita guna untuk perbelanjaan ini *is actually investment*. Ia bukan bayaran hangus, ia bukan kita belanja hangus. Ia *certainly* kalau kita mahu menarik *return on investment*, *you* kena *invest*. Jadi kalau kita hendak pada tahun hadapan 65 bilion, takkan kita duduk diam sahaja, tidak usah ada festival atau apa-apa, siapa hendak mari, siapa hendak tahu tentang VMY 14 tahun hadapan.

Jadi *we have to spend*, kita kena belanja dan anggaphlah perbelanjaan untuk festival ini semua sebenarnya ialah merupakan pelaburan untuk mendapatkan lebih banyak wang yang masuk ke negara kita. Orang akan tanya macam Barcelona datang ke sini, apa untung? Akan tetapi bila orang tahu tiap-tiap tahun kalau Barcelona ataupun Chelsea datang, mereka akan datang ke negara kita. Dia tidak akan duduk satu malam, selepas tengok bola, balik, dia akan duduk di negara kita. Kalaulah pendekatan ini tidak betul, macam mana China, Thailand, Singapura, Indonesia, semuanya mahu menganjurkan pasukan bola sepak *Spanish League, English League* datang ke sini. Bermakna, memang kita kena belanja. Kalau kita tidak belanja, kita akan ketinggalan. Jadi sebab itu program-program macam *Metalica, band* datangkah, itu sebenarnya mendatangkan *return investment* yang begitu besar jika dibandingkan dengan berapa yang kita laburkan di situ.

Jadi *last* sekali Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, beri satu peluang kepada Bakri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Bakri, kawan lama saya.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Labuan.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Okey, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya setuju dengan Yang Berhormat atas respons yang diberikan kepada rakan saya di Bayan Baru bahawa kita kena *spend* yang dianggap sebagai satu pelaburan untuk menarik pulangan wang yang besar. Akan tetapi saya lebih melihat apa yang dimaksudkan oleh rakan saya Yang Berhormat Bayan Baru tadi ialah supaya dalam perbelanjaan kita itu jangan ada unsur-unsur seperti mana yang pernah saya dan juga Yang Berhormat Seremban pernah bangun dalam sidang yang lalu apabila diadakan satu persidangan berkaitan dengan pelancongan di sini, PATA. Jadi ada perbelanjaan-perbelanjaan yang sangat dipertikaikan yang kami bangkitkan pada persidangan itu. Jadi itu yang dimaksudkan dari segi bagaimana kita hendak menguruskan. Akan tetapi dari segi untuk hendak menarik

pelancongan dan mendapat pulangan, saya bersetuju kita kena belanja tetapi perbelanjaan yang sangat dinilai dari sudut ketelusan dan sebagainya.

Akhirnya saya hendak sebut, hendak minta penjelasan kepada Yang Berhormat, hendak minta kerjasama Yang Berhormat, ini bila datang bulan Ramadhan, hotel-hotel akan buat bufet Ramadhan. Saya bersetuju bahawa itu salah satu daripada daya tarikan pelancong datang ke Malaysia ini kerana ada buka puasa di hotel, berbagai-bagai juadah, hari pertama ini di sini Tuan Yang di-Pertua yang buat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rusa bakarkah? Jadi isu yang saya hendak bangkit ialah harga terlalu mahal. Pernah ditimbulkan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang, S.M. Idris pernah buat kenyataan, pembaziran lebih makanan yang begitu banyak dalam negara kita antaranya pada bulan Ramadhan. Jadi antaranya ialah sumbangan daripada hotel-hotel ini.

Saya pernah bertanya kepada pekerja-pekerja hotel, saya tanya mereka kalau bulan puasa, bila tidak habis macam mana? Dia kata tidak habis buanglah, tidak boleh bawa balik, makan di sini boleh, jadi buang lambakan. Jadi isu yang saya hendak tekankan di sini ialah harga yang terlalu mahal sehingga RM100 lebih untuk satu kepala. Buka puasa ini hendak makan banyak mana? Jadi bermakna bahawa keuntungan berlipat ganda yang diambil oleh pihak hotel ini mesti dikawal. Saya minta kerjasama Yang Berhormat Menteri untuk pastikan supaya orang-orang lain pun, orang-orang biasa pun paling-paling tidak mereka boleh pergi sekali sekala. Saya sendiri tidak mampu melainkan kalau Yang Berhormat Menteri belanja saya, lainlah.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Padang Rengas, Kota Tinggi hendak mencelah sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua pertamanya saya hendak sebut, saya telinga masih okey lagi. Saya dengar Yang Berhormat Bayan Baru sebut, mengapa perlu ada festival, bukan kata kena belanja. Belanja berhemah, memang kita kena belanja berhemah tetapi dia tanya mengapa perlu. Jadi saya sebut perlu kerana kita, *we have to invest*, melabur.

Kedua Yang Berhormat, saya ingat kita tidak mampu untuk memberitahu kepada hotel-hotel supaya pastikan harga jangan mahal kerana kita ini sekarang berada dalam *free market*. Ini tidak boleh sebab kalau kita lakukan perkara ini, maka kita akan menyekat. Kalau kita menyekat, ini akan mendatangkan masalah.

Tuan Rozman bin Isli [Labuan]: Yang Berhormat Padang Rengas.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak apalah, Yang Berhormat tunggu saya belanjalah.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Kota Tinggi.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Selepas ini Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Bakri.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Okey, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Sepang sebut warisan, sebenarnya di Kota Tinggi ini sinonim dengan sejarah, semua warisan ada di sana. Kita ada belangkas, kunang-kunang, industri burung walet yang besar, *send and serve* juga termasuk inap desa di kawasan-kawasan FELDA. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah mekanisme yang boleh kita buat untuk mempopularkan lagi dari segi *branding*, penjenamaan, promosi, mekanisme, *training* dan sebagainya supaya elemen ini boleh dikembangkan.

■1710

Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mewajibkan pelajar-pelajar luar negara ataupun ahli-ahli multinasional, diplomatkah untuk tinggal sehari dua. Ini kerana selaras dengan cadangan Yang Berhormat Menteri, kalau boleh kita biar mereka tinggal bukan sahaja di kawasan bandar, di hotel-hotel tapi di kawasan inap desa yang penuh dengan kebudayaan dan *touch base* di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi, saya ambil maklum apa Yang Berhormat sebut. Sememangnya kita mahu iaitu kalau orang datang bukan hanya sebagai *day trip* tapi *spend the night*, belanja lebih dan apa juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu saya akan bincangkan dengan pegawai-pegawai saya untuk kita laksanakan. Ya, yang penghabisan sekali Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi peluang satu kepada Bakri. Di sini saya hendak tanya adakah kementerian boleh menjalin kerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menaik taraf tebing sungai Muar dan Tanjung Ketapang, Muar...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Untuk tujuan menarik lebih ramai pelancong ke Daerah Muar dengan adanya tempat-tempat menarik.

Kedua, Daerah Muar merupakan sebuah Bandar Diraja mempunyai banyak warisan sejarah dan kebudayaan. Contohnya Kubu Bentayan, Kota Portugis, bangunan-bangunan Mahkamah Tinggi dan Sekolah Tinggi Muar. Adakah pihak kementerian berhasrat untuk membangunkan lokasi-lokasi ini agar menjadi satu lagi lokasi pelancongan? Adakah kementerian boleh memulakan inisiatif bersama universiti tempatan dan pengkaji sejarah untuk mengkaji dan menyelidik warisan sejarah ini bagi tujuan memulihara untuk tatapan generasi akan datang?

Akhir sekali, saya ingin menarik perhatian kementerian berhubung dengan Persatuan Tarian Singa Kun Seng Keng yang telah memenangi 40 pertandingan di peringkat antarabangsa. Namun, mengapakah pihak kementerian hanya baru sekali sahaja memberikan bantuan kepada persatuan ini yang telah mengharumkan nama negara di persada dunia? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Bakri nombor satu, boleh. Nombor dua, boleh dan nombor tiga, boleh. Nombor empat Yang

Berhormat tolong beritahu saya, ini pun kali pertama saya dengar tentang tarian singa ini. Sebenarnya memang saya mahu mempamerkan *the best* dalam kita punya karnival-karnival yang akan datang seperti Citrawarna pada tahun hadapan. Kita hendak menunjuk cuma yang *the best*. Saya ingin menyebutkan di sini bahawa Malaysia Truly Asia ini bermakna bahawa tidak ketinggalan iaitu budaya masyarakat Cina.

Saya hendak sebut di sini bahawa sama ada *lion dance* kah ataupun *Moon Festival* kah, ini merupakan budaya Malaysia bukan budaya negara China. Budaya Malaysia daripada keturunan ataupun komuniti Cina. Jadi ini semua Yang Berhormat sebut saya akan, kalau boleh Yang Berhormat bagi surat pada saya dan kita akan terus memberikan bantuan kepada mereka. Kalau betul Yang Berhormat sebut dia *world champion*, saya ingat kita mesti memberi galakan kepada mereka.

Seperti mana saya sebut sebentar tadi, mana-mana program kita, *we want to exhibit the best in the world* termasuklah tarian singa yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab sejam lebih dan segala jawapan saya yang tidak boleh saya jawab di sini akan menjadi jawapan bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertahanan. Sila.

5.14 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanya-banyak terima kasih pada seramai tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh berkaitan dengan Kementerian Pertahanan.

Kementerian Pertahanan juga amat Menjunjung Kasih Ke atas Titah Seri Paduka Baginda dan di samping itu apa juga saranan-saranan dan juga pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bernas akan dinilai oleh Kementerian Pertahanan dan dipertimbangkan sewajarnya supaya ia akan dijadikan sebagai salah satu input yang penting bagi menentukan hala tuju dan urus tadbir Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Gerik di dalam perbahasan beliau telah menyentuh berkaitan cadangan untuk menambah anggota keselamatan serta logistik ketenteraan di sempadan Malaysia–Thailand. Untuk makluman Yang Berhormat Gerik, merujuk kepada cadangan Yang Berhormat berkait dengan keperluan menambah bilangan kekuatan anggota keselamatan di kawasan sempadan Malaysia–Thailand, sememangnya kementerian telah melaksanakan langkah-langkah kesiapsiagaan dan kawalan sempadan tersebut untuk memastikan sempadan Malaysia dan Thailand adalah sentiasa dalam keadaan selamat.

Setakat ini Angkatan Tentera Malaysia telah pun menempatkan sejumlah lima batalion bagi menjaga perbatasan, sempadan dan dilengkapi dengan pelbagai aset ketenteraan dan telah

mendirikan sebanyak lima buah kem di sepanjang sempadan tersebut. Kem-kem tersebut ialah Batalion Pertama Rejimen Sempadan di Kem Tanah Merah, Kelantan, Batalion Kedua Rejimen Sempadan di Kem Batu Melintang, Jeli, Kelantan, Batalion Ketiga Rejimen Sempadan di Kem Pengkalan Hulu Perak, Batalion Keempat Rejimen Sempadan di Kem Gerik, Perak dan Batalion Kelima Rejimen Sempadan di Kem Bukit Kayu Hitam, Kedah.

Dimaklumkan juga Angkatan Tentera Malaysia telah pun melaksanakan tujuh operasi sepanjang tahun meliputi jarak 634 kilometer sepanjang sempadan Malaysia–Thailand. Selain aktiviti kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia, agensi keselamatan yang lain seperti PDRM, imigresen, UPP dan kastam juga turut melaksanakan operasi di sepanjang sempadan untuk memastikan keselamatan di kawasan tersebut dapat sentiasa dikekalkan.

Kerjasama dan hubungan yang sentiasa rapat di antara Malaysia dan Thailand khususnya melalui kerjasama *General Border Committee* di antara Angkatan Tentera Malaysia dan Angkatan Tentera Diraja Thailand melalui mekanisme *Malaysia–Thailand Border Coordination Office* telah berjaya menyelesaikan banyak isu dua hala.

Yang Berhormat Tasik Gelugor membangkitkan berkaitan dengan isu status cadangan perpindahan Pangkalan Udara Butterworth ke tempat lain dan mencadangkan agar pangkalan tersebut dikekalkan malah diperkasa kerana kesannya kepada sosioekonomi setempat. Untuk makluman Yang Berhormat Tasik Gelugor, sememangnya di peringkat ini perkara ini masih lagi di peringkat kajian lanjut dan kementerian, ditegaskan kementerian belum membuat apa-apa keputusan berkaitan dengan perkara ini.

Yang Berhormat Lipis ada membangkitkan berkaitan dengan keperluan satu kajian terhadap bilangan anggota tentera bagi memastikan negara mempunyai bilangan anggota tentera yang cukup bagi menghadapi ancaman luar di masa akan datang. Untuk makluman Yang Berhormat Lipis, Kementerian Pertahanan sememangnya telah mengadakan dan pihak Angkatan Tentera Malaysia sedang dalam proses memperhalus setiap cadangan-cadangan yang terkandung tersebut.

Selaras dengan Pelan Transformasi Angkatan Tentera Malaysia, pihak Angkatan Tentera Malaysia sedang dalam proses membentuk ketumbukan angkatan tentera yang bersepadu atau *integrated* dan *versatile* bagi menghadapi pelbagai cabaran masa kini. Selain daripada itu berdasarkan kepada kajian rancangan masa depan ATM yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Keupayaan ATM atau *Plan Fourth Dimension Malaysian Armed Forces (4D MAF)*, kerajaan berhasrat memiliki saiz keanggotaan ATM yang optimum dan penekanan akan diberikan kepada penggunaan aplikasi teknologi ketenteraan terkini bagi menghadapi ancaman luar pada masa akan datang bagi menjamin keselamatan negara sentiasa terpelihara.

■1720

Yang Berhormat Lipis juga ada membangkitkan berkaitan dengan cadangan agar pesara-pesara tentera yang cemerlang, yang berpengalaman diambil sebagai jurulatih tentera baru berdasarkan pengalaman mereka yang luas. Untuk makluman Yang Berhormat Lipis, cadangan

untuk menggembeleng pesara-pesara yang cemerlang tersebut memang pun dilaksanakan berdasarkan keperluan. Mereka digunakan sebagai penceramah-penceramah bagi kursus-kursus tertentu terutamanya melibatkan pengalaman-pengalaman strategik.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Kita tidak nafikan pengorbanan angkatan tentera dan begitu juga perkembangan yang sedang dilakukan dan akan dilakukan oleh angkatan tentera. Akan tetapi malangnya, saya difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan tidak ada satu dokumen yang memandu kementerian dan juga anggota tentera untuk membangunkan angkatan tentera itu khususnya. Contohnya, sebagaimana yang dikatakan tadi untuk menambah anggota sedangkan dalam fahaman saya semasa di dalam tentera kita akan mengurangkan warga tentera ke jumlah-jumlah yang kita fikirkan sesuai.

Untuk mengatasi masalah ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertahanan supaya wujudkan satu dokumen yang dipanggil *National Defense Policy* ataupun Dasar Pertahanan Negara oleh kerana ia pernah dibangkitkan oleh Menteri Pertahanan masa itu melalui "*Pertahanan Malaysia ke arah Pertahanan yang Berdikari*."

Dalam ini dia sebut dokumen pertahanan negara sedangkan dokumen itu tidak pernah wujud dan tidak pernah dibawa ke Parlimen untuk mendapat pengesahan. Oleh yang demikian, saya cadangkan Kementerian Pertahanan dengan segera mewujudkan dokumen pertahanan negara ini supaya salah satu perkara yang penting ialah mengawal perbelanjaan Kementerian Pertahanan. Kita tidak mahu lagi perolehan kontroversi seperti perolehan kapal selam, helikopter dan juga kapal permukaan melebihi peruntukan yang diberi.

Oleh itu, saya ingin menggesa Kementerian Pertahanan supaya melihat kepada ini oleh kerana ramai rakan-rakan bekas tentera juga menginginkan perkara ini boleh dilakukan dan satu dokumentasi yang *rigid* ataupun yang *solid*, yang padu boleh dihasilkan oleh Kementerian Pertahanan. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Beliau adalah seorang bekas anggota tentera berpangkat 1-Star Jeneral kalau saya tidak silap. Beliau sekarang berada di pihak pembangkang. Ini menunjukkan bahawa negara kita memang mengamalkan demokrasi. Tidak seperti mana yang dikatakan oleh sesetengah pihak.

Saya ingin menyatakan di sini, saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak. Sebenarnya seperti mana yang saya telah jelaskan tadi bahawa sememangnya kita telah pun ada kajian-kajian yang dibuat dan kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak mempunyai Dasar Pertahanan Negara, buku ini telah membuktikan bahawa kita ada Dasar Pertahanan Negara yang telah diterbitkan untuk menjadi hala tuju ataupun panduan kepada pihak Kementerian Pertahanan khususnya bagi memandu kita untuk menuju ke arah apa yang kita inginkan.

Yang Berhormat ada mengatakan berkaitan dengan usaha-usaha untuk mengurangkan anggota. Saya fikir mungkin Yang Berhormat pun tersalah anggap. Apa yang saya katakan tadi ialah menggunakan anggota yang optimum. Optimum ini bererti ia tidak semestinya, dia harus ada

balance. Ini kerana seperti mana yang kita tahu bahawa pada zaman masa kini bukan sahaja keperluan anggota itu penting, tetapi kita juga harus mengambil anggota-anggota yang berkualiti dan selain daripada itu, kita juga harus menggunakan aplikasi-aplikasi teknologi kerana peperangan hari ini adalah lebih bersifat *technology based*.

Mungkin Yang Berhormat sendiri pun sedia maklum bahawa dalam tempoh berdekad-dekad lamanya telah banyak peningkatan dalam teknologi ketenteraan dan sekiranya Malaysia tidak mempunyai keupayaan untuk menambah baik khususnya dalam peralatan-peralatan, maka sudah tentulah kita akan berhadapan dengan risiko untuk tidak mampu mewujudkan saingan ataupun *deterrent* iaitu cegah rintang merupakan satu doktrin yang penting untuk menentukan keselamatan dan pertahanan negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa jawatan pada ketika ini ataupun anggota keseluruhan ialah seramai 131,524 orang dan menjelang tahun 2020, kita mengharapkan akan dapat *employed* 163,653 orang walaupun sebenarnya kita mengehendkan pengisian jawatan ini bagi juga mengurangkan perbelanjaan mengurus.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Untuk melengkapkan anggota-anggota tentera regular ini, kita juga ada tentera simpanan. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri pada ketika ini kita ada 144,373 orang tentera simpanan, pasukan simpanan yang boleh digerakkan pada bila-bila masa sekiranya berlaku krisis di dalam negara ini. Sila Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Itu yang saya ingin tegur di sini oleh kerana di satu ketika tahun 2006, kita tidak menceritakan untuk menambah warga tentera sebaliknya mengurangkan warga tentera sama ada daripada darat, laut dan udara.

Akan tetapi, apabila Yang Berhormat Menteri menjelaskan kita akan mengembangkan ke 163,000 ini bertentangan dengan apa yang telah diputuskan sebelum ini. Oleh sebab itu, saya kata kita perlu satu dokumen Dasar Pertahanan Negara yang diluluskan oleh Parlimen. Oleh sebab itu, sebagaimana Yang Berhormat tunjukkan kepada saya, ia boleh dikatakan dikeluarkan setiap tahun. Seorang Menteri bertukar, tukar dokumen Dasar Pertahanan Negara. Begitu juga dengan doktrin pertahanan maritim. Seolah-olah tidak ada persepakatan antara Markas Angkatan Tentera Malaysia dengan Tentera Laut. Masing-masing mengeluarkan doktrin mereka sendiri.

Oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri, saya memang amat-amat mengharapkan supaya satu dokumen pertahanan negara dihasilkan dan dibentangkan di Parlimen dan diluluskan oleh Parlimen. Dengan cara itu, saya yakin dan percaya khususnya dalam mengembangkan angkatan tentera, perolehan kelengkapan angkatan tentera dapat dikawal dengan sebaik-baiknya supaya tiada pembaziran, tiada rasuah, tiada sangkaan buruk berlaku di luar sana. *Insyah-Allah*. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat di atas cadangan tersebut walaupun sebenarnya mengikut apa yang saya telah nyatakan tadi bahawa kita sudah mempunyai

pun Dasar Pertahanan Negara. Kita akan menimbang cadangan Yang Berhormat tersebut tetapi pada dasarnya, apa yang kita inginkan ialah bahawa Dasar Pertahanan Negara kita adalah mampu, hari ini sebelum ini dan sekarang telah pun mampu untuk memberikan perlindungan kepada negara kita dalam setiap ancaman.

Yang Berhormat ada mengatakan juga tentang isu-isu perolehan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa apa juga langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan khususnya untuk menambah baik dalam bidang peralatan ataupun persenjataan negara untuk menghadapi sebarang ancaman keselamatan, ianya adalah dilakukan berdasarkan keperluan semasa.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang akan menuju sebagai sebuah negara maju. Apabila kita menjadi sebuah negara maju dan itulah menjadi aspirasi kita. Sudah tentulah harapan kita ialah untuk melihat bahawa kita mempunyai pertahanan yang mencukupi untuk menjamin keselamatan kita.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: [*Bangun*]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ini kerana apabila kita menjadi negara maju, kita menjadi lebih *attractive* atau pun juga menimbulkan masalah-masalah persaingan...

■1730

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Kebetulan pula – saya teruskan dahulu ya. Kebetulan pula kedudukan Malaysia ini adalah sangat strategik iaitu di tengah-tengah Asia Tenggara di mana kita bersempadan dengan boleh dikatakan hampir banyak negara dan ini telah dengan sendirinya mewujudkan banyak masalah-masalah pertindihan dan juga berkaitan dengan isu Selat Melaka dan juga pergolakan yang mungkin berlaku di Laut China Selatan.

Kita memerlukan satu hala tuju untuk memastikan bahawa kita tidak ketinggalan dalam soal ini. Dalam soal perolehan ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa apabila kita membuat sesuatu perolehan, Yang Berhormat sendiri pun sedia maklum ianya dibuat berdasarkan kepada tatacara kewangan kerajaan dan arahan-arahan Perbendaharaan dan juga penilaian-penilaian juga dibuat oleh pihak-pihak yang terlibat khususnya mereka-mereka yang pakar dalam bidang-bidang tersebut.

Apabila kita membuat keputusan itu, kita juga ada Institut Sains dan Teknologi Pertahanan yang membantu untuk menilai terhadap kemampuan sesuatu peralatan yang kita kehendaki tersebut. Ujian-ujian juga dilakukan terhadap aset-aset ini dan yang penting sekali ialah kita hendak mengadakan pembelian itu berdasarkan kepada *value for money*.

Satu aspek yang penting yang saya ingin juga jelaskan di sini bahawa apabila kita membuat perolehan, kita juga memikirkan tentang keperluan untuk membangunkan industri pertahanan negara kita. Kita tidak membeli CBU.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri, boleh?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Kita juga mengadakan beberapa kerjasama dengan pihak-pihak, industri ataupun pengeluar-pengeluar tempatan supaya berlaku *transfer* teknologi dan di satu masa nanti akan membolehkan negara kita juga menjadi pemain yang penting dalam industri pertahanan. Sila Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, menyebut tentang perolehan. Banyak isu yang timbul berkenaan dengan Kementerian Pertahanan adalah berkaitan dengan pemberian kontrak-kontrak yang dipersoalkan harganya, nilainya dan prestasinya dan berselindung di sebalik kerahsiaan perolehan ketenteraan.

Kita telah saksikan banyak kontrak sebegini dan saya percaya, rakan saya daripada Lumut pun faham, beliau pernah bertugas di sana yang akhirnya bukan sahaja menelan belanja yang berkali ganda tetapi gagal disiapkan dalam tempoh masa yang sewajarnya. Jadi soal bukan sahaja soal kewangan tetapi soal risiko kepada pertahanan negara apabila kelengkapan dan persenjataan ini gagal disediakan pada masa yang sewajarnya.

Soalan dan penjelasan yang saya pohon daripada Yang Berhormat Menteri, setelah kita melalui berdekad persoalan tentang perolehan tentera, apakah langkah ataupun perubahan Yang Berhormat Menteri yang baru akan ambil untuk memastikan perolehan selepas ini lebih telus. Bersetuju kah Yang Berhormat Menteri supaya ada lantikan daripada parti-parti yang lain termasuklah daripada Pakatan Rakyat untuk duduk dalam jawatankuasa-jawatankuasa perolehan ini supaya perkara-perkara seperti itu tidak lagi berulang selepas ini.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Pandan, satu cadangan yang agak luar biasa. Akan tetapi saya ingin nyatakan di sini bahawa apabila perolehan tersebut dilakukan, mereka yang terlibat adalah khususnya mereka yang menjawat jawatan-jawatan tertentu yang terdiri daripada penjawat-penjawat awam. Merekalah yang akan terlibat dalam usaha untuk membuat *evaluation* atau membuat penilaian tentang keperluan terhadap sesuatu keperluan tersebut.

Kita sebagai kerajaan, kita membuat keputusan berdasarkan kepada kajian-kajian ataupun pertimbangan-pertimbangan yang telah dilakukan. Apa yang saya nyatakan sebelum ini iaitu bahawa segala peraturan-peraturan, arahan Perbendaharaan atau tatacara prosedur kewangan itu adalah merupakan satu perkara yang penting yang harus diikuti dan inilah tatacara yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Memanglah seperti mana yang saya ingin nyatakan juga mungkin juga menjadi satu polisi bagi kebanyakan negara bahawa perolehan aset-aset ini atau aset-aset strategik ini memanglah sewajarnya tidak di bincang secara yang begitu terbuka dan ini adalah kerana bahawa perolehan ini adalah merupakan kekuatan negara yang harus dilindungi walaupun...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: ...Kita menafikan bahawa keperluan untuk mengadakan transparansi, ini pun merupakan satu perkara yang kita sentiasa berikan perhatian. Seperti mana yang kita tahu juga bahawa apabila kita membuat pembelian pun, perkara tersebut akan dibawa ke perbincangan di Parlimen untuk dibahaskan dan setelah diluluskan pun, sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, maka Jabatan Audit Negara pun boleh memantau. Jika ada isu-isu berbangkit, *Public Accounts Committee* Parlimen pun sendiri boleh memanggil pihak-pihak untuk mendapatkan penjelasan.

Jadi saya ingin nyatakan di sini bahawa kita mempunyai *sufficient guard* dalam soal perolehan ini dan saya rasa kebimbangan Yang Berhormat itu hanyalah merupakan persepsi yang cuba diwujudkan kepada masyarakat seolah-olah kerajaan berbelanja untuk membeli yang melibatkan berbilion ringgit, maka ianya berlaku sesuatu perkara yang mungkin sesuatu penyelewengan. Sila Yang Berhormat Stampin. Yang Berhormat Pandan sudah tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, hendak minta tanya, ada dua soalan. Mengikut *Transparency International UK* dengan izin, Malaysia adalah dalam lingkungan *moderate to law* dengan izin dalam *score* kita, dalam perbelanjaan pertahanan. Jadi apakah langkah Menteri Pertahanan untuk mengatasi pandangan ini.

Soalan yang kedua, saya minta Yang Berhormat Menteri mengesahkan bahawa memang terdapatnya misi *surveillance* ataupun misi seumpamanya selama beberapa tahun di kawasan Semporna ataupun Lahad Datu yang juga termasuk penggunaan peralatan yang canggih di mana saya difahamkan terbabit dalam pembelian alat-alat yang canggih yang membabitkan perbelanjaan yang mungkin terlampau jika ikut harga pasaran.

Akan tetapi walaupun adanya misi yang menggunakan peralatan canggih dari segi *surveillance* di kawasan tersebut, insiden Sulu masih berlaku lagi. Jadi apa yang saya takut bahawa seperti Yang Berhormat lain jelaskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Okey, yang telah soal tadi. Perbelanjaan yang terbazar ini, di mana duit ini boleh digunakan untuk melengkapi askar-askar kita dengan peralatan yang lebih canggih supaya boleh meningkatkan *survivability* dengan izin, mereka apabila menghadapi musuh negara. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan tentang perbelanjaan yang besar dan kita masih lagi menghadapi apa yang berlaku baru-baru inilah Yang Berhormat mungkin mengatakan begitu. Akan tetapi saya boleh bertanya kepada Yang Berhormat, kejadian 9/11 di Amerika adalah merupakan satu kejadian yang berlaku yang telah menggemparkan dunia. Sedangkan kita tahu bahawa Amerika juga adalah sebuah negara yang mempunyai kepakaran, kebolehan dan kecanggihan dalam semua bidang.

Oleh sebab itu apabila berlaku sesuatu perkara sebegini, memanglah kita telah melakukan sebaik mungkin seperti mana yang saya ingin nyatakan bahawa perairan kawasan itu 1,440 kilometer.

■1740

Kita pun ada, mungkin Yang Berhormat maksudkan itu ialah tentang UAV bagi pengawasan di kawasan Ops Pasir. Penggunaan yang dipanggil *Unmanned Aerial Vehicle*, *something like that*. Itu pesawat UAV yang digunakan untuk *surveillance*. Memang pesawat ini kita ada tempatkan di Semporna dan pesawat ini bukan di miliki oleh Angkatan Tentera, ia adalah di *contract out* ataupun diberikan kontrak kepada anak syarikat CTRM.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Minta pengesahan ya, kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya jelaskan dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat tunggu, saya jelaskan dahulu. Apa yang dibekalkan oleh Syarikat Unmanned Systems Technology Sdn. Bhd. iaitu untuk mengambil imej-imej tertentu, khususnya di kawasan Ops Pasir di Pantai Timur. Akan tetapi seperti mana yang ingin saya nyatakan di sini bahawa walaupun ada sistem ini, yang kita sewa daripada kontrak sewaan daripada anak syarikat CTRM ini. Akan tetapi melalui apa yang dipanggil *company own, company operate and company maintain* untuk membekalkan pihak keselamatan dalam soal memberikan imej-imej tertentu yang boleh mengancam keselamatan dan pertahanan negara.

Akan tetapi seperti mana yang saya katakan tadi bahawa sistem ini *is not the most complete*. Kalau hujan, kalau ada misalnya cuaca buruk, ia menggunakan pesawat seperti pesawat *remote control*. Mungkin Yang Berhormat pun tahu, ia pun ada juga *limitation* dan boleh terbang dalam empat hingga lima jam. Kalau ia terbang siang bolehlah ia nampak, kalau malam mungkin ada *limitation*. Jadi, sistem ini memanglah boleh membantu tetapi tidak boleh membantu 100% untuk membolehkan bahawa 1,440 kilometer pesisir pantai daripada Utara, dari Kudat di tempat saya sampailah ke Tawau dapatlah dikawal dan ini memang satu cabaran.

You bayangkan Yang Berhormat, 1,440 kilometer ini ialah seperti penerbangan daripada Kota Kinabalu ke Pahang, kerana ke Kuala Lumpur 1,600 kilometer. Sila Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan penjelasan. Pertanyaan saya dari segi CTRM, saya difahamkan bahawa selama 10 tahun memang ada misi UAV iaitu *Unmanned Aerial Vehicle* seperti Yang Berhormat katakan telah pun berpangkalan kalau tidak salah saya di Semporna. Akan tetapi soalan saya, berapakah perbelanjaan daripada Kementerian Pertahanan yang telah diberikan atau dikontrakkan kepada CTRM untuk menjalankan misi *surveillance* selama 10 tahun ini di Semporna? Adakah duit yang di kontrak kan kepada CTRM ini berpatutan dengan apa hasil yang telah pun diberikan, *the objective of the mission is fulfill* dengan izin, itu soalan pertama saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Soalan kedua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat, boleh lah itu.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Satu lagi, satu lagi ya. Duit yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Isu baru Yang Berhormat, tentang harga, CTRM dan sebagainya, itu isu baru.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Jadi, apa yang saya hendak cakap ini, duit yang kita bazirkan ini boleh digunakan untuk membeli peralatan yang lebih bersesuaian untuk patrol *for this coastal patrol* dengan izin, supaya insiden seperti berlaku di situ tidak akan berlaku. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Seperti mana yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa perkara itu adalah isu baru dan saya tidak ada *detail* berapa banyak yang kita telah beri kontrak dan sebagainya, saya akan bagi kepada Yang Berhormat secara bertulis. Akan tetapi saya percaya apabila pihak kerajaan membuat satu keputusan adalah berdasarkan kepada penilaian-penilaian tertentu. Kita tidak mungkin mengguna pakai hanya UAV tersebut sehingga menyebabkan kita kerugian yang begitu banyak. Saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat selepas ini. Untuk makluman Yang Berhormat Tanjung...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan dan Yang Berhormat Wangsa Maju bangun, Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada satu soalan di sini tentang dua unit iaitu kapal selam yang sentiasa di *parking* di Sepanggar Bay. Saya mahu tahu dua unit kapal selam ini, adakah terdapat aktiviti yang sentiasa diadakan di Kota Kinabalu? Ini kerana saya selalu pergi ke Sepanggar Bay dan sentiasa nampak ramai orang yang mengatakan dua kapal tersebut hanya untuk dipamerkan sahaja, *parking* sahaja. Saya mahu tahu apakah gerakan yang sentiasa – mengatakan dua kapal ini. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat beritahu, yang kata selalu itu berapa kali? Kadang-kadang *your statement is quite misleading* Yang Berhormat. Selalu itu, kalau Yang Berhormat tengok hari-hari mungkin saya boleh menimbang. Akan tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa apabila kita membeli kapal selam ini ia adalah bertujuan dan merupakan satu *deterrent* dalam doktrin pertahanan, cegah rintang. Cegah rintang ini bererti kita mempunyai aset pertahanan yang mampu melindungi perairan negara serta melindungi kedaulatan negara kita.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: [Bangun]

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Kenapa ia penting? Kenapa ia diletakkan di Sabah? Mungkin Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita mempunyai *Exclusive Economic Zone*. *Exclusive Economic Zone* ini adalah merupakan kawasan perairan yang telah diberikan, di *granted*

berdasarkan kepada UNCLOS ataupun *United Nations Convention on the Law of the Sea* yang membolehkan kita mempunyai hak milik untuk meneroka kepentingan di kawasan EEZ. Kita ada *exploration* dalam *oil and gas*. Yang Berhormat sendiri sedia maklum ia memberikan pulangan berbilion-bilion ringgit malah trilion ringgit kepada negara. Bagaimana kita hendak melindungi kepentingan kita di dalam EEZ ini?

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tunggu Yang Berhormat, saya jawab dahulu satu-satu. Bagaimana kita hendak melindungi kepentingan kita di dalam EEZ? Kita haruslah mempunyai keupayaan dan keupayaan itu salah satunya ialah apabila kita mempunyai kapal selam *submarine* dan kita juga sedia maklum bahawa kawasan Laut China Selatan sekarang semakin banyak perlumbaan yang berlaku untuk menguasai kawasan tersebut. Mungkin Yang Berhormat juga sedia maklum.

Oleh sebab itu negara-negara lain dan bukan sahaja Malaysia, kita baru membeli dua unit. Vietnam akan membeli enam unit, saya fikir Vietnam kalau dari segi kemajuan ekonomi, kita lebih baik daripada Vietnam. Singapura sebuah negara yang tidak mempunyai perairan juga *territorial waters*, EEZ yang tidak begitu besar akan tetapi mereka mempunyai enam unit kapal selam dengan persenjataan yang sangat mencukupi.

Jadi, apakah keperluan mereka membeli kapal selam ini? Ia tidak lain melainkan untuk menjadikannya sebagai *deterrent* ataupun cegah rintang. Ini kerana sebagai sebuah negara yang kaya mereka haruslah mampu mempertahankan diri sendiri dan Yang Berhormat harus maklum bahawa Malaysia adalah merupakan salah satu daripada anggota *Five Power Defense Arrangements* iaitu di antara Malaysia, Singapura, Great Britain, Australia dan New Zealand. Apabila kita menjadi anggota ini, kita juga harus mempunyai *capability* yang kalau tidak lebih baik tetapi haruslah setimpal dengan negara-negara ini supaya kita dapat mempertahankan kepentingan bersama bagi mempertahankan kedaulatan negara kita bersama.

■1750

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu adalah merupakan sesuatu yang penting. Banyak sudah perbincangan-perbincangan yang telah dibangkitkan dengan isu pembelian kapal selam ini seolah-olah ianya dibuat secara terburu-buru sedangkan perkara ini telah pun dirancang kalau tidak silap saya dalam Rancangan Malaysia Kelima telah pun dirancang. Banyak – inilah pertama kali kita membeli kapal selam. Kalau mungkin Yang Berhormat tahu juga bahawa negara Indonesia sudah pun lama memiliki kapal selam dan mereka akan menambah lagi aset-aset mereka. Saya difahamkan akan membeli lagi.

Mengapa mereka memerlukan itu semua? Ianya kerana sebagai *maritime states*. Kita adalah *maritime states* dan kita mempunyai perairan yang kaya yang telah memberikan pulangan berbilion-bilion ringgit, trilion ringgit kepada negara. Kita ada hasil-hasil ikan yang harus kita lindungi dan ini adalah merupakan kekayaan ekonomi yang sepatutnya.

Kalau kita katakan bahawa kita harus berbelanja, katalah satu bilion euro bagi pembelian dua kapal selam, satu bilion lebih, mungkin RM6 bilion. Akan tetapi, RM6 bilion itu adalah merupakan satu pembelian aset yang saya percaya adalah merupakan satu pembelian aset yang strategik yang penting memandangkan kepentingan negara adalah jauh lebih besar kepentingannya kepada kita semua. Jadi untuk meneruskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju bangun Yang Berhormat, hendak bagi?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Wangsa Maju, okey *last*.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini soalan mengenai CTRM dan *surveillance systems*. Baru-baru ini tentang perkara penceroboh yang jadi di FELDA Sahabat Lahad Datu. Dulu tahun 1999 sampai tahun 2004 saya ialah Timbalan Menteri yang jaga FELDA dan saya tahu *terrain* FELDA Sahabat.

Saya hendak minta komen dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa sebab pihak jaga keselamatan tidak ambil tindakan segera atau serta-merta dan selepas runding dan menanti tarikh tiga minggu baru ambil tindakan? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Minta laluan sikit. Isu lain.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, bagi saya jawab dahulu. Saya kata *last* tadi. Terima kasih kepada Yang Berhormat sahabat saya. Dia bekas duduk di sini sebagai Timbalan Menteri.

Sebelum saya menjawab selanjutnya saya ingin menyatakan tentang UAV tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, CTRM yang merupakan pemberi khidmat yang mengoperasi dalam menyelenggarakan UAV tersebut ialah mereka yang diberikan kontrak perkhidmatan untuk tiga tahun ialah sebanyak RM35.4 juta. *Average only about RM10 million a year. RM10 million a year is not much* saya fikir untuk melindungi untuk menjadi satu *support*. Oleh kerana UAV ini adalah merupakan salah satu inisiatif untuk menyokong Ops Pasir di kawasan tersebut.

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Seperti mana yang kita tahu bahawa memang ada...

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]: Minta penjelasan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Belum saya habis bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat duduk dulu. Saya hendak jawab Yang Berhormat mengatakan tadi berkaitan dengan FELDA. Mungkin Yang Berhormat – kalaulah Yang Berhormat sebenarnya pernah pergi ke FELDA Sahabat, mungkin Yang Berhormat tahu bahawa FELDA Sahabat tersebut hanyalah *45 kilometers. In the range of 45 to 50 kilometers* daripada Kampung Tanduo tempat pencerobohan itu ke Pulau Simunul, Tawi-Tawi ataupun Pulau Simunul atau Bungau. Ada tiga, empat pulau di situ.

Jadi sebenarnya ianya adalah merupakan salah satu jarak yang begitu dekat sekali. Memanglah daripada zaman dahulu lagi perhubungan masyarakat di situ wujud. Akan tetapi, apabila mereka datang dengan niat yang tidak baik, mereka membawa senjata dan kononnya membawa misi-misi tertentu iaitu *style as* tentera Kesultanan Sulu yang kita sendiri tidak mengiktirafnya. Mereka datang untuk mendatangkan ancaman.

Apabila mereka membawa ancaman sudah tentulah kita harus memberikan keutamaan kepada perundingan. Itulah sikap doktrin pertahanan Malaysia kerana *when diplomacy fail, then the general will take over*. Apabila diplomasi gagal, maka barulah tentera akan mengambil alih.

Keutamaan kepada ketika itu adalah untuk memberikan keutamaan kepada rundingan. Oleh sebab itu kita mengambil agak sedikit lama mungkin apabila kita berunding dengan mereka, mereka juga telah memberikan *indication-indication* bahawa sebahagiannya memang ada *indication* bahawa mereka juga sedia berundur. Ada juga pihak tentera, pihak Filipina juga telah pun menghantar kapal di sempadan untuk mengambil mereka balik. Jadi apabila kita memberikan ruang itu, sebenarnya itu adalah merupakan satu kemenangan moral kepada kita.

Ini kerana kita harus *detach* mereka ini adalah *none state actor*. Kalau sekiranya mereka *none state actor*, dan kita mengambil tindakan yang keras sehingga menyebabkan kita dilihat begitu kejam, kita akan berhadapan juga dengan mungkin protes ataupun perkara yang tidak baik daripada negara asal mereka Filipina.

Kita telah mengambil kesempatan itu untuk berunding sehingga apabila berlaku insiden mereka menembak dahulu anggota kita..

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: ...Dan hari berikutnya pada dua hari bulan, polis kita telah pun di *ambush* di Semporna maka kita telah mengambil tindakan ketenteraan yang akhirnya telah berjaya untuk mengeluarkan mereka daripada kawasan tersebut.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Boleh saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih atas penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin duduk Yang Berhormat Stampin.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: *Background* saya ialah doktor perubatan. Air sangat penting untuk nyawa. Jikalau saya *say saya Chief Police Officer of Sabah* dan lain orang tidak campur tangan. Saya selepas dua, atau tiga minggu tidak ada orang politik campur tangan, saya boleh buat *blockage* itu laut sebab saya sudah buat lawatan rasmi ke FELDA Sahabat sekurang-kurangnya lima kali okey.

Saya tahu itu *terrain* dan juga selepas itu saya panggil pihak polis buat satu Selepas itu panggil askar yang ada senjata berat lagi satu *round*. Selepas itu saya guna helikopter dan buang *leaflet* dan panggil pengganas itu buang dia punya senjata bagi tiga hari. Kalau tidak kita masuk

dan ambil tindakan dan apa-apa tindakan berat. Oleh sebab itu tidak buat dan malah lapan wira kita meninggal dunia. Terima kasih.

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]: Minta laluan sikit, yang penting dalam UAV. Boleh?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat, saya sudah jelaskan tadi pembelian itu...

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]: Saya hendak tanya sikit tentang ada UAV. Boleh tidak Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya jawab dia dulu. Saya sudah jawab Yang Berhormat bahawa UAV tersebut kita sudah bagi...

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]: Ada cadangan dengan pertanyaan tadi.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, itu pandangan Yang Berhormat lah. Cuma apabila di *actual operation*, mungkin Yang Berhormat itu membuat andaian berdasarkan kepada imaginasi Yang Berhormatlah. Akan tetapi, *unfortunately* Yang Berhormat bukan seorang jeneral dan bukan seorang yang terlibat dalam operasi tersebut.

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: [Bangun]

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Saya tidak bersetuju kalau Yang Berhormat Menteri itu andaian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, mencelah bukan begitu Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Jadi apabila berlaku keadaan sebegitu apa yang kita lakukan ialah untuk memastikan bahawa kalau boleh tidak ada pertumpahan darah.

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Oleh kerana kita harus melihat dari aspek emosi juga. Seperti mana yang kita tahu bahawa negeri Sabah ini ramai juga daripada mereka mempunyai keluarga di sebelah. Jadi apabila ada perhubungan talian darah dan sebagainya maka kita harus menimbang perasaan *and the emotion part of it*.

Jadi apabila kita menimbang kita merundingkan, mengutamakan perundingan. Oleh kerana mereka datang bukan sebagai – *They are not just ordinary bandits. They are coming with certain causes....*

■1800

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Minta penjelasan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, ya Yang Berhormat saya jawab dahulu. *You* duduk. Duduk, duduk. Sabarlah Yang Berhormat. Apabila mereka datang dengan satu-satu *cause*, kita pun juga harus memikirkan adakah kesannya? Adakah pengaruhnya kepada penduduk tempatan. Sebab itu kita mengambil pelbagai pendekatan untuk memastikan bahawa diplomasi dapat mengambil tempat. Akan tetapi apabila akhirnya diplomasi tersebut tidak mendapat tempat maka tindakan yang telah diambil ialah untuk menyerang mereka. Itulah *notification*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Satu-satu. Dua soalan satu cadangan, boleh? Sekejap-sekejap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri berkata dengan *average* dengan izin lebih kurang RM10 million dalam satu tahun dibagikan bagi CTRM untuk setiap misi dekat Semporna. Jadi sudah berapa lamakah atau berapa tahunkah kontrak ini telah diberi kepada CTRM? soalan yang pertama, yang kedua itu saya difahamkan bahawa CTRM diberi duit-duit tersebut juga untuk *develop* UAV Malaysia bagi kegunaan *surveillance*. Jadi setelah berapa banyak duit yang telah diberikan, apakah *capability* dengan izin UAV yang telah pun *develop* oleh CTRM dan kenapakah sebegitu banyak duit telah diberikan kepada mereka, mereka masih lagi membeli dengan izin, *Unmanned Aerial Vehicle* - UAV, dengan izin daripada USA dan berapa buah mereka sudah beli.

Saya ada satu cadangan dengan duit yang telah digunakan untuk *develop* UAV ini bukankah lebih bagus jika duit ini diberikan kepada universiti-universiti Malaysia yang ada pakar-pakar yang lebih, *compare to* pakar di CTRM untuk *develop* sistem ini? Bayangkan duit ini boleh membeli contohnya *generation 4* ataupun *generation 5, infrared system* untuk *cost surveillance*. Bukankah itu lebih bersesuaian dari segi duit yang digunakan. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat *entitle to your opinion*, tapi saya ingin nyatakan di sini bahawa kita memberi CTRM *contract* ini ianya adalah merupakan kaedah *outsource* kerana yang penting apabila mereka mempunyai keupayaan tugasnya hanyalah untuk mengambil imej ataupun gambar untuk diberikan kepada pihak keselamatan tentang gambar-gambar ataupun video tersebut untuk membolehkan kita mengambil keputusan-keputusan tertentu.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya minta Yang Berhormat, kalau boleh saya...

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Lahad Datu sila.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Saya ingin penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri iaitu adakah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa di Laut Sulu di sebelah sempadan kita ada dibina 13 buah radar di pulau-pulau. Mengikut maklumat yang saya terima, daripada 13 buah radar ini hanya 8 sahaja yang berfungsi, 5 telah rosak dan telah lama rosak. Saya dimaklumkan bahawa ia rosak sebab terlalu *obsolete* dan tidak ada lagi *spare part* yang dijual untuk memperbaikinya. Jadi saya ingin bertanya, bilakah Kementerian Pertahanan akan menggantikan radar-radar yang rosak ini.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Kebetulan adalah merupakan Yang Berhormat Silam. Kebetulan peristiwa hitam itu berlaku di kawasan beliau. Saya mahu nyatakan di sini bahawa *ground* radar sistem itu sebenarnya diberikan secara percuma oleh Kerajaan Amerika kepada kita dahulu. Akan tetapi kita kena membuat banyak perubahan, kita yang membuat *mentainance* ataupun membuat yang *operate* radar tersebut. Saya tidak ada makluman tentang berapa banyak radar itu rosak, saya akan siasat dan maklumkan kepada Tuan Yang Berhormat. Akan tetapi apabila kita, selepas kejadian ini kita telah menubuhkan ESSCOM ataupun *Eastern Security*

Command. Dalam *Eastern Security Command* ini, di antara komponen yang penting ialah komponen ketenteraan.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Minta penjelasan

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat, komponen ketenteraan dan juga polis dan juga agensi-agensi yang lain. Di antara rancangan masa hadapan ESSCOM ataupun kawasan ESSZONE ini ialah untuk menambah baik peralatan-peralatan, meningkatkan *surveillance* untuk memastikan bahawa kawasan ini dapat dilindungi dengan lebih baik.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat saya rasa saya perlu perbetulkan kenyataan radar itu. Sebenarnya radar tersebut bukan milik kementerian pertahanan. Ia milik APMM agensi penguatkuasaan maritim Malaysia dan saya tidak percaya keupayaan warga tentera, keselamatan kita dengan adanya operasi Ops Pasir boleh membenarkan penceroboh-penceroboh daripada Kesultanan Sulu masuk ke Malaysia. Sebab itu saya telah nyatakan sebelum ini pun peristiwa di Lahad Datu boleh dipersoalkan. Boleh dipersoalkan oleh sebab sebagaimana sahabat saya daripada Pakatan Rakyat tadi mengatakan rundingan diadakan dahulu selama lebih kurang 3 minggu dan apabila peristiwa tembakan berlaku baru diambil tindakan. Peristiwa ini juga memberi tanda tanya kepada saya dari segi kawalan *command and control* ataupun pemerintahan dan kawalan.

Oleh sebab ia melibatkan dua organisasi yang berbeza. Mula-mula kita ada Ops Sulu, selepas Ops Sulu ada pula Ops Daulat, sekarang ini Ops Tegah pula kalau tidak silap saya. Jadi ini merupakan satu tindakan yang tidak diambil secara bersepadu. Jadi kita boleh lihat juga semasa peristiwa-peristiwa tersebut, ramai aktor atau pun bintang-bintang filem yang berlakon ada di peristiwa itu. Sedangkan sekiranya konflik yang berlaku sama ada ditangani oleh warga polis atau warga tentera tetapi kita lihat panglima-panglima yang turun merupakan Menteri-menteri. Menteri-menteri turun, menjadi panglima perang di Lahad Datu. Ini merupakan perkara yang ganjil. Kita tidak faham dan kita lihat Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Kita lihat di Sabah dan Sarawak kita ada organisasi tentera darat yang besar. Ada satu *division* di Sarawak, ada briged di Kota Kinabalu. Mengapa kita tidak gembelngkan tenaga-tenaga tentera ini untuk mengatasi warga Sulu yang dikatakan setakat 200 orang yang tidak mempunyai senjata-senjata berat. Dan lebih lagi, pada saya melucukan apabila kita gunakan jet untuk mengebom warga-warga Sulu yang berada di Tadau itu. Itu merupakan satu tindakan yang tidak wajar dan tidak cerdik di mana kita perlu lihat dan perlu atasi balik dan sebab itu kita kata Suruhanjaya Diraja mesti diadakan untuk menyiasat perkara ini. terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Lumut, yang tidak cerdik.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Yang Berhormat kalau boleh saya minta penjelasan juga.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang tidak cerdik itu adalah Yang Berhormat, kerana apabila krisis berlaku sebegitu kita mempunyai banyak pilihan. Salah satu pilihan apabila sahaja berlaku keadaan itu, pada ketika itu, kita menganggap ia sebagai isu keselamatan. Apabila ianya merupakan isu keselamatan dan telah diputuskan oleh pihak kepimpinan tertinggi bahawa apabila ia isu keselamatan ia harus di*handle* oleh pihak PDRM.

Dalam pada ketika itu Yang Berhormat pun tahu bahawa dalam peperangan pun kita ada undang-undang. Kita juga tertakluk kepada undang-undang peperangan. Kita juga tidak boleh bertindak sesuka hati. Apabila kita melihat bahawa ianya isu keselamatan, PDRM telah mengambil langkah-langkah terdahulu untuk menyelesaikan masalah itu. Mereka mengambil tindakan berunding dan memberikan *exit* kepada mereka. Peluang *exit*, *opportunity* kepada mereka tetapi malangnya perkara itu tidak berlaku dan apabila mereka menembak anggota VAT 69.

■1810

Selanjutnya di hari kedua, mereka melakukan serangan hendap kepada anggota-anggota polis di Semporna yang telah mengorbankan enam jiwa yang mungkin Yang Berhormat kata ini sandiwara. Kematian ini bukan suatu sandiwara dan perkara sebegini bukanlah suatu sandiwara. Mungkin Yang Berhormat sendiri tahu. Yang Berhormat adalah bekas pegawai tinggi tentera. Di kawasan ini pun seingat saya... [*Disampuk*] Kalau Yang Berhormat lihat sejarah tahun 1965, semasa konfrontasi berlaku juga serangan terhadap anggota tentera di Kalabakan. Yang Berhormat ingat?

Selepas itu, satu kejadian yang penting ialah pada tahun 1985 di Lahad Datu. *Practically* Lahad Datu *is totally in control*. Pada ketika itu mereka datang sebagai lanun. Mereka tidak ada niat-niat ataupun tidak menzahirkan niat mereka melainkan untuk menyerang Lahad Datu pada tahun 1985. Selepas itu berlaku penculikan di Pandanan dan Sipadan yang telah menyebabkan ramai daripada rakyat Malaysia yang telah ditahan, dibawa lari oleh kumpulan yang dipanggil Abu Sayyaf pada ketika itu.

Jadi kawasan itu memanglah kawasan yang sentiasa menghadapi ancaman keselamatan kerana *the distances* ataupun *border distances* itu adalah terlalu dekat. Mungkin Yang Berhormat sendiri tahu tetapi pura-pura tidak tahu sebab Yang Berhormat dahulu bekas *Navy*, *Navy Brigadier General*. Akan tetapi kerana politik, Yang Berhormat boleh bercakap benda-benda yang sebegini yang sewajarnya tidak dilakukan. [*Tepuk*] Sepatutnya sebagai bekas tentera, Yang Berhormat haruslah menyokong rakan-rakan Yang Berhormat, memberikan semangat kepada mereka. [*Tepuk*] Mereka mempertarungkan nyawa untuk mempertahankan negara ini sedangkan Yang Berhormat bermain politik, menjadi wakil rakyat...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Penjelasan. Yang Berhormat, penjelasan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Dengan menghentam rakan-rakan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar Yang Berhormat. *Let him finish*.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Jadi, saya fikir ini adalah satu tindakan yang tidak wajar dan saya tidak akan meneruskan. Saya akan meneruskan kepada satu soalan yang terakhir...

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Selayang bangun Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Iaitu berkaitan dengan perolehan LCS.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya, saya minta penjelasan tentang perkara ini.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak beri Yang Berhormat Selayang Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya tidak beri celah lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey. Duduklah Yang Berhormat Selayang.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sudah panjang sudah untuk isu itu. Untuk makluman Yang Berhormat, dakwaan Yang Berhormat Tanjong – sebab Yang Berhormat Tanjong ini baru. Apabila dia baru, dia tidak tahu apa yang dibincangkan di dalam Parlimen ini. Sebenarnya, isu berkaitan dengan LCS ini telah pun dibincangkan dengan panjang lebar di Dewan yang mulia ini malah beberapa taklimat bukan sahaja kepada Ahli Parlimen kerajaan, tetapi juga pembangkang telah diadakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang bangun tadi Yang Berhormat Stampin, bukan Yang Berhormat Tanjong.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang bangun tadi itu Yang Berhormat Stampin.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Stampin. Okey, minta maaf Yang Berhormat. Akan tetapi yang menyoal ini adalah Yang Berhormat Tanjong. Jadi, Yang Berhormat Tanjong tidak tahu bahawa kita telah pun menjelaskan bahawa peningkatan harga yang dikatakan kononnya meningkat daripada RM6 bilion kepada RM9 bilion bagi pembelian *littoral combat ship* (LCS) tersebut sebenarnya seperti mana yang telah dijelaskan pada 8 Mac 2011 oleh Menteri Pertahanan telah pun dijelaskan dengan sejelas-jelasnya bahawa sejumlah RM6 bilion telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan sebahagiannya lagi akan diperuntukkan pada Rancangan Malaysia Kesebelas. Kerajaan telah memutuskan bahawa projek ini, LCS ini, perolehan LCS ini adalah berjumlah RM9 bilion untuk enam buah kapal. Seperti mana yang kita tahu bahawa...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Mungkin Yang Berhormat pun sedia tahu bahawa LCS ini adalah *littoral combat ship* ataupun *second generation patrol vessel* yang mempunyai kemampuan bukan sahaja dalam soal kemampuan persenjataan meriam, *missile*, torpedo dan *sonar system*. Betul Yang Berhormat? Yang Berhormat adalah bekas *navy*.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Indah khabar dari rupa.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya cakap...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Indah khabar dari rupa.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ini saya cakap kontrak yang akan ditandatangani, ini pun belum mula lagi.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat, sebab itu perkara ini saya bangkitkan. Oleh sebab itu saya kata kita mesti ada dokumen yang memandu Kementerian Pertahanan untuk memperlengkapkan angkatan tenteranya. Sedangkan semasa saya berkhidmat, tiada dalam senarai *littoral combat ship*. Tidak ada. Kita memerlukan *27 patrol vessel* untuk mengawasi pelantar-pelantar kita termasuklah yang di Sabah dan di Sarawak. Itu aset yang penting untuk menjaga aset-aset kita di lautan EAZ. Akan tetapi sebaliknya baru buat enam biji Tuan Yang di-Pertua, telah ditukar *brand* kepada LCS. Sudahlah harganya sampai melebihi RM6 bilion. Saya kata, "*Kita hendak buat apa ini? LCSkah, destroyerkah ataupun frigate?*".

Jadi sebab itu, sekali lagi saya terangkan Tuan Yang di-Pertua supaya Kementerian Pertahanan mewujudkan dokumen supaya dapat mengawal warga Kementerian Pertahanan termasuk Menteri juga untuk menguruskan perolehan-perolehan peralatan perang. Kalau boleh, buat rundingan terbuka ataupun rundingan terhad ataupun tender terhad. Apabila kita cakap peralatan kelengkapan, alasan yang diberikan ialah peralatan Kementerian Pertahanan rahsia, pertahanan negara rahsia. Sedangkan kita tahu kapal selam, seluruh dunia ada kapal selam. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh sahabat kita, dua *submarine* kita bukan guna untuk menjaga terumbu ataupun menjaga nelayan ataupun menjaga platform kita. Ia merupakan *strategic asset* sebagaimana Yang Berhormat kata tadi, *deterrent* sebagai peralatan untuk mencegah, menakutkan musuh kita.

Akan tetapi, saya inginkan ingatkan bahawa saya tahu berapa hari sepatutnya kapal selam itu beroperasi di laut dan berapa hari sepatutnya berada di Sepanggar Bay sebab itu sahabat kita lihat sepanjang masa ada di Sepanggar Bay. Ini mungkin ada kebenarannya kalau ada masalah teknikal tetapi kita harapkan, kita berdoa supaya warga tentera kapal selam kita itu akan selamat dan dapat beroperasi dan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai aset *deterrent* kepada negara. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sekali lagi ingin mewujudkan persepsi terhadap Angkatan Tentera Malaysia khususnya tentang pembelian

aset-aset ini. Seperti mana yang ingin saya jelaskan di sini, mungkin Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa apabila APMM ataupun *costal guard* telah ditubuhkan sebagai mereka mempunyai tanggungjawab seperti polis di laut, penguat kuasa di laut, *costal guard* yang bertanggungjawab dalam banyak kerja misalnya untuk mencegah *human trafficking*, untuk mencegah penyeludupan, untuk mencegah nelayan-nelayan yang masuk ataupun kuasa-kuasa polis di laut. Maka kerajaan pada ketika itu apabila kita mewujudkan APMM, kita telah menyerahkan 17 daripada *ships*. Mungkin Yang Berhormat pun tahu.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Kita beri kepada APMM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat tidak perlu tanya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Betul. Saya setuju. Sudah diberi sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tanya, dia bangun. Tidak perlulah tanya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Itu kita hendak 21 *patrol vessel* sebagai menggantikan kapal-kapal kecil yang kita serahkan kepada APMM.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Oleh sebab itu kita tuntut supaya projek pembuatan PV ini diteruskan sehingga 21 buah ataupun 27 buah tetapi telah ditukarkan ke LCS. Ini yang menjadi tanda tanya saya.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat tentang LCS ini. Seperti mana yang kita telah buat pada tahun 1995, kita menswastakan VNS atau kita menswastakan *shipping dockyard*. Pada ketika itu dalam perjanjian penswastaaan, kita harus memberikan peluang kepada mereka untuk membina sekurang-kurangnya 27 *ships*. Mungkin ini adalah merupakan dokumen. Pada ketika itu kita telah pun untuk fasa pertama kita telah pun *roll out* enam buah *ships* yang telah pun siap, yang telah pun beroperasi iaitu OPV (*Offshore Patrol Vessel*) dan telah pun disiapkan pada beberapa tahun yang lalu. Saya tidak ingat *exactly* tahun berapa.

Akan tetapi dalam perolehan kedua ini, memandangkan bahawa kita harus bukan sahaja membina satu *patrol vessel* tetapi ia haruslah mempunyai keupayaan yang lebih untuk menyokong sistem kapal selam kita. Contohnya kita harus mewujudkan *frigate vessel*, *frigate class* iaitu LCS (*Littoral Combat Ship*) iaitu mempunyai keupayaan yang lebih. Bukan sahaja daripada segi keupayaan kelajuan dan juga saiz tetapi juga keupayaan daripada segi persenjataan.

OPV yang dulu itu dia tidak ada. Dia cuma ada meriam sahaja. Torpedo tidak ada, *missile* tidak ada. Salah satu daripada elemen baru yang akan kita masukkan dalam *Littoral Combat Ship* (LCS) ini ialah sonar sistem yang boleh mengesan *submarine*.

Jadi ini adalah merupakan satu aset yang penting. Sebahagian besar negara membeli *frigate* sekarang. Amerika, Korea dan Taiwan, mereka membeli dan mendapatkan aset-aset ini.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Perkara yang penting yang saya ingin nyatakan ini...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Saya ringkas.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Perkara yang saya ingin nyatakan di sini bahawa *frigate* ini adalah juga sebenarnya kita harus berbangga kerana walaupun pembinaannya belum bermula dan baru di peringkat awalan, tetapi ia akan dibina oleh syarikat tempatan iaitu *Boustead Naval Shipyard* (BNS) iaitu merupakan satu syarikat yang dimiliki oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Yang Berhormat pun sedia maklum ia adalah merupakan satu GLC kerajaan yang komited untuk membangunkan industri pertahanan negara. Kita tidak beli begitu sahaja. Kita membina keupayaan. BNS telah pun berkeupayaan mengeluarkan enam OPV yang telah pun sekarang berjalan dan keupayaannya baik dan ini membuktikan bahawa sehingga apabila kita mahu menjadi sebuah negara maju, di antara industri yang penting untuk kita majukan ialah *heavy industry* yang berasaskan kepada teknologi yang mungkin pada ketika ini kita memperlekehkan mereka tetapi satu hari mungkin mereka menjadi pemain yang penting. Kalau tidak di dalam dunia tetapi sekurang-kurangnya di kawasan Asia Tenggara.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Seperti mana juga Indonesia, mereka juga terlibat dalam industri pertahanan untuk mengeluarkan pesawat-pesawat tentera. Mungkin Yang Berhormat sedia maklum tentang perkara ini. Inilah hasrat kita sebagai sebuah negara membangun untuk satu hari nanti, kita mahu menjadi pemain yang penting. Kalau kita lihat 30 tahun hingga 40 tahun yang lalu, Malaysia tidak ada keupayaan dalam bidang pembinaan misalnya. *Civil engineering* pun kita tidak ada keupayaan. Malah kita terpaksa memanggil Korea dan Jepun untuk membina bangunan-bangunan kita tetapi disebabkan adanya pendedahan-pendedahan ini, *transfer technology, transfer expertise*, akhirnya sekarang Malaysia sudah di seluruh dunia menjadi pembina-pembina...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, sebab itu saya ingin menegur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Menteri mengatakan kita hendak membangunkan industri pertahanan negara. Bagaimana kita hendak bangunkan industri pertahanan negara kalau kita buat satu kelas kapal, baru buat enam biji, kita sudah tukar jenama lain. *Learning circle* itu akan terus bermula. Tahukah Yang Berhormat Menteri berapakah harga ataupun kos untuk *design* atau reka bentuk kapal yang baru? Ia melibatkan kos sedangkan PV dulu nilainya lebih kurang RM200 juta *design* untuk reka bentuk *petrol vessel* (PV) itu, bukan OPV. Tentera laut panggil *petrol vessel*.

Sebab itu saya kata kita seharusnya pembinaan ke 27 biji. Apabila kita sudah pakar, insya-Allah kita boleh pasarkan aset kita. PV merupakan aset yang baik untuk kegunaan memelihara platform ataupun menjaga pelantar minyak kita. Insya-Allah dengan cara itu kita boleh mempertingkatkan industri pertahanan negara khususnya dalam pembinaan kapal. Akan tetapi sekiranya telah ditukar dengan jenama lain, maka saya bimbang *learning circle* ataupun pembelajaran akan terus bermula semula.

Contohnya senjata kecilnya, Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Saya bertemu dengan rakan-rakan yang sedang membuat penerimaan *cobain* M40 sedangkan sebelum ini kita guna *stier* yang dibuat oleh SME di Batu Arang. *Stier* pun kita tidak boleh buat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: *Cobain* M40 pun kita tidak terbuat lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: ...Kita beli. Jadi apa hendak cerita industri pertahanan negara?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Panjang lagikah Yang Berhormat Menteri?

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Saya ingat Yang Berhormat Menteri boleh tengok dalam... Terima kasih.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, sila bagi saya penjelasan tentang OPV.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya telah bagi Yang Berhormat. Ini yang terakhir untuk saya jawab dan saya akan tutup. Saya ingin nyatakan di sini bahawa...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Ahli Yang Berhormat, boleh saya menjelaskan tentang OPV.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menjelaskan? Minta penjelasan, Yang Berhormat. Tidak boleh menjelaskan.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Ini kerana ini perkara *offshore petrol vehicle* (OPV) sebab dulu saya Timbalan Menteri biasa. Selepas itu George Soros punya krisis, Tun Daim sebagai Menteri Kewangan bagi kontrak ini kawan baiknya – PSC Shipyard. Selepas itu projek ini, RM5.2 bilion sudah lewat. Pada masa itu, *I think* lebih kurang 2005, *Public Accounts Committee* yang dipengerusikan Tan Sri Shahrir, saya sebagai ahli, panggil Kementerian Pertahanan. Kita pun pelik bagaimana pihak Barisan Nasional khususnya UMNO buat *business*. Ini kerana kita minta apa sebab itu projek lewat dan walaupun satu kapal belum diterima oleh kerajaan, jumlah *first* deposit RM1 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Selepas itu RM3.8 bilion sudah dibayar oleh kerajaan tetapi satu kapal pun belum terima. Sekarang kos *overrun* RM7 bilion. Sebab itu rakyat marah. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya hendak jawab tentang Yang Berhormat tadi tentang industri pertahanan ini. Seperti mana saya – mungkin Yang Berhormat memperlekehkan tentang usaha-usaha yang telah dibuat oleh kerajaan. Memang pun begitu. Pihak pembangkang dari dahulu pun macam itu. Waktu kita mahu buat *North-South Highway* pun dia tentang, kita buat Jambatan Pulau Pinang pun dia tentang, kita buat Proton pun dia tentang. Kita buat Putrajaya, dia hendak ambil Putrajaya sekarang.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: [*Bangun*]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa apa yang kita lakukan ini adalah untuk kepentingan negara. Seperti mana yang kita tahu bahawa kita hendak menjadi negara maju. Apabila kita menjadi negara maju, apa matlamat kita? Kita hendak memperkukuhkan di dalam semua bidang dan industri. Bukan kita hanya boleh buat kasut, boleh buat baju dan sebagainya tetapi kita hendak industri berteknologi tinggi – *heavy industry* seperti mana kita mempunyai kemampuan sekarang. Mungkin Yang Berhormat dari Wangsa Maju kata kita tidak ada keupayaan. Yang Berhormat cakap itu sebenarnya sudah pun siap. Yang telah membina BNS telah pun membina enam kapal OPV itu pun sudah siap walaupun memang tidak dinafikan terdapat peningkatan kos. Ia kerana berlaku dari segi peningkatan harga bahan mentah dan juga berlaku peningkatan dari segi *foreign exchange* khususnya euro pada ketika itu.

Ia telah pun dinilai dan dipertimbangkan untuk membolehkan OPV itu selesai dan ia telah pun dapat digunakan sebaiknya oleh pihak TLDM.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, berilah sokongan sebagai penutup kepada segala usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan. Kerajaan, mungkin kita melihat bahawa RM9 bilion itu adalah satu jumlah yang besar tetapi cuma USD3 bilion. USD3 bilion. Perbelanjaan negara kita sebenarnya dalam bidang pertahanan adalah begitu rendah. Saya tidak tahu berapa *percent*

sekarang tetapi keutamaan kita adalah dalam bidang pendidikan di mana kita membelanjakan lebih daripada 20% perbelanjaan negara untuk pendidikan manakala dalam bidang persenjataan dan kelengkapan ini, sebenarnya ramai juga rakan-rakan Yang Berhormat Lumut di angkatan tentera ini merungut kerana banyak juga aset-aset mereka yang masih ketinggalan zaman yang perlu pembaharuan.

■1830

Mungkin Yang Berhormat sedia maklum bahawa satu-satu kapal misalnya *life spannya* dalam 20 atau 25 tahun. Selepas 25 tahun kita kena tukar baru. Begitu juga jet pejuang dalam *life spannya* 15 tahun atau sebaik pun 20 tahun dan kita harus tukar. Penukaran ini adalah sesuatu yang akan berlaku sentiasa dan apabila kita katakan setiap kali kita tukar bahawa kita sebenarnya melakukan amalan-amalan yang tidak baik. Ini akan menyebabkan negara kita, *I feel sorry* kepada negara kita kalau sekiranya perkara ini sentiasa berlaku. Kerajaan komited untuk meningkatkan keupayaan pertahanan negara kita dengan kos yang berpatutan dan tidak akan membelakangkan kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Kementerian Kerja Raya.

6.31 ptg.

Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang melibatkan bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Bagi pihak kementerian saya sememangnya amat mengalu-alukan sebarang pandangan, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh seramai 31 Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Untuk memudahkan Ahli-ahli Yang Berhormat mengikuti isu-isu yang telah dibangkitkan saya akan membahagikan ucapan penggulungan saya ini kepada lima isu utama iaitu isu berkaitan hal ehwal jalan persekutuan termasuk pembangunan projek baru untuk jalan, jambatan mahupun bangunan persekutuan, isu jalan-jalan utama di Pantai Timur, cadangan projek menaik taraf jalan raya Borneo dan jalan perhubungan di Sabah dan Sarawak, isu-isu kes keruntuhan projek-projek awam dan juga isu berkaitan lebuhraya bertol. Manakala isu-isu lain yang dibangkitkan selain daripada perkara ini akan turut disentuh dan dijawab sebaik mungkin dalam sesi penggulungan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu berkaitan dengan permohonan projek baru atau naik taraf sama ada melibatkan jalan, jambatan atau bangunan persekutuan. Di sini saya akan hanya menyebutkan nama-nama Ahli Yang Berhormat yang bangkitkan cuma saya tidak akan detilkan permohonan mereka. Saya mengharapkan Tuan Yang di-Pertua bersetuju supaya nanti saya edarkan kepada sekretariat

Parlimen untuk menyenaraikan senarai projek yang akan diberikan secara bertulis sebagai rekod di Dewan yang mulia ini iaitu Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Kangar dan juga Yang Berhormat Sik yang telah pun memohon projek-projek tertentu khusus yang akan saya maklumkan kepada Dewan yang mulia secara bertulis nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat dan Ahli Parlimen saya amat memahami tentang harapan tinggi oleh para pengundi dan orang ramai di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu untuk melihat projek infrastruktur seperti jalan-jalan perhubungan dilaksanakan di kawasan mereka. Sememangnya projek pembinaan atau naik taraf jalan raya diakui bakal menjana dan merancakkan sosioekonomi serta dapat meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan para pengguna.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat semua projek dibangkitkan itu telah dicatat dan diambil perhatian oleh kementerian. Permohonan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diberikan pertimbangan untuk dimasukkan dan perancangan senarai projek kementerian ini di bawah *rolling plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan seterusnya mengikut kriteria dan keutamaan sesuatu projek itu. Oleh itu, saya tidak berhasrat untuk menjawab secara terperinci setiap projek yang dibangkitkan itu kerana ia akan mengambil masa yang agak panjang.

Pada kesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk menjelaskan secara umum tentang perkara dasar berhubung dengan pelaksanaan pembangunan jalan raya di negara ini. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan perancangan bagi membina jaringan jalan dan lebuh raya di seluruh negara adalah berpandukan kepada *blueprint* pelan induk pembangunan rangkaian lebuh raya atau lebih dikenali sebagai HNDP dengan izin Highway Network Development Plan. Laporan HNDP bagi semenanjung Malaysia telah diterbitkan pada tahun 2008 dan HNDP untuk Sabah dan Sarawak serta Labuan pada 2010. Antara lain sememangnya telah menggariskan cadangan pelaksanaan projek-projek jalan yang akan dilaksanakan dalam setiap rancangan lima tahun kerajaan bermula dari rancangan Malaysia Kesepuluh. Secara umum, ringkasan hala tuju HNDP untuk pembangunan sistem rangkaian jalan di negara ini boleh dirangkumkan seperti berikut:

- (i) Memperkukuhkan rangkaian jalan raya yang menghubungkan antara Utara-Selatan di Pantai Barat dan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia;
- (ii) membina dan menaik taraf jaringan jalan raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak;
- (iii) mempertingkatkan perhubungan dan pergerakan antara Pantai Timur dengan Pantai Barat di Semenanjung Malaysia;
- (iv) memperluaskan kebolehcapaian atau *accessibility* jalan perhubungan di Sabah dan Sarawak khususnya ke kawasan Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak;

- (v) mempertingkatkan kebolehcapaian atau *accessibility* jalan perhubungan intra dan inter koridor di Semenanjung Malaysia iaitu Wilayah Pembangunan Koridor Utara, Timur dan Selatan; dan
- (vi) memperbaiki dan meningkatkan rangkaian jalan raya utama semenanjung Malaysia sebagai tulang belakang ataupun dengan izin Central Spine.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun dokumen HNDP ini dianggap sebagai sumber rujukan utama bagi membangunkan sistem rangkaian jalan raya di negara ini, namun ia tidaklah begitu *rigid* seolah-olah tiada ruang langsung untuk projek-projek baru lain yang tidak termasuk dalam syor dokumen berkenaan. Hakikatnya hanya lebih kurang 60% sahaja projek-projek jalan raya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini mengikuti syor HNDP. Manakala 40% lagi adalah projek-projek yang tiada dalam perancangan asal HNDP tetapi diluluskan oleh kerajaan setelah berunding dan mengambil kira pandangan daripada semua pihak khususnya rakyat sebagai *the end users*, dengan izin. Ini bertepatan dengan prinsip kerajaan iaitu *Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga projek-projek yang dibangkitkan oleh Ahli- Yang Berhormat terletak di luar bidang kuasa kementerian ini sebagai contoh Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah membangkitkan permohonan cadangan projek membina Jambatan Manong, perak. Projek ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Begitu juga dengan beberapa Ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak seperti Ahli Yang Berhormat dari Hulu Rajang di mana senarai jalan-jalan yang dipohon atau dicadangkan merupakan jalan luar bandar di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Walaupun begitu, kami akan mengambil perhatian pada segala permohonan tersebut dan akan dipanjangkan kepada kementerian yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari negeri-negeri Pantai Timur seperti Ahli Yang Berhormat dari Bachok, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat Pasir Puteh telah membangkitkan mengenai projek jalan perhubungan utama di negeri-negeri berkenaan. Antara projek-projek tersebut ialah projek menaik taraf Jalan Kota Bharu – Kuala Krai, Jalan Central Spine dari Bentong ke Kuala Krai, Jalan Simpang Pulai, Lojing Gua Musang, Kuala Berang, Lebuhraya Pantai Timur Fasa ke-2 di Terengganu, cadangan fasa ke-3 di Kelantan dan beberapa cadangan projek baru atau naik taraf jalan antara bandar.

Di sini saya tidak berhasrat untuk mengulangi semula jawapan saya mengenai isu projek menaik taraf Jalan Persekutuan Central Spine khususnya melibatkan jajaran Kota Bharu dan Kuala Krai. Ini kerana saya telah pun memberikan penjelasan mengenai projek tersebut semasa sesi soal jawab lisan di Dewan ini pada minggu lalu iaitu 2 Julai 2013.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan tentang Projek Simpang Pulai–Lojing Gua Musang–Kuala Berang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

pada masa kini laluan jalan dari Simpang Pulai ke Kuala Betis-Gua Musang sepanjang lebih kurang 155 kilometer telah siap dibina kecuali untuk pakej yang kesembilan dari Kuala Betis ke Gua Musang.

Walaupun bagaimanapun, laluan dari Gua Musang ke Kuala Berang masih terdapat satu pakej yang sedang dalam peringkat pembinaan dan tiga pakej masih dalam peringkat perancangan. Pakej yang sedang dalam peringkat pembinaan ialah pakej 6A Aring ke sempadan Terengganu yang dijangka siap pada suku pertama tahun 2014.

■1840

Manakala pakej-pakej yang sedang dalam peringkat perancangan pula melibatkan Pakej 8, Kampung Teris ke Kuala Telemung fasa 2 dan fasa 3. Pakej 7C, Kuala Jeneris ke Tasik Kenyir dan Pakej 9, Jalan Kuala Betis ke Gua Musang. Ketiga-tiga pakej ini telah dimasukkan dalam senarai permohonan kepada agensi pusat untuk kelulusan.

Ahli Yang Berhormat Dungun telah membangkitkan status pembinaan Lebuh raya Pantai Timur di Terengganu. Manakala Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa telah membangkitkan isu cadangan pembinaan Lebuh raya Pantai Timur Fasa ke-3 iaitu di Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2013, kemajuan fizikal keseluruhan projek Lebuh raya Pantai Timur Fasa 2 di Terengganu yang dikenali sebagai LPT2 telah siap 88%. Projek ini mengalami kelewatan akibat masalah penamatan 10 daripada 16 pakej utama dan ia terpaksa melalui proses tender semula.

Pada masa kini, pakej-pakej yang ditender semula itu telah diawak dan kerja-kerja pembinaan fizikal sedang giat dijalankan. Oleh itu keseluruhan projek LPT2 ini dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2014. Walaupun begitu, LPT2 telah dibuka secara berperingkat pada lalu lintas bagi jajaran sebelah utara yang telah disiapkan iaitu dari persimpangan bertingkat Bukit Besi ke persimpangan bertingkat Kuala Terengganu sepanjang 72 kilometer. Manakala untuk pakej-pakej lain khususnya jajaran sebelah selatan, ia akan dibuka secara berperingkat sehingga keseluruhan projek ini disiapkan kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan kajian kemungkinan cadangan pembinaan Lebuh raya Pantai Timur Fasa 3 negeri Kelantan ataupun akan dikenali sebagai LPT3. Kajian yang disiapkan pada tahun 2009 itu antara lain telah mengenal pasti cadangan jajaran laluan yang terlibat dari Kampung Gemuruh Kuala Terengganu hingga ke Pengkalan Kubor Kelantan sepanjang 147 kilometer. Anggaran kos untuk melaksanakan projek ini ialah sebanyak RM3.5 bilion. Pada masa kini cadangan projek tersebut masih dalam peringkat pertimbangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pelaksanaan Projek Jalan Raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak telah menarik perhatian ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan tempoh hari. Antaranya Ahli Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang

Berhormat Limbang, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Sandakan dan juga Yang Berhormat Kanowit.

Untuk makluman Ahli Dewan, jalan raya Pan Borneo merupakan rangkaian jalan utama yang menghubungkan Sarawak, negara Brunei dan Sabah. Projek jalan raya Pan Borneo ini telah dimulakan pada tahun 1963 iaitu sebaik sahaja Persekutuan Malaysia dibentuk. Pada peringkat awal, sebahagian besar jalan raya Pan Borneo ini terdiri daripada batu kelikir atau *gravel* sahaja. Kerja-kerja untuk menaik taraf dan menurap keseluruhan jalan raya Pan Borneo telah dimulakan pada tahun 1968 menerusi Rancangan Colombo atau pun *Colombo Plan*, dengan izin.

Bermula tahun 1973 barulah kerja-kerja turapan menggunakan kaedah *flush ceiling* dibuat dan disiapkan pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Hari ini jalan raya Pan Borneo bermula dari Sematan di bahagian barat negeri Sarawak melalui Bandar Kuching, Serian, Sri Aman, Sarikei, Sibul, Bintulu, Miri, Limbang, Lawas dan seterusnya bersambung ke negeri Sabah melalui Sipitang, Beaufort, Papar, Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Serudong di sempadan Kalimantan.

Keseluruhan jarak jalan raya Pan Borneo ialah sepanjang 2,239 kilometer di mana keseluruhan jalan tersebut telah berturap. Daripada jumlah tersebut setakat ini kerajaan telah bersedia menaik taraf laluan sepanjang 248 kilometer kepada laluan empat lorong ataupun kemungkinan sehingga enam lorong dua hala manakala bakinya masih di tahap dua lorong dua hala atau *single carriage way* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana telah saya sebutkan tadi perancangan untuk membina dan menaik taraf jalan di seluruh negara berdasarkan laporan Pelan Induk Kajian Pembangunan Rangkaian Lebuhraya atau *Highway Network Development Plan*. Laporan HNDP untuk negeri Sabah, Sarawak dan Labuan atau dikenali sebagai HNDP Fasa ke-2 yang diterbitkan pada tahun 2010. Laporan tersebut antara lain telah mencadangkan supaya Jalan Pan Borneo dinaikkan taraf pada laluan *dual carriage way* secara berperingkat-peringkat bermula dari 2011 hingga 2025.

Pembinaan secara berperingkat ini dibuat setelah mengambil kira kos keseluruhan projek yang tinggi iaitu dianggarkan sebanyak RM22 bilion iaitu RM12.5 bilion di Sarawak dan RM9.5 bilion di Sabah. Pada masa kini Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak sedang merancang untuk menaik taraf dan membina jalan Pan Borneo bagi tempoh *rolling* pelan keempat iaitu 2014 hingga 2015. RMKe-10 dan seterusnya. Projek ini akan dilaksanakan berfasa mengikut senarai keutamaan, jajaran yang telah dikenal pasti.

Antara segmen atau jajaran Pan Borneo di Sarawak yang akan mula dinaikkan taraf ialah dari Sibul, Bintulu dan Miri sepanjang 400 kilometer dan Serian, Sri Aman, Betong sepanjang 315 kilometer. Manakala di Sabah pula antaranya ialah melibatkan laluan dari Lahad Datu ke Tawau sepanjang 150 kilometer. Projek-projek baru ini merupakan tambahan kepada peruntukan yang sedia ada sebanyak RM457 juta yang telah diluluskan oleh kerajaan dalam RMKe-10 untuk jalan raya Pan Borneo. Ini melibatkan skop membaiki pulih jalan, membina lorong-lorong memotong,

rawatan kawasan-kawasan kemalangan ataupun dengan izin *blackspot* dan menaikkan aras jalan-jalan yang sering dilanda banjir.

Di samping itu kerajaan juga pada bulan Jun 2013 yang lalu telah bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM400 juta bagi membina jalan raya yang menghubungkan Kapit, Song dan Kanowit. Skop projek ini termasuk membina sebuah jambatan baru melintasi Sungai Kanowit dan membina Jalan Song - Sungai Yong. Pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang kini sedang melaksanakan fasa pertama melibatkan jalan Kapit hingga ke Song.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta penjelasan.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru bangun dan Yang Berhormat Tuaran bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat Tuaran dahulu, kemudian.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Penjelasan. Adakah jalan raya yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu daripada Belegung ke Telipok iaitu menghubungi Tuaran dan Ranau sebahagian daripada jalan raya Pan Borneo iaitu sebanyak RM300 juta. Kalau ya, adakah ini satu jalan raya yang baru ataupun menaik taraf jalan raya yang sedia ada iaitu daripada Ranau ke Tamparuli, soalan saya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya tentang RM22 bilion Pan Borneo Highway yang dinaiktarafkan ke *dual carriage way*. Adakah ia akan menjadi *toll road* atau kerajaan akan membiayai, terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Satu soalan boleh? Pendek sahaja.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Petaling Jaya Selatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya soalan pendek?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dahulu Yang Berhormat, kemudian Yang Berhormat.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Tentang jalan Pan Borneo yang menghubungkan Miri, Limbang ke Sabah itu. So bagaimana, adakah ia melintasi Brunei atau Kalimantan dan berapa kos yang dikenakan? Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat, ada tak kementerian bercadang untuk membuat *dual carriage way* daripada simpang Senai-Desaru Highway di Bandar Penawar ke simpang Kampung Makam di Kota Tinggi sebab Pengerang itu akan memerlukan lebih 100,000 sokongan. Jadi Kota Tinggi akan menjadi zon

sokongan untuk makanan dan juga guna tenaga. Jadi minta dimasukkan *dual carriage way* sepanjang 35 kilometer, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dari Pan Borneo ke Kota Tinggi, Yang Berhormat. Jauh perjalanannya.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Ya jauh kita mungkin kena adakan satu jambatan atau ada *undersea* Tanah Semenanjung ke Sabah dan Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya tadi soalan sama ada lalu Kalimantan ke Sarawak.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Dengan izin, Menteri.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Sekejap, biar saya. Kemudian saya akan buka. Untuk Yang Berhormat Kota Tinggi, ini merupakan permohonan yang khusus. Maka saya akan mengambil maklum seperti mana yang saya katakan dalam pembuka perbahasan tadi untuk memberi ruang dan menyampaikan apa sahaja hasrat yang dikemukakan dalam Dewan ini untuk mengikuti proses permohonan yang sedia ada sama ada untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia yang telah dirancang ataupun melalui *rolling plan* dan kalau ada kelulusan khusus melalui ICU dan sebagainya, sudah pastinya ia akan diambil maklum dan diambil tindakan.

Untuk Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan sama ada Pan Borneo yang menghubungkan Miri ke Limbang akan melalui masuk ke Brunei atau melalui Kalimantan maka keputusannya sebagaimana kita sedia maklum kalau kita hendak melalui negara lain, pekerjaannya agak susah.

■1850

Maka sudah pasti kita akan mengambil jajarannya mengikut negeri kita sendiri. Oleh sebab itu saya katakan tadi sebahagiannya kita sedang memperincikan permohonan ini untuk dibincangkan dengan kerajaan negeri sebab kerajaan negeri yang berkuasa di atas tanah. Kita kena bincangkan supaya jajaran itu akan dapat dimuktamadkan. Sebagaimana saya katakan tadi sebab itu keutamaan kita berikan ialah apa yang saya katakan dalam perbahasan ini tadi iaitu Sibu-Bintulu dan Miri manakala di peringkat Miri ke Limbang itu memang sudah ada cuma belum dimuktamadkan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Bukan, dari Miri ke Sabah.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Saya faham, sebab itu daripada Limbang akan ke Lawas. Lawas akan masuk balik ke Sabah. Itu jajarannya. Memang jalannya sudah sedia ada cuma yang belum ada kepastian ialah daripada Miri-Limbang ke Lawas. Ini kerana Limbang kita kena melalui Brunei sekarang ini dan sebab itu laluan yang kita kaji sekarang akan dimuktamadkan setelah kita bincangkan dengan kerajaan negeri. Oleh sebab itu anggaran yang saya katakan tadi, keseluruhan projek itu kalau kita hendak lakukan mengikut apa yang dirancang, di Sarawak sahaja akan menelan belanja RM12.8 bilion. Keseluruhannya ialah RM22 bilion termasuk kalau kita masukkan ke Sabah dan sebagainya sebab ia mengambil *detail* penelitian dari segi kos dan juga jajaran supaya kita dapat memastikan yang kos lebih efektif dan sebagainya.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Tunggulah, belum sampai. Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pengerang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Sekejap, saya belum sampai selesai sebab ada Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Tuaran lagi. Yang Berhormat Bayan Baru bertanya sama ada ianya akan dikenakan tol ataupun tidak? Kita memang akan mempertimbangkan. Setakat ini keputusannya ialah melalui peruntukan kerajaan dan bila peruntukan kerajaan maka tiada tol yang akan diadakan. Untuk Yang Berhormat Tuaran, seperti mana yang dikatakan tadi, saya akan mengambil tindakan yang serupa daripada Yang Berhormat Tuaran untuk mengambil maklum dan akan dikemukakan kepada ICU sebab semua yang diumumkan melalui Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri akan diuruskan melalui ICU yang akan menetapkan. Manakala kementerian kami memberi khidmat dari segi teknikal dan Yang Berhormat Pengerang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Menteri. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi ya kerana menimbulkan soalan berkenaan dengan masa depan yang akan berlaku di dalam kawasan Pengerang dan juga Kota Tinggi. Dengan izin Menteri, saya hendak tanya Menteri berkenaan dengan situasi, contohnya di Pengerang, yang mana keadaan jalan begitu teruk disebabkan oleh kemasukan lori-lori besar disebabkan oleh projek RAPID. Jadi, siapakah yang bertanggungjawab untuk menaik taraf jalan-jalan ini? Adakah ia di bawah kerajaan? Kalau bawah kerajaan, boleh atau tidak diwujudkan satu pendekatan yang baru supaya kontraktor-kontraktor besar yang berjuta ringgit ini, bila mereka mendapat kontrak yang besar, mereka juga perlu sama-sama bertanggungjawab untuk menaikkan taraf kepada jalan-jalan yang telah dirosakkan akibat persediaan kepada satu projek kerajaan yang besar. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang, satu cadangan yang baik. Saya kira cuma dalam penyelenggaraan jalan, ianya bergantung dengan siapakah tuan punya jalan tersebut. Kalau di bawah jalan persekutuan, maka sudah pasti Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya ataupun JKR bertanggungjawab untuk penyelenggaraan. Di mana sebagaimana kita ketahui dalam aspek penyelenggaraan kita telah pun ada syarikat-syarikat konsesi yang bertanggungjawab untuk menyelenggarakan jalan-jalan mengikut zon yang ditetapkan.

Manakala kalau kita dapat perkenalkan, maknanya melibatkan kontraktor-kontraktor ataupun syarikat-syarikat gergasi yang terlibat dalam pembangunan di kawasan. Disebabkan kekuatan jalan yang sedia di setengah-setengah tempat tidak dapat menampung kekuatan ataupun berat jentera. Kalau mereka dapat terlibat bersama, sama ada melalui CSR ataupun melalui perancangan sebab ianya memberi manfaat kepada mereka untuk menaik taraf jalan

tersebut daripada jalan yang sedia ada kepada tahap yang boleh mampu untuk menampung pembangunan di situ. Mungkin boleh kita ambil kira untuk kita berbincang dengan syarikat-syarikat ataupun *developer* ataupun syarikat-syarikat yang terlibat pembangunan di kawasan-kawasan itu. Satu cadangan yang amat baik Yang Berhormat Pengerang, yang akan kita ikuti untuk dibincangkan dengan badan-badan yang terlibat tersebut.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gombak bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Sandakan.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat Gombak kemudian Yang Berhormat Sandakan, kemudian saya hendak beralih kepada soalan seterusnya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Lanjutan daripada cadangan Yang Berhormat Pengerang tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan kemungkinan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sandakan duduk dulu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Kemungkinan meminta pihak pemaju ataupun kontraktor melalui program CSR untuk menyumbang bagi menaik taraf jalan-jalan berkenaan. Saya kira pendekatan yang lebih berkesan ialah sekiranya kerajaan bersetuju untuk mengenakan *capital contribution* kepada mereka yang terlibat dalam pembangunan di sesebuah kawasan. Kalau hendak dilihat daripada pemilikan jalan raya sama ada jalan persekutuan ataupun jalan negeri ataupun jalan PBT, ianya mungkin sukar kerana pergerakan lori. Mungkin dia bergerak daripada jalan persekutuan ke jalan negeri, masuk jalan kampung dan jalan PBT.

Apakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengenakan *capital contribution* supaya ada satu *charge* yang ditetapkan, yang lebih konsisten bagi semua pemaju-pemaju yang terlibat. Untuk mereka menyumbang bagi pembangunan infrastruktur di sesebuah kawasan, maka pemaju juga dapat menilai kos yang akan terlibat dalam sesebuah projek dan ianya dapat memberikan perancangan yang lebih tepat dan unjuran yang lebih efektif daripada kos pembangunan di sesebuah kawasan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, satu soalan saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri ini. Tentang perkara ini, Sandakan ada satu *Southern Ring Road* yang dari Bandar Indah sambung ke Pasir Putih dan sambung balik ke dewan masyarakat. Ini satu program yang telah dirancang 20 tahun. Selepas itu, semasa Barisan Nasional rampas kuasa dari PBS. Kemudian, satu rancangan yang 7.2 kilometer jajaran jalannya termasuk 1.7 kilometer yang menaik taraf jalan sedia ada.

Akan tetapi pada masa itu, selepas dirasmikan dan merancang jalan itu, satu kilometer sahaja yang dibina. Sampai sekarang, ini kita pun tidak tahu berapa kali sudah dan Barisan Nasional masih kukuh di sana. Ini satu program yang tidak ada apa-apa tetapi kali ini, sebelum

pilihan raya ke-13, ada satu kilometer lagi dilanjutkan sampai... begitu. Jadi, kita punya Yang Berhormat minta tidak ada... yang memberi rasmi lagi, satu kilometer punya. Sampai masa ini, sehingga kini belum lagi *complete*. Jadi, saya mahu tanya, rancangan jalan ini masih ada atau tidak? Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sandakan ialah perkara baru yang tidak timbul sesi perbahasan, namun saya akan mengambil maklum...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia bercakap fasal – Yang Berhormat.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Oleh sebab hendak jawab soal politik ini boleh juga Tuan Yang di-Pertua, jika kalau diizinkan boleh saya hendak menjawab berkaitan politik tetapi saya tidak berhasrat, untuk menjimatkan masa. Yang Berhormat Gombak mencadangkan supaya lanjutan kepada apa yang dicadangkan Yang Berhormat Pengerang, sama ada kita boleh menggunakan *capital contribution*. Itu satu cadangan yang baik cuma kita kena memperincikan lagi sebab kalau *capital contribution* maknanya adalah *compulsory*, yang mana *developer* akan membayar. Akhirnya kita kena melihat adakah dengan pembayaran *capital contribution*, ianya akan menyebabkan harga rumah dan lain-lainnya akan naik. Ini akhirnya akan membebankan rakyat kita. Oleh sebab itu, mungkin pendekatan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pengerang tadi sama ada CSR itu boleh dipertimbangkan ataupun kita hendak mewajibkan melalui *capital contribution*. Jadi, akhirnya kita perlu pertimbangkan untuk memberi nilai apakah yang terbaik, yang berkesan dan yang tidak membebankan rakyat.

■1900

Itu yang akan dipertimbangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya akan beralih kepada topik yang satu lagi iaitu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu dan Yang Berhormat Bayan Baru berkaitan dengan keruntuhan projek-projek awam seperti keruntuhan sebahagian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan juga jalan susur Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya amat memandang serius beberapa insiden keruntuhan bangunan yang berlaku dalam negara kita ini. Terdapat pelbagai faktor atau punca boleh berlaku keruntuhan tersebut. Walau bagaimanapun, ia boleh disimpulkan kepada tiga faktor seperti berikut iaitu:

- (i) faktor reka bentuk;
- (ii) faktor bahan dan kualiti hasil kerja yang tidak mengikut spesifikasi; dan
- (iii) faktor pengawasan dan kawalan kualiti yang tidak dilaksanakan di tapak projek.

Sehubungan itu tindakan perundangan terhadap pihak-pihak terlibat dengan insiden kecuaihan ini boleh diambil menerusi tiga kategori berikut iaitu:

- (i) aspek keahlian profesional;

- (ii) aspek kontraktual; dan
- (iii) aspek kawal selia.

Dari sudut aspek keahlian profesional terdapat akta-akta yang boleh diguna pakai untuk mendakwa pihak-pihak yang terlibat iaitu:

- (i) Akta Pendaftaran Jurutera 1967;
- (ii) Akta Arkitek 1967; dan
- (iii) Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967.

Daripada aspek kontraktual pula ia melibatkan pelbagai akta sedia ada. Manakala isu mengenai keselamatan di tapak pembinaan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia ataupun singkatannya DOSH, dengan izin di bawah Kementerian Pembangunan Sumber Manusia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raja sebagai agensi teknikal utama kerajaan sememangnya sentiasa berusaha untuk menambah baik sistem dan amalan semasa dalam industri pembinaan di negara ini. Sehubungan itu kementerian ini pada bulan Jun 2013 lalu telah menubuhkan pasukan Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada pakar-pakar industri pembinaan di negara ini. Jawatankuasa Khas ini akan mengkaji semula amalan prosedur semasa industri pembinaan dan seterusnya membukakan syor-syor penambahbaikan kepada kerajaan untuk pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Puchong...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya tentang Jambatan Pulau Pinang yang kedua yang runtuh dan mengambil nyawa Tajuddin Zainal Abidin. Saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri mendahulukan rakyat, saya rasa kita perlu memberi satu *justice* kepada mereka sebab mereka selalu tanya saya. Apa sebab beliau mati? Ada ditinggalkan empat orang anak.

Soalan saya adalah apabila *Highland Tower* runtuh, kerajaan menubuhkan tiga jawatankuasa. Satu Jawatankuasa Kabinet, Jawatankuasa Teknikal dan satu lagi adalah Jawatankuasa *Royal Commission*.

Jadi saya rasa hendak minta kerana Yang Berhormat Menteri umumkan menubuhkan Jawatankuasa *Technical Independent*. Sampai sekarang tidak ada *detail* siapakah yang akan mengepalai jawatankuasa teknikal tersebut? Bilakah siasatan dimulakan?

Saya tahu DOSH menjalankan tugas mereka tetapi itu tidak cukup kerana mereka hanya dari segi keselamatan. Akan tetapi saya rasa yang paling penting ialah cari puncanya dan memperbaiki secara total. Jadi *Independent Technical Committee* itu cukup penting.

Satu lagi adalah saya juga difahamkan bahawa oleh *sources-sources* tertentu bahawa projek ini runtuh sebab kontraktor dapat projek, selepas itu di sub kepada kontraktor yang lain. Kontraktor lain sub lagi dan sub jadi menyebabkan marginnya terlalu kecil sehinggakan kontraktor yang paling akhirnya dapat projek itu tidak dapat mendapat keuntungan, maka mereka *sacrifice* dari segi keselamatan.

Saya hendak minta pihak Yang Berhormat Menteri *confirm* adakah ini benar dan adakah perlukan- Dan kalau perlu kita kena ambil tindakan terhadap kontraktor yang sub dan sub dan sub. Ini memang jadi kepada banyak kontrak kerajaan. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat Kuala Terengganu selepas ini ya. Biar saya selesaikan sebab ini isu yang agak kompleks saya kira perlu dijelaskan. Yang Berhormat Bayan Baru seperti mana saya katakan tadi, bila berlaku sesuatu kemalangan di tempat kejadian sesuatu projek, bidang kuasa adalah di bawah Kementerian Sumber Manusia melalui DOSH.

Oleh sebab itu *Department of Safety and Health* adalah di bawah tanggungjawab mereka untuk memastikan sama ada siasatan atau memastikan setiap sudut keselamatan dan kesihatan pekerja terjaga. Oleh sebab itu mereka ada *standard operating procedures* termasuklah pegawai keselamatan, pegawai kesihatan dan sebagainya yang mesti ada *on site*, yang perlu dipatuhi oleh kontraktor-kontraktor yang mendapat projek. Itu yang pertama.

Kedua, apa yang kita lakukan sebab CIDB yang merupakan agensi di bawah Kementerian Kerja Raya. Kita telah menubuhkan yang saya sudah umumkan sebenarnya termasuklah *detail* melalui media. Tuan Yang di-Pertua, iaitu kita menubuhkan bukan jawatankuasa teknikal tetapi adalah kumpulan pakar. Kumpulan pakar ini menggabungkan semua pakar-pakar dalam bidang industri pembinaan termasuk juga daripada pakar-pakar di peringkat universiti supaya kita dapat melihat keseluruhan aspek keselamatan.

Dari segi spesifikasi *standard operating procedures, material*, keseluruhan aspek tersebut supaya akhirnya apa yang kita lakukan ialah kita akan dapat menambah baik apa sahaja berkaitan dengan standard ataupun *good construction practice* dapat diwujudkan supaya kita akan dapat mengurangkan risiko berlakunya kemalangan sama ada disebabkan kecuaiannya kontraktor, kecuaiannya pekerja, tidak pematuhan kepada standard ataupun mungkin kealpaan di bidang profesional yang tidak mengikut standard ataupun etika yang telah ditetapkan oleh pelbagai badan yang terlibat dalam *construction industry*.

Bagi *construction industry* ini melibatkan semua sektor, semua kepakaran dan juga melibatkan kerajaan negeri khususnya *municipal council* ataupun pihak berkuasa tempatan yang terlibat bersama. Kalau saya hendak mengambil contoh bukannya jambatan kedua Pulau Pinang yang runtuh. Sering kali kita kata jambatan kedua Pulau Pinang sebenarnya hanyalah susur keluar daripada jambatan tersebut. Susur keluar tersebut adalah melintasi jalan raya. Sebahagiannya jalan raya persekutuan dan sebahagian lagi jalan raya kerajaan negeri.

Kalau ikut *standard operating procedures*, kalau kita hendak buat ada beberapa perkara kita perlu dapat persetujuan daripada kerajaan negeri melalui kerajaan tempatan. Apa yang dilakukan syarikat konsesi mereka telah pun meminta untuk jalan tersebut ditutup untuk disediakan jalan alternatif supaya dari sudut-sudut keselamatan ianya dapat mengurangkan risiko.

Akan tetapi jawapan daripada pihak berkuasa tempatan ialah kalau ditutup ianya akan menyebabkan kesesakan lalu lintas. Disebabkan kawasan tersebut kawasan industri yang punya banyak kilang dan sebagainya, maka mereka mohon syarikat konsesi untuk mengadakan dialog

dengan pengguna-pengguna jalan tersebut. Akhirnya dipersetujui bahawa ianya tidak sesuai untuk dijalankan.

Oleh sebab itu tiada halangan dibuat, jalan masih terbuka tetapi dilaksanakan projek tetapi projek disahkan boleh mengikuti sudut keselamatan oleh mungkin mereka yang terlibat pada waktu itu. Oleh sebab *engineers*, dia ada *quantity surveyors* dia, ada banyak yang terlibat. Oleh sebab itu kita tidak dapat mengatakan rumusan yang dikatakan oleh Yang Berhormat berdasarkan andaian sama ada disebabkan kontrak ini di sub, sub, sub menyebabkan punca kemalangan. Itu tidak boleh dijadikan andaian.

Oleh sebab ianya bukan di dalam bidang kuasa kementerian kami tetapi di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia melalui DOSH yang membuat siasatan perincian dan mereka pun sudah mengumumkan bahawa punca ialah disebabkan oleh kontraktor yang tidak mematuhi beberapa perkara yang saya tidak ingin untuk memasuki urusan yang bukan di bawah bidang kuasa kami.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Itu, itu Yang Berhormat Menteri itu sebab kita perlukan satu jawapan yang *clear* daripada Yang Berhormat Menteri menjawab kepada kita sebab...

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Tunggu dahulu saya belum habis menjawab. Duduk dahulu.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Betul, betul itu DOSH, Yang Berhormat Menteri satu minit sahaja.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, *this is my floor, this is my floor, please, please.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Just one issue, one issue.*

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: *No, no* duduk dahulu. Bagi peluang saya habis menjawab habis dahulu. Sudah dengar baru bangun minta penjelasan. Jadi untuk *expert standing committee* yang telah kita tubuhkan ialah seramai 12 badan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah ataupun CEO CIDB yang menghubungkan bukan sahaja di peringkat universiti tetapi juga *industry players* dan juga pakar-pakar dalam bidang *engineering* dan semuanya seramai 12 orang.

■1910

Itu kumpulan pakar yang telah kita wujudkan. Seperti mana yang dikatakan tadi saya sudah pun mengumumkan di media, siapa-siapa mereka dan apakah bidang tugas yang mereka lakukan. Mereka sebenarnya sudah pun memulakan tugas seperti mana saya umumkan tadi. Mereka telah ditubuhkan pada bulan Jun 2013 dan mereka telah pun melawat tapak, berjumpa dan melihat kepada semua dokumen. Dijangkakan kita memberi mereka tempoh tiga bulan untuk mengkaji semua *standard operating procedures* dan dokumen berhubung kait dengan sektor pembinaan sama ada di bidang profesional, di bidang *construction* itu sendiri. Juga melihat dan berbincang dengan DOSH bagaimana kita melihat dalam sudut keselamatan yang ada sekarang untuk kita melakukan penambah baik. Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak mempertikaikan bahawa *professional body* dan sebagainya. Mereka boleh menjalankan tugas tetapi masalahnya adalah selalunya laporan itu tidak diberitahu. Laporan DOSH adalah sulit *unless* dibawa ke mahkamah. Itu sebab rakyat tidak tahu. Keluarga Allahyarham pun menanyakan kepada saya pun saya tidak boleh menjawab.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat Menteri, kita kena bagi satu jawapan yang *clear*. Kita kena umumkan kerana *the process has to be transparent*. Kita kena jawab. Kalau boleh adakan *public hearing*. Siapa yang bertanggungjawab bawa ke *public hearing* untuk disoal siasat. Boleh bawa keluarga Allahyarham Tajudin Zainal Abidin. Biar mereka dengar sendiri baru kita boleh beri *justice* kepada mereka. *Transparent programme*.

Satu lagi Yang Berhormat Menteri. Masalah sekarang adalah dalam *construction industry*. Isu kontraktor sub kepada subkontraktor. Subkontraktor, sub kepada sub subkontraktor dan sub, sub lagi. Ini isu yang telah lama. Berapa projek runtuh? Berapa siasatan yang telah dijalankan? Akan tetapi akhirnya, cara ini masih dijalankan dan kita tidak... Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kita mempunyai *enforcement* atau proses yang betul untuk menghalang perkara ini dari berlanjutan? Kalau kita bagi *open* tender yang betul, maka kontraktor yang betul-betul mahir baru boleh dapatkan projek. Daripada bagi projek kepada kroni dan kroni bagi kepada sub dan sub, sub, sub. Akhirnya margin terlalu kecil dan projek tidak dijalankan. Projek runtuh seperti mungkinlah di Terengganu, stadium runtuh, susur jalan, jambatan runtuh. Ini menyebabkan nyawa telah dikorbankan. Jadi saya minta apakah cara atau *enforcement* atau undang-undang yang boleh dijalankan untuk menghalang projek sub, sub, sub? Adakah projek *open* tender ini akan dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional?

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Penjelasan. Berkaitan.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Sila.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya cuma hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri kalau dapat Yang Berhormat Menteri menerangkan kepada Dewan siapakah yang terlibat ataupun kontraktor manakah? Siapakah yang melantik kontraktor untuk *portion* di kawasan jejantas yang runtuh itu? Ini kerana difahamkan itu adalah merupakan satu projek yang diserahkan kepada kerajaan negeri. Jadi kalau dapat Yang Berhormat Menteri jelaskan. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor adalah perkara yang betul bahawa syarikat konsesi sudah menyerahkan kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan susur keluar tersebut. *[Dewan riuh]*

Untuk Yang Berhormat Bayan Baru, itu yang kita cadangkan kumpulan *expert* itu tadi. Sekumpulan *expert* untuk melihat dan mengkaji keseluruhan sebab dalam sektor pembinaan mahu pun dari segi proses, mekanisme, *construction* sistem itu sendiri dari segi teknologinya sentiasa

berkembang. Proses penambahbaikan ini kena dijalankan secara berterusan. Apa yang ada pada hari ini mungkin tidak dapat *cover* apa yang akan ada pada masa yang akan datang.

Oleh sebab itu penambahbaikan ini dilakukan dan kita lantik kumpulan *expert* yang *independent* untuk melihat segala proses, segala mekanisme untuk kita sentiasa menambah baik, mencari jalan bagaimana kita dapat mengurangkan risiko. Kalau kita kata 100% untuk tidak berlakunya kemalangan, ini mungkin sesuatu yang tidak realistik sebab di Singapura juga berlaku keruntuhan. Di dunia lain juga berlaku keruntuhan tetapi yang kita hendak lakukan ialah cari bagaimana kita dapat menangani, mengurangkan risiko berlakunya kemalangan.

Sama ada perkara ini dapat diumumkan, hasil siasatan yang saya katakan tadi ianya di bawah bidang kuasa DOSH. DOSH Yang Berhormat sendiri katakan memang tidak boleh kemukakan disebabkan perundangan sedemikian. Kalau mereka umumkan secara *public*, ianya akan melibatkan proses perundangan. Ini kerana kalau mereka hendak mendakwa kontraktor misalnya mereka kena buktikan di mahkamah. Kalau mereka umumkan secara awal ianya akan memberikan prejudis dan melemahkan kes mereka untuk pendakwaan sama ada kepada kontraktor, konsultan dan siapa-siapa yang terlibat dalam proses tersebut.

Oleh sebab itu ianya kena dilindungi supaya ianya tidak menjejaskan kalau kita terpaksa mendakwa orang di mahkamah. Itu salah satu proses yang kita kena terima dan yang penting yakinlah bahawa dalam proses yang sedia ada ini yang saya katakan tadi. Kalau kemalangan berlaku, rakyat kita ada hak untuk menuntut dan mendapat pampasan atau kerugian dari apa yang berlaku sama ada kepada kontraktor ataupun sama ada kalau disebabkan kecuaiian konsultan. Konsultan profesional mereka ada dilindungi oleh insurans dan sebagainya.

Jadi proses ini yang penting untuk kita lindungi. Kalau berlaku juga kemalangan adakah mangsa ada hak untuk menuntut di mahkamah dan mendapat pampasan ganti rugi sewajarnya di atas kecederaan, kehilangan nyawa ataupun kehilangan harta mereka. Sistem perundangan kita memang sudah pun termaktub segala proses yang sedia ada.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri sedikit sahaja.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Jadi, boleh kita balik kepada yang lain?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sedikit sahaja. Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, dalam mencelah Peraturan Mesyuarat 37 bukan berdialog kerana apabila saya membenarkan berdialog seperti begini di antara Yang Berhormat Menteri sahaja, mana Yang Berhormat Bayan Baru? Mencelah sekali cukup. Selepas itu *let the issue go. Don't be repetitive*. Sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Boleh mencelah?

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat Gombak, boleh saya bagi kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu sebab dia sudah bangun terlebih dahulu tadi. Saya sudah janji.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengajukan soalan tambahan tentang berulangnya peristiwa yang sama pada projek yang sama iaitu tentang keruntuhan bumbung Stadium Terengganu.

Pada tahun 2009 kita telah dikejutkan dengan runtuh pertama bumbung utama stadium. Hasil siasatan, jawatankuasa telah berpendapat bahawa kontraktor tidak berdaftar dengan CIDB dan juga kontraktor tidak berpengalaman. Empat tahun kemudian tahun 2013, bumbung kedua stadium yang sama runtuh sekali lagi di dalam proses pembaikan. Siasatan telah berpendapat bahawasanya kontraktor yang ini pula tidak juga berdaftar dengan CIDB dan juga kurang pengalaman. Sebenarnya perkara ini boleh kita elakkan kalau kita telah mengambil langkah-langkah tertentu daripada keruntuhan yang pertama. Ini kerana keruntuhan yang kedua ini hampir-hampir melibatkan kos nyawa kerana lima orang pekerja telah tercedera.

Soalan saya sehingga ke hari ini kita masih lagi belum tahu siapakah jurutera Korea yang bertanggungjawab mereka bentuk secara *design and build* kedua-dua bumbung yang runtuh ini sehingga hampir melibatkan kos nyawa. Pada waktu sekarang ini negara-negara Afrika datang ke Malaysia untuk belajar dengan kita. Mereka buat stadium tidak runtuh. Kita buat stadium runtuh dua kali. Ini merupakan satu tragedi kepada negara kita. Saya ingin sedikit penjelasan tentang konsultan jurutera yang bertanggungjawab dan apakah *assurance* kita boleh beri kepada rakyat supaya ada *confidence* di atas projek-projek sebegini? Sekian.

■1920

Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Untuk projek ini saya tidak ingin untuk menjawab panjang sebab pertama sekali, stadium ini adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Satu projek kerajaan negeri di mana saya kira Yang Berhormat sendiri pun mungkin terlibat di dalam *design stage* selaku arkitek yang *design* stadium tersebut. Keduanya, perkara ini dalam proses pertimbangan dan mungkin apa yang saya jawab mungkin merupakan satu yang subjudis, boleh menjejaskan apa tindakan yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri Terengganu termasuklah tindakan sivil dan juga tindakan *criminal action* ataupun apa yang mereka ingin ambilkan. Oleh sebab itu saya tidak akan - apa yang saya tahu sekarang ini Yang Berhormat, Penasihat Undang-undang Negeri Terengganu sedang mempertimbangkan beberapa tindakan perundangan dalam keseluruhan projek ini.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat, setahu saya siasatan bumbung pertama itu telah selesai dengan satu *finding* dan tidak ada lagi apa-apa tindakan susulan dan tidak pernah ada apa-apa pernyataan dari kerajaan untuk memberitahu siapakah yang bertanggungjawab. Setahu saya, tidak ada apa-apa lagi kes mahkamah tentang isu runtuh ini, yang runtuh, yang ada kesnya adalah tentang seorang jurutera yang mengakui dia pakar di dalam bidang spesifik. Akan tetapi itu merupakan isu yang berlainan, bukan tentang keruntuhan. Jadi itulah yang merupakan misteri bukan hanya pada saya sebagai konsultan, tetapi kepada seluruh rakyat Terengganu dan Malaysia. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Oleh sebab itu yang saya katakan tadi, bidang kuasa tindakan adalah di bawah Kerajaan Negeri Terengganu. Ia bukan merupakan projek Kerajaan Persekutuan. Mungkin dari segi profesional yang saya katakan tadi, mula-mula saya katakan bahawa kalau melibatkan jurutera, melibatkan juru perunding dan sebagainya yang tertakluk kepada profesional akta, sama ada akta kejuruteraan, arkitek dan juga juru binaan, mereka terkandung ataupun tertakluk kepada segala tindakan di bawah akta profesional tersebut yang boleh diambil oleh lembaga-lembaga yang bertanggungjawab untuk menjaga, memastikan semua juru profesional di bawah tanggungjawab mereka boleh diambil tindakan.

Jadi saya hanya dapat menjawab setakat itu. Berkaitan dengan segala proses iaitu DOSH, tindakan DOSH, sama ada boleh mengambil tindakan dan sebagainya, bukan dalam bidang kuasa kita sebab kita hanya merupakan *technical advisor* ataupun yang boleh memberi kepakaran dari segi *technical expert* termasuk jugalah untuk membuat forensik dan sebagainya jika dikehendaki oleh kerajaan negeri.

Ini yang biasanya dilakukan oleh kerajaan negeri untuk meminta *technical assistant* daripada Kerajaan Persekutuan melalui JKR dan kita akan bekalkan dan memberi *finding* itu kepada pelanggan kita iaitu Kerajaan Negeri Terengganu. Apakah *finding*, saya tidak dapat hendak nyatakan sebab ia merupakan satu yang boleh merupakan satu yang subjudis ataupun yang memberi prejudis kepada kedudukan Kerajaan Negeri Terengganu itu sendiri. Oleh sebab itu saya tidak dapat memberi perincian kepada Yang Berhormat, saya mohon maaf.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah memberikan penjelasan yang agak panjang lebar berhubung langkah-langkah yang telah diambil lanjutan daripada peristiwa dan kemalangan di jalan susur keluar jambatan kedua Pulau Pinang yang telah meragut satu nyawa. Antara langkah yang telah diambil ialah membentuk satu jawatankuasa kumpulan pakar bagi meneliti kemalangan tersebut. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kerana baru-baru ini satu lagi kemalangan berlaku di Bukit Antarabangsa iaitu di Sierra Ukay yang meragut sehingga tiga nyawa dan pekerja yang keempat mengalami keadaan yang agak parah dan sedang dirawat di dalam hospital.

Saya sempat bergegas ke lokasi kemalangan dan berbincang dengan pegawai kementerian termasuk daripada CIDB. Persoalan saya ialah adakah Yang Berhormat Menteri telah menerima laporan terperinci daripada pihak CIDB yang memberi jaminan kepada saya bahawa satu siasatan yang menyeluruh akan dilakukan oleh pihak kementerian dan CIDB ekoran tiga nyawa terbunuh dalam kemalangan tersebut di tapak pembangunan Sierra Ukay yang dimajukan oleh IGM. Maka saya ingin mohon penjelasan daripada kementerian. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Sierra Ukay adalah satu projek swasta dan tanggungjawab bila dalam projek ialah kumpulan profesional termasuklah *consulting engineers*, dia mesti ada SO *on side*. Akan tetapi yang saya katakan tadi termasuk apa yang dikatakan oleh CIDB yang berjumpa, yang berada di tapak, setiap kali berlaku

kejadian memang kita akan pergi menghantar pegawai-pegawai untuk melihat dan meneliti apakah punca, apakah sebab dan sebagainya untuk kita mengetahui kedudukan sebenar.

Walaupun bukan dalam bidang kuasa kita sebab bidang kuasa kalau berlaku kemalangan yang saya katakan tadi adalah di bawah bidang kuasa Department of Safety and Health (DOSH). Akan tetapi sebabkan ini melibatkan sektor pembinaan, sebab itu yang saya katakan tadi kumpulan pakar yang kita tubuhkan ini bukan untuk khusus satu-satu projek bila berlaku kemalangan. Ia adalah untuk melihat keseluruhan projek yang ada sekarang ini, bukan projek tetapi melihat sistem yang berada menjadi amalan kontraktor, amalan profesional yang ada sekarang ini untuk kita mencari bagaimana kita dapat melihat dan memperbaiki segala proses pelaksanaan *construction industry* ini. Itu yang kita lakukan dan sebagaimana yang saya katakan tadi, dari semua insiden yang telah kita pergi termasuklah di Terengganu yang baru berlaku dan sebagainya, kita akan bentangkan nanti.

Setelah tiga bulan kalau sudah siap segala kajian yang telah dilakukan oleh kumpulan pakar, kita akan adakan satu lagi bengkel untuk melibatkan semua *stakeholders* dalam sektor pembinaan sama ada kontraktor, kumpulan profesional dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat untuk kita bentangkan dan kita akan mencari kaedah bagaimana kita dapat tambah baik segala proses dan akhirnya kita akan ada satu *standard operating procedures* mahupun dari segi *good construction practices* yang boleh menjadi amalan kepada semua sektor pembinaan ini. Itu yang kita harapkan dapat kita capai dan kita akan buka kalau ada Ahli Parlimen yang ingin bersama nanti, boleh turut serta untuk terlibat dalam bengkel-bengkel tersebut. Kita akan maklumkan kepada Yang Berhormat.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri, sikit. Saya ingin menambah. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menambah sikit bahawa segala bentuk pembinaan adalah tertakluk dan juga berasaskan kepada dokumen kontrak yang mana ia akan menjaga keselamatan dan juga melindungi *public safety*, dengan izin dan juga kontraktor itu sendiri. Jadi isu-isu tentang sub-sub walaupun itu dari jambatan tadi adalah *portion* daripada kerajaan negeri, itu sebenarnya isu lain. Akan tetapi saya mencadangkan supaya perkara-perkara yang melibatkan keselamatan awam perlu dirujuk semula kepada *contract document* dan mengukuhkan semula *contract document* untuk menjaga keselamatan yang kini kerap kali terjadinya *freak accident* di merata-rata tempat. Jadi bukanlah tanggungjawab kementerian keseluruhannya tetapi ini tanggungjawab bersama dan kita perlu meletakkan *document contract* itu sebagai asas untuk kita memperkukuhkan lagi. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat Kuala Kangsar saya amat bersetuju dan malahan itu yang kita hendak lakukan, bukan sahaja untuk melindungi rakyat tetapi yang lebih penting bagaimana ia secara komprehensif dapat menambah baik apa yang telah ada dari segi amalan sekarang ini. Dari segi sub-sub tadi, bukan ia di bawah bidang kementerian sebab ia lebih

kepada *market forces*. Kalau kita tutup *all the market forces* ini, maka ia akan mengganggu kepada struktur berlakunya perniagaan di negara kita ini.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Ya saya ingin mencelah sedikit Yang Berhormat. Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi. Sebenarnya semua peraturan ada di dalam *document contract* kontraktor dan juga perunding, arkitek, *engineer* dan sebagainya. Masalahnya adalah penguatkuasaannya dan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang setelah sedia ada begitu lama. Masalahnya berulang kali adalah perkara-perkara ini tidak dikuatkuasakan di tapak di bawah pihak berkuasa iaitu badan tempatan atau JKR. Itu yang saya rasa masalah yang kerap berulang dan saya rasa itulah apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Saya mengambil maklum semua cadangan tersebut dan kita akan seperti mana yang saya cadangkan tadi bila kumpulan pakar sudah pun membuat penilaian dan mendapat cadangan untuk kita bantangkan, kita boleh melibatkan semua Ahli Parlimen untuk terlibat sama dalam perbincangan tersebut supaya akhirnya matlamat kita untuk mewujudkan standard *operating procedures* termasuk amalan-amalan baik ini dalam semua aspek sama ada penguatkuasaan, *supervision* dan sebagainya akan dapat kita tambah baik dan akhirnya kita dapat mengurangkan risiko berlaku kemalangan yang boleh menjejaskan keselamatan sama ada nyawa, harta mahupun apa sekalipun yang melibatkan rakyat dan negara kita.

■ 1930

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan ada beberapa perkara lagi, mungkin tidak banyak. Ahli Yang Berhormat dari Puchong telah membangkitkan semula isu kadar tol Lebuhraya Damansara–Puchong (LDP) dan masalah kesesakan di kawasan Puchong khususnya di LDP. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum kerajaan telah menstrukturkan semula kadar tol LDP pada tahun 2007 di mana pengguna kenderaan kelas satu yang menggunakan lebuhraya tersebut hanya perlu membayar RM1.60 sahaja berbanding RM2.10 mengikut perjanjian konsesi asal. Kadar tol tersebut masih lagi kekal sehingga kini walaupun ia sepatutnya telah dinaikkan pada tahun 2011 sebagaimana termaktub dalam perjanjian konsesi tambahan kedua.

Manakala kesesakan di LDP berpunca daripada pertumbuhan pesat kawasan-kawasan perumahan dan pusat komersial serta industri di sepanjang koridor lebuhraya berkenaan. Oleh itu, kesesakan di LDP ini tidak akan dapat diselesaikan menerusi projek naik taraf dan cadangan pembinaan jalan baru semata-mata. Sebaliknya kerajaan juga di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) akan meningkatkan aspek pengangkutan awam di kawasan Puchong khususnya menerusi projek sambungan sistem transit aliran ataupun LRT melibatkan jajaran rel daripada Sri Petaling ke Kelana Jaya melalui bandar Puchong. Berdasarkan perancangan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), projek sambungan LRT itu dijangka akan siap pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ampang telah mencadangkan supaya fungsi...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Menteri, berkenaan tol.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: *Let me settle*, fasal tol ini yang dibangkitkan hanya berkaitan dengan LDP Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan waktu, saya hendak selesaikan, kalau ada masa nanti saya akan kembali kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ampang telah mencadangkan supaya fungsi Bahagian Kejuruteraan Cerun JKR diperluaskan untuk menjadi badan pengawal selia pembangunan cerun dan kawasan tanah tinggi di negara ini. Kementerian ini amat menyambut baik dan mengalu-alukan saranan dari Yang Berhormat itu. Cadangan ini merupakan antara penambahbaikan yang telah dikenal pasti dari kajian Pelan Induk Cerun Negara iaitu 2009 hingga 2023 bagi tujuan memperkukuhkan lagi kawal selia pembangunan di kawasan cerun dan tanah tinggi di negara kita.

Untuk makluman Dewan ini, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan kajian terperinci peta bahaya dan risiko cerun di kawasan Ulu Kelang dan juga sebahagian besar jalan-jalan persekutuan di Semenanjung. Manakala di Sabah dan Sarawak pula, kajian sedang giat dijalankan. Peta bahaya dan risiko cerun ini merupakan kaedah empirikal yang diguna pakai untuk mendapatkan tahap bahaya dan risiko cerun yang dibahagikan kepada lima tahap mengikut kategori keseriusan bahaya. Di samping itu, kementerian ini sedang merancang untuk menjalankan kajian tahap bahaya cerun dan seterusnya menghasilkan peta bahaya dan risiko cerun di kawasan-kawasan yang sering berlaku kejadian tanah runtuh iaitu di Ipoh dengan keluasan kajian 300 kilometer persegi, Cameron Highland – 400 kilometer persegi, Gombak, Kajang dan Selayang – 300 kilometer persegi, Cheras Selatan dan Bangi – 200 kilometer persegi, Rawang dan Batang Kali – 150 kilometer persegi, Bukit Fraser – 100 kilometer persegi dan Kapit di Sarawak – 100 kilometer persegi.

Dalam masa yang sama, kerajaan juga telah mengeluarkan garis panduan perancangan pembangunan di kawasan tanah tinggi yang menetapkan supaya sebarang pembangunan di kawasan cerun atau bukit hendaklah tidak mengubah *contour* dan bentuk muka bumi kawasan berkenaan. Sebarang cadangan pembangunan di kawasan-kawasan berkenaan perlu mematuhi syarat-syarat kejuruteraan dan penyelenggaraan yang telah ditetapkan. Penguatkuasaan, syarat-syarat pembangunan di kawasan-kawasan cerun terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan ia dipantau oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah membangkitkan mengenai isu status pindaan Akta Arkitek 1967 dan sama ada perkhidmatan profesion arkitek termasuk di dalam Akta Persaingan 2010 iaitu *Competition Act 2010*, dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, draf pindaan akta-akta profesional melibatkan Akta Jurutera 1967, Akta Arkitek 1967 dan Akta Juruukur Bahan 1967 telah dikemukakan kepada

Jabatan Peguam Negara untuk semakan sebelum ia dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Dijangkakan pindaan akta-akta tersebut termasuk pindaan Akta Arkitek akan dibawa untuk bacaan pertama dan kedua di Dewan ini pada sesi mesyuarat bulan Oktober 2013.

Mengenai isu sama ada profesion arkitek termasuk di dalam Akta Persaingan 2010, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Akta Persaingan 2010 bertujuan untuk mempromosikan persaingan sihat, menghalang perjanjian anti persaingan dan penyalahgunaan kuasa dan kedudukan di pasaran. Akta Persaingan 2010 telah diwartakan dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 dan terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Berikutan itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau *Malaysia Competition Commission*, dengan izin telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 bagi menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 di mana fungsi utamanya ialah untuk melindungi proses persaingan untuk manfaat perniagaan, kepenggunaan dan ekonomi.

Manakala Akta Arkitek 1967 pula bertujuan untuk mengadakan peruntukan tentang pendaftaran arkitek, ketuanpunyaan tunggal, perkongsian dan pertubuhan perbadanan yang memberikan perkhidmatan perundingan arkitek, pereka bentuk dalaman dan pelukis pelan. Cadangan pindaan Akta Arkitek 1967 antaranya yang berkaitan dengan peruntukan, pembukaan sepenuhnya pendaftaran arkitek warga asing selaras dengan komitmen liberalisasi Malaysia bagi sektor perkhidmatan profesional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, pihak Lembaga Arkitek Malaysia telah memaklumkan kepada saya bahawa mereka baru sahaja melantik pihak peguam untuk membantu Lembaga Arkitek Malaysia meneliti peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Persaingan 2010 iaitu sama ada terdapat kesan atau implikasi akta tersebut terhadap perkhidmatan badan-badan profesional berkenaan. Oleh itu, saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin *last* untuk Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya hendak bangkit bukan setakat LDP di Sunway tetapi LDP plaza tol di Bandar Sri Damansara juga mengalami masalah kesesakan lalu lintas yang besar setiap hari. Bukan sahaja LDP, *SPRINT Highway* di tepi kawasan saya, Petaling Jaya Selatan, Seksyen 17 berdekatan Eastin Hotel. Setiap hari selepas kerja, jalan ini sesak. Hal ini juga berlaku di tol Damansara, Lebuhraya Utara Selatan dan juga *Kerinci Highway* yang masuk ke *Federal Highway*. Ini semua di sekeliling kawasan saya, Petaling Jaya Selatan. Saya dengan Yang Berhormat Puchong telah membawa masalah ini, *highlight* lima tahun tetapi sampai sekarang tidak ada penyelesaian. *So* saya minta Yang Berhormat Menteri bagi penyelesaian, bukan sebab kita minta untuk hapuskan tol tetapi kalau rakyat hendak guna lebuh raya bertol, selepas mereka bayar, mereka rasa trafik mesti senang jalan tetapi bayar tol hendak sesak lagi. Jadi saya minta Yang Berhormat, dalam dua tiga tahun ini fikir bagaimana hendak selesaikan masalah ini di kawasan sekeliling Petaling Jaya Selatan. Sekian.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, kalau Yang Berhormat ada cadangan bagaimana hendak selesaikan, Yang Berhormat boleh kemukakan cadangan kepada kami supaya kami dapat melihat perincian. Bukan sekarang, nanti kemukakan, lihat dan sebagainya tetapi berasaskan apa yang saya katakan tadi.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: [*Bangun*]

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Minta duduk dulu Yang Berhormat. Apa yang saya katakan tadi, kajian memang dibuat. Jadi sebab itu kalau kita melihat ke kawasan Puchong sahaja, dulu kawasan Puchong itu boleh katakan tempat kalau dalam istilah bahawa kita orang Melayu, tempat jin bertendang sebab tidak ada pembangunan di situ tetapi syarikat konsesi membuat jalan laluan. Bila sudah ada jalan, maka datanglah pembangunan. Bila pembangunan pesat, maka kereta bertambah banyak. Bila kereta bertambah banyak, adakah kita dapat memperbesarkan lagi jalan ataupun tidak.

Jadi dalam keadaan sekarang, Puchong berada dalam keadaan yang sudah maksimum di mana jalan tidak dapat dibesarkan. Kalau dibesarkan jalan, terpaksa ambil kedai, robohkan semua kedai dan berapa pula kos kita hendak mengambil alih membayar pampasan. Jadi sebab itu apa yang dilakukan di bawah perancangan Kerajaan Barisan Nasional ialah pertama sekali untuk menggalakkan orang menggunakan *public transport*. Jadi sebab itu MRT, LRT diadakan dan itu sahaja jalan sebaik-baiknya untuk kita mengurangkan penggunaan di jalan raya dan sebaliknya menggunakan kaedah-kaedah *public transport* tidak kira sama ada bas mahupun LRT ataupun MRT yang sedang rancak dijalankan.

■1940

Kalau itu ada nanti, diharapkan kuranglah kereta. Bila kurang kereta, maka kuranglah kesesakan lalu lintas. Negara maju pun terpaksa membuat macam itu, Yang Berhormat. Jadi kalau Yang Berhormat...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ada cadangan kementerian. Ada cadangan untuk membina Lebuhraya KIDEX (Lebuhraya Kinrara–Damansara) dan juga Lebuhraya Shah Alam–Damansara yang dipupus *last year* tetapi sampai sekarang macam tidak ada berita. Bukan dua projek ini. Bila dua projek ini akan dibentang semula?

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Oleh sebab itu saya katakan Yang Berhormat, akhirnya kalau kita hendak buat, kalau hendak cepat buat, nanti kita berikan penswastaan. Yang Berhormat tidak setuju sebab swasta dia perlu duit, dia caj tol. Hendak buat tidak ada tol, kerajaan kena cari duit. Kerajaan cari duit, tidak payah tol satu masalah. Oleh sebab itu kita lakukan melalui *public transport*. Itulah penyelesaian sebaiknya. Kalau kita hendak buat jalan, macam mana pun dibesarkan jalan, bertingkat-tingkat *highway* pun, *traffic jammed* masih berlaku disebabkan peningkatan kemakmuran rakyat negara kita hasil perjuangan Barisan Nasional. Rakyat makmur, kereta banyak. [*Tepuk*] Jadi kekayaan itu dinikmati oleh rakyat. Betulkah Yang Berhormat Seputeh?

Janganlah Yang Berhormat Seputeh macam itu. Terimalah hakikat bahawa kerajaanlah yang memakmurkan negara kita. Rakyat kita bertambah makmur, maka kereta bertambah banyak. Jadi sekarang ini kita hendak menyelesaikan masalah kejayaan yang kita nikmati pada hari ini.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: *[Bangun]*

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Jadi kita kalau ada cadangan, Yang Berhormat boleh kemukakan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Siapa bayar cukai? Tidak boleh kata ini perjuangan Barisan Nasional sahajalah.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: ...Secara bertulis kepada kita. Kita akan sentiasa...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Hendak tanya.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya kira cukuplah yang saya sudah beri peluang kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Kalau Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan ada cadangan, boleh kemukakan, boleh aturkan *appointment* untuk Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan mencadangkan apakah cara dan kaedah terbaik untuk kita menyelesaikan masalah kesesakan. Bukan sahaja di Kuala Lumpur malahan di seluruh bandar di negara kita disebabkan kemakmuran yang telah kita bawa kepada rakyat Malaysia. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan yang saya dapat kongsi bersama dalam Dewan yang mulia ini. Apa-apa yang mungkin tidak dapat saya jawab secara lebih terperinci, saya mohon maaf. Akan tetapi mana-mana Ahli Yang Berhormat yang kira ingin mendapatkan penjelasan lanjut, bolehlah berhubung dengan kementerian. Kita sedia untuk memberi penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

7.42 mlm.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi untuk membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Titah Diraja sepanjang minggu lepas. Izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan.

Pertama sekali isu pembangunan infrastruktur asas di kawasan luar bandar. Isu pembangunan kawasan telah dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Sibuti dan beberapa orang lagi. Kementerian meminta semua Ahli Yang Berhormat supaya memberi kepercayaan kepada kementerian untuk terus melaksanakan tanggungjawab dalam membawa kemajuan ke kawasan luar bandar. Sebahagian besar peruntukan yang diterima oleh kementerian digunakan untuk melaksanakan projek-projek

infrastruktur asas seperti jalan raya, jalan kampung, bekalan elektrik, bekalan air dan projek-projek *amenity* sosial.

Pada tahun 2013 ini sahaja, pihak kementerian telah membelanjakan sejumlah RM2.8 bilion untuk projek-projek berbentuk fiskal. Daripada jumlah itu, sebanyak RM543 juta telah dibelanjakan untuk projek-projek di Sabah, RM595 juta di Sarawak dan tidak dilupakan RM186 juta di Semenanjung Malaysia. Kita akui bahawa sebahagian besar peruntukan telah diagihkan untuk pelaksanaan di Sabah dan di Sarawak tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat dari Semenanjung terutama daripada Jerlun tidak perlu risaulah. Kementerian masih lagi melaksanakan projek-projek infrastruktur asas di kawasan Semenanjung mengikut keperluan di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti.

Bagi tujuan untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan asas ini, kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak berwajib di negeri dalam mengenal pasti kawasan yang memerlukan penambahbaikan kemudahan. Namun, kementerian juga menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kawasan luar bandar supaya jangan segan silu dalam membuat *engagement* dengan kementerian untuk memaklumkan akan keperluan di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pihak kementerian memerlukan semua pihak dalam sama-sama memajukan kawasan luar bandar negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan berkenaan status kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya. Untuk makluman Yang Berhormat Sipitang, sejak tahun 2010 kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM131 juta untuk pelaksanaan projek bekalan air luar bandar khususnya untuk kawasan Parlimen Sipitang yang mana projek-projek bernilai RM91.5 juta telah siap sepenuhnya dan memberikan manfaat kepada kira-kira 50,000 orang. Manakala dua projek lagi bakal siap dalam tahun ini yang bernilai RM40 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan, kementerian telah melaksanakan empat projek jalan luar bandar di Parlimen Kinabatangan. Tiga daripada projek tersebut telah siap sepenuhnya manakala terdapat satu projek yang masih dalam pembinaan. Kesemua projek tersebut melibatkan pembinaan jalan sepanjang 60.7 kilometer dengan kos yang berjumlah RM131.97 juta. Pada tahun 2013 dan 2014 pula, kementerian akan melaksanakan tiga projek jalan luar bandar dengan anggaran kos berjumlah RM62.5 juta dan melibatkan jalan sepanjang 25.7 kilometer. Bagi projek bekalan elektrik luar bandar, kementerian telah meluluskan pelaksanaan enam projek di kawasan Parlimen Kinabatangan dengan kos berjumlah RM101.45 juta dan dijangka akan memberi manfaat kepada 1,665 buah rumah.

Sehingga kini, sejumlah empat buah projek telah disiapkan manakala bagi projek bekalan air luar bandar, terdapat tiga projek yang sedang dalam pelaksanaan dalam kawasan Parlimen Kinabatangan dengan anggaran kos berjumlah RM86.25 juta. Projek-projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 15 Mei 2014 dan akan dapat memberi manfaat kepada kira-kira empat ribu buah rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuaran, kementerian telah melaksanakan enam projek jalan luar bandar di kawasan Parlimen Tuaran dengan kos keseluruhan berjumlah RM132.41 juta. Projek-projek tersebut telah siap sepenuhnya dan melibatkan pembinaan jalan sepanjang 59.3 kilometer. Selain itu terdapat tiga projek yang sedang dalam pembinaan dengan kos berjumlah RM73.4 juta dan melibatkan pembinaan jalan sepanjang 23.3 kilometer.

Untuk makluman Yang Berhormat Kanowit, bagi pembinaan jalan raya dari...

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sila.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih juga tentang jawapan tentang projek-projek yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Tuaran.

■1950

Pertanyaan saya di sini ialah berkenaan dengan satu jalan raya yang telah pun dibuat pecah tanahnya, pelancaran oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Februari pada tahun ini. Saya telah menghantar pertanyaan lisan dan hari ini saya telah mendapat jawapannya dan jawapan di sini mengatakan kerja-kerja reka bentuk sedang dijalankan dan dijangka akan ditender pada akhir tahun ini tetapi ini sudah dipecah tanah, kenapa baru ditender? Persoalannya. Ini Jalan Topokoon–Wangkod–Rungus–Gontung. Ini satu jalan raya yang begitu penting sebab jajarannya melalui tiga buah sekolah rendah. Jadi saya ingin mohon penjelasan kenapakah proses pelantikan pelaksana projek ini memakan masa yang begitu lama? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Yang Berhormat Tuaran sebenarnya sudah tahu akan jawapan kepada perkara ini oleh kerana beberapa hari ini telah bertanya dan telah menulis surat juga dan pada pagi ini dalam soalan yang mungkin tidak sempat dijawab secara lisan, secara bertulis sudah ada pada Yang Berhormat Tuaran.

Sesebuah projek memang akan menggunakan masa untuk prosedur-prosedur sehingga ia dapat dilaksanakan. Kalaulah projek yang tersebut ini memang sudah dibuat upacara pecah tanah oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri seperti mana yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Tuaran saya yakin atau kementerian yakin janji ditepati oleh Yang Amat Berhormat akan kementerian sememangnya akan meneruskan. Sekian, terima kasih kerana bertanya tentang perkara itu.

Untuk makluman Yang Berhormat Kanowit bagi pembinaan jalan raya Kanowit - Song - Kapit sepanjang 81 kilometer, pembinaan sudah bermula dengan kos keseluruhan pembinaan projek ini berjumlah RM741.414 juta. Ini keseluruhannya Yang Berhormat Kanowit. Projek ini mempunyai tujuh fasa dengan empat fasa sedang dalam pelaksanaan (*work in progress*) dan tiga akan dilaksanakan dalam jangka masa terdekat. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sarawak pada awal bulan Jun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan perbelanjaan sebanyak RM400 juta

untuk menampung kos ini supaya keseluruhan jalan sepanjang 81 kilometer ini dapat kita siapkan dalam masa tertentu.

Bagi pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar pula sejumlah RM44 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 17 projek yang memberi manfaat kepada 1,793 buah rumah di kawasan Parlimen Kanowit sepanjang tempoh NKRA yang bermula pada tahun 2010 sehingga tahun 2012. Kesemua projek ini masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2013.

Kementerian juga telah membelanjakan sebanyak RM7 juta untuk meningkatkan sistem retikulasi di kawasan Parlimen Kanowit dan seramai 2,200 orang telah menerima manfaat dari projek ini yang menerima air bersih terawat. Manakala sebuah loji sedang dibina bernilai RM48 juta dan bakal disiapkan pada akhir tahun ini untuk kawasan Parlimen Kanowit.

Untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong skop dan spesifikasi program jalan perhubungan desa KKLW dahulunya dikenali sebagai projek jalan kampung telah dibuat penambahbaikan mulai tahun 2011 di mana kelebaran maksimum jalan kampung yang dibina atau dinaik taraf telah dinaikkan kepada 14 kaki bagi membolehkan dua buah kenderaan berselisih. Sekiranya terdapat cadangan dan permohonan daripada Yang Berhormat Parit Sulong untuk menaik taraf jalan kampung yang kritikal, KKLW sedia membuat siasatan tapak bagi menentukan keperluan dan keutamaan mengikut skop yang telah ditetapkan dan peruntukan yang diluluskan.

Untuk makluman Yang Berhormat Jerlun, kementerian menyediakan peruntukan di bawah Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) kepada negeri Kedah sebanyak RM5.53 juta pada tahun 2013. Kementerian akan melihat kesesuaian pelaksanaan projek JPD tertakluk kepada skop dan senarai keutamaan agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya dan Pejabat KKLW Cawangan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Rajang, peruntukan bagi Program Jalan Luar Bandar (JLB) tahun 2013 telah komited sepenuhnya. Namun begitu, pihak kementerian akan memanjangkan permohonan Yang Berhormat kepada Jabatan Kerja Raya Sarawak berkenaan jalan raya dari Nanga Mujong ke Nanga Gat di kawasan Baleh Kanan sejauh 37 kilometer dan jalan raya dari Rumah Panjang Juntan ke Rumah Panjang Bengau di Sungai Sut kawasan Baleh sejauh 13 kilometer untuk pihak JKR Sarawak menjalankan siasatan tapak dan membuat anggaran kos projek bagi tujuan permohonan kepada pihak Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada *rolling* pelan keempat tahun 2015. Walau bagaimanapun, permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Rajang juga Loji Kampung Sungai Asap mampu menampung permintaan air di kawasan berkenaan. Namun sumber air mentah loji berkenaan mempunyai *siltation* atau mendapan yang tinggi. Untuk mengatasi isu ini JKR Sarawak telah membina sebuah **vertical collector well** yang mana dijangkakan siap pada bulan Ogos tahun ini.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Limbang berhubung dengan keperluan kemudahan bekalan air di beberapa tempat iaitu daripada Simpang Ukong menuju ke Pekan Mendabit. Kementerian mengambil maklum akan permohonan ini dan dimasukkan ke senarai keutamaan kementerian pada tahun 2014. Untuk makluman Yang Berhormat lagi, Projek Jalan Meritam - Telahak - Bong Abai Fasa 3 telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada *rolling* pelan ketiga tahun 2014. Pelaksanaan projek ini akan dimulakan pada tahun 2014 nanti.

Bagi Projek Jalan Ubur-Ukum-Mentawai pula ianya tidak dilaksanakan oleh kementerian manakala bagi permohonan Projek Jalan Ipai Pendam Fasa 2, kementerian akan memanjangkan permohonan ini kepada Jabatan Kerja Raya Sarawak untuk menjalankan siasatan tapak dan membuat anggaran kos projek bagi tujuan permohonan kepada pihak Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada *rolling plan* keempat tahun 2015. Walau bagaimanapun, permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan UPE (Unit Perancangan Ekonomi) Jabatan Perdana Menteri dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan menekankan konsep penjimatan kos, pelaksanaan yang pantas dan kesan yang besar kepada rakyat, aspek *collaboration* dan perkongsian antara pelbagai agensi kerajaan dan swasta menjadi teras kepada strategi ini. Salah satu contoh inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan adalah pelaksanaan RTC yang melibatkan kerjasama antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan.

■2000

Merujuk kepada pandangan Ahli Yang Berhormat Jerlun supaya strategi ini digunakan untuk penyelesaian isu-isu di kawasan MADA, pihak kementerian sangat menyokong pandangan ini kerana penggunaan strategi ini dapat memberi manfaat yang besar dan cepat kepada penduduk di kawasan terlibat. Terima kasihlah Yang Berhormat Jerlun.

Tuan Yang di-Pertua, isu pembangunan ekonomi. Menyentuh tentang saranan Yang Berhormat supaya kesemua kemudahan prasarana yang disediakan oleh kementerian seperti jalan, bekalan air dan elektrik digunakan untuk menjana ekonomi luar bandar, sememangnya apabila telah sedia kesemua prasarana tersebut maka dengan sendirinya akan mencipta peluang-peluang ekonomi untuk dimanfaatkan oleh masyarakat di luar bandar.

Selain menyediakan kemudahan infrastruktur asas luar bandar, kementerian turut memberi fokus terhadap pembangunan insan dan ekonomi luar bandar. Di bawah Program Transformasi Kerajaan 2.0, (GTP 2.0), kementerian akan melaksanakan Program *21st Century Village* atau Program Desa Abad Ke-21. Dalam tempoh 2013 hingga tahun 2015...

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Penjelasan Yang Berhormat Hulu Rajang, sedikit.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih kerana Yang Berhormat telah menjawab permintaan saya tadi. Tahukah Yang Berhormat projek terbengkalai di kawasan saya di Hulu Rajang iaitu projek bekalan solar telah diberi kepada kontraktor pada tahun 2009 di Long Kajang dan Losung Laku. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua sudah pergi ke Losung Laku, projek solar itu terbengkalai hingga sekarang dan saya ingin memohon kepada kementerian, siapakah kontraktor? Kalau boleh dipecat atau *blacklisted* dan berharap kalau tidak ada, berikan alternatif lain supaya rakyat di pedalaman menikmati bekalan elektrik. Janji mesti ditepati. Sekian terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Saya setuju ataupun kementerian setuju, apa jua projek yang sepatutnya untuk kita manfaatkan masyarakat ataupun penduduk yang jauh di luar bandar, untuk kita mengurangkan bebanan kehidupan mereka. Projek-projek yang sebegitu adalah begitu penting. Kalau ada masalah dan melibatkan ia sehingga terbengkalai, kementerian ambil berat tentang masalah ini dan buat masa sekarang, saya tidak ada maklumat terperinci dengan saya. Biarlah saya secara bertulis untuk menjawab dan memberi maklumat lanjut kepada Yang Berhormat Hulu Rajang tentang program atau projek terbengkalai ini. Biarkan saya meneruskan ucapan saya.

Program Desa Abad Ke-21 adalah bertujuan memperkasa ekonomi luar bandar dengan tumpuan kepada dua sektor seperti berikut, pembangunan usahawan dan belia dan pembangunan komuniti desa. Dalam usaha meneruskan kesinambungan pembangunan secara komprehensif di luar bandar pada tahun-tahun akan datang, kementerian ini di bawah Program Transformasi Kerajaan fasa kedua, tahun 2015 sedang melaksanakan inisiatif *Rural Business Challenge* atau RBC dan Program Desa Lestari bagi meningkatkan aktiviti-aktiviti keusahawanan luar bandar dan pembangunan luar bandar.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Program ini cantik, Program Transformasi Luar Bandar tetapi persoalannya ialah dari segi pelaksanaan. Bagi di negeri Sabah, bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana program yang cantik ini dapat dilaksanakan dan apakah, mana satu kah agensi di bawah kementerian Yang Berhormat yang akan melaksanakan program ini? Oleh sebab selama ini setahu saya program-program seperti ini biasanya dilaksanakan oleh agensi-agensi, Lembaga Kemajuan Wilayah dan bagi negeri Sabah yang tidak mempunyai Lembaga Kemajuan Wilayah, bagaimanakah program ini dapat dilaksanakan? Jika sekiranya tidak ada agensi, bagaimanakah kita di Sabah dan juga sebahagian di Sarawak mendapat manfaat daripada apa yang dikatakan sebagai Program Transformasi Luar Bandar ini, terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Ya, malangnya di Sarawak dan di Sabah, kita tidak ada Lembaga Kemajuan Wilayah seperti yang sedia ada di negeri-negeri di Semenanjung. Di Sarawak kita ada SALCRA dan juga *Bintulu Development*

Authority ada serba-sedikit juga bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Tanpa Lembaga Kemajuan Wilayah seperti yang ada di negeri-negeri di Semenanjung, sememangnya agak sukar untuk kita dengan sepenuhnya melaksanakan program-program yang telah disebut tadi, kita mengakui.

Akan tetapi kementerian ada agensi-agensi seperti KEMAS dan juga banyak juga program yang dijalankan melalui RISDA, kalau ada di negeri Sabah. Jadi, selagi kita belum ada Lembaga Kemajuan Wilayah yang akan saya sentuh sebab perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuaran dalam perbincangan, nanti dalam ucapan ini ada keterangan serba sedikit dengan pandangan Yang Berhormat Tuaran tentang Lembaga Kemajuan Wilayah.

Saya teruskan ya. Program RBC iaitu *Rural Business Challenge* merupakan program pembangunan usahawan belia yang dicungkil melalui pertandingan Rancangan Perniagaan atau RP yang telah dimulakan pada tahun 2012. Rancangan Perniagaan yang terpilih sebagai pemenang akan diguna pakai semula untuk pelaksanaan projek yang dicadangkan. Manakala Program Desa Lestari merupakan program pembangunan ekonomi secara komuniti melalui pemerkasaan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dikendalikan oleh koperasi yang diwujudkan di kampung-kampung yang telah dikenal pasti.

Kedua-dua program tersebut adalah bertujuan menjana ekonomi dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar dan dijangka akan meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar. Selain dari itu, bagi membantu penduduk luar bandar berkecimpung dalam aktiviti perniagaan, kementerian ini juga menyediakan pinjaman tanpa cagaran melalui Skim Pembiayaan Ekonomi Desa atau SPED yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2001.

Bank pelaksana bagi skim ini adalah Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Rakyat ya. Untuk makluman Yang Berhormat, program-program keusahawanan dan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan oleh KKLW tidak menetapkan agihan peruntukan mengikut negeri atau kawasan. Pelaksanaan projek berkenaan adalah tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan dan peruntukan sedia ada.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan *Rural Transformation Centre* atau RTC akan membantu penduduk luar bandar daripada segi pembangunan modal insan, peningkatan pendapatan dan taraf hidup serta penjanaaan peluang pekerjaan baru. RTC juga berperanan sebagai pusat sehati yang menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada penduduk di luar bandar. Melalui pelaksanaan lapan inisiatif RTC secara berterusan di RTC dan dalam radius 50 kilometer ke 100 kilometer daripada RTC.

■2010

Kualiti dan taraf hidup penduduk luar bandar akan dapat ditingkatkan. Yang Berhormat Jerlun bagi negeri Kedah, lokasi RTC yang sedang dalam peringkat pelaksanaan adalah di hentian sebelah R&R Napoh-Jitra. Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Kangar...

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat, penjelasan saya. Minta penjelasan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa mengenai skim usahawan dan sebagainya dan juga skim-skim seperti ini untuk membantu menaikkan taraf ekonomi warga di luar bandar tetapi bukankah sebenarnya, isu sebenar apabila kita melihat warga luar bandar adalah mereka tidak mempunyai dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *basic necessities of life*.

Umpamanya gaji kurang daripada RM700 satu keluarga, anak empat terpaksa hantar kepada sekolah dan sebagainya, hidup di bawah *poverty line income* di seluruh kawasan luar bandar. Masalah kemiskinan yang begitu serius dan walaupun skim-skim seperti ini telah dikemukakan untuk begitu lama, kita tidak nampak apa-apa kesan ke atas kesengsaraan dan kemiskinan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: [Bangun]

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Sekejap Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah hendak habis sudah. Juga kerajaan telah menyatakan bahawa kadar kemiskinan 1.7%. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa kadar kemiskinan di Jepun adalah 15.7% dan angka 1.7% itu pun adalah sesuatu yang amat diragui. Jadi apakah tindakan yang serius yang boleh diambil dan sedang diambil oleh kementerian dan kerajaan untuk menangani masalah kemiskinan di seluruh negara. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat telah mengikuti apa jua yang telah dibahaskan dan dasar-dasar kerajaan dan sebagainya, banyak sudah diumumkan kepada rakyat selama ini. Sudah tentulah Yang Berhormat tahu, kerajaan telah bersungguh-sungguh selama ini dan akan bersungguh-sungguh juga untuk membantu masyarakat bukan sekadar mereka yang duduk di luar bandar malah di seluruh negara dan program-program seperti yang telah saya sebut tadi adalah satu cebisan daripada yang berbagai-bagai strategi kita untuk membantu mereka.

Jadi, kementerian melalui Kementerian Luar Bandar dan Wilayah ini mengambil peranan untuk membantu mereka yang duduk di luar bandar. Jadi bukan tidak ada, memang ada. *You cannot just find one solution just to solve everything. This is just a part of it*, minta izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya teruskan. Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Kangar supaya Kuala Lipis dijadikan RTC bagi Kuala Perlis. Kerajaan mengambil maklum dan akan mempertimbangkan pandangan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kangar, pada masa kini kerajaan sedang dalam usaha memperluaskan RTC ke setiap negeri dan setiap RTC yang dipilih akan melaksanakan lapan inisiatif RTC yang telah ditetapkan. Antara inisiatif RTC yang akan dilaksanakan adalah seperti latihan kemahiran, pertanian bernilai tinggi, pemprosesan produk agro makanan, kerjasama universiti, perkhidmatan kesihatan dan kemudahan pembiayaan kewangan.

Pelaksanaan inisiatif ini akan meliputi kawasan sekitar RTC dan juga dalam radius 50 ke 100 kilometer daripada pusat RTC. Kriteria untuk pemilihan RTC adalah bangunan-bangunan sedia ada yang tidak digunakan sepenuhnya serta jumlah bilangan penduduk yang akan mendapat manfaat daripada perwujudan RTC.

Memandangkan RTC di Kedah terletak di hentian sebelah R&R Napoh-Jitra dan kedudukan Kuala Lipis adalah dalam radius RTC Kedah, maka penduduk dan usahawan di kawasan Kuala Perlis juga akan turut mendapat manfaat daripada pembangunan RTC Kedah ini, oleh sebab dalam lingkungan radius yang telah ditetapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, isu perumahan di kawasan KEJORA. Yang Berhormat Pengerang, Lembaga Kemajuan Wilayah Johor Tenggara (KEJORA) selaku agensi kerajaan yang berperanan dalam membangunkan kawasan Johor Tenggara sentiasa memastikan bahawa penduduk kawasan tersebut diberi perhatian dan keutamaan dalam sebarang projek pembangunan kerajaan. Dalam era pembangunan sosial ekonomi yang rancak terutama di negeri Johor, adalah tidak dinafikan kawasan KEJORA termasuk Pengerang telah menerima kesan limpahan atau *spill over effect* yang besar. Perkara ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek pembangunan. Namun kelihatan jelas dan ketara dalam aspek pembangunan perumahan.

Sehubungan itu bagi menjamin pembeli tempatan berkemampuan membeli dan diutamakan dalam sebarang projek perumahan terutamanya di kawasan Parlimen Pengerang, beberapa langkah pro aktif telah dan akan diambil oleh KEJORA seperti berikut:

- (i) mendapatkan bantuan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta untuk membuat penilaian ke atas premis yang jual sebagai panduan bagi menawarkan harga yang munasabah memandangkan JPPH merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam menentukan harga hartanah terutama yang melibatkan hartanah kerajaan;
- (ii) bagi projek usaha sama KEJORA dengan pihak swasta pada masa akan datang, kuota bumiputera dan rizab Melayu yang ditetapkan oleh kerajaan negeri Johor akan diuruskan oleh KEJORA bagi memastikan KEJORA dapat menawarkan penjualan hartanah pada harga yang lebih murah daripada harga pasaran; dan
- (iii) KEJORA akan membangunkan projek perumahan melalui anak syarikat KEJORA bagi memastikan harga yang munasabah dapat ditawarkan kepada pembeli; dan
- (iv) pembinaan projek perumahan mampu milik dipantau oleh KEJORA; dan
- (v) membuat kawalan semasa perancangan awal projek perumahan supaya selari dengan dasar perumahan kerajaan. Syarat akan dikenakan kepada pemaju untuk mengemukakan bersama cadangan harga jualan kos perumahan semasa kebenaran merancang. Sekiranya berlaku kenaikan

harga semasa tempoh pelaksanaan maka kadar peratusan kenaikan perlu mendapat persetujuan daripada KEJORA terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada isu Lembaga Kemajuan Wilayah dan Pembangunan di Wilayah. Kementerian tidak menafikan sumbangan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) dalam membantu kementerian membangunkan kawasan luar bandar seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Tuaran.

Selain program-program yang dilaksanakan sendiri oleh LKW (Lembaga Kemajuan Wilayah) turut membantu kementerian dalam melaksanakan program-program kementerian bagi memastikan *impact* dan *outreach* yang lebih menyeluruh kepada kumpulan sasar di kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat Tuaran, usul atau cadangan bagi menubuhkan sesebuah LKW di negeri bermula daripada kerajaan negeri setelah perancangan dan kajian keperluan yang komprehensif dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi negeri berkenaan.

Kajian ini hendaklah meliputi keperluan dan skop pembangunan yang diperlukan di sesebuah negeri itu seperti aspek perumahan, sosial dan ekonomi serta kesediaan kerajaan negeri menyediakan kawasan atau tanah untuk ditadbir oleh LKW berkenaan.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Setelah kajian lengkap dilaksanakan dengan persetujuan dan kelulusan kerajaan negeri, usul tersebut...

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: *[Menyampuk]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Biarlah saya habis dahulu, usul tersebut boleh dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Unit Perancang Ekonomi untuk dipertimbangkan. Ya, sila.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soal untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah di sebuah negeri dan khusus di sebahagian negeri Sabah sudah dibincangkan dahulu dan walaupun sudah dimuatkan dalam rancangan dalam Parlimen yang kesebelas atau yang kesepuluh kalau tidak silap saya.

■2020

Akan tetapi memang kerajaan negeri tidak berminat dalam perkara ini. Saya tidak fikir yang kerajaan negeri khususnya negeri Sabah berminat untuk meneruskan menerima pelaksanaan Lembaga Kemajuan Wilayah bagi negeri Sabah. Persoalan yang saya telah bangkitkan semasa perbahasan ialah jika sekiranya sesebuah negeri itu tidak mempunyai satu agensi Lembaga Kemajuan Wilayah, bolehkan program-program yang dilaksanakan oleh agensi ini dilaksanakan melalui agensi lain? Lain perkataan, bagaimanakah kita negeri-negeri yang tidak mempunyai Lembaga Kemajuan Wilayah ini mendapat manfaat daripada peruntukan-peruntukan yang dilaksanakan melalui Lembaga Kemajuan Wilayah?

Sebab suatu ketika dahulu pernah saya mengira keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah dan melebihi lebih RM20 bilion dan kita negeri Sabah tidak mendapat manfaat daripada itu sedangkan banyak program-program seperti mana yang

disebutkan oleh Yang Berhormat Putatan tadi khususnya dalam soal pertumbuhan pembangunan ekonomi desa, soal menubuhkan pertumbuhan desa dan sebagainya yang ternyata berjaya dilaksanakan di beberapa negeri di Semenanjung khususnya yang mempunyai Lembaga Kemajuan Wilayah. Jadi persoalan di sini bagaimana kita dapat melaksanakan, mendapat manfaat bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Lembaga Kemajuan Wilayah. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tunggu.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Kalau boleh?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tidak boleh, satu, satu.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey, terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Kementerian mengambil berat ataupun penting atas pandangan Yang Berhormat Tuaran tentang perkara ini dan kita akan bukan sekadar mengambil maklum akan tetapi mungkin kementerian boleh juga mempertimbangkan ataupun mencari jalan bagaimana kalau Kerajaan Negeri Sabah seperti mana yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Tuaran tidak berminat ini perlu diperbincangkan oleh pihak atas sana antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Oleh kerana jentera itu ataupun penubuhan LKW itu adalah mungkin boleh dikatakan begitu penting sebagai satu agensi yang boleh membantu kementerian seperti mana telah saya sebutkan dalam jawapan saya pada awal tadi. Buat masa sekarang kita biarlah gunakan apa yang sedia ada seperti mana yang telah saya sebut kita ada KEMAS dan sebagainya yang selama ini kita guna juga. Kami amat bersimpatilah dengan Yang Berhormat Tuaran.

Akan tetapi kita adalah sama-sama Kerajaan Barisan Nasional, saya berharap perkara ini boleh Yang Berhormat Tuaran sendiri perjuangkan, teruskan. Untuk pihak di peringkat negeri harus melihat keuntungan kalau diadakan LKW ini seperti mana yang ada di negeri-negeri yang lain. Kerana sudah tentulah pelbagai program yang dapat memberi manfaat untuk penduduk-penduduk di negeri Sabah khasnya di luar bandar melalui program-program yang telah disebut tadi, sudah tentulah rakyat duduk di luar bandar tidak dapat bersama mereka ataupun rakan-rakan mereka di negeri lain.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat Timbalan Menteri saya sudah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Sabah memang tidak berminat tetapi dari segi peruntukannya. Pada hari ini kerajaan negeri banyak melaksanakan projek-projek khususnya dalam soal pembangunan wilayah Sabah itu sendiri melalui pendekatan koridor. Bolehkah pihak kementerian menyalurkan peruntukan, sebagai contoh melalui program-program ekonomi yang dinyatakan tadi termasuklah untuk mewujudkan pertumbuhan-pertumbuhan desa ataupun kita ada mewujudkan agensi tetapi menggunakan agensi kerajaan yang sedia ada dan salurkan peruntukan melalui agensi itu.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, Yang Berhormat Tuaran kita mengambil maklum pandangan Yang Berhormat tadi akan diambil kira dan kalau boleh juga disyorkan kepada pihak yang berkenaan yang boleh membuat keputusan dengan perkara itu. Saya berharap Yang Berhormat Tuaran sedar untuk projek-projek infrastruktur yang sekian banyak besar jumlah peruntukan telah diberi kepada negeri Sarawak dan negeri Sabah dan berbilion-bilion. Tadi mungkin di situ kerajaan ataupun kementerian ini memberi lebih kepada Sarawak dan kepada Sabah dalam projek infrastruktur.

Jadi ini adalah penting. Saya boleh...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh saya tanya soalan sedikit, boleh tidak? Baiklah dalam program RTC ini Yang Berhormat Timbalan Menteri terdapat lapan perkara yang penting. Satu perkara ialah tentang pembiayaan kewangan ataupun *funding*, dengan izin dan isu yang penting itu yang hendak saya bangkitkan ialah isu tentang *micro finance*. Untuk memesatkan ekonomi desa, *micro finance* sangat penting. Berapakah dana yang disediakan melalui Bank Simpanan Nasional dan Agrobank untuk *micro finance*? Apakah tahap pinjaman yang diberi kepada setiap individu dan berapakah kadar faedah yang dikenakan? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Untuk menjawab Yang Berhormat Kelana Jaya, biarlah saya memberi jawapan secara bertulis sebab saya masih berfikir untuk menyambung jawapan daripada Yang Berhormat Tuaran tadi. Untuk makluman Yang Berhormat Tuaran, di bawah program transformasi kerajaan GTP, program tadi telah disebut juga 21st Century Village mempunyai dua program utama iaitu pertandingan *Rural Business Challenge* dan Program Desa Lestari.

Jadi program RBC adalah pertandingan perniagaan yang terbuka kepada warga belia berumur di antara 18 ke 40 tahun. Jadi pemenang akan diberi hadiah dan pembiayaan bernilai antara RM500,000 hingga RM2 juta kalau menang. Jadi, para pemenang akan melaksanakan projek ekonomi yang dirancang dan akan dibimbing oleh agensi-agensi KKLW seperti MARA, RISDA dan sebagainya dan penglibatan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan juga.

Jadi ada ruang dan peluang walaupun tidak ada Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan ataupun ucapan penggulungan saya.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: [Bangun]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Namun demikian buat masa sekarang belum mempunyai perancangan mengenai untuk...

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Mohon penjelasan, penjelasan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Boleh saya teruskan.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Sedikit, sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan RTC tadi, RTC merupakan sebagai pusat informasi kepada masyarakat. Ini sepatutnya ialah tempat yang orang ramai senang hadir, senang pergi dan senang datang. Saya hendak mencadangkan supaya pada masa

hadapan penubuhan pembinaan RTC ini didirikan dekat dengan balai penghulu ataupun pusat-pusat khidmat masyarakat. Sebab contoh di tempat saya, RTC yang jauh ke dalam lebih kurang 12 batu ke dalam. Ini menyebabkan orang sukar hendak datang. Ini cadangan saya, terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Jadi itu cadangan daripada Yang Berhormat Parit dan kementerian ambil maklum. Jadi jika dikira cadangan itu adalah boleh membawa kebaikan ataupun penambahbaikan, bagaimana kementerian ini memberi manfaat kepada penduduk di luar bandar, biarlah kita menyambut baik saranan ataupun cadangan daripada Yang Berhormat Parit, terima kasih.

■2030

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Namun demikian, buat masa kini kerajaan belum mempunyai rancangan untuk menubuhkan LKW baru kerana terdapat pelbagai kaedah dan program lain yang boleh membantu pembangunan kawasan luar bandar. Ini sebahagian daripada penjelasan kepada yang ditanya oleh Yang Berhormat Tuaran tadi. Antaranya melalui program agropolitan, program pemajuan kawasan oleh KKW. Sebagai contoh, program agropolitan yang dilaksanakan di Sabah adalah projek agropolitan di Pulau Banggi, Kudat dan Kota Marudu, Sabah. Projek ini apabila lengkap sepenuhnya akan berjaya membantu membangunkan kawasan berkenaan menjadi sebuah kawasan penempatan yang lebih baik, teratur dan lengkap dengan pelbagai kemudahan prasarana serta gerai, surau dan pusat pendidikan kanak-kanak.

Penyediaan utiliti asas seperti bekalan air dan elektrik serta jalan perhubungan yang lebih selesa. Malah aktiviti ekonomi untuk para penduduk juga disediakan melalui pembangunan ladang sejahtera dan komersial. Projek ini akan memberi manfaat kepada 200 buah keluarga miskin tegar di Pulau Banggi, Kudat dan 150 buah keluarga miskin tegar di Kota Marudu apabila siap sepenuhnya nanti. Manakala program pemajuan kawasan yang dilaksanakan di Sabah meliputi dua projek penempatan semula kampung (PSK) iaitu:

- (i) PSK Kinabatangan yang meliputi Kampung Balat dan Kampung Lintang dengan jumlah penerima manfaat seramai 75 buah keluarga miskin tegar; dan
- (ii) PSK Kampung Perpaduan Fasa III, Kudat dengan jumlah penerima manfaat seramai 70 buah keluarga miskin tegar.

Apabila kesemua projek ini siap sepenuhnya, ia akan memberikan kemudahan penempatan yang lengkap dengan bekalan air, elektrik dan jalan perhubungan kepada sejumlah penerima manfaat berjumlah 145 buah keluarga kesemuanya. Oleh yang demikian, pembangunan kawasan luar bandar yang meliputi penyediaan penempatan, kemudahan prasarana serta bekalan utiliti masih boleh dilaksanakan walaupun tanpa kewujudan LKW di kawasan berkenaan.

Isu pemantauan projek. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Parit Sulong, kementerian bekerjasama dan membuat penyelarasan dengan pelbagai pihak di peringkat negeri dalam pelaksanaan dan pemantauan projek-projek di lapangan. Antaranya adalah seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), pejabat dan

Jabatan Pembangunan Persekutuan, pejabat-pejabat residen, pejabat-pejabat daerah dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sepuluh minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Walau bagaimanapun, pada tahun 2009 Kementerian telah menubuhkan 10 pejabat cawangan di negeri-negeri yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dan memantau pelaksanaan projek-projek di negeri. Pejabat-pejabat cawangan negeri ini terletak di setiap ibu negeri di Sarawak, Sabah, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Perak. Untuk pemantauan di negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, satu pejabat cawangan beroperasi di Alor Setar. Manakala satu pejabat cawangan beroperasi di Seremban untuk pemantauan bagi Melaka dan Negeri Sembilan.

Pemantauan di Selangor pula dibuat dari ibu pejabat Kementerian di Putrajaya. Kesemua pejabat-pejabat cawangan ini pula diselia dan dikawal oleh Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek yang beribu pejabat di Putrajaya. Setiap pejabat cawangan negeri Kementerian ini dikepalai oleh seorang pengarah dengan dibantu oleh kumpulan pegawai dan kakitangan pemantau, unit teknikal dan unit sokongan. Setiap pegawai dan kakitangan PCN ini membentuk satu *flying squad* yang bergerak ke setiap lokasi untuk memantau pelaksanaan projek yang dibuat.

Pejabat-pejabat cawangan negeri ini bertindak sebagai *early warning system* bagi pihak Kementerian dengan memantau dan mengenal pasti sebarang isu yang timbul dalam pelaksanaan projek-projek Kementerian di lapangan. Mereka bekerjasama rapat dengan agensi dan jabatan pelaksana lain di negeri dan setiap laporan isu akan dipanjangkan kepada ibu pejabat untuk tindakan dan nasihat. Namun, Kementerian ini berharap agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat turut membantu dalam pemantauan projek-projek Kementerian di kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: [Bangun]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kementerian berpaut pada realiti di mana pegawai-pegawai di pejabat cawangan negeri tidak dapat berada di setiap tempat pada satu-satu masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bakri bangun.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tidak mengapalah Yang Berhormat Bakri. Saya tidak ada masa sebab ada – saya hendak habiskan.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Sedikit sahaja. Pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri tidak benarkan Yang Berhormat Bakri. Terima kasih. Duduk.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terutama sekali bagi negeri-negeri yang besar seperti Sabah, Sarawak dan Pahang. Jalinan kerjasama dengan pihak-pihak lain amatlah penting dan diharapkan proses penyelarasan dengan agensi dan jabatan lain juga akan dimantapkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, isu JKPP di akar umbi. Tuan Yang di-Pertua, turut diutarakan adalah isu berkaitan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKPP) dan JKPP. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian sedang mengkaji semula dan memperhalus aspek pengurusan dan pemantauan JKPP dan JKPP bertujuan untuk memperkasa dan memantapkan kredibiliti institusi JKPP dan JKPP sebagai nadi utama serta tulang belakang kemajuan kampung. Inisiatif ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan melalui *the National Blue Ocean Strategy, transforming JKPP into rural transformation agent*.

Beberapa usaha pengukuhan telah dilaksanakan melalui siri perbincangan dalaman, Bengkel Sumbang Saran dan mesyuarat bersama agensi-agensi kementerian, setiausaha kerajaan negeri, unit pelarasan pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, pejabat daerah, JKPP serta JKPP. Antaranya adalah Seminar Transformasi Desa bersama penghulu-penghulu serta pegawai Semenanjung Malaysia yang telah diadakan pada 9 hingga 11 Jun 2013 bagi tujuan mendapatkan input dan cadangan pengukuhan institusi JKPP dan JKPP di peringkat akar umbi. Segala input, syor dan maklum balas daripada sesi-sesi ini sedang diperhalus di peringkat kementerian khususnya yang merangkumi aspek kriteria pemilihan, kaedah pelantikan, struktur pemantauan, sistem penggeledahan, pengiktirafan, penjenamaan semula, kursus wajib yang dihadiri oleh JKPP dan JKPP.

Penetapan *key performance indicator* (KPI) serta penetapan had umur dan kelayakan JKPP dan JKPP. Kertas cadangan bagi mengupayakan institusi JKPP dan JKPP ini masih dalam peringkat awal penyediaan dan dijadualkan akan dapat disempurnakan sebelum akhir 31 Disember 2013 ini. Seterusnya akan diguna pakai ke atas JKPP dan JKPP di seluruh negara.

Isu pembinaan Maktab Rendah Sains MARA dan GIATMARA. Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah meminta supaya Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan GIATMARA dibangunkan di kawasan mereka. Berkenaan pusat GIATMARA, Yang Berhormat Merbok memohon supaya dibangunkan sebuah pusat GIATMARA di kawasan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, memang telah sedia ada minimum sebuah GIATMARA di semua kawasan Parlimen di negara. Terdapat 15 GIATMARA di negeri Kedah sahaja termasuk pusat GIATMARA di Pekan Bedong, di kawasan Yang Berhormat di Parlimen Merbok. Jumlah GIATMARA di seluruh negara pula ialah sebanyak 231 buah. Pihak GIATMARA tidak ada perancangan untuk menambah pusat-pusat baru tetapi sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan di pusat-pusat yang sedia ada. Dengan pembukaan MRSM Sandakan pada tahun ini, jumlah MRSM telah meningkat kepada 49 buah.

Kesemua MRSM ini boleh menampung lebih kurang 40,000 pelajar pada satu-satu masa. Kapasiti yang besar ini sudah mampu untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang berkecukupan untuk meneruskan pelajaran mereka. Empat buah MRSM dalam pembinaan ialah MRSM Arau di Perlis, MRSM Kuala Kangsar di Perak, MRSM Sungai Besar di Selangor dan MRSM Semporna di Sabah. MARA juga telah memohon untuk membina dua buah lagi MRSM iaitu di Dungun dan di Kuala Pilah.

MRSM Bentong tidak ditutup tetapi masih beroperasi sementara di MRSM Tun Abdul Razak, Pekan. Kerja-kerja baik pulih masih dijalankan di MRSM Bentong dan akan beroperasi semula sebaik selesai. MARA akan terus mengkaji keperluan menambah bilangan MRSM seperti di Sik, Temerloh atau Bagan Serai tertakluk kepada kelulusan dan peruntukan kewangan yang mencukupi. Ini harapan untuk Yang Berhormat Siklah. Isu kumpulan miskin tegar.

Tuan Yang di-Pertua, turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Tasek Gelugor adalah isu berkaitan kumpulan miskin tegar dan program-program bantuan yang berkaitan. Kemiskinan merupakan satu fenomena yang dinamik. Oleh yang demikian, pendaftaran rakyat miskin dan miskin tegar dibuat secara berterusan melalui proses pendaftaran terbuka di bawah sistem e-Kasih yang dikawal selia oleh Unit Pelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, melalui proses pendaftaran terbuka ini, senarai keluarga miskin dan miskin tegar akan diverifikasi kelayakannya sebelum dimasukkan ke dalam pangkalan data e-Kasih. Proses verifikasi ini dilaksanakan oleh pegawai perangkaan dan ia dibuat mengikut metodologi bancian yang standard bagi mengekalkan konsistensi maklumat dan memastikan ketelusan serta keadilan kepada kumpulan sasar miskin dan miskin tegar yang layak dan memerlukan bantuan. Selain itu, proses ini akan juga melibatkan *focus group* kemiskinan daerah dan negeri yang dianggotai oleh pegawai-pegawai agensi-agensi kerajaan dan pemimpin tempatan.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Penjelasan.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tasek Gelugor yang buat soalan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, Tasek Gelugor dululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Saya kebetulan, saya tanya soalan itu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Pertama sekali saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Berapa kalikah ataupun dalam tempoh masa lama mana setiap semakan semula terhadap senarai e-Kasih itu dibuat kerana kita hendak tahu juga ada senarai-senarai yang mungkin telah terkeluar daripada syarat-syarat e-Kasih. Adakah penerima ataupun penama-penama dalam senarai e-Kasih lebih berkecenderungan untuk terus

berkekalan di dalam senarai tersebut. jadi kalau ia terus berkekalan, maknanya itu akan merugikan ataupun menunjukkan kita tidak berjaya? Itu satu hal.

Kedua, apakah semua pihak mesti merujuk kepada senarai e-Kasih untuk menyampaikan apa-apa bantuan sebab selama ini bila kita tengok, penerima-penerima e-Kasih ini seolah-olah dilayan seperti anak emas di mana semua agensi yang hendak salurkan bantuan merujuk kepada senarai e-Kasih. Jadi ada juga penama-penama yang belum tersenarai dalam e-Kasih tidak dipedulikan oleh mana-mana pihak. Jadi saya rasa senarai e-Kasih ini perlu di *review* balik dari segi operasinya dan juga dari segi kebolehterimaannya kerana ia ada *pro and cons*, terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat itu memang tepat dan betul kerana sepatutnya perlu disemak dan di *update* dari semasa ke semasa supaya senarai itu betul dan yang adil kepada golongan sasaran, yang miskin dan miskin tegar yang perlu kita bantu. Berapa kalikah ia disemakkan? Itu adalah dari semasa ke semasa.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tunggu, tunggu Yang Berhormat Tuaran, saya habiskan ini dulu. Jadi, yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi pun betul dan memang amat dipersetujui kerana bantuan ini adalah untuk membantu mereka yang miskin dan miskin tegar. Diharapkan selepas diberi bantuan, mereka ini dari satu jangka masa sepatutnya terkeluar ataupun dikeluarkan dari senarai yang terlalu miskin ini supaya mereka yang lain diberi peluang untuk dilibatkan ataupun dibantu seperti yang mereka sudah dibantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Akan tetapi memang ada kelemahan dan kita sentiasa menambahbaikkan sistem kita di mana kita tahu kita ada kelemahan, kita hendak memperbetulkan supaya mereka yang sepatutnya kita bantu, kita akan bantu dan kelebihan manusia ini apabila sudah dapat bantuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, menghadaplah ke saya Speaker... [*Ketawa*]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya, minta maaf. Jadi tidaklah mereka ini dengan sukarela mengatakan cukuplah saya dibantu sebab saya sudah sepatutnya terkeluar dari senarai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sudah satu jam lebih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu jam lebih ini.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kalau begitu, biar saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Jadi kalau yang saya tak berjawab, biarlah pegawai mengambil maklum dan kita akan majukan satu jawapan secara bertulis ataupun penjelasan secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, saya teruskan ya. Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Dalam konteks mengatasi pertindihan bantuan mekanisme *focus group* dan penggunaan sepenuhnya e-Kasih dilihat adalah terbaik dalam mengelak pertindihan dalam pemberian bantuan. Ini adalah kerana dalam *focus group* itu sendiri terdiri daripada pegawai-pegawai daripada agensi-agensi kerajaan dan pemimpin masyarakat yang lebih memahami keperluan rakyat di kawasan mereka. Sehubungan itu, isu penerimaan bantuan yang berulang kali oleh seorang pemohon dapat diminimumkan melalui semakan data penerima bantuan dalam e-Kasih yang boleh dicapai atau diakses oleh semua agensi pemberi bantuan.

Kerajaan melalui kementerian sentiasa berusaha untuk menaik taraf hidup penduduk miskin tegar di kawasan luar bandar dan sekali gus membasmi kemiskinan tegar di luar bandar. Usaha berterusan ini dijalankan oleh kementerian menerusi program-program pembasmian kemiskinan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Di bawah SPKR, tumpuan khusus untuk memperbaiki kualiti hidup serta meningkatkan tahap kemahiran di kalangan miskin dilaksanakan melalui tiga program teras iaitu Program Bantuan Rumah (PBR), Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK).

Dalam konteks peningkatan taraf dan kualiti hidup golongan miskin tegar, program bantuan rumah telah dilaksanakan di seluruh negara. Melalui program ini kemudahan tempat tinggal yang lebih selesa dan selamat serta kemudahan asas yang baik disediakan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua juga, bagi memastikan usaha meningkatkan taraf dan kualiti hidup golongan miskin tegar ini dipercepatkan sebanyak RM1.28 bilion jumlah yang begitu besar Tuan Yang di-Pertua, telah diperuntukkan kepada kementerian di bawah NKRA khusus bagi pelaksanaan PBR tahun 2010 ke tahun 2013 di seluruh negara. Dalam tempoh ini, kementerian telah berjaya menyediakan 54,431 unit rumah kepada penduduk miskin tegar di luar bandar iaitu 16,407 rumah bina baru dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang lagi ya?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tak, sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau panjang lagi, Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dia hendak pergi ke tandas.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, biarlah dia pergi dahulu. [Ketawa] Dan 38,024 rumah yang dibaik pulih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sumber asli, alam sekitar.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sila pergi, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh? Ada masa lagi?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kementerian sedar akan keperluan penduduk luar bandar miskin dan miskin tegar yang amat memerlukan rumah yang mana usaha memenuhi keperluan ini sedang giat dilaksanakan melalui program PBR secara berperingkat dan berterusan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Kanowit, proses pemilihan peserta bagi program bantuan rumah sama ada bantuan rumah bina baru atau baik pulih adalah melalui senarai ketua isi rumah miskin tegar dan miskin yang diperakukan oleh Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah (*focus group*) mengikut keutamaan.

■2050

Penerima bantuan juga perlu berdaftar di dalam sistem e-Kasih yang dikawal selia oleh Unit Pelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat, semua penerima bantuan PBR telah dimaklumkan berhubung skop pembinaan dan baik pulih sebelum kerja-kerja dilaksanakan. Ini bagi memudahkan pelaksanaan pembinaan dilakukan oleh kontraktor-kontraktor terpilih. Pelaksanaan bantuan PBR ini juga adalah berdasarkan kepada garis panduan Program Bantuan Rumah yang dikeluarkan oleh kementerian.

Sebagai rumusan Tuan Yang di-Pertua, tidak kira apa sahaja keputusan pilihan raya, apa sahaja keadaan ekonomi dan apa sahaja yang berlaku, kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah dirancang. Kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh rakyat akan disediakan dari semasa ke semasa. Pembangunan ekonomi dan minda insan akan turut dilaksanakan bagi membolehkan rakyat bersedia dalam kehidupan mereka.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Seputeh, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa peka dengan keperluan rakyat terutama sekali di luar bandar, itu yang saya maksudkan. Kerajaan menghargai sokongan masyarakat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh bangun ini.

Datuk Alexander Nanta Linggi: ...Luar bandar yang terus menerus menyokong Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada dua yang bangun.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Selaras itu kementerian akan sentiasa memastikan keperluan masyarakat luar bandar dipenuhi selaras dengan slogan 'rakyat didahulukan'.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Sedikit sahaja Yang Berhormat, Sibuti.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibuti okey yang *last* sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila bantuan rumah panjang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kebanyakannya apabila mereka mendapat bantuan untuk membaik pulih ataupun membina baru rumah panjang, kebanyakannya pegawai di kementerian tidak tahu bahawa rumah panjang itu bukan hanya panjang. Rumah panjang itu termasuk juga rumah sebuah-sebuah yang ada berdekatan dengan rumah panjang itu dikira, dimasukkan sekali kalau rumah panjang itu 20, yang satu-satu itu di luar ada lima, bererti 25. Soalannya ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Walaupun rumah itu pendek?

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Walaupun pendek, kalau ia satu-satu dikira jadi rumah panjang. Apabila peruntukan itu diberi untuk membaiki rumah, kalau rumah panjang, tidak bolehlah bagi kontraktor tiga bilik sahaja. Kalau buka rumah panjang itu, zinknya dibuka, yang empat lagi itu rosak. Jadi inilah masalah-masalahnya di kawasan kita di rumah-rumah panjang. Diharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beritahu kepada pegawai-pegawai bahawa rumah panjang itu mesti ada keadaannya yang patut difahami oleh mereka. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat gulung Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ini gulung. Terima kasih atas saranan daripada Yang Berhormat Sibuti. Saya faham sangat sebab saya pun latarnya dari rumah panjang. Jadi memang betul apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Sibuti. Jadi Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya tidak bagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Takutkah?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Menjunjung Titah Yang di-Pertuan Agong...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jangan takut.

Datuk Alexander Nanta Linggi: ...Dan saya menggulung, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Lari apa ini, Tuan Yang di-Pertua, dia takut pada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dijemput Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh habis 9.30?

8.54 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mesti pandang muka Tuan Yang di-Pertua di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tanya boleh habis 9.30?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tidak bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, sila.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Limbang telah membangkitkan mengenai isu jerebu yang melanda negara baru-baru ini. Jerebu yang melanda Malaysia adalah jerebu merentasi sempadan. Ia berlaku akibat kebakaran tanah dan hutan yang tidak terkawal di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia terutama semasa musim kering monsun Barat Daya. Angin Barat Daya yang tertiup dari kawasan-kawasan titik panas di Sumatera Tengah, Indonesia menghala ke arah Semenanjung Malaysia telah membawa jerebu ke kawasan Pantai Barat Semenanjung termasuklah ke Pantai Timur Semenanjung seperti yang dialami semasa episod jerebu pada 15 Jun hingga 26 Jun 2013 yang lalu.

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada berlakunya keadaan jerebu ini. Antaranya tindakan penguatkuasaan undang-undang yang kurang berkesan oleh Kerajaan Indonesia dalam mengawal aktiviti pembakaran terbuka di kalangan rakyatnya yang masih mengamalkan tradisi tebas dan bakar untuk tujuan pertanian. Faktor ini ditambah pula dengan keadaan sempadan geografi yang begitu luas bagi setiap wilayah di Indonesia yang menyukarkan lagi aktiviti pembakaran terbuka ini dibendung. Oleh yang demikian, jelas bahawa pemantauan dan kawalan adalah sepenuhnya di bawah bidang kuasa Kerajaan Indonesia. Adalah tidak wajar dan mana mungkin kementerian ini untuk meletakkan akur janji bahawa masalah jerebu yang disebabkan oleh aktiviti pembakaran terbuka di negara jiran Indonesia tidak akan berulang sama sekali pada masa hadapan.

Menyingkap episod jerebu yang melanda Malaysia baru-baru ini, bacaan indeks pencemaran udara ataupun IPU di Muar, Johor mula mencapai tahap berbahaya iaitu 383 pada 11 pagi 20 Jun 2013.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ada yang bangun?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya ada tiga orang bangun.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Ayer Hitam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ayer Hitam, sila.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan tentang jerebu. Tempoh hari kita juga cuba hendak bawa soal jerebu ini tetapi tidak sempat kerana kata Tuan Yang di-Pertua kita boleh bincang semasa perbincangan Titah Diraja.

Satu perkara yang saya perhatikan tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa pihak penguatkuasaan Indonesia tidak dapat melaksanakan dengan baik kerjanya maka kementerian ini tidak boleh beri jaminan ianya tidak berlaku. Akan tetapi perkara ini bukan berlaku pada tahun ini, saban tahun berlaku perkara yang sama. Takkan ASEAN sebagai satu entiti serantau mempunyai protokol tersendiri untuk kita mengawal dari segi pembakaran secara kebakaran terbuka ini.

Kedua, oleh kerana Indonesia ini mengamalkan tebas dan bakar untuk menyuburkan tanah lebih-lebih lagi di tanah gambut, *peat soil* yang menyebabkan kebakaran terbuka sukar dikawal. Apakah tindakan Malaysia, adakah kita menawarkan perkhidmatan kepada mereka tentang bukan sahaja mereka menghentikan dari segi penguatkuasaan tetapi mesti ada caranya untuk kita memadamkan api dengan cepat?

■2100

Jadi apakah bantuan yang dihulurkan oleh Kerajaan Malaysia. Ketiganya, Yang Berhormat, saya cuma hendak dapatkan kepastian daripada kementerian ini. Oleh kerana seluruh Malaysia hanya 51 stesen untuk memantau API. Kalau kita lihat negara-negara seperti China, Chengdu ada 200 dan apa yang kita cerap ini adalah *particles matter* (PM) cuma pada paras sepuluh. Yang mana lebih memudaratkan adalah *particles matter* 2.5 iaitu *micron*. Jadi saya hendak tanya pandangan dan apakah persediaan kementerian ini untuk memastikan perkara ini demi kita dapat mempertingkatkan lagi kesedaran dan juga menjaga kesihatan rakyat kita. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Batu bangun. Hendak jawab sekali?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Adakah soalnya sama berkenaan jerebu? Saya hendak jawab yang tadi dahulu ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dengan jerebu.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tunggu sekejap. Saya akan beri kepada Yang Berhormat Batu. Terima kasih rakan saya Yang Berhormat daripada Ayer Hitam. Soalan yang pertama tadi, saya akan jawab kerana sudah ada dalam jawapan ini tentang persetujuan dan sebagainya di rantau ASEAN. Akan tetapi soalan kedua iaitu perkhidmatan, kita sedia memberi perkhidmatan kepada pihak Indonesia bagaimanakah kita boleh bantu. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa jerebu berlaku adalah daripada kebakaran terbuka di tanah gambut. Kalau kebakaran terbuka di permukaan tanah mineral, maka bahan-bahan yang kering itu dibakar ataupun kalau api terus membakarkannya dengan cepat, *open flame*. *Open flame* membakar dengan cepat. Akan tetapi di tanah gambut, kita nampak permukaan tanah gambut, rumputlah ataupun tumbuh-tumbuhan yang lain. Di dalam tanah gambut adalah bahan-bahan ataupun tumbuh-tumbuhan yang tidak reput tetapi kering semasa kemarau.

Oleh itu, apa yang kita boleh bantu dengan mereka adalah untuk membina *check dam* ataupun membuat telaga pam. Itu kita boleh bantu mereka buat. Akan tetapi kalau mereka bersetujulah untuk kita membantu. Kalau mereka tidak bersetuju sebab itu negara lain. Itu terpulanglah kepada kerajaan mereka. *So*, perkhidmatan apa-apa yang kita boleh bantu.

Stesen di negara kita, stesen *air pollution index* (API) atau IPU, kita ada 52 buah kesemuanya. Jadi pada permulaannya sebenarnya, kita mewujudkan stesen di kawasan-kawasan perindustrian untuk memantau pencemaran udara di kawasan perindustrian. Oleh kerana jerebu ini sudah berlaku sekian lama, daripada tahun 1996 atau 1997 macam itu, maka kita sudah bina stesen di kawasan bandar. Jadi ini kita akan teruskan, Yang Berhormat Ayer Hitam. Ini kerana bagi saya, diperlukan lebih banyak stesen.

Semasa saya bertugas dengan Kerajaan Negeri Sarawak dahulu, saya wujudkan tiga stesen IPU di persempadanan Kalimantan. Tiga stesen saya telah wujudkan. Jadi inilah perkara dan cadangan yang baik oleh Yang Berhormat Ayer Hitam dan kita akan mempertimbangkan perkara seperti ini kerana jerebu memang mengganggu kita, mengganggu kesihatan kita.

Saya buat penyelidikan pada tahun 1997 – 1998 dengan pakar-pakar daripada Kanada dahulu, pakar-pakar iklim. Oleh kerana kehairahan saya untuk membuat penyelidikan, saya suka buat penyelidikan. Maka saya turun padang dengan tanpa menggunakan topeng muka.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Pada masa itu di Sarawak, IPU ialah di antara 800 hingga 1,000 dalam tempoh tiga bulan. Selepas itu terkenallah saya. Ini kerana saya bernafas dan menghidu jerebu. Masuk dalam lubang hidung. Itulah sebabnya saya terdapat *nasopharyngeal carcinoma* (NFC) di sebelah kiri ini. Terpaksalah saya buat rawatan. Inilah jerebu yang rakyat mesti tahu bahawa ia mengandungi lebih 1,400 bahan-bahan kimia dalamnya. Banyak juga bahan kimia di dalamnya, ia memang *carcinogenic*. Boleh menyebabkan pertumbuhan kanser lebih-lebih lagi di dalam lubang hidung kita, di dalam sini, tekak kita dan di paru-paru kita. Sangat berbahaya. Akan tetapi ini bukan kesalahan rakyat Malaysia. Ini adalah negara jiran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu dengan Yang Berhormat Setiawangsa bangun.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey, saya bagi Yang Berhormat Batu dahulu. Rakan saya daripada Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sangat menghargai dengan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang juga sebagai seorang saintis yang telah sendiri mengalami dan juga memahami bahayanya jerebu ini. Akan tetapi saya kurang berpuas hati dengan pendirian kerajaan. Seolah-olah kita tidak boleh buat apa-apa kerana ini adalah tindakan yang dibuat oleh jiran kita. Saya harap kementerian boleh mengambil satu sikap yang lebih tegas kerana kalau kita tahu ini akan menyebabkan kanser dan akan mengancam keselamatan dan kesihatan rakyat, tidak akanlah kita biarkan dia berlaku setiap tahun.

Saya tidak nampak apa alasan Indonesia tolak bantuan kita kalau kita mengambil sikap bukan sahaja kita pujuk dengan cara lembut tetapi juga kita harus mengambil satu pendirian yang tegas termasuk kita lihat di negara-negara yang lain, kalau ada mengancam dengan keselamatannya, mereka mengambil tindakan termasuk *sanction*, termasuk ugutan, termasuk *downgrade* kita punya *investment* dan apa-apa lagi. Saya nampak itu mesti dilakukan. Untuk penjelasan, saya ingin tahu. Dalam laporan berita telah menyatakan mesyuarat ASEAN telah mencapai satu persetujuan yang baik untuk mengawal jerebu. Apakah secara khususnya yang berbeza daripada mesyuarat-mesyuarat yang lalu. Yang saya nampak, bila hujan sudah mari, kita serahkan semua sebab cuaca sudah berubah. Kita sudah pun lupa tentang perbincangan tentang jerebu ini.

Saya ingin tahu, tahun ini apakah pencapaian kerajaan dengan pihak Indonesia dan Singapura yang boleh kita kurangkan atau mengelak risiko jerebu untuk tahun depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Batu atas pertanyaan ini. Apa-apa yang kita buat dengan mereka memanglah sebab ini adalah negara lain. Apa-apa kita katakan dengan mereka, kalau mereka tidak terima, apa kita boleh buat? Ini kerana bukan kita sahaja yang terkena jerebu. Singapura pun terkena, Thailand pun terkena.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Bangun]

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: [Bangun]

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Jadi tiga negara ini memang sentiasa mencuba, mencuba di dalam Mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar, tiga negara ini. Akan tetapi kalau

mereka tidak dengar ataupun mereka tidak *ratify* persetujuan, apakah yang kita boleh buat? Jadi ini adalah masalah kejiranan ataupun masalah negara-negara ini.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya memang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, empat orang bangun, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mencelah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab dahulu. Sila duduk, sila duduk.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Nanti. Saya memang sudah tahu, Yang Berhormat tentang mereka itu sebab daripada yang tersebut tadi, 1997 – 1998 itu saya buat penyelidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk dulu.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Akan tetapi dalam tahun 2007, apabila kita mengadakan persidangan antarabangsa berkaitan dengan pengurusan tanah gambut di Yogyakarta.

■2110

Selepas saya bantangkan satu kertas teknikal lepas itu seorang pegawai daripada sana lagi berucap dan sebagainya. Tahu apa NGO mereka katakan? Kalaulah Kerajaan Indonesia ataupun Jakarta menghalang kita membakar, menghalang kita menceburkan diri dalam bidang pertanian, kami mahu kerajaan mengedarkan atau memberikan beras kepada kami setiap hari, setiap bulan, dan setiap tahun. Jadi, itu yang mereka minta. NGO mereka adalah orang-orang tempatan. Jadi, inilah kesulitan dan kesusahan. Saya masih di dalam jawatankuasa itu lagi...

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: ...Saya memang tahu apa yang berlaku kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong, Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong bangun.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya tidak habis lagi, tidak dijawab.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong dahululah.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey, Yang Berhormat Lenggong dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Setiawangsa.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Ayer Hitam nantilah, sekejap lagi. Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Masalah jerebu berulang kali tiap-tiap tahun dan tentunya kesan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan dialami oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri juga saya fikir dialami dan terkena kesannya kepada rakyat. Soalnya, saya hendak mendapat kepastian Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi rundingan antara kerajaan dengan kerajaan ini mesti kita teruskan dari semasa ke semasa, tidak terhenti di sini sahaja. Maknanya, apakah rundingan ini terhenti ataupun diteruskan untuk membolehkan penyelesaian secara menyeluruh? Pertama.

Yang keduanya, setiap kali isu ini berlaku ditimbulkan kononnya ia berpunca daripada syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di sana. Apakah perkara ini betul dan apakah tindakan yang dibuat berkaitan dengan perkara berkenaan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat daripada Lenggong. Rundingan ini memang diteruskan bukan sahaja setiap tahun rundingan iaitu rundingan di antara Menteri-Menteri Alam Sekitar di ASEAN tetapi jika diperlukan rundingan seperti berlakunya jerebu kali ini maka satu rundingan lagi dipercepatkan. Sudah ada dalam jawapan itu bila rundingan ini akan diadakan dan akan dipercepatkan. So, itu memang berterusan.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kaitan syarikat Malaysia, syarikat Malaysia tadi.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Apa dia?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Penglibatan syarikat Malaysia.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya lah, saya mahu jawab itu juga. Penglibatan syarikat Malaysia memang tidak betul sama sekali sebab titik panas ini bukannya kita tidak boleh nampak daripada gambar satelit sebab satelit NOAA yang merekodkan titik panas ini ataupun kawasan yang terbakar dengan keluasan-keluasan 10 meter persegi jika suhu itu di antara 150 hingga 200 darjah celsius memang boleh nampak. Jadi, syarikat Malaysia ini yang dikatakan membakar, memang tidak benar. Mereka memang mengatakan mereka tidak membakar sama sekali sebab apa yang berlaku sekarang di Indonesia adalah plasma sistem. Plasma sistem ini adalah di ladang kelapa sawit. Ada juga di kawasan-kawasan yang diguna pakai oleh penduduk-penduduk tempatan untuk pertanian ataupun untuk menanam kelapa sawit mereka sendiri.

Jadi, apabila mereka bakar di situ maka di kawasan tanah gambut yang saya sebut tadi pembakaran itu di dalam bentuk *pyrolysis* ataupun api membara bukannya *open flame*. Api membara di bawah. Oleh itu, asap terkeluarlah daripada permukaan walaupun ada rumput, ada pertumbuhan. Ini berlaku asap itulah jerebu. Jadi, inilah perkara yang berlaku dengan jerebu.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiawangsa bangun. Tiga hingga empat kali sudah Yang Berhormat Setiawangsa.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Ayer Hitam dahulu. Nanti saya bagi Yang Berhormat Setiawangsa.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri runding tetap runding, runding tetap runding. Tidak ada satu penyelesaian yang rakyat nampak. Kenapa? Biasa kita utarakan perkara ini pada Indonesia, berhenti di Indonesia sahaja. Jadi, tidak ada jaminan ia tidak akan berlaku. Cuma kita hendak dapat satu penjelasan sejelas-jelasnya apa yang pihak Indonesia setuju setakat ini? Apa yang mereka tidak setuju dan kalau tidak setuju macam mana kita hendak pastikan ia dapat dipersetujui ataupun sedikit pengolahan atau pindaan terhadap apa yang kita kemukakan. Itu secara konkrit.

Kedua, tadi Yang Berhormat sebut yang PM2.5 mikron itu oleh kerana 1,400 jenis kuman. Jadi, apakah cadangan kementerian untuk memastikan ia lebih daripada PM2.5 mikron itu? Saya rasa itu sangat penting bagi kesihatan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, fasal jerebu sudah 20 minit.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Belum sampai mana lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak ada penyelesaian lagi, kita hendak tahu.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tuan Yang di-Pertua, soalan banyak. Saya bangga kerana soalan banyak untuk jerebu sebab sebagai rakyat Malaysia kita mesti tahu apa jerebu boleh buat kepada kita. Jadi, untuk Yang Berhormat Ayer Hitam, ASEAN sudah ada *Transboundary Haze Agreement*. Semua negara lain telah pun *rectify agreement* ini tetapi Indonesia belum lagi. So, macam mana kita hendak buat? Kalau dia tidak mahu *ratify Transboundary Haze Agreement* ini tidak dapat dilaksanakan.

Yang kedua, tentang *particulate matter* ini, memang *particulate matter* ataupun debu terampai ini 10 mikron ke bawah. Yang besar daripada itu ia tidak boleh sampai sini, terlalu jauh. Dalam model saya tahun 2002 dahulu saya buat satu *modeling* untuk jerebu daripada Kalimantan ke Sarawak. Itu juga bergantung kepada had laju angin ataupun kelajuan angin. Jadi, bahan-bahan terampai kecil ini yang mengandungi banyak bahan kimia yang menyebabkan kalau kita kena, kita sakit. Itulah sebabnya kementerian sudah pun buat gred jerebu seperti 301 ke atas sangat berbahaya.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: *[Bangun]*

Dato' Dr. James Dawos Mamit: So, semuanya ini disebabkan bahan-bahan terampai. Kita tidak dapat mengurangkan atau apa-apa lagi. Ini bergantung kepada had laju angin ataupun kelajuan angin. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Setiawangsa, sila.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya, jerebu ini berlaku *almost every year* tetapi satu perkara yang kita *still lacking* ialah komunikasi dengan rakyat ini. Saya ingin mencadangkan supaya sekiranya ini berlaku ianya mesti dilakukan macam peristiwa di Lahad Datu, di mana kementerian keluar *maybe* satu jam atau dua jam sekali memberitahu rakyat apakah status jerebu itu. Contohnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah membuat satu *test* ke atas diri 800 tahap API itu menyebabkan bahaya. Rakyat kita tidak tahu.

So, saya ingin mencadangkan supaya keluar *every hour* apabila kemuncak perkara ini berlaku supaya rakyat maklum dan tahu apa yang harus dilakukan. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Perkara yang sama, sedikit sahaja. Kita dengar dengan tekun semasa kerajaan isytiharkan darurat tetapi apa maksudnya darurat? Kalau di negara lain dia ada darurat merah, darurat kuning. Bila kuning *automatically* tidak pergi sekolah. Kalau merah *automatically*...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kuning janganlah, bersih, bersih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Tadika tutup. Kita mesti ada panduan yang jelas. Akan tetapi sekarang rakyat tahu tempat tertentu diisytiharkan darurat tetapi darurat hendak telefon lagi MOSTI, hendak telefon lagi Kementerian Pendidikan, bolehkah kita hantar anak ke sekolah, kilang boleh tutup atau tidak, kita tidak tahu. Selepas itu satu lagi, setiap kali ada jerebu kerajaan kata kita akan haramkan *open burning*. Setahu saya *open burning* diharamkan sepanjang tahun.

■2120

Kenapa kita semasa jerebu baru kita kata kita haramkan *open burning*?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Menteri, Menteri ...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini kena minta kebenaran Yang Berhormat Menteri dahulu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sedikit, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini bagi laluan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bayan Baru atau Yang Berhormat Lenggong? Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Bayan Baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bayan Baru. Silakan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Sudah tujuh tahun sejak tahun 1997 sampai sekarang lebih daripada 15 tahun. Sudah 15 tahun tapi setelah saya dengar Menteri jawab setengah jam saya rasa Menteri *didn't give any solution, there is no solution and we leave it to God*, dengan izin.

Maksudnya kita terpaksa tidak ada *solution*, hanya kita ada analisis, kita tahu puncanya, kita tahu *we know the scientific reasons, we know the*, kita tahu dia punya punca tapi kita tidak ada *solution*, langsung tidak. Bolehkah kita jawab dengan rakyat kita bahawa kita tidak ada cara pun menyelesaikan masalah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Merbok bangun.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Yang Berhormat Merbok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Merbok.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Yang Berhormat Merbok hendak bagi cadangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Merbok sana. Yang Berhormat Merbok. Sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ya, profesor dengan profesor.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Masalah jerebu ini sudah menjadi modal politik pembangkanglah untuk mengkritik kerajaan sedangkan perkara ini berlaku di luar kawalan kerajaan. Jadi di sini saya ingin bertanya adakah pihak kementerian ingin melantik konsultan alam sekitar yang beroperasi dengan meletakkan alat PM10 di perbatasan sama ada di Indonesia sendiri, sama ada Sumatera mahupun Kalimantan agar kerajaan dapat membuat persediaan awal memberi *early warning*. Jadi dengan adanya *early warning* ini kerajaan akan membuat persediaan sama ada pembenihan awan mahupun cara teknologi lain yang boleh mengawal jerebu. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Menteri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Menteri, dari Bakri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Bakri bangun.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Belakang sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bakri bangun.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Pendek sahaja soalan. Okey, terima kasih Menteri bagi peluang. Di sini saya hendak tanya sekiranya indeks pencemaran udara jerebu meningkat ke paras bahaya, adakah pihak kementerian ada memberikan bimbingan kepada kementerian-

kementerian lain contohnya Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan lain-lain kementerian yang terlibat dalam mengambil langkah-langkah sepatutnya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Titiwangsa, Yang Berhormat Batu dan juga Yang Berhormat Bayan Baru semuanya bertanya tentang *actually* publisiti kitalah macam mana kita hendak memberitahu rakyat semuanya ini.

Sebenarnya sememangnya rakyat boleh masuk di dalam *website* ataupun sesawang Jabatan Alam Sekitar. Akan tetapi pada satu ketika, ia ada dalam jawapan itu nanti saya akan baca berapa hari bulan jam berapa, dia ada *crash* sebab terlalu banyak.

Selepas itu telefon juga, telefon *line* memang orang boleh telefon Jabatan Alam Sekitar, *emergency line* ada di situ bila-bila masa beroperasi 24 jam tapi darurat yang disebut Yang Berhormat Batu tadi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Bangun]

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Kalau IPU sudah pun melebihi 500 jadi kawasan itu boleh dibuat kawasan darurat. Kalau sudah melebihi 500.

Oleh yang demikian, kita sentiasa juga mencari *feedback* atau mendapat *feedback* dan kita membuat *monitoring* semuanya ini sebab apa yang kerajaan boleh buat hanya ialah langkah adaptasi bukan mitigasi, langkah adaptasi. Langkah mitigasi seperti ada bom airlah ataupun sebagainya untuk memadamkan api di situ tapi itu memang tanggungjawab Kerajaan Indonesia. Langkah adaptasi adalah kalau ianya IPU 201 ke atas maka langkah adaptasi adalah kita berhubung dengan Kementerian Pendidikan supaya kementerian ini boleh mengumumkan penutupan sekolah. Maknanya anak kita tidak pergi sekolah lagilah. Jadi semuanya itu kita akan buat, semuanya itu.

Kedua, di dalam langkah adaptasi ini siapa yang hendak keluar berjalan di luar kalaulah IPU sudah di dalam tahap tidak sihat iaitu 201 ke 300. Kita menyasarkan bahawa pakailah topeng muka. Jangan kita menghidu jerebu ataupun bernafas jerebu seperti macam saya dahulu. Jadi ini adalah langkah yang seterusnya. Jika tahap merbahaya 301 ke atas, kita boleh berhubung dengan kementerian yang tertentu untuk menutup seumpamanya jabatan kerajaan, untuk menutup kilang, jangan beroperasi, untuk tidak membenarkan trak ataupun lori-lori yang besar untuk terus berjalan.

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: [Bangun]

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Jadi ini adalah langkah adaptasi. Mitigasi adalah langkah memadam api. Jadi inilah yang kita terus buat. Daripada Yang Berhormat Bayan Baru tadi, ini yang mengatakan kita langsung tidak ada *solution*. Itulah kalau di negara orang lain berlaku perkara seperti ini dan kita pula yang terkena, yang tidak bagus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Mas Gading bangun.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Jadi oleh itu memang kadangkala kita susah hendak buat kerajaan lain, negara lain untuk buat apa-apa, cuma kita boleh mengambil langkah adaptasi

walaupun kita mahu tolong dan membantu tapi kalau mereka tidak terima apalah yang kita perlu buat? Pada tahun 1997, 1998 dahulu kita menghantar pasukan bomba kita ke Kalimantan Selatan dan apabila mereka sampai di sana, mereka tidak dibawa ke mana-mana pun.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong, duduk Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Jadi mereka terpaksa berjalan sendiri masuk dalam hutan, tidak boleh sampai pun tidak ada jalan raya di sana. Jadi semuanya ini kalau mereka tidak membantu kita walaupun kita ingin membantu mereka dengan cara yang spesifik tapi mereka tidak menolong. Apakah yang kita boleh buat. Jadi inilah masalah yang berlaku.

Selain daripada itu adalah Yang Berhormat Bakri tadi. Yang Berhormat Bakri mengatakan paras berbahaya dan jika ianya di dalam paras berbahaya, memang kita berhubung dengan kementerian-kementerian lain seperti yang saya sebutkan tadi dengan Kementerian Pendidikan untuk menutup sekolah dan sebagainya dan Kementerian Kesihatan juga untuk pemantauan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Untuk menjawab Yang Berhormat Merbok... Tunggu dulu saya belum habis lagi menjawab Yang Berhormat Merbok.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Ketawa]*

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Apa lagi mahu tanya pun sama juga.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Seminit.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya memang amat gembira kerana ramai yang berminat tentang jerebu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Minggu depan *exam*.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Kalau terkena macam saya barulah Ahli-ahli Yang Berhormat tahu betapa pedihnya jerebu ini kepada kita, betapa sakitnya kepada kita. Untuk Yang Berhormat Merbok, ini Yang Berhormat Merbok memang bukan modal politiklah Yang Berhormat Merbok walaupun daripada sebelah sana disebut, ditimbulkan isu-isu berkaitan dengan jerebu.

Jadi *early warning system* kalau kita buat di sana, kalau mereka mahu terimanya, ini mesin-mesin IPU boleh juga kita buat di sana, kita boleh bantu mereka. Akan tetapi kalau mereka tidak mahu terima seperti mana yang saya sudah sebut tadi, rakyat tempatan yang mengatakan berilah kami beras sepanjang tahun kalau tidak membenarkan kami menceburi dalam bidang pertanian, tidak tebas dan bakar. Inilah masalah politik negara mereka, bukan negara politik...

■ 2130

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tambah 15 minit lagi di bawah kuasa Peraturan Mesyuarat 12(3). 15 minit lagi.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: 15 minit lagi?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Siapa masuk.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: 15 minit lagi masih juga jerebu. *[Ketawa]* Perkara lain belum lagi disentuh. Kalau boleh sambung esoklah. Ini sebab ramai yang berminat dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 15 minit lagi saya bagi.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: 15 minit, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak cukup 15 minit, kita sambung esok.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya teruskan jawapan tapi boleh tanya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau tidak apa hendak jawab, Lenggong tanya dulu.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Lenggong tadi saya sudah jawab Lenggong. Nanti Lenggong, saya akan teruskan jawapan yang sudah sedia ada ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lenggong

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Jerlun, Jerlun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Jerlun.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya Jerlun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Jerlun sudah tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, kita habiskan masalah jerebu ini sampai 9.45 malam.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, kita tahu di negara kita Malaysia dulu sehingga tahun 1990-an kita masih ada *adopt*, konsep *open burning* tidak kira dari segi syarikat perladangan yang besar. Akan tetapi sejak daripada adanya ISO apa semua ini dan konsep hijau maka banyak syarikat perladangan yang besar telah berhenti buat *open burning*. Jadi, dalam mesyuarat dengan negara-negara ASEAN, adakah perkara ini dibincangkan di mana Indonesia juga sepatutnya turut serta dalam konsep *zero burning* dan keduanya adalah dari segi peratusannya. Pembakaran yang berlaku di Indonesia ini adakah kerana tebang tebas ataupun kerana *replanting* ataupun tanam semula ladang-ladang yang telah pun dibuat di sana. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Tadi Yang Berhormat Menteri sudah jawab isu ini.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey Yang Berhormat Jerlun, saya jawab. Yang pertamanya *zero burning*. Memang *zero burning* diamalkan di negara kita, itu betul.. *Zero burning* diamalkan oleh syarikat-syarikat di negara kita. Apabila mereka pergi ke sana juga, mereka mengamalkan *zero burning*, dengan izin, memang mereka buat. Ini juga ialah satu *standard* di bawah RSPO di rantau ini. Yang kedua, peratusan pembakaran ini, sebenarnya bukan dilakukan

oleh syarikat-syarikat perladangan. Seperti yang saya sebut tadi adalah plasma sistem mereka. Walaupun ada ladang kelapa sawit di situ tapi di tengah ladang itu memang ada tanah yang dipunyai oleh petani-petani yang melakukan tebas dan bakar.

Jadi, inilah jadi masalah di tanah gambut. Sebab jika ia terbakar di situ, api membara ke dalam tanah gambut ini yang membara sampai jauh. Selepas itu asap dia keluar walaupun ada rumput, ada apa. Sebab tanah gambut sebenarnya bukan tanah. Ianya gambut ataupun *peat*. Ianya *very porous*. *Very porous*. Mana-mana pun dia bakar, terbakar, jika tanah gambut itu amat kering. Ia memang terbakar. Selepas itu, apabila ia terbakar asap terkeluar daripada permukaan sebab fizikal *property* tanah gambut ini ianya memang *porous*. Jadi, ini adalah permasalahan di tanah gambut. Okey, biarlah saya teruskan jawapan dulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Habis sudah jerebu? Jerebu sudah habis?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah habis isu jerebu?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tidak habis lagi jerebu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak habis lagi?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Nanti saya habiskan jawapan ini kalau hendak tanya jerebu, tanyalah. *[Ketawa]*

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tanya apa? *I per se*.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Di mana saya berhenti tadi? Saya mengatakan menyingkap episod jerebu yang melanda Malaysia baru-baru ini. Bacaan indeks pencemaran udara (IPU) di Muar, Johor mula mencapai tahap merbahaya iaitu 383 pada jam 11 pagi, 20 Jun 2013. Pada jam 11 pagi, 23 Jun 2013, keadaan jerebu bertambah buruk apabila tiga kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap merbahaya iaitu di Bukit Rambai, Melaka dengan bacaan IPU 428, Bandaraya Melaka dengan bacaan IPU 415 dan Muar, Johor dengan bacaan IPU 619.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan darurat bencana jerebu di Daerah Muar dan Ledang, Johor pada 23 Jun 2013 berikutan bacaan IPU di Muar mula melebihi 500 sejak 8 malam pada 22 Jun 2013. IPU meningkat sehingga 762 pada jam 6 pagi 23 Jun 2013. Penarikan balik pengisytiharan darurat tersebut dilakukan pada 24 Jun 2013 apabila bacaan IPU di Muar, Johor telah menurun ke paras di bawah 200. Masalah capaian pada laman sesawang Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 24 Jun 2013 adalah disebabkan kesesakan trafik dalam talian berikutan jumlah pengunjung yang tinggi terutama pada waktu-waktu puncak bacaan IPU dikemaskinikan iaitu pada jam 2 pagi, 11 pagi dan 5 petang.

Walau bagaimanapun, maklumat mengenai bacaan IPU dimaklumkan kepada orang ramai secara berterusan melalui bilik operasi JAS yang beroperasi selama 24 jam dan kenyataan akhbar

kepada media massa setiap hari. Selain laman sesawang JAS, orang awam juga mempunyai pilihan untuk mendapatkan maklumat mengenai bacaan IPU terkini di portal Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mulai 24 Jun 2013. Mekanisme tindak balas ataupun *response mechanism* semasa berlakunya jerebu adalah mengikut Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan yang dikemas kini dan dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 15 Ogos 2012. Pelan ini menggariskan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat bagi menghadapi episod jerebu mengikut tahap berjaga-jaga, *alert level* dan peringkat-peringkat berdasarkan IPU mengikut tempoh masa tertentu.

Penutupan sekolah akan diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia apabila bacaan IPU melebihi 300. Nasihat penutupan pejabat swasta dan lain-lain tempat bekerja termasuk kilang akan dibuat apabila bacaan IPU mencecah paras melebihi 500 yang dikategorikan sebagai keadaan darurat bencana jerebu. Setakat ini semua syarikat perladangan kelapa sawit Malaysia yang beroperasi di Indonesia menafikan sekeras-kerasnya dakwaan oleh pihak Indonesia bahawa mereka terlibat dalam aktiviti pembakaran terbuka di Indonesia.

Syarikat-syarikat ini mematuhi amalan *zero burning policy*. Terima kasihlah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Sungai Siput yang mengakui bahawa tiada syarikat-syarikat di Malaysia yang terlibat dalam pembakaran terbuka dan juga mengakui bahawa pembakaran terbuka sehingga menyebabkan masalah jerebu ini adalah daripada syarikat-syarikat Indonesia.

■2140

Dalam pertemuan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan rakan sejawat di Jakarta, Indonesia pada 27 Jun 2013, dia telah memberikan reaksi balas supaya Kerajaan Indonesia mengambil tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan ke atas syarikat-syarikat perladangan yang terlibat berasaskan undang-undang Indonesia.

Selain daripada itu, Indonesia juga telah memersetujui dengan cadangan Malaysia supaya Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Menteri Alam Sekitar di awalkan kepada 15 hingga 17 hari bulan Julai 2013 di Kuala Lumpur. Antara usaha kementerian ini bagi mempertingkatkan pencegahan jerebu merentasi sempadan adalah melalui platform rundingan dan kerjasama setia kawan ASEAN di peringkat bilateral dan serantau di mana seperti berikut:

- (i) Malaysia akan terus menggesa Kerajaan Indonesia untuk meratifikasikan perjanjian ASEAN mengenai pencemaran jerebu merentasi sempadan;
- (ii) Kerajaan Indonesia juga digesa untuk mempertingkatkan keberkesanan tindakan di peringkat tempatan yang melalui pelan tindakan Indonesia mengenai pencemaran jerebu merentasi sempadan;
- (iii) Pelan tindakan ini telah diwujudkan pada tahun 2006 dan dipersetujui bersama oleh negara-negara ahli Jawatankuasa Pemandu Menteri Alam Sekitar di peringkat sub serantau iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand. Melalui pelan tindakan ini, Kerajaan Indonesia

- telah memberikan komitmen untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas mengenai pembakaran terbuka;
- (iv) Mempertingkatkan keupayaan masyarakat tempatan mencegah pembakaran tanah dan hutan yang menyebabkan jerebu merentasi sempadan melalui pengurusan tanah gambut mampan dan bersepadu; dan
 - (v) Mewujudkan sistem amalan awal dan pengawasan jerebu serta kerjasama serantau dan antarabangsa dalam menangani masalah jerebu merentasi sempadan.

Cadangan Yang Berhormat Sungai Siput untuk membina kawasan tadahan di Hulu Perak adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, ia tidak mampu menyelesaikan masalah penurunan paras air bawah tanah di kawasan hilir secara menyeluruh. Jadi ini topik jerebu sudah pun siap, biarlah saya masuk ke topik yang lain lagi kalau tidak ada soalan tambahan. Saya nampak tidak ada, kalau tidak ada biarlah saya masuk topik yang lain lagi.

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Kulai mengenai dialog bersama penduduk oleh syarikat Ko Kwang bagi projek RAPID di Pengerang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehadiran orang awam ke dialog awam adalah bergantung kepada kesedaran, kesediaan dan inisiatif orang awam untuk mendengar taklimat daripada penggerak projek dan perunding EIA. Notifikasi dialog awam kepada penduduk sekitar pada lazimnya diberi sebelum dialog awam dijalankan. Dialog awam dikehendaki dalam prosedur EIA atau...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri kita sambung esok. Yang Berhormat Menteri kita sambung esok.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sambung esok? Ini sekejap saya, belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sambung esok.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tidak apa saya akur. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 9 Julai 2013.

[Dewan ditangguhkan pada jam 9.45 malam]